



# *MENYANGGAH FATWA-FATWA MAHATHIR*

AHMAD LUTFI OTHMAN



*MENYANGGAH  
FATWA-FATWA  
MAHATHIR*

AHMAD LUTFI OTHMAN

KUALA LUMPUR  
1998

Cetakan Pertama - Mac 1998

© Hakcipta terpelihara.

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada **PENERBITAN PEMUDA**.

Diterbitkan oleh:

PENERBITAN PEMUDA

34M, Jalan Dewan Sultan Sulaiman

Off Jalan Tuanku Abd. Rahman

50300 Kuala Lumpur

Tel: 03-4977619 (R).

Dicetak oleh:

Cetakhidmat dan Niaga

101 Jalan Segambut Selatan

Kuala Lumpur

M

226-0515

3 AM

946509

15 JUN 1998

## *Kandungan*

1. Pembuka Bicara: Sukarnya Tangani Isu Sesensitif Ini .....	7
2. Dari PWTC ke Masjid Negara: Jalan Berliku Penuh Berduri.....	25
3. Menghadapi Seorang Ekstrimis Bernama Mahathir .....	41
4. Dakwaan Mahathir: Orang Yang Menutup Kepala Juga Melakukan Jenayah Seks Tidak Kurang Daripada Yang Tidak Menutup Kepala! .....	53
5. PAS Sanggah "Fatwa" Dr. M: Bahaya Dan Mengelirukan .....	61
6. Biarkan Muftinya Dihina: Anak Selangor Hilang Kejantanan? .....	81
7. Mahathir Pengikut Anti-hadis, Pengagum Orientalis? .....	99
8. Liberalisasi Marina Disanggah .....	111
9. Islam, Mahathirisme Dan Survival Umat: Antara Sekularis, Fundamentalis dan Survivalis .....	125
10. Wibawa Mufti Dan Fatwa Brunei Atasi Malaysia? .....	139
11. Apabila Bekas Mufti Ajak Lumba Lari 200M: Beranikah Dr M Sambut Cabaran? .....	167

12.	Syiah, Fatwa dan ISA: Kezaliman Lebih Dahsyat daripada Kesesatan .....	175
13.	Mengapa Mahathir dan Hamid Othman Terima Bulat-bulat Tuduhan Pejuang Islam Itu Ganas: Siapa Penyambung Lidah Yahudi? .....	189
14.	Bekas Mufti Selangor Tangkas Fitnah: Saya Bukan Antikerajaan, Saya Antimungkar! .....	203
15.	Pemerintah, Ulamak Dan Rakyat: Siapa Berhak Pada Kuasa? .....	227
16.	Apabila Mahathir Berdepan dengan Pedang Malam .....	241
17.	Dr. Haron Din: Bala, Jerebu Ekonomi, Peranan Ulamak, Menangkis Logika PM, Hukum Hudud, Mimpi Negeri Dan Tahanan ISA! .....	265
18.	Penutup .....	299

## Pembuka Bicara

# **SUKARNYA TANGANI ISU SESENSITIFINI**

**S**elepas Ahli Parlimen Kubang Kerian, Mohamad Sabu melancarkan buku-buku saya, *Mufti Lawan Mahathir?* dan *Anwar Terjerat?*, dalam majlis ceramahnya bertajuk "Isu Surat Layang, Kejatuhan Ringgit dan Mufti Dicela" bersama Prof Dr Jomo KS, ramai juga kawan-kawan yang minta saya rakamkan masalah kegawatan ekonomi negara, khususnya mengenai kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham yang merudum dalam buku terbaru. Tentulah permintaan itu didasarkan kepada kerjaya saya sebagai seorang wartawan, kerana isu ekonomi bukan bidang saya dan apa yang berlaku

memerlukan penelitian yang mendalam. Dr Jomo sendiri meminta saya mengikuti beberapa siri ceramahnya sebelum mengadakan wawancara dengannya, supaya saya dapat memahami beberapa persoalan asas tentang isu yang dianggap rumit ini.

Tapi seingat saya, ketika Mahathir merasmikan perhimpunan agung Umno pada pagi Jumaat, 5 September 1997, di PWTC, perwakilan dan pemerhati persidangan, juga seluruh rakyat Malaysia menunggu sentuhannya tentang problem ekonomi negara. Sayang sekali, Presiden Umno itu langsung tidak mengulas mengenainya sebaliknya lebih menumpukan ucapannya kepada isu-isu agama, sesuatu yang memang menjadi kegemarannya, walaupun "setiap kali Mahathir bercakap tentang agama, seram sejuk kita dibuatnya." Seorang kolumnis sebuah majalah selalu berkata kepada saya: "Mahathir teramat kecewa dengan sikap umat Islam negara ini yang selalu memandang rendah terhadap kefahaman Islamnya. Cakap-cakap PM mengenai Islam sering dipersendakan. PM benar-benar hilang wibawa dalam hal ini. Sebab itu dia seringkali mengkritik ulamak, dan tidak pernah bersetuju bahawa hanya orang yang fasih berbahasa Arab sahaja boleh mentafsirkan al-Quran."

"Kalau Mahathir bercakap tentang ekonomi, hubungan antarabangsa, dunia global, MSC, orang akan hormat dan mengangguk, tapi kalau Mahathir cakap tentang agama, ahli-ahli Umno sendiri senak perut," usiknya lagi. "Tapi sekarang, teori-teori ekonomi Mahathir pun sudah mulai dipertikai. Logikanya tidak menyengat lagi. Banyak juga yang auta."

Selalunya saya mengikuti ucapan perasmian Mahathir melalui televisyen di rumah meskipun saya menyewa lot gerai buku di PWTC sepanjang perhimpunan, bermula 1994. Di rumah, saya lebih selesa mengunyah setiap idea-idea baru yang dikemukakan Mahathir tanpa diganggu kesibukan

PWTC ataupun sapaan teman-teman yang sering mencari buku baru saya setiap kali persidangan Umno. Hanya selepas solat Jumaat, baru saya kembali ke PWTC untuk mengikuti perbahasan perwakilan ke atas ucapan Presiden parti.

Mendengar ucapan Mahathir pagi Jumaat itu pada mula-nya agak menyeronokkan terutama ketika beliau menyentuh tentang perbezaan budaya Barat yang membuatkan masyarakatnya lebih maju. Mungkin ia suatu catatan perjalanan Mahathir ke Eropah sepanjang percutian panjangnya selama dua bulan yang boleh dikongsi bersama rakyat Malaysia. Misalnya, antara yang menarik, Mahathir mengemukakan perbandingan cara membuat perahu oleh orang Melayu: "Asalkan boleh diguna dan tidak tenggelam, sudah mencukupi. Walaupun untuk kegunaan raja atau pembesar negara, ianya tidak perlu lebih dari sementara. Ianya dibuat secara kasar, dengan papan dipaku tanpa mengira ukuran, ada yang lebar, ada yang tidak. Lantai diletak begitu sahaja, tidak berbumbung, tidak ada bilik, tidak dilengkap dengan alatan yang cukup dan tidak dihias. Kualiti kerja tidak penting. Asalkan boleh diguna, memadailah.

"Sementara di Barat semakin lama semakin besar perahu yang dibuat hingga menjadi kapal, hingga diperbuat daripada besi, dilengkap dengan bilik yang dihias seperti istana; perahu kita tidak membesar, masih dibuat daripada kayu, tidak dilengkap dengan alatan pelayaran dan tinggal begitu sahaja. Kita guna dayung atau kita guna layar tanpa mengambil kira besar atau kecil bentuk atau *efficiency*nya. Kita tidak jadikan pelayaran sebagai suatu ilmu yang dikaji, diselidiki dan dicatat untuk dipelajari dan digunakan oleh sesiapa saja yang ingin belayar. Kita tidak sediakan peta pelayaran secara terperinci. Kita agak-agak sahaja. Kita tanya kepada mereka yang mungkin tahu atau yang sudah biasa dan kita buat panduan secara kasar, kita gunakan sekali itu

sahaja, kita tidak mencatatnya untuk memperingati kita kemudian atau untuk menjadi panduan kepada orang lain. Jika kita ingat, baik. Jika tidak, tidak mengapa. Sekali sesat, sekali bertanya."

Bagaimanapun Mahathir melakukan suatu kesilapan besar dalam ucapannya itu, bukan dalam bab agama, tetapi menyentuh bidang kepakarannya sendiri, iaitu ilmu perubatan: "... kita akan menganggap semua nyamuk membawa penyakit malaria, dan tidak mengambil tahu bahawa hanya nyamuk jenis aedes, yang mempunyai bentuk tertentu dan tabiat tertentu yang membawa malaria." Bagi sesetengah orang, kesilapan ini mungkin biasa saja, tapi saya mempunyai pandangan yang sedikit berbeza. Pertama, ini ucapan rasmi, yang disiapkan lebih awal, dan sempat dibukukan pula, bukannya ucapan spontan di depan audien. (Difahamkan, antara ucapan yang dikarang sendiri oleh Mahathir dan diberikan tumpuan khusus ialah ucapan perasmian perhimpunan tahunan Umno). Maknanya, kalau ada kesilapan, tentu mudah dikesan dan diperbetulkan. Kedua, ia menyentuh ilmu yang Mahathir pelajari secara formal, dan sememangnya Mahathir adalah seorang doktor perubatan yang pernah membuka klinik sendiri. Lagipun hubungan nyamuk aedes dengan demam denggi selalu diperkatakan sehingga orang kampung di ceruk rantau sekalipun tahu mengenainya. Kempen mengelak demam denggi hebat dijalankan di seluruh negara. Pendek kata, aedes cukup sinonim dengan denggi, bukannya malaria.

Saya percaya, ada hikmah di sebalik kesilapan Mahathir ini, yang kebetulan dilakukan sebelum beliau "meraban tak tentu pasal" tentang fatwa, tudung kepala dan seumpamanya. "Mahathir harus ingat, dia juga manusia biasa, banyak cacat celanya termasuk dalam bidang kepakarannya sendiri. Jadi, jangan cuba berlagak seperti manusia serba

tahu, boleh kritik sana, kritik sini, ikut sedap mulut, apatah lagi dalam bidang yang bukan menjadi kepakarannya. Mahathir kena ingat, sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan binasa," kata seorang pemerhati perhimpunan Umno kepada kawannya sewaktu membelek buku-buku saya di ruang niaga PWTC, pada pagi hari kedua perhimpunan.

"Jangan terlalu takbur dengan keyakinan palsu yang dibina tanpa asas munasabah. PM bukan tidak terdedah dengan ilmu dan maklumat sebenar, tapi sekali Mahathir memegang satu kepercayaan, sampai mati dia menggigitnya walaupun kepercayaan itu salah," tambahnya ketika mengunjukkan buku *Wajah Baru Politik Malaysia* kepada pembantu saya, Zabidi untuk dibungkus.

"Dan kita juga boleh terkeluar dari agama hanya kerana tidak pandai menjaga lidah. Murtad bukan hanya kerana isytihar anut agama lain, tetapi sebab terlajak bercakap pun boleh jadi sesat. Agama bukan perkara yang hanya boleh difikir dengan logik aqal. Kalau tak tahu lebih baik diam saja. Hormat sikit dengan alim ulamak," sambut kawannya yang berjanggut sejemput, dengan gaya serius. Perwatakannya nampak macam ahli PAS, rupanya aktivis Pemuda bahagian. Mungkin orang Pak Syeikh.

"Mengarut betul Mahathir tadi. Inilah ucapan paling tak senonoh pernah dibuatnya semenjak jadi Presiden Umno. Bukan dia tak tengok, masa dia berucap lebih separuh wanita Umno di depannya yang bertudung. Isteri timbalannya juga bertudung. Isterinya jangan ambil kiralah, nak pakai selendang atas bahupun susah. Hairan, mengapa Mahathir tak boleh bercakap hal yang positif sikit tentang agama. Kenapa suka cari kontroversi yang tak perlu, yang hanya menyesatkan, atau paling kurang, mengelirukan? Kenapa suka bercakap benda yang tak betul tentang sejarah Islam? Selamba saja Mahathir memutarbelitkan fakta di depan

mereka yang arif tentang Islam, khususnya ketika merasmikan program-program IKIM," rungutnya lagi.

Saya diam saja mendengar celoteh mereka berdua. Sebetulnya saya lebih memikirkan nasib buku-buku saya, *Mufti Lawan Mahathir?* dan *Anwar Terjerat?* yang ketika itu masih tidak menentu proses percetakannya sedangkan ia sepatutnya dipasarkan pada hari pertama perhimpunan lagi. "Rupanya ada juga ahli-ahli Umno yang marahkan Mahathir pasal ucapan semalam," saya berbisik dengan rakan yang duduk di sebelah. "Apa tidaknya," sambut rakan saya itu, "orang Umno pun dah ramai hantar anak ke sekolah agama. Tadika Islam sampai tak cukup tempat. Sesetengahnya dibuka oleh orang PAS tetapi anak-anak orang Umno yang ramai belajar di dalamnya. Anak-anak yang cemerlang dalam UPSR lebih suka dihantar ke sekolah agama. Dulu sekolah agama hanya pilihan terakhir. Mahathir dah ketinggalan keretapi, dah nyanyuk!"

Rakan saya ini, seorang jurutera profesional, yang baru bertatih dalam dunia keusahawanan, jelas membantah tuduhan Mahathir, seperti terkandung dalam ucapan perasmian Presiden Umno: "Jika sesiapa berkata bahawa orang Islam harus belajar ilmu lain daripada agama maka ia akan dikecam kerana dianggap kurang Islam." "Mana Mahathir dapat maklumat ini?" marahnya lagi. "Siapa kata begitu," katanya sambil menyifatkan Mahathir penyebar fitnah terhadap golongan yang mahu menghayati Islam sepenuhnya. "Mahathir memang suka melabelkan orang," katanya. "Rasa aku tak pernah ada pendokong Islam yang menempelak orang yang belajar ilmu-ilmu selain agama, malah mereka sendiri menggalakkan umat Islam menguasai kepakaran semasa. Ramai anak-anak ulamak yang memilih kerjaya sebagai ahli-ahli profesional seperti doktor, jurutera, peguam dan seumpamanya."

"Dalam PAS sendiri," saya mencelahnya, "kepemimpinannya mewakili pelbagai sektor dalam masyarakat, bukan hanya kalangan ulamak. Apatah lagi dalam ABIM, atau pertubuhan Islam yang lain, malah wanita mereka, yang tentunya bertudung dan menutup aurat, mempunyai profesi yang mencabar daya intelektual."

Dan rakan saya yang petah bercakap ini pun bukannya penyokong PAS kerana sudah mendaftar sebagai ahli Umno. Biarpun begitu dia masih simpati dengan perjuangan PAS. "Soalnya, mengapa orang Umno hanya diam bila dengar Mahathir melalut," soal saya kepadanya. "Cakap Mahathir tu sudah menyimpang. Sunnah Nabi tak boleh diperlekeh walaupun hanya menyimpan janggut, apatah lagi mempersoalkan yang wajib, macam tudung kepala." Apabila saya lihat dia diam, saya terus berceloteh: "Tidak ada seorang pun perwakilan yang berani tegur Presidennya. Mahathir naik kepala dan berani merepek tak tentu pasal tentang agama kerana ahli-ahli Umno diam, tak tahu membantah. Itu tandanya kamu setuju dengan cakap Mahathir yang membantah keras kewajipan menutup aurat. Bila Mahathir kata kerajaan tak berhasrat nak haramkan arak dan judi, sebaliknya bertujuan untuk menguji orang beriman, orang Umno diam juga. Bukan orang Umno tak tahu hukum, malah ramai juga yang alim, tapi buat bodoh depan Mahathir. Semua jadi lembu kenyang."

"Orang Umno ada cara tersendiri tegur pemimpinnya, bukan kritik secara terbuka sehingga boleh memalukannya. Kita ada saluran parti, bukan menghebahkannya kepada akhbar," ujar kawan saya itu, cukup perlahan, sehingga hampir saya tidak mendengarnya kalau tidak memasang telinga betul-betul. "Presiden kamu membuat ucapan secara terbuka, yang didengar oleh seluruh rakyat Malaysia. Jadi jika ucapannya tak betul, bercanggah dengan agama, maka

ia mesti diperbetulkan, juga di depan publik. Lagipun, saluran mana lagi, selain perhimpunan parti, yang ahli-ahli Umno boleh berjumpa langsung dengan Mahathir?" balas saya dengan nada yang agak tinggi.

"Tunggulah Anwar naik. Sekarang Anwar terpaksa jaga kedudukan kerana Mahathir masih nombor satu," balasnya dengan nada yang agak kurang meyakinkan. "Anwar pun ada skandal juga," usik saya. "Skandal depan belakang!" seorang lagi teman, yang sebelumnya diam, mencelah, disambut ketawa memanjang. "Kalau Anwar tak terpalit dengan tuduhan bermukah dengan bini orang, inilah masa terbaik Anwar menggantikan Mahathir," saya hanya mengacah. "Ahli-ahli Umno mesti beri sokongan. Sayang, terbukti Anwar masih mudah gabra, sukar mengawal diri dalam keadaan tertekan."

Mengenangkan ucapan Mahathir semalam, darah muda saya kembali menyirap. "Mahathir mesti tarik balik perenggan yang mengelirukan itu," beritahu saya kepada teman sepejabat. "Bukan itu saja, buku ucapannya itu wajar dibakar kerana ia boleh menyesatkan orang lain," sambutnya penuh emosional. "Hati-hati sentuh nama PM, pegawai KDN cukup sensitif dengan hal ini. Aku sendiri sudah dua kali dipanggil menghadap," nasihat saya kepadanya. "PM pun manusia biasa, boleh buat maksiat, boleh buat silap. Kalau Mahathir selalu sindir dengan nada perli bahawa tokoh ulamak muktabar pun adalah manusia biasa yang mungkin melakukan kesalahan, apatah lagi Presiden Umno, ketua parti yang tidak menjadikan al-Quran dan Hadis sebagai rujukan utama. Salah berijtihad ada pahalanya, tapi kalau bercakap ikut nafsu atau terlalu agungkan otak sendiri, pintu neraka yang menunggu," katanya pantas.

"Pusat Islam mesti kaji secara serius ucapan Mahathir

itu, jangan gerun hanya kerana dia seorang PM; kalau perlu haramkannya saja," cadang seorang petugas *Harakah* yang kebetulan ada bersama kami. "Mahathir seolah-olah mahu membawa fatwa baru sedangkan ia langsung tidak ada kelayakan. Ilmu agamanya dangkal. Latar belakangnya mencurigakan. Dia juga tak tahu bahasa Arab walaupun hujah ini cukup tidak disenanginya. Semua ilmu ada disiplinnya. Semua bidang ada pakarnya. Mengapa terlalu sombong untuk merujuk kepada mereka yang lebih arif?"

Beliau kemudiannya memberikan contoh yang paling dekat dengan Mahathir: "Katakan orang biasa yang hanya mengetahui sedikit sebanyak ilmu perubatan melalui buku-buku, itu pun melalui buku berbahasa Melayu kerana tak tahu berbahasa Inggeris. Memang orang ini dapat menjaga kesihatannya, memberi panduan umum tentang penyakit, tahu mengambil makanan yang seimbang, tetapi mampukah dia — yang selama ini langsung tidak pernah mendapat pendidikan khusus dalam ilmu perubatan, manakala subjek biologi pun tidak pernah diikutinya walaupun pada peringkat SPM — membedah pesakit yang kronik, misalnya pesakit jantung."

"Apakah Mahathir tak merujuk ucapannya tentang aurat, janggut, sekolah agama, fatwa, atau punca kelemahan umat Islam itu, kepada Pusat Islam ataupun IKIM, atau paling kurang minta nasihat mufti besarnya, Hamid Othman?" saya sengaja timbulkan persoalan untuk mendengar respons kawan-kawan.

"Kalau dah ucapan *Assalamualaikum* pun Mahathir pernah kata sama dengan *Selamat Pagi*, susahlah. Jangan sudahi solat Subuh dengan *Selamat Pagi, Selamat Pagi* sudahlah. Alim ulamak dalam Umno bukan sedikit, tapi bila Mahathir sudah putuskan sesuatu pandangannya, mereka tak berani nak kata apa-apa lagi. Sesat pun sesatlah. Yang

mereka fikir, teguhkan kedudukan mereka, yang selama ini banyak bergantung kepada Mahathir," sambung petugas *Harakah* tadi. "Mereka ini macam lalang, ke kiri kata Mahathir, ke kirilah mereka. Aku yakin, bila saja Anwar naik, lain pula pandangan mereka, hukum pun boleh bertukar ke tempat asalnya. Buruk-buruk Anwar pun taklah mengarut macam Mahathir, taklah berani menolak hukum, memberi fatwa baru."

"Sokong Anwar nampak?" saya mengusiknya.

"Dari segi ini, berbanding Mahathir, berbanding Najib, berbanding Ku Li, Anwar sepuluh kali ganda lebih baik," katanya pantas.

Sekurang-kurangnya buku ucapan Mahathir di perhimpunan Umno yang memuatkan 60 halaman dan 123 perenggan itu mengandungi beberapa hal yang perlu dikupas. Pertama dan yang nampak kelainannya ialah lima gambar hiasan yang disiarkan, iaitu pada muka surat 47, 48, 50, 51 dan 52. Ini merupakan kali pertama buku ucapan Mahathir di perhimpunan Umno dihiasi gambar. Sama ada idea untuk meletakkan gambar ini datangnya daripada Mahathir sendiri, mahupun Setiausaha Agung baru Umno, Sabbaruddin Chik, yang buat pertama kali menjalankan tugas, ia bukan isu penting. Kerana ia adalah ucapan Mahathir, maka Mahathir paling bertanggungjawab dengannya.

Gambar pada halaman 47 ialah seorang wanita bertudung (mungkin ini yang hendak ditekankan Mahathir) yang menundukkan kepalanya. Gambar yang diambil kira-kira separas dada tetapi kualitinya agak kabur seperti difotokopi. *Caption* gambar berbunyi: "Orang ini pijak dan tendang anak berumur 8 bulan sampai mati." Antara kenyataan Mahathir yang boleh kita kutip di sebelah gambar wanita itu ialah: "Bahawa orang yang menutup aurat ini membuang bayi,

mendera dan membunuh anak, merogol dan melakukan berbagai-bagai jenayah seks tidak kita kaitkan dengan tujuan menutup aurat." Sementara gambar pada muka surat 48 menunjukkan seperti seorang anggota polis mengheret seorang pesalah yang digari tangannya dan memakai kupiah putih (mungkin ini yang hendak ditonjolkan Mahathir). Keterangan gambarnya berbunyi: "Gambar seorang pembunuh yang merogol wanita yang telah dibunuh olehnya." Dan antara kenyataan Mahathir yang digandingkan di sebelah gambar berkenaan ialah: "... tetapi ramai yang ingin memaksa lebih daripada yang disuruh sehingga anak kecil dan orang amat tua juga mesti menutup kepala mereka. Dan jangan kita lupa orang yang menutup kepala juga melakukan jenayah seks tidak kurang daripada yang tidak menutup kepala."

Jelas, tanggapan buruk dan rasa jengkel yang amat sangat Mahathir terhadap wanita yang memakai tudung dizahirkannya secara terbuka, tanpa segan silu lagi. Tidak dapat pula dijangka apa pandangannya terhadap lelaki yang kupiah putih tidak pernah lekang dari kepala, tetapi apa motifnya bila menyiarakan gambar pembunuh yang juga perogol memakai kupiah putih? Bukankah selama ini berkupiah putih dianggap lebih dekat dengan penghayatan hidup beragama? Apakah PM mahu menunjukkan orang agama juga melakukan maksiat dan dosa terkutuk, sedangkan kebanyakan pesalah yang tampil berkupiah atau bertudung hanya menutup kepala selepas mereka diseret ke depan mahkamah? Mungkin itu tanda penyesalan yang sepatutnya kita raikan, bukannya harus dipandang sinis penuh kecurigaan.

Malah, apabila gambar wanita bertudung yang dikatakan memijak dan menendang anaknya sampai mati disiarkan, tidak syak lagi Mahathir memang berniat jahat

untuk memberikan gambaran buruk terhadap wanita yang menutup aurat. Gambar yang disiarkan itu mesti disertakan dengan sesuatu motif tertentu. Kalau saya sebagai editor *Tamadun* pun diasak pihak berkuasa untuk mengetahui motif mengapa saya menyiarkan wawancara bersiri dengan ulamak-ulamak terkemuka mengenai hubungan ulamak-umarak, tidak salah kalau saya juga ingin tahu apa yang tersirat di sebalik gambar dalam buku ucapan Mahathir itu. Teringat saya akan nasib pelajar-pelajar UTM yang berpurdah, sekitar tahun 1986, yang didesak supaya dipecat oleh PM sendiri kerana PM selalu melihat mereka di kawasan kampus Jalan Gurney itu apabila mengunjungi Kementerian pada setiap Khamis ketika menerajui Kementerian Pertahanan.

"Inilah kelebihan Mahathir, apa yang terbuku di hatinya akan dikeluarkan secara berterus terang. Kalau Mahathir kata sesuatu, kita boleh agak ke mana yang hendak ditujunya. Berbanding Anwar, ucapannya tidak melambangkan sikap dan keyakinannya, malah ada yang diucapkannya tidak difahaminya sendiri. Ia hanya memetik dan mengungkap kembali kata-kata tokoh lain, jadi hilang originalitinya. Mungkin kerana ia disediakan oleh pelbagai *think-tank* di sekelilingnya," kata seorang tokoh wartawan, yang mengakui lebih mengenali Mahathir berbanding Anwar, walaupun beliau sendiri lebih cenderung dengan Anwar. "Mahathir lebih jujur dan terbuka. Apa yang terbit di lidahnya, itulah juga yang terkandung di hatinya. Mahathir bukan manusia hipokrit yang berlindung di sebalik kata-kata manis. Keyakinannya terhadap sesuatu idea tidak disembunyikan, walaupun dia tahu ramai orang tak setuju dengannya," tambahnya lagi.

Sebenarnya cara dan kaedah Mahathir menilai hukum yang ditentukan Tuhan cukup merbahaya. Logika yang dike-

mukakannya juga tidak masuk akal, iaitu akal yang dipandu oleh petunjuk hidayah, bukannya akal yang terlepas bebas tanpa sebarang nilai ukhrawi yang mengikatnya. Misalnya, Mahathir menganggap kewajipan menutup aurat hanya disebabkan faktor semasa, yang dikatakan, "tujuan menutup aurat ialah kerana di zaman Nabi, Arab Jahiliyah mempunyai nafsu yang kuat sehingga sering menculik dan merogol wanita daripada kabilah-kabilah lain." Di mana Mahathir memperolehi hujah selemah ini? Apa nas, sama ada al-Quran ataupun Hadis yang mengukuhkan dakwaannya itu? Ustaz Nakhaie menyanggah pandangan Mahathir, sila rujuk bab berkaitan. Katanya, berbanding hari ini, Arab Jahiliyah lebih berjaya mengekang nafsu seks mereka.

Lagipun jika Arab Jahiliyah benar-benar gila seks, apakah selepas mereka menganut Islam, hidup sehari-hari bersama Rasulullah, manakala Nabi pula mentarbiyyah para sahabat secara praktikal, membangunkan semula kehidupan berdasarkan petunjuk al-Quran sehingga mereka dikenali sebagai generasi al-Quran yang unik, di mana segala peraturan dan arahan al-Quran dipatuhi serta-merta tanpa sebarang persoalan ibarat anggota tentera mematuhi arahan jeneralnya di medan perang, apakah dalam suasana seumpama itu, "kegilaan seks" belum dapat diredakan lagi? Jika menutup aurat hanya kerana mencegah jenayah seks maka sepatutnya selepas Nabi berhijrah, apabila Negara Islam Madinah dibangunkan, maka kewajipan itu harus ditarik balik kerana cahaya keimanan dan ketaqwaan sudah sebatas dalam kehidupan masyarakat Islam Madinah. Kaum wanita dimuliakan, Hudud dilaksanakan, maka secara automatik, cegahan daripada Allah pun berlaku. Bukankah zaman terbaik Islam ialah zaman Rasulullah diikuti Khulafaurrasyidin, dan yang berikutnya selepas itu?

Selain itu, hujah yang lebih penting, hakikatnya bagi kita,

apa saja suruhan Tuhan akan kita lakukan sebagai suatu ibadah tulus ikhlas seorang makhluk yang hina dina ini kepada Khaliknya. Sama ada kita dapat menyelami atau tidak hikmah di sebalik suruhan atau tegahan-Nya, ia sedikitpun tidak menggongcang keyakinan kita untuk mematuhiinya. Bukankah hikmah segala ibadah yang difardhukan kepada kita adalah perkara yang cuba dijangkau oleh rasional aqal bagi memberikan dorongan untuk setiap hamba Allah berlumba-lumba mengerja kebaikan, bukannya suatu usaha untuk cuba mencari sebab-musabab Allah menentukan sesuatu hukum? Misalnya, antara hikmah kewajipan puasa ialah memberikan keinsafan kepada kita terhadap orang yang sentiasa melarat dan kelaparan. Apakah bagi pandangan Mahathir, mereka yang sentiasa dilingkungi derita kebuluran tidak perlu lagi berpuasa kerana selama ini tanpa berpuasa pun mereka sudah dapat merasai peritnya orang yang tidak makan dan tidak minum di siang hari, malah mereka ada kalanya tidak menjamah makanan selama beberapa hari?

Perintah menutup aurat adalah kewajipan llahi yang difardhukan secara nyata dalam al-Quran. Ia bukan ijtihad para ulamak yang boleh berubah menurut berubahnya keadaan, apa lagi hujah yang dikemukakan PM tidak dirujuk kepada fakta dan data penyelidikan terkini. Mana buktinya wanita bertudung melakukan maksiat sama atau melebihi wanita yang tidak bertudung? Mana buktinya wanita yang menutup aurat menjadi mangsa keganasan seks melebihi atau sama dengan wanita yang berpakaian seksi? Jika Mahathir gagal mengemukakan hujah bagi mengukuhkan tohmahan palsunya itu, saya menganggap Mahathir sememangnya berniat jahat terhadap wanita yang menutup aurat, dan ia boleh disifatkan sebagai "bebal dan biadap".

Cuma perhatikan kembali lafaz kenyataan Mahathir ini,

muka surat 49, perenggan 104: "Dan jangan kita lupa orang yang menutup kepala juga melakukan jenayah seks tidak kurang daripada yang tidak menutup kepala." Mahathir mengetepikan asas argumen logik sebaliknya mendedahkan rasa prejedisnya yang cukup tebal kepada wanita bertudung. Sebagai Menteri Dalam Negeri, yang mana pihak polis berada di bawahnya, Mahathir sepatutnya mudah mendapat data dan statistik yang tepat tentang profil orang yang melakukan jenayah seks dan mereka yang menjadi mangsanya. Bagaimana mungkin seorang Perdana Menteri menuduh secara semberono tanpa dikemukakan bukti selayaknya? Bagi saya, hilang wibawa dan kredibilitinya sebagai seorang negarawan terhormat apabila dengan begitu mudah PM melemparkan tuduhan, apa lagi yang berunsurkan fitnah!

Ketika saya bangkitkan hal ini dengan seorang penye-kong Mahathir, beliau cuba memberi rasional yang berbeza: "Lutfi, kau jangan emosional sangat. Ini masalah dalaman Umno, tidak ada kena mengena dengan pihak luar. Mahathir bukan tuduh PAS ataupun pertubuhan Islam yang lain. Mahathir hanya tujukan ucapannya kepada orang Umno yang berlagak lebih Islam daripada orang lain."

"Siapa?"

"Siapa lagi kalau bukan Mahathir halakan ucapannya kepada Anwar. Bukankah masa Mahathir bentangkan ucapan itu, kes Anwar yang dituduh berlaku curang dengan isteri orang dan isu homoseksual tengah meletup. Mahathir mahu beri ingatan kepada Anwar, jaga sikit perangai, jangan cakap tak serupa bikin, rahsia hang, depan belakang, dalam tangan aku. Itu saja. Jangan ambil serius sangatlah ucapan Mahathir tu..." tambahnya lagi perlahan, ketika menu-turkannya secara cukup berhati-hati. Memang beliau sentiasa tenang ketika bercakap walaupun ketika diasak.

"Sampai hari ini pun, penulis surat yang tuduh Anwar itu belum menafikan kebenaran segala kandungan suratnya lagi. Manakala isteri orang yang dituduh pasangan Anwar itu juga belum membuat penafian ataupun sesuatu tindakan bagi menolak tuduhan terhadapnya. Selain itu, ada tujuh lapan orang yang disebut nama dalam surat berkenaan juga tidak membuat penafian. Kebanyakan mereka adalah orang terkenal. Dan kita tak tahu apa yang dicakapkan penulis surat kepada Mahathir. Mungkin dia ada buat pengakuan bertulis yang hanya akan didedahkan bila sampai masanya nanti," katanya, mendatar saja, tanpa sedikitpun menekan nada suaranya.

"Itu aku tak kira," jawab saya. "Masalah dalaman parti selesaikan secara politik rundingan ataupun apa saja kaedah yang ada, jangan cuba buat kesimpulan umum sehingga menimbulkan kekeliruan terhadap pemahaman agama, apatah lagi cuba berlagak bijak mentafsirkan hukum."

Pandangan yang begitu mementingkan tujuan sesuatu peraturan cukup merbahaya, apatah lagi sekiranya tujuan itu hanya diagak-agak saja. Sesiapapun tidak boleh mendakwa dia mengetahui sepenuhnya tujuan di sebalik hukum yang diturunkan kerana ia di bawah lingkungan ilmu Allah yang terlalu luas untuk ditelah. Jangan hanya menggunakan rasional yang amat terbatas untuk menduganya. Sedangkan peraturan di dunia ini juga terpaksa kita ikuti tanpa mengira apakah ia dapat mencapai tujuan sesuatu peraturan itu dikuatkuasakan.

Kita ambil contoh mudah, lampu isyarat. Tujuannya supaya melicinkan aliran lalu lintas dan mengelakkan kemalangan. Katakan, kita menempuh satu persimpangan lampu isyarat pada pukul 4.50 pagi, yang keadaan ketika itu senyap sepi, tiada sebarang kenderaan yang lalu di jalan bertentangan. Maknanya, jika ingin mencapai tujuan per-

turan supaya berhenti merah, ia tidak praktikal lagi kerana kita boleh saja meneruskan perjalanan kerana tiada kenderaan yang menghalang. Apakah dari segi undang-undang lalulintas, kita boleh terus saja memecut tanpa berhenti walaupun lampu isyarat sedang merah?

Buku ini cuba untuk melanjutkan lagi persoalan berkaitan, dengan menyedari risikonya cukup besar kerana ia menyentuh orang paling besar dalam negara ini. Semoga ia dapat memberi sumbangan kepada pembaca semua khususnya apabila berdepan dengan pelbagai cabaran zaman moden yang boleh mengelirukan pemahaman dan keyakinan agama kita selama ini. Terima kasih kepada rakan-rakan yang banyak membantu dan menyumbangkan tulisan, yang sebahagiannya tidak merasa selesa untuk memperkenalkan diri kerana realiti sekeliling tidak menentu. Jutaan penghargaan kepada pembaca yang memberikan sokongan, khususnya terhadap buku *Mufti Lawan Mahathir?*. Semoga Allah mengampuni dosa di atas kesalahan yang terakam dalam buku kecil ini.

AHMAD LUTFI OTHMAN  
Taman Bukit Ampang — Jalan Pahang Barat  
1:17 tengahari; 4 Mac 1998



## *DARI PWTC KE MASJID NEGARA: JALAN BERLIKU PENUH BERDURI*

Buku *Mufti Lawan Mahathir?* bukan buku terbaik saya, malah ia dihasilkan agak tergesa-gesa untuk mengejar perhimpunan agung Umno 1997, tetapi cetakannya setakat ini sudah menjangkau 50,000 naskhah, satu catatan rekod. Tempiasnya juga terkena buku *Anwar Terjerat?*, yang berjaya dijual sebanyak 20,000 naskhah. Biasanya sebelum ini buku-buku saya hanya dapat dijual lebih kurang tiga hingga lima ribu naskhah; itu pun memerlukan masa lebih setahun setengah. Alhamdulillah, audien buku-buku politik dapat diluaskan lagi, tidak hanya terhad kepada peminat tradisi. Mungkin sesetengah pembaca merasakan isu yang saya ketengahkan itu berbeza dengan tema-tema biasa dalam buku terdahulu, yang hanya merakamkan percaturan atau

sepak terajang pertarungan dalaman Umno.

Mungkin ramai yang mulai bosan dengan politiking yang tidak pernah reda itu, ataupun merasakan tiada manfaatnya kita turut kacau daun dalam hal ehwal orang-orang politik yang sesetengahnya hanya dapat difahami oleh orang-orang politik sahaja. Yang untungnya mereka juga; kalahpun senang, apa lagi menang. Harta negara diagih-agihkan macam harta emak bapa sendiri. Jadi broker tanah untuk orang asing pun boleh kaut dua tiga puluh juta ringgit. Orang biasa macam itu juga, terpaksa membanting tulang untuk terus *survive*. Justeru itu, selain mahu meredakan ketegangan yang timbul daripada dua buku tadi, saya mahu melihat bagaimana pula sambutan pembaca apabila saya menulis hal-hal lain di luar bidang politik, misalnya tentang isu kematian Puteri Diana. Mungkin pembaca mahukan kelainan ataupun angin baru.

"Sebenarnya percaturan politik Umno sudah tidak punya wira besar yang menarik lagi," demikian pandangan bekas wartawan politik, yang aktif menulis ketika nama Musa Hitam menjulang naik satu ketika dulu. "Kalau dulu ada Ku Li dan Musa yang sering bertarung. Personaliti kedua-dua tokoh ini cukup menarik, sama ada semasa mereka bertembung pada 1981 dan 1984 mahupun ketika berganding pada 1987. Sekarang tidak ada lagi. Ada bibit-bibit konflik antara Anwar dan Mahathir, tetapi mereka bagaikan ayah dan anak. Keadaan menjadi berbeza kalau Ku Li dapat kembali ke dalam arus perdana dan dimanfaatkan oleh penentang Anwar. Kalau nak harapkan Pak Lah, ataupun Najib, mereka bukan saingan Anwar. Itulah sebabnya buku politik tak sehebat dulu kerana aktor-aktor di pentas politik hilang daya karismatiknya. Kita tidak perlu ramai, cuma seseorang yang berwibawa untuk mengawasi *incumbent*."

Hujah wartawan veteran ini ada benarnya juga. Percubaan saya merakamkan hubungan dingin Mahathir-Anwar mungkin menyebabkan kocakan politik dalaman Umno semakin kencang tetapi tidak berupaya menarik minat mendalam yang berpanjangan di kalangan peminat. Ramai juga yang mempersoalkan argumen saya: "Buat apa Anwar cari gaduh dengan Mahathir? Duduk diam-diamlah. Mahathir sudah tua, sudah senja, tunggu hari saja lagi. Kalau Mahathir tak mahu Anwar ganti dia, sudah lama Mahathir picit hidung Anwar waktu Anwar masih bayi lagi dalam Umno. Lagipun siapa lagi yang Mahathir nak pilih selepas segala kemudahan diberikannya kepada Anwar. Kalau Mahathir sudah ubah fikiran sekalipun, katakan dia mahu tempatnya diambil alih oleh Najib, Mahathir sudah terlambat. Anwar sudah cukup kuat walaupun Mahathir tak lantik lagi sebagai Menteri Kewangan."

Alhamdulillah, *Komplot Bunuh Diana* tidak menghampakan. Apa lagi bila akhir-akhir ini timbul cerita kemungkinan Diana dan Dodi mati dibunuh. Bapa Dodi, jutawan al-Fayed, yang pernah menjadi tetamu istimewa Perdana Menteri, dalam usaha untuk membantu menambah keyakinan terhadap ekonomi tempatan, juga percaya anaknya dibunuh dalam satu perancangan yang rapi. Maka bertambahlah permintaan terhadap *Komplot Bunuh Diana* itu, yang juga pernah diulas oleh wartawan *Berita Minggu*, Raihanah Abdullah.

Kisah di sebalik pembikinan *Mufti Lawan Mahathir?* dan *Anwar Terjerat?* sempat saya rakamkan dalam bab awal *Komplot Bunuh Diana*, khususnya mengenai kesukaran mendapatkan pencetak yang bersedia menanggung risiko di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan. Hampir-hampir saya berputus asa dan membuang saja dua manuskrip berkenaan. Isteri saya sendiri mencadangkan agar bertukar

saja ke profesion lain yang lebih selamat, daripada terus menjadi buruan, seolah-olah saya sedang melakukan kerja subversif. Masakan tidak, rumah saya digeledah pihak polis tanpa motif yang jelas sementara saya disoalsiasat di depannya dan anak-anak. Telefon pula sering diganggu pemanggil yang tidak dikenali.

Justeru itu, tanggapan saya terhadap pihak Kementerian Dalam Negeri agak negatif, dan perkara ini saya bangkitkan sendiri di hadapan Ketua Setiausaha semasa suatu majlis forum bertajuk *Antara Keselamatan Negara Vs Kebebasan Media*, di Seminar Media Massa Bersama KDN di Intan, Bukit Kiara, akhir tahun lalu. Ia anjuran Kementerian Dalam Negeri sendiri. Secara terbuka, di depan lebih 300 pengamal media utama yang lain dan pegawai-pegawai tinggi KDN, saya mempersoalkan tindakan pihak polis, sama ada muhup pastikan "keselamatan negara" atau "keselamatan pemimpin-pemimpin tertentu negara." Saya mencadangkan agar KDN tidak terlalu menggunakan pendekatan undang-undang sebaliknya melalui teguran, nasihat dan kaunseling kerana "itulah pendekatan yang digemari Menteri Dalam Negeri." Saya memberikan contoh bagaimana Menteri Dalam Negeri (siapa lagi kalau bukan Mahathir) mengkritik dan mengecam langkah penguatkuasaan JAIS menahan peserta Melayu pertandingan ratu cantik.

Oleh itu, kata saya, "langkah tarik permit, gunakan ISA, menggeledah rumah penulis, mengugut pencetak adalah antara tindakan yang patut dihentikan sama sekali. Dan jangan anggap kami penulis yang sentiasa kritis dengan kerajaan tidak bersemangat patriotik, manakala mereka yang asyik mengampu kerajaan sebenarnya tidak memberikan sumbangsan apa-apa." Sebelumnya, Pengarang Majalah Utusan Melayu, Chamil Wariya, Pengarang Kumpulan Karangkraf, A. Jalil Ali, dan pemilik akhbar tabloid *Buletin*

*Utama*, Jamaludin Abu Bakar juga membangkitkan hal yang lebih kurang sama. Malangnya mereka lebih memberikan penumpuan agar isu-isu seks dapat dibicarakan secara lebih bebas dalam media. Dalam soal itu saya tidak bersetuju dengan mereka.

Selepas forum, ketika sesi minum petang, iaitu sebelum berangkat balik ke pejabat, seorang dua, yang lagaknya seperti pegawai tinggi polis menghampiri saya, yang ketika itu bersama Zulkifli Sulong, Pengarang Kumpulan Harakah. Salah seorang darinya menyapa mesra: "Betul apa yang Cik Lutfi cakapkan tadi, bukan keselamatan negara yang diutamakan tetapi survival pemimpin tertentu yang dipastikan." Selepas seorang lagi yang berpakaian seragam polis cuba memancing idea lanjut saya mengenai apa yang saya timbulkan dalam forum tadi, saya terus saja mengajak Zul balik: "Cepat Zul, takut nanti hang balik seorang, aku diangkut ke tempat lain pula."

Rupanya sekatan jualan yang dikenakan pihak pengurusan PWTC terhadap buku *Anwar Terjerat?* tidak berakhir di situ saja. Menteri Besar Perlis, Shahidan Kassim cuba buat kecoh; mungkin mahu membala jasa PM. Pagi 23 Ogos 1997, seorang teman dari Bandar Hussein Onn, Cheras, telefon: "Lutfi, dah baca *Berita Harian* hari ini?"

"Belum lagi. Aku selalu tengok *Utusan Malaysia* dulu." Masa itu saya sudah berada di pejabat. Selalunya pada akhir bulan saya terperap mengejar *date line* majalah *Tamadun*. Di waktu lain, saya lebih selesa di rumah saja.

"Baik kau cari *Berita Harian*. Ada berita panas."

"Pasal apa?"

"Carilah dulu. Publisiti percuma *Mufti Lawan Mahathir?* dan *Anwar Terjerat?*.

"Itu sudah bagus... terima kasih."

Belum sempat saya turun ke bawah mencari *Berita*

*Harian*, seorang lagi kenalan dari ITM Arau, Perlis, telefon: "Mad, buku hang dah kena haram ke?"

"Apasal pula?"

"Shahidan dah buat bising. Dia peralatkan Mufti Perlis desak buku hang diharamkan. Sampai tubuh satu jawatankuasa khas ... tak ke gila dibuatnya? Tapi hebatlah hang."

"Siapa tak kenal Shahidan? Tak apalah, aku nak baca berita tu dulu. Lepas ni aku hubungi hang semula."

Menurut laporan *Berita Harian*, pihak berkuasa diminta bertindak ke atas penerbitan dua buku mengenai hubungan pucuk kepemimpinan negara dan mufti kerana ia boleh menimbulkan perbalahan dan fitnah di kalangan umat Islam. Kajian dijalankan jawatankuasa khas yang ditubuhkan atas arahan kerajaan negeri mendapati buku itu (*Mufti Lawan Mahathir?* dan *Anwar Terjerat?*) boleh merenggangkan hubungan dan melaga-lagakan ulamak dan pemimpin politik negara. Buku terbabit, dikatakan tidak sesuai dibaca masyarakat umum.

Tambah laporan itu lagi, Mufti Dato' Mat Jaya Husin berkata ini kerana buku berkenaan memuatkan unsur mendedahkan keaiban seseorang sedangkan umat Islam disuruh melindungi keaiban sesama sendiri. "Buku berkenaan tidak mendatangkan faedah kepada pembaca, sebaliknya akan menimbulkan keraguan dan prasangka yang tidak baik," katanya. Hasil kajian itu yang dibentangkan dalam mesyuarat Exco yang dipengerusikan Shahidan menerima pakai laporan itu. Antara ilmuan dan ulamak yang menganggotai jawatankuasa khas itu ialah Mat Jaya, Dr Arshad Taib, Pengarah Jabatan Agama Islam Perlis, Mohd Shukri Hussain, Fatah Yassin Mohd Said, Abdul Malik Hussain, Ghazali Montak, Nizamuddin Zakaria dan Hashim Othman.

Mat Jaya berkata, Shahidan yang mendapat buku terbabit mengarahkan beliau menubuhkan jawatankuasa khas bagi mengkaji kandungan buku berkenaan, dua minggu lalu. Beliau berkata, kedua-dua buku terbabit lebih bersifat komersil daripada memberi faedah dan membaiki keadaan. Katanya, ada beberapa kesilapan dalam penulisan ayat al-Quran dan hadis serta terjemahan maknanya tidak lengkap dalam buku tersebut.

Ya, tak sangka juga buku-buku politik saya itu boleh dihadapkan ke suatu jawatankuasa khas yang dipengerusikan seorang mufti. Ini tentu kes serius, takkan mufti nak buat kerja lawak. Sedangkan ia hanya buku politik popular, bukannya buku agama yang menyentuh masalah aqidah atau seumpamanya.

"Mungkin Mufti Perlis dah tak ada kerja lain, negeri pun kecil, hanya tunggu apa arahan bossnya, MB," kata seorang kenalan yang selama ini tidaklah begitu berminat membaca buku-buku politik. "Kalau buku kau tak bermanfaat Lutfi, macam mana dengan majalah-majalah hiburan yang melambak di pasaran, juga buku-buku tak senonoh lainnya. Mufti Perlis harus tubuh jawatankuasa khas memberikan fatwa terhadap bahan-bahan bacaan seperti itu, apakah ia juga tak bermanfaat ataupun elok dibaca seisi keluarga."

"Selepas ini, menimbunlah meja Mufti Perlis kerana terpaksa menelaah majalah dan buku-buku yang berlonggok di kedai-kedai mamak. Kita patut ramai-ramai hantar naskhah contoh untuk setiap buku baru bagi difatwakaninya," tambahnya lagi.

"Booklet pertama yang mesti dikajinya ialah ucapan Presiden Umno di perhimpunan Umno 1997, bertajuk *Menebus Maruah Bangsa dan Agama*. Mahathir mendakwa wanita tidak perlu menutup kepala lagi. Ini sudah satu fatwa baru. Kita nak tengok sejauh mana Mufti Perlis berani bertindak,"

sampuk seorang yang lain, saya sendiri tidak begitu menge-nalinya. Dia membuat kesimpulan mudah: Mufti Perlis mahu ampu Shahidan, manakala Shahidan pula mahu ampu Mahathir. "Ini penyakit ampu mengampu," katanya.

"Kalau kita minta, mesti Mufti Perlis tak layan punya, tapi kalau MB yang suruh kelam-kabut dibuatnya," kata saya, sambil memberitahunya bahawa permintaan saya untuk mendapatkan keterangan lanjut daripada Mufti langsung tidak mendapat jawapan balas.

"Inilah akibatnya apabila Mufti di bawah telunjuk orang politik ... hancur!" dakwa seorang penyokong PAS Kubang Pasu.

Sehari selepas *Berita Harian* dan *Metro* menyiar kan kenyataan Mufti Perlis itu, saya terus menghubungi Dato' Mat Jaya melalui faksimili 04-9763844 meminta jasa baiknya membetulkan kesalahan kandungan buku berkenaan khususnya yang berkaitan dengan ayat-ayat al-Quran, hadis serta terjemahannya.

Ini kerana ketika itu saya sedang sibuk menguruskan proses percetakan buat kali kelima. Tentulah tidak tergamak untuk saya terus menjual buku-buku yang memang disahkan bercanggah dengan Islam, itu pun jika terbukti kesahihan-hanya. Sumber rezeki saya datang dari jualan buku-buku tersebut. Kalau dah pasti ia bercanggah dengan al-Quran atau-pun hadis, baik saya bakar saja semua buku yang berbaki.

Selang beberapa hari, saya menghubungi Dato' Mat Jaya. Kebetulan dia sendiri yang menjawab panggilan.

"Boleh saya bercakap dengan Dato' Mufti?"

"Ya, saya."

"Dato' Mufti?"

"Ya."

"Saya, Ahmad Lutfi, pengarang dua buku yang Dato' kaitkan dalam kenyataan akhbar beberapa hari lalu. Saya

telahpun hantar surat ... ada Dato' terima."

"Ya."

"Kalau boleh saya nak dapatkan laporan yang agak menyeluruh tentang kesalahan dalam buku tersebut. Kalau perlu saya tarik buku-buku saya dari pasaran, saya akan berbuat demikian."

"Adalah satu dua kesalahan, misalnya terjemahan hadis."

"Bab berkaitan saya petik dari kertas kerja Dato' Harus-sani, Mufti Perak. Dato' boleh terus tegur saya, betulkan kesilapan yang ada. Boleh saya dapat laporan berkenaan?"

"Nanti saya panjangkan permintaan saudara ke mesyuarat Exco."

"Terima kasih."

Hai, nak dapatkan laporan itu pun kena bawa ke mesyuarat Exco dulu. Ini yang payahnya apabila mufti dilantik salah seorang ahli mesyuarat kerajaan negeri. Patutlah diberitakan ada mufti-mufti di negeri tertentu yang tidak berkenan dengan cadangan itu. Bimbang nama baik mufti terjejas ataupun boleh disalahgunakan oleh kerajaan negeri untuk mengelabui mata rakyat, misalnya dengan mendakwa mufti sendiri bersetuju dengan sesuatu projek yang menjadi pertikaian umum. Rakyat tentu mudah percaya kerana mufti juga salah seorang anggota Exco. Walhal mungkin dalam mesyuarat itu mufti telahpun menyuarakan bantahannya tetapi keputusan adalah suara majoriti, dan mungkin mufti tidak mempunyai kuasa untuk mengundi.

Seorang pemberita *Berita Harian* menghubungi saya meminta komen atas kenyataan Dato' Mat Jaya itu. Saya tak begitu ingat apa yang saya jelaskan kepadanya tetapi daripada laporan akhbar 25 Ogos 1997, saya dipetik sebagai berkata: "Kesilapan itu mungkin ada ... biasanya dalam pro-

ses percetakan berlaku kesilapan di sana sini. Namun, jika saya bersalah, mengapa tidak hantarkan surat atau panggil saya secara peribadi. Mengapa pula sampai ditubuhkan jawatankuasa khas? Saya penulis buku politik bukannya buku ilmiah agama yang memerlukan kajian mendalam sampai hendak tubuhkan jawatankuasa khas apabila wujud fakta yang mencurigakan. Seingat saya, belum pernah ditubuhkan jawatankuasa khas apabila wujud fakta yang mencurigakan."

Akhirnya laporan itu merumuskan kenyataan saya: "Saya tidak menulis sesuka hati atau sengaja mahu menjatuhkan seseorang ataupun membuat ramalan politik melulu tetapi menganalisis suasana politik bagi menegakkan keadilan."

Pencetak buku saya, yang selama ini mencari helah saja untuk tidak mahu mencetak *Mufti Lawan Mahathir?* terketar-ketar menunjukkan keratan akhbar NST bertajuk *Perlis calls for ban on two books.* "Jangan takutlah, KDN takkan layan permintaan bodoh itu," saya cuba menenangkannya. Dia takut lesen mesin cetaknya dirampas. "Lagipun Perlis mesti rujuk hal ini kepada Pusat Islam dulu. Kawan-kawan saya di Pusat Islam beritahu mereka tolak dua buku itu balik ke KDN kerana ia bukan buku agama. Ia buku politik, biarlah orang-orang politik menentukannya, kata pegawai Pusat Islam itu."

"Apa yang *you* susah, masa *you print* buku ini masih belum diharamkan," saya tidak pasti apakah pujukan saya itu semakin melemaskannya ataupun boleh meredakannya. Dia selalu berkata, "saya tak minta apa-apa pada kerajaan BN; saya tak minta *job printing*, tender besar-besar, yang saya minta jangan tarik balik lesen, cukuplah. Saya hanya mahu cari makan. Saya tak mahu campur hal-hal politik."

Cerita mengenai Shahidan ini pun menarik juga. Seorang

pembaca, yang juga mendakwa dirinya adalah waris sah sebuah kesultanan Melayu, Raja Mohd Yusof Raja Othman, menelefon saya: "Biasalah bagi Shahidan untuk mempertikai itu dan ini. Bukankah Shahidan juga yang pernah mengugut untuk mendedahkan apa yang didakwa bukti penyelidikannya mengenai waris takhta semua negeri termasuk Perlis jika ada pihak yang mempertikaikannya." Raja Mohd Yusof kemudiannya mengirimkan keratan akhbar *Berita Harian*, Isnin, 14 Jun 1993. Shahidan dilaporkan berkata: "Jangan anggap saya menjaga tepi kain orang kerana juga akan membongkarkan kedudukan waris takhta, termasuk negeri asal saya, Perlis."

Semasa membahaskan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan 1993) di Dewan Rakyat, pada 9 Mac 1993, Shahidan, selaku Pengurus Kelab Penyokong Kerajaan mempertikaikan perlantikan Sultan Kelantan sebelum ini, Tengku Yahya Petra, kerana beliau adalah anak kepada isteri bukan berketurunan raja. "Mengapa Shahidan tutup mulut apabila seorang raja paling terkemuka sekarang ini beribukan seorang yang berketurunan bukan Melayu dan tidak beragama Islam?" soal Raja Mohd Yusof. "Mengapa pula selepas Shahidan mempersoalkan kedudukan takhta Raja Perlis, beliau sanggup pula menjadi MB Perlis di bawah naungan Raja Perlis dan dianugerahkan gelaran Dato' Seri pada 4 Disember 1995," tambahnya lagi.

Suatu hal yang menghairankan saya, mengapa buku *Anwar Terjerat?* turut disabitkan sama. Buku itu langsung tidak menyiarkan walaupun sepatah ayat-ayat al-Quran mahupun hadis. Buku itu tidak pula cuba untuk "merenggangkan hubungan dan melaga-lagakan ulamak dan pemimpin politik negara." Ia cuba memperihalkan dakwaan yang terkandung dalam surat seorang wanita yang mengaku adik kepada setiausaha sulit Timbalan Perdana Menteri.

Surat itu dihantar kepada PM mengadu hal Anwar telah berlaku curang dengan kakak iparnya. Respons PM terhadap pertanyaan wartawan juga mencurigakan saya. Penafian yang dibuatnya tidak begitu meyakinkan, sebaliknya menimbulkan banyak lagi tandatanya.

Dalam buku berkenaan saya tidak menuduh Anwar berkelakuan sumbang, hanya memandang serius suatu pertuduhan yang mempunyai implikasi besar terhadap maruah dan kehormatan diri Timbalan Perdana Menteri. Bagi saya, Anwar tidak wajar terus berdiam diri, apatah lagi apabila penulis surat itu mengemukakan "bukti" dalam pertuduhannya, dan surat itu pula disebar secara meluas di seluruh negara. Anwar harus membersihkan nama dan imejnya. Semasa bercakap hal yang sama dengan Dato' Harun Din, beliau juga turut terkejut dengan cara Anwar menangani kes ini.

"Sepatutnya Anwar mengambil tindakan undang-undang kepada penulis surat berkenaan. Ini soal maruah dan harga diri. Saya kenal baik dengan Anwar. Saya yakin Anwar tak akan buat kerja terkutuk itu. Lagi pun bukti-bukti yang dikemukakan tidak kukuh," kata Dr Haron Din lagi.

Soalnya, mengapa Mufti Dato' Mat Jaya boleh menyimpulkan buku itu "memuatkan unsur mendedahkan keaiban seseorang sedangkan umat Islam disuruh melindungi keaiban sesama mereka." Keaiban siapa yang saya dedahkan? Apakah Dato' Mat Jaya maksudkan bahawa TPM Anwar sudah pasti bersalah di atas segala pertuduhan dalam surat misteri itu? Jika ia hanya berunsur fitnah, bagi saya, ia tidak mendedahkan keaiban Anwar, malah nama Anwar mungkin lebih terserlah jika terbukti Anwar dimangsakan.

Saya hanya mahu menunjukkan jalan bagaimana Anwar boleh membersihkan dirinya. Dengan membuat penafian sepantas lalu bukan boleh menyelesaikan masalah tetapi

semakin merumitkan keadaan. Mungkin hari ini isu itu nampak seperti selesai. Tapi bila Anwar tersepit nanti, atau pun bila Anwar dicabar, juga mungkin mencabar Mahathir, semua cerita tadi boleh dibongkar semula. Tengok apa jadi dengan Presiden Clinton. Kita tak mahu bakal PM dituduh dengan macam-macam tuduhan seks, bukan saja bermukah dengan isteri orang tetapi melakukan homoseksual di merata tempat.

Jika PWTC di bawah pengurusan Rashid Hussain sensitif dengan buku *Anwar Terjerat*, lain pula halnya dengan Pusat Islam yang bermenterikan Dr Hamid Othman. Isu buku *Mufti Lawan Mahathir?* kembali diperkatakan apabila pihak pengurusan Expo Masjid Negara mengeluarkan pekeliling, bukan setakat melarang buku berkenaan, malah melarang mempromosikannya juga di sekitar kawasan expo, bermula 26 November hingga 7 Disember 1997.

Lucunya, pekeliling JPM(U)/11/0188 Jld. 3 yang ditujukan kepada semua peserta-peserta gerai buku expo, menggelarkan buku *Mufti Lawan Mahathir?* sebagai "buku kontroversi". Saya tak pasti apa kriteria yang dipakai Pusat Islam sebelum gelaran itu diberikan. Sehubungan dengan itu pegawai-pegawai Urusetia Expo yang bertugas meminta gerai-gerai yang menjual buku berkenaan supaya menyimpannya. Poster yang berkaitan juga diarah supaya diturunkan.

Tidak puas hati dengan arahan itu, saya menghubungi pegawai yang menandatangani pekeliling berkenaan, Tuan Haji Kamaruddin Zakaria di talian 03-2937784. Telefonis memberitahu pegawai berkenaan adalah Imam Satu Masjid Negara.

"Boleh bercakap dengan Tuan Haji Kamaruddin Zakaria."

"Ya, saya."

Saya pun mengenalkan diri dan minta penjelasan lanjut darinya mengapa *Mufti Lawan Mahathir?* tidak boleh dijual di tapak expo sedangkan buku itu tidak diharamkan oleh pihak berwajib.

"Itu saya tak tahu. Awak kena tanya Ketua Pengarah sendiri," jawabnya agak kelam-kabut dan berkali-kali menekankan agar saya berhubung terus dengan KP. Saya faham perasaannya. Seperti yang tertera dalam pekeliling yang ditandatanganinya, dia hanyalah mewakili Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Saya pun tidak mahu mencetuskan lagi keributan yang tidak perlu. Saya menasihati anak-anak buah yang menjual buku itu supaya bersabar.

"Kita jual di tempat lain sajalah. Kalau rezeki dah ada, tak ke mana perginya. Mana tahu, kita buat buku yang lebih hebat lagi tahun depan. *Biar meletup dengan aku-aku sekali,*" saya memujuk mereka, sedangkan sebenarnya saya memujuk perasaan saya sendiri.

Saya cuba lagi hubungi Mufti Perlis tapi diberitahu dia berada di Tanah Suci menunaikan umrah. "Tak ada orang lain yang boleh jawab bagi pihaknya?" tanya saya, walaupun saya tahu siapalah yang ada di pejabat mufti, selain dibantu seorang dua kerani. "Laporan tentang buku Encik telah kami hantar ke Pusat Islam," jawab yang menjawab panggilan. "Tanyalah di sana," katanya lagi. "Tak bolehlah macam itu, saya minta penjelasan dari Mufti kerana dia yang mula menimbulkan isu ini. Ia tak ada kena mengena dengan Pusat Islam."

Tidak cukup dengan itu, khabar-khabar angin saya akan dikenakan ISA sekali lagi bertiup kencang. Sumber-sumber yang mengaku rapat dengan polis mendakwa, saya adalah salah seorang yang pasti akan dicekup jika "Operasi Lalang kedua" dilancarkan. Seorang pegawai Pusat Islam menyam-

paikan pesan kepada seorang teman: "Beritahu Lutfi, berhati-hati sikit sekarang, kalau berlaku penahanan borong ISA, namanya dalam senarai." Akhir sekali, yang bagi saya adalah ingatan paling serius, dibuat oleh seorang kenalan yang mengaku mendapat sumber paling dekat dengan KDN: "Nama *you* disebut pihak tertinggi di KDN bersabit buku-buku yang dikatakan cukup agresif. Saya tidak berhasrat nak cadangkan apa-apa dengan *you*. Tapi, berhati-hatilah. Ini pesan dari seorang kawan."

Atas segala nasihat itulah saya kendurkan isi yang pada mulanya amat tegang dalam buku ini. Jika buku ini terlambat berada di pasaran, ia antara lain disebabkan saya cuba mematuhi nasihat dan pesanan teman-teman saya tadi. Saya tak pasti sama ada saya boleh digolongkan di kalangan mereka yang bersedia mendengar nasihat kawan ataupun masih keras kepala dan berhati batu!

## MENYANGGAH FATWA-FATWA MAHATHIR



PEJABAT AGAMA SULAT SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN  
TINGKAT IV.  
BANGUNAN SULTAN SALAHUDIN ABDI & AZIZ SHAH  
40500 SHAH ALAM

03-905677  
03-905644  
03-9056388  
03-9056389  
03-9056390  
03-9056391

03-9056392

(2)

Kep. Tuanku JAI/Sel 0023/664

Kep. Kep. Dpt. Ipk. Sel. 50755/600

Tarikh: ? Jan 1998

1. Berzhinjil.  
2. Mufti Dato' Mufti Ishak Bahrom  
3. Ahli

Tuan

SAYAHANJUTAN 1. IPOH PERSIKHIDMATAN SEC 1/RA KONTAK  
DATO' FO RAH ISHAK BIN BAHROM (MELITENEG) SELANGOR

Sebagaimana bermula di sini sejak tempoh 16 Ogos 1997 sehingga 15 Ogos 1998  
berdasarkan surat tanda pengesahan yang diberikan oleh Yang di-Pertua Negeri Selangor  
pada tarikh 22 Disember 1996 berkenaan dengan perintah pada 15 Julai 1997 hingga 15 Ogos 1998 sebagai  
Mufti Dato' Fo Rah Ishak Bahrom di seluruh negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

2. Sehubungan dengan surat tanda pengesahan yang diberikan oleh Yang di-Pertua Negeri  
Selangor pada 22 Disember 1996 berkenaan dengan perintah pada 15 Julai 1997 hingga 15 Ogos 1998 sebagai

Terima kasih

PERKHIDMATAN UNTUK NEGARA

2. Mufti Dato' Mufti Ishak Bahrom

*[Signature]*  
Attn: HD. OF 428, MAF IF-3  
Bahagian Perkhidmatan  
b/p Tatalazat, Kerjasama  
Negeri Selangor, Bandar EP-22

lsp:



Bukti Dato' Ishak Bahrom telahpun diperkenankan Sultan Selangor  
melanjutkan tempoh perkhidmatan sebagai Mufti mulai 16 Ogos 1997  
hingga 15 Ogos 1998.

## ***MENGHADAPI SEORANG EKSTRIMIS BERNAMA MAHATHIR***

**P**enulisan buku tentang pemikiran Islam Mahathir rasanya tidak lengkap jika saya tidak sempat bersempbang dan mengutip buah fikiran Yang Dipertua Persatuan Ulamak Malaysia, Ustaz Ahmad Awang, kerana persatuan itu seringkali menjadi bahan sindiran Perdana Menteri. Dengan sinis Mahathir pernah menyatakan, ada persatuan yang bila kita menjadi ahlinya terus kita dianggap ulamak. Tentulah persatuan yang dimaksudkan itu ialah PUM.

"Kita sendiri tidak pernah mendakwa begitu. Kita hanya mahu melaksanakan gerakerja yang diwarisi daripada Nabi s.a.w.," bantah Ustaz Ahmad.

Saya juga mahu berlaku adil kepada PUM kerana apabila ada pertikaian antara pemerintah dan ulamak, walaupun

PUM bukanlah mewakili semua ulamak di Malaysia, tetapi hanya PUM yang lebih dekat dengan majoriti ulamak. Suara Persatuan Ulamak sekurang-kurangnya dapat menggambarkan cetusan nurani para ulamak yang sering dijadikan tohmahan PM.

"Ulamak teruk dibantai PM. Mereka dicap menyebabkan umat Islam mundur dan hanya mementingkan hidup selepas mati saja. Ulamak sebagai individu boleh dikritik, malah wajar ditegur tetapi suatu serangan tersusun, apakah lagi datang dari pimpinan tertinggi negara, untuk melumpuhkan institusi ulamak wajib ditentang. PUM tak boleh tinggal diam," kata seorang penceramah dan pendakwah bebas.

Kebetulan pula saya merasakan Ustaz Ahmad Awang boleh dijadikan hiasan kulit depan majalah *Tamadun* yang saya terajui. Maknanya, sambil menyelam minum air; bahan untuk *Tamadun* pun dapat, kandungan buku saya juga boleh diperkuuhkan lagi. Pembaca bukan saja dapat mengikuti leteran saya, tetapi juga pandangan dari pihak yang lebih berwibawa dalam bidang masing-masing. Siapa lagi kalau bukan ulamak yang harus kita rujuk dalam hal menyangkut agama.

Sebenarnya tidak sukar untuk mengadakan pertemuan dengan Ustaz Ahmad Awang. Kebetulan pula ketika itu Ramadhan. Mulanya, saya tidak menerangkan tujuan saya untuk menulis *Menyanggah Fatwa-Fatwa Mahathir*, tetapi sekadar meminta pandangannya tentang kegawatan ekonomi semasa. "Sesekali bagus juga kalau golongan ustaz bercakap tentang ekonomi walaupun ada pihak tidak senang bila kita bercakap hal itu," katanya. "Tapi kalau nak tanya pasal bala dan petaka yang menimpa sekarang, yang ramai orang kaitkan dengan pertembungan kerajaan dan mufti, elok tanya orang lain," tambahnya sambil ketawa kecil.

Respons Ustaz Ahmad terhadap persoalan ekonomi

memang menarik. Pengetahuannya tentang amalan kewangan semasa boleh tahan juga. Patutlah, beliau memegang beberapa jawatan sebagai penasihat syariah kepada bank tertentu. Baginya, kerajaan tidak serius dalam melaksanakan perbankan Islam. "Political will cukup tipis. Dana bagi SPTF cukup kecil dan tidak bertambah. Kalau Anwar saja nak, Mahathir tak mahu, tak jadi juga," katanya. Hujahnya tentang spekulasi saham dan sempadannya dengan kehendak agama juga tidak mengecewakan. Lebih menarik apabila dia menyifatkan Mahathir sebagai seorang yang ekstrimis dalam melaksanakan idea-ideanya.

Sebenarnya saya sendiri sudah lama beranggapan Mahathir seorang ekstrimis. Selama ini orang hanya melabelkannya sebagai ultra ketika Mahathir belum memegang jawatan penting dalam kerajaan. Tulisannya, *Dilema Melayu* juga mencetuskan beberapa kejutan kerana idea-ideanya yang dikira melampau. Surat terbukanya terhadap bekas PM Tunku Abdul Rahman dikira suatu keberanian baru yang dialu-alukan ketika itu.

"Sudah sekian lama aku menunggu kalau-kalau ada tokoh yang juga beranggapan Mahathir seorang ekstrimis untuk menyokong tanggapan aku selama ini," saya memberitahu seorang teman tentang pandangan Ustaz Ahmad Awang itu. "Mahathir bukan orang yang sederhana. Kalau dia mahu menjayakan cita-citanya, Mahathir akan pastikan ia menjadi kenyataan walaupun cara untuk melaksanakannya adalah dengan cara yang ekstrim."

"Betul," kata teman saya itu, "tengok apa yang dibuat kepada raja-raja Melayu, habis terlungkup. Lihat apa sudah jadi dengan para hakim, semuanya melutut kembali. Mahathir hanya bersederhana dalam hal agama, sederhana sungguh ... sampai ke peringkat hampir tak buat apa-apa. Dalam usaha meningkatkan martabat agama, Mahathir

cukup liat untuk menggunakan kuasanya, seolah-olah dia bukan seorang Perdana Menteri."

"Mahathir cukup suka kalau ada orang yang boleh jadikan mimpinya satu realiti. Sebab itu Mahathir tidak suka ahli akademik atau tukang teori, dia lebih rapat dengan tokoh korporat kerana mereka ini menurut katanya dan boleh membantunya mencapai angan-angan," tambah teman saya yang aktif dalam NGO itu.

"Tapi kita kena ingat, hancur negara kalau pemimpinnya lebih berminat untuk bermiaga daripada mentadbir negara," pesannya lagi.

"Khazanah kekayaan negara, bagi Mahathir, tidak lebih seperti duit poketnya sendiri. Buktinya banyak projek besar negara tidak melalui perdebatan di Parlimen terlebih dahulu, semuanya main ikut suka PM saja," tuduh seorang pensyarah ekonomi.

Ustaz Ahmad Awang juga mempersoalkan sesetengah pandangan yang menyatakan logika Mahathir khususnya dalam bidang ekonomi sukar untuk disanggah. "Hairan, walaupun ramai orang kata logik Dr Mahathir sukar untuk ditolak, tetapi kalau kita perhati halus-halus banyak juga benda yang dibuatnya tidak berdasarkan logika. Tengoklah projek-projek pembangunan yang dirancangkannya, banyak yang tidak logik tetapi dibuatnya juga. Sebabnya hanya kerana beliau berkuasa, bukannya kerana ia logik dan perlu dibuat. Akhirnya, kalaupun berjaya, negara terpaksa menanggung kos yang cukup tinggi. Tetapi tidak sedikit juga yang gagal dan bankrap. Sebenarnya banyak juga idea-idea Dr Mahathir yang hilang begitu saja dan tidak relevan lagi untuk dibincangkan."

Apabila saya mencelah, "apakah Mahathir seorang yang ekstrim?" Ustaz Ahmad merumuskan: "Ya, memang ekstrim. Mahathir dalam perlaksanaannya sangat ekstrim. Beliau

jarang bersederhana."

Sekilas teringat saya pandangan seorang pemimpin kanan pertubuhan belia Islam apabila saya minta pendapatnya tentang Mahathir dalam soal-soal agama: "Buang masa saja cakap pasal Mahathir tentang agama. Dia bukan nak dengar pandangan dan pendapat orang lain. Kalau dia dah yakin dengan sesuatu perkara, jangan siapa cuba usik, takkan dilayannya."

Berbeza pula dengan pendapat seorang ulamak terkenal yang juga sering dikritik Mahathir: "Saya melihat Mahathir menghormati logik. Dan sebenarnya dalam soal agama, kalau diberikan peluang kita boleh berhujah dan menyanggah logik Mahathir tentang Islam. Saya rasa Mahathir bersedia mendengar hujah logik seumpama itu. Sayang sekali, orang-orang agama di sekeliling PM tidak melaksanakan tugas dan tanggungjawab itu. Mengapa mereka tidak ajak PM berbincang secara terbuka, dalam suasana kekeluargaan. Debatkan hujahnya dari sudut logik juga. Siapa tahu, mungkin natijahnya nanti positif."

Siapa tokoh agama yang dekat dengan PM kalau bukan Dr Hamid Othman, yang kini disebut-sebut bercadang nak bertanding Naib Presiden Umno tahun depan. Presiden PAS Ustaz Fadzil Mohd Noor pernah menyifatkan Dr Hamid sebagai "pengampu nombor satu". Cerita tentang Dr Hamid ada saya sebutkan dalam bab berasingan. Kisahnya juga menarik, tetapi tidaklah dipenuhi lawak jenaka seperti ucapan Dr Hamid dalam setiap perhimpunan Umno.

"Pidato Dr Hamid semasa menggulung perbahasan pada hari terakhir perhimpunan Umno cukup menawan hati pemerhati. Ucapannya ditunggu-tunggu. Kalau Mahathir kata Anwar hebat berceramah, bagi saya, Dr Hamid lebih lagi. Jenakanya bersahaja dan beliau tidak terikut-ikut dengan *mood* pendengar," kata seorang perwakilan Pemuda.

"Sebelum Mahathir berhenti, Dr Hamid sepatutnya berhenti lebih awal kerana gagal memberi nasihat yang betul kepada PM. Mengapa Dr Hamid tidak berani tegur ucapan PM tentang aurat dan janggut tempoh hari?" tegur seorang kakitangan Pusat Islam.

Berbalik pertemuan saya dengan Ustaz Ahmad Awang. Oleh kerana perbincangan kami tentang kegoncangan ekonomi mengambil masa yang agak panjang, hasrat saya untuk berbahas tentang pemikiran Islam Mahathir terpaksa ditangguhkan. Bagaimanapun Ustaz Ahmad cukup bertuju dengan langkah PM tidak menerima pakej bantuan IMF: "Biarlah kita terpaksa makan ubi kayu sekalipun kerana kemiskinan dan kepapaan, tetapi jangan minta pertolongan IMF. Hancur negara dibuatnya nanti. Antara yang saya bimbang bila IMF masuk, pertelaghanan kaum akan berlaku."

"Malaysia jangan berbangga sangat kerana keadaannya tidak cukup teruk seperti negara jiran. Mujur kita ada bekalan minyak dan gas yang banyak. Dengar kata pengeluarannya ditingkatkan. Kalau kita tak ada minyak dah lama ekonomi negara punah," ujar Ustaz Ahmad.

Untuk meminta nasihatnya tentang buku ini saya terpaksa mengadakan temujanji kedua. Reaksinya cukup positif. Dia minta saya cari beberapa "fatwa" Mahathir yang boleh diulasnya nanti. "Maaf, terlambat kerana orang rumah minta teman dia pergi pasar tani tadi," sapanya mesra bila melihat saya menunggu keseorangan. Bersama-sama ialah isterinya.

Sebelum memulakan perbincangan, Ustaz Ahmad bercerita panjang lebar tentang hubungan istimewanya dengan Mahathir, khususnya ketika Dr M menjadi Timbalan Perdana Menteri. Beliau pernah dipetisejukkan oleh Mahathir, daripada Pusat Islam sebagai Pengarah Dakwah ke Kementerian Pelajaran. Mahathir sendiri beria-ia

mempastikannya agar dia tidak lagi berada di Pusat Islam.

Ustaz Ahmad juga pernah berdebat dengan Mahathir atas beberapa isu agama dan oleh itu beliau tidak terkejut dengan pendekatan agama PM yang disifatkan banyak pihak sebagai kontroversi.

"Saya masih ingat PM mengatakan ucapan Assalamualaikum sama saja dengan selamat pagi. PM juga pernah sebut bahawa kerajaan hanya akan menerapkan nilai-nilai Islam yang baik saja, seolah-olah menggambarkan ada nilai-nilai Islam yang tidak baik," kata Ustaz Ahmad.

"Saya juga pernah minta Dr Mahathir mengenakan tindakan undang-undang terhadap pendakwah Kristian yang cuba meracuni pemikiran pelajar-pelajar Islam. Tapi Dr Mahathir jelas tidak bersetuju dengan pendekatan itu. Dia hanya mahu kita lipatgandakan usaha dakwah. Itu memang kita usahakan, tapi sementara kita berkuasa gunakanlah semua saluran yang boleh kita manfaat demi kepentingan Islam," hujahnya lagi.

Hasrat saya tetap tidak kesampaian apabila Ustaz Ahmad Awang tidak mempunyai cukup masa kerana terhalang oleh program lain, namun beliau secara bersungguh-sungguh meminta saya menghubunginya semula untuk berbincang lebih panjang bagi menyanggah "fatwa-fatwa" Mahathir.

"Kita boleh buat sebuah buku khusus mengenainya. Saya boleh cerita panjang lebar tentang Mahathir," katanya. "Hubungilah Ustaz lepas raya nanti," pesan isterinya pula. Walaupun saya agak kecewa kerana tidak dapat berkongsi pengalaman dengannya dalam buku ini, namun mungkin lebih sesuai kita menerokanya dalam buku yang lebih khusus.

*Untuk mengikuti pandangan Ustaz Ahmad Awang terhadap kenyataan Dr Mahathir tentang aurat, lihat tulisannya di bawah ini:*

Hari ini sudah ada kalangan tertentu yang berani mencabar, bukan sahaja mencabar mufti dan ulamak, tetapi juga mencabar dan mempersoalkan hukum Allah s.w.t. hukum yang telah ditegaskan oleh Allah dalam al-Quran dan diprincikan dalam as-Sunnah, dihuraikan selanjutnya oleh ulamak muktabar, seperti Imam Malik, Hanafi, Shafie, Ham-bali dan imam-imam mujtahid besar yang lain.

Di kalangan tertentu ini dengan berani mencabar dan mempersoal, walaupun tahu sebahagian umat Islam tidak bersetuju dengan pandangan mereka, terhadap hukum-hukum Islam. Pihak ini mempunyai tafsiran sendiri dengan menyatakan bahawa hukum menutup aurat itu adalah dahulunya diwajibkan oleh syarak, khasnya bagi wanita, kerana orang Arab di zaman dahulu itu kuat nafsunya hingga berlaku pelbagai kejadian. Mereka berpendapat, kononnya disebabkan orang Arab zaman itu sangat kuat nafsu syahwatnya, maka Allah s.w.t. mewajibkan menutup aurat. Hukum dan peraturan ini dipatuhi oleh umat Islam hingga kini, kata pihak tertentu ini, walaupun tidak tahu asal usul tujuan menutup aurat ini diwajibkan.

Kalau begitu andaianya, bererti imam-imam mujtahid yang empat yang menjadi ikutan Muslimin ahli Sunnah itu tidak tahulah tujuan perintah menutup aurat itu. Kerana itu, pihak tertentu ini berhujah mengapa mufti atau ulamak begitu sibuk menyuruh wanita menutup aurat sedangkan kini zaman berubah dan keadaan tidak seperti zaman awal Islam di negara Arab dahulu. Untuk menjawab hujah itu, perlulah isu ini dirujuk kepada pandangan ulamak muktabar zaman berzaman. Bagaimanapun perlu ditegaskan di sini

bahawa kebanyakan perintah agama tidak semuanya dijelaskan sebab musababnya kerana menurut kaedah ilmu agama, kalau sesuatu hukum itu diwajibkan kerana sebab yang zahir, maka apabila sesuatu sebab zahir itu sudah tidak wujud lagi, bererti hukum itu pun hilang atau terbatal. Misalnya, kalau haramnya meminum arak itu kerana memabukkan, maka kalau ia tidak lagi memabukkan, bererti arak itu sudah tidak haram lagi, bahkan ia tidak dianggap sebagai arak lagi.

Kalau begitu andaianya, jika solat itu untuk memperteguhkan iman, maka logiknya jika iman sudah teguh maka solat tidak perlu lagi. Inilah logik akal golongan tertentu ini. Sedangkan hukum mewajibkan solat ialah kerana ia suatu ibadah. Siapa yang mengaku Allah s.w.t. sebagai Tuhaninya, ia mesti menuaikan solat, sama ada ia suka atau tidak suka. Sama ada imannya dirasanya sudah teguh atau tidak. Inilah yang dikatakan "*taabbudi*", iaitu suatu perintah Allah s.w.t. diterima tanpa sebab, selain semata-mata kerana iman. Kerana itu, Islam mengharamkan khinzir (babi) tanpa dinyatakan sebab. Tetapi sebagai orang yang beriman kepada perintah Allah dan Rasul-Nya, perintah ini dipatuhi sepenuhnya tanpa soal jawab. Mereka tidak menyoal sama ada khinzir itu boleh membawa penyakit atau tidak kepada yang memakannya.

Kita boleh melihat hikmah yang ada dalam perintah Allah s.w.t. supaya manusia menutup aurat. Manusia diciptakan berlainan daripada binatang yang dijadikan tanpa pakaian walaupun pada hakikatnya binatang tidak berbogel kerana ada bulu pada badannya serta Allah s.w.t. menjadikan anggota kelamin bintang itu tersembunyi pula. Dengan demikian secara umum, binatang sama ada kecil atau besar kelihatan seolah-olah berpakaian. Tetapi berlainan dengan manusia yang diberi akal fikiran atau diperintahkan oleh Allah s.w.t. sebagai khalifah di muka bumi ini. Maka sejak

Nabi Adam a.s. lagi manusia perlu kepada pakaian, apa lagi tubuh manusia tidak berbulu tebal seperti haiwan. Untuk menyempurnakan pakaian itu, datang perintah Allah s.w.t. bahawa berpakaian itu adalah suatu ibadah, kalau tidak berpakaian adalah berdosa. Berlainan, misalnya, dengan makan minum yang bukan ibadah secara khusus, walaupun Allah s.w.t. memerintahkan kita memakan benda yang halal dan baik, tetapi Allah s.w.t. tidak menentukan benda yang mesti dimakan itu, asalkan saja halal dan baik.

Tabie manusia berpakaian kerana ia malu menampakkan bahagian sulit anggota tubuhnya. Itulah sebabnya Allah s.w.t. menyempurnakan fitrah manusia, iaitu memerintahkan menutup aurat dan perintah ini sebagai suatu ibadah. Bererti melanggarnya adalah maksiat dan berdosa. Oleh itu antara hikmah menutup aurat ialah menjaga maruah dan kemuliaan insan, berbanding dengan binatang yang tidak ada sifat malu. Namun begitu, jika tidak disyariatkan, malu manusia mungkin berbeza-beza. Maka bagi perempuan perlulah ditutup seluruh anggotanya, kecuali muka dan dua tapak tangan (mengikut jumhur). Jika tidak ditutup akan menyebabkan terdedah dengan kemaksiatan, tidak kira sama ada orang Arab dahulu atau orang Melayu sekarang.

Saya masih ingat, seorang profesor universiti tempatan yang masih hidup sekarang, menyatakan kira-kira 20 tahun lalu: "Orang yang berpakaian menutup aurat seperti di Malaysia tidak semestinya masyarakatnya tidak berbuat jahat, berbanding dengan orang Barat yang sudah biasa melihat wanita mendedahkan tubuh." Menurut logik profesor ini, konon "yang ditutup-tutup itu mungkin sama saja atau lebih buruk kerana kalau terbuka sedikit saja, terus terdorong melakukan maksiat." Saya berhujah, kalau profesor ini bercakap tanpa diiringi dengan fakta, maka pandangannya itu tidak mempunyai nilai atau cakap kosong saja. Di manakah

ada bukti kononnya perempuan yang menutup tubuhnya melakukan maksiat sama banyak atau lebih banyak berbanding dengan orang yang mendedahkan aurat?

Saya berani menyatakan bahawa orang Barat yang mendedahkan aurat lebih banyak melakukan jenayah seks, malah tidak cukup antara lelaki dan perempuan, bahkan mereka berpindah kepada amalan seks sesama lelaki atau sesama perempuan. Ada pula yang masih belum puas sehingga memperkosa budak-budak dan membunuhnya. Saya berhujah dengan profesor ternama ini 20 tahun lalu dan kini ada lagi orang yang bercakap bahawa wanita yang menutup aurat juga banyak melakukan jenayah.

Semua ini timbul kerana pendedahan aurat wanita sama ada dalam bentuk gambar dan sebagainya. Di Barat sendiri kajian menunjukkan bahawa tahap datang haid di kalangan gadis remaja dahulunya antara 14 dan 15 tahun, kini lebih awal sehingga seawal sembilan tahun. Ini kerana ransangan seks yang meransang kuat dengan adanya gambar, filem dan wanita berpakaian terdedah bahkan dengan gaya lucah.

Di Malaysia, jika dibanding dengan zaman dahulu dengan keadaan sekarang, kes-kes rogol dan zina begitu tinggi sekali. Salah satu sebabnya ialah pendedahan aurat sehingga tidak menjadi segan silu terutama di TV dan filem serta pesta-pesta, umpamanya di majlis-majlis anugerah.

Perlu ditegaskan di sini bahawa seruan menutup aurat bukan seruan bersifat melampau. Kerana tiada paksaan supaya wanita Islam memakai jubah hingga yang kelihatan hanya mata mereka. Apa yang diperintah menutup aurat ialah berpakaian menutup tubuh, kecuali muka dan tapak tangan. Ini pendapat yang sederhana. Bahkan peraturan atau enakmen yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor sangat sederhana. Bahkan dakwaan terhadap peserta ratu cantik itu sendiri bukan kerana mendedahkan

aurat tetapi kerana berpakaian tidak sopan.

Malangnya, mungkin ada yang terasa satu hari nanti wanita yang tidak bertudung kepala juga dianggap tidak sopan. Maka golongan tertentu ini segera melabelkan desakan serupa ini sebagai melampau.

**DAKWAAN MAHATHIR:  
ORANG YANG MENUTUP KEPALA  
JUGA MELAKUKAN JENAYAH SEKS  
TIDAK KURANG DARIPADA YANG  
TIDAK MENUTUP KEPALA!**

Ramai ibu bapa yang ingin anak mereka menjadi alim dalam bidang agama sahaja. Dengan itu sebahagian daripada kanak-kanak yang berbakat tidak dapat mempelajari ilmu lain yang mereka berupaya menguasai dengan baik. Apabila lulus kemudian dalam pelajaran agama mereka dapati mereka tidak mempunyai banyak peluang untuk bekerja dalam bidang yang berpendapatan tinggi. Dengan itu, mereka berasa kecewa, berasa masyarakat tidak adil kepada mereka. Dan mereka marah kepada masyarakat terutama orang lain yang belajar dalam bidang lain yang hidup lebih baik daripada mereka. Dan mereka marah kepada kerajaan

---

Sebahagian ucapan Dr Mahathir Mohamad, Presiden Umno, sewaktu merasmikan perhimpunan agung parti itu, September 1997.

yang mereka cap sebagai sekular. Di air yang keruh inilah ramai yang akan menangguk.

Kita bukan tidak memberi perhatian kepada pelajaran agama. Sebenarnya kemudahan untuk belajar agama lebih baik sekarang dari zaman dahulu. Sesiapa yang ingin belajar agama dapat mempelajarinya hingga ke peringkat tertinggi sekali. Tetapi apakah akan jadi kepada masyarakat Islam jika ilmu yang ada pada mereka terhadap hanya kepada yang berkaitan dengan agama, usuluddin dan feqah sahaja? Tidak ada doktor perubatan, jurutera, panglima tentera, ahli perniagaan dan perusahaan, petani dan orang lain yang penting untuk kesejahteraan masyarakat di kalangan mereka. Tentulah masyarakat yang terhad kepada orang agama sahaja akan menjadi kaku dan lemah. Mereka boleh berdoa meminta segala-galanya dari Tuhan tetapi Allah s.w.t. telah berfirman dalam al-Quran bahawa Allah tidak akan mengubah nasib kita jika kita tidak berusaha mengubahnya sendiri. Jelaslah bahawa doa semata-mata tidak akan menjadi kita berjaya dan bahagia.

Komen berkenaan dengan pelajaran agama amat sensitif. Jika sesiapa berkata bahawa orang Islam harus belajar ilmu lain daripada agama maka ia akan dikecam kerana dianggap kurang Islam. Ibu bapa yang menghantar anak untuk belajar agama dianggap sebagai orang yang mematuhi kehendak agama Islam. Sebenarnya mereka yang mengutamakan keselamatan dan pertahanan Islam dan umat Islam dan dengan itu menyuruh anak mereka mempelajari ilmu-ilmu tertentu, tidak kurang Islam, bahkan beribadat kerana menolong menuaikan fardhu kifayah.

Umno sebagai sebuah parti politik tidak harus gentar dengan tuduhan bahawa kita tidak mengutamakan Islam. Apabila kita merancang Koridor Raya Multimedia, kita sebenarnya berusaha untuk menyelamatkan umat Islam

dalam zaman yang mencabar sekarang dan akan datang. Tanpa pengetahuan dalam bidang teknologi maklumat dan cara-cara menggunakan untuk menguatkan umat Islam dan pegangan mereka kepada agama Islam, kita bukan sahaja akan tertinggal di belakang tetapi akan terdedah kepada serangan ke atas cara hidup, agama dan budaya kita. Sebenarnya teknologi CD-Rom sudah pun memudahkan kita untuk mempelajari agama Islam dan untuk mengembangkan ajaran-ajaran ini. Adalah lebih mudah mendengar bacaan al-Quran dan mendapat tafsiran yang tepat melalui komputer daripada hanya membaca al-Quran. Amatlah merugikan kita jika kita membaca al-Quran sebagai satu ibadat tetapi tidak ingin mengetahui isi kandungannya.

Baru-baru ini berbagai-bagi fatwa berkenaan dengan perkara-perkara berkaitan dengan amalan kehidupan orang Islam di Malaysia telah dibuat. Dalam undang-undang Islam di Wilayah Persekutuan, mufti boleh membuat fatwa yang kemudian disahkan oleh Majlis Fatwa yang dipengerusikan oleh mufti yang sama. Apabila disah dan diisyiharkan atau digazetkan, maka fatwa itu menjadi undang-undang.

Tetapi undang-undang yang sama memperuntukkan bahawa mufti boleh membatalkan fatwanya dan mana-mana fatwa yang telah dikeluarkan sebelum ini oleh dirinya atau mufti lain. Peruntukan ini tentulah kerana ada kemungkinan ada fatwa yang salah atau tidak sesuai yang perlu dibatalkan. Dengan perkataan lain undang-undang akui kemungkinan ada fatwa yang dikeluarkan yang salah. Kuasa mufti dalam soal membuat dan membatal fatwa amatlah besar.

Mufti adalah jawatan yang diwujudkan oleh pemerintahan negara-negara Islam selepas nabi wafat untuk membantu membuat keputusan berkenaan dengan soal-soal agama. Jawatan mufti diperlukan kerana keghairahan mereka yang mendakwa diri sebagai ulamak untuk membuat

fatwa dan tafsiran sendiri yang kerap bertentangan antara satu dengan lain yang mengelirukan umat Islam. Dengan adanya mufti maka hanya Jabatan Mufti sahaja yang boleh membuat dan membatal fatwa. Dengan cara ini tidak akan ada fatwa yang bercanggah antara satu sama lain berkenaan perkara yang sama.

Sepanjang sejarah Islam banyak fatwa yang diterima pakai yang kemudian dibatal atau diketepikan. Demikian larangan mengukir rupa bentuk manusia atau binatang oleh agama Islam. Sebabnya ialah kerana di zaman dahulu orang Arab dan penganut agama-agama lain suka menyembah berhala yang mereka ukir menyerupai manusia atau binatang. Ada juga yang mengukir dan melukis rupa Tuhan mereka dan kemudian menyembah ukiran dan gambar-gambar ini.

Untuk mengelak Allah disekutukan dengan objek yang lain atau dengan percubaan membuat imej Allah yang kemudian disembah, agama Islam milarang ukiran dan lukisan rupa bentuk manusia atau binatang. Sehingga ke zaman terakhir empayar Islam Turki, larangan ini dikuatkuasakan. Tetapi di zaman ini larangan terhadap ukiran dan lukisan manusia dan binatang tidak lagi dapat dikuatkuasakan di seluruh dunia Islam kerana adanya kamera dan televisyen. Gambar tokoh-tokoh Islam dan alim ulamak terdapat di mana-mana sahaja.

Apakah dengan ini umat Islam sudah tidak lagi menurut hukum Islam berkenaan ukiran dan lukisan rupa manusia dan binatang? Dalam hal ini kita perlu merujuk semula kepada sebab larangan tersebut dibuat. Sebabnya ialah bagi menghalang Arab Jahiliyyah yang memeluk agama Islam kembali menyembah berhala, gambar lukisan, dan sebagainya seperti yang mereka lakukan dahulu.

[....] Namun demikian ramai orang Islam menganggap

tujuan atau maksud sesuatu hukum dalam Islam tidak penting. Yang penting ialah cara atau pendekatannya sahaja. Dengan kerana kita mengutamakan cara maka maksud dan tujuan ajaran Islam kerap kali tidak tercapai.

Agama Islam bukan agama ibadat ritual yang perlu dilakukan tanpa mengambil kira tujuan sesuatu itu dikehendaki dilakukan. Segala-gala yang disuruh oleh agama Islam mempunyai kaitan dengan kesejahteraan hidup umat Islam. Sebab itu apabila sahaja orang Arab Jahiliyah memeluk agama Islam mereka mencapai kemajuan yang luar biasa.

Tetapi semakin lama semakin kuat keutamaan diberikan kepada ibadat berbentuk ritual dan apa yang dikaitkan dengan rupa bentuk Islam. Pakaian Arab yang pada zaman Nabi dan beberapa abad selepasnya dipakai oleh semua orang Arab, sama ada Islam atau Kristian, dijadikan simbol Islam. Dengan itu orang Islam memakai pakaian ini tetapi mereka sering berperang sesama sendiri tanpa menghirau tuntutan Islam yang lebih berat supaya orang Islam bersaudara.

Dalam soal keselamatan, umat Islam disuruh menyediakan kuda dan pedang untuk menakutkan musuh. Di zaman ini kuda dan pedang tidak akan menakutkan sesiapa. Jika kita pegang kepada arahan mengadakan kuda dan pedang, maka hari ini kita tidak akan dapat membuat apa-apa kerana musuh tidak takut kepada kuda dan pedang. Tetapi jika kita tumpukan kepada tujuan yang terkandung dalam ayat al-Quran supaya kita menakutkan musuh, maka kita tentulah akan menyediakan pasukan perang yang lengkap dengan senjata-senjata yang canggih yang boleh menakutkan musuh.

Demikian juga dengan menutup aurat. Tujuan menutup aurat ialah kerana di zaman Nabi, Arab Jahiliyah mempunyai nafsu yang kuat sehingga sering menculik dan merogol wanita daripada kabilah-kabilah lain. Akibatnya ialah pe-

perangan antara mereka yang tidak pernah tamat.

Tetapi di zaman ini di Malaysia kita amat keras berkenaan dengan menutup aurat. Hukuman keras disediakan terhadap mereka yang melanggar larangan ini. Bahawa orang yang menutup aurat ini membuang bayi, mendera dan membunuh anak, merogol dan melakukan berbagai-bagai jenayah seks tidak kita kaitkan dengan tujuan menutup aurat. Seperti juga dengan penyediaan kuda dan pedang tidak menakutkan musuh, dan ukiran dan lukisan rupa bentuk binatang dan manusia tidak disembah sebagai berhala, menutup aurat sudah hilang kesannya. Ini bukan bermakna al-Quran salah. Yang salah ialah kerana kita mengutamakan penutupan aurat dan bukan pencegahan jenayah nafsu dan seks yang merupakan tujuan utama ajaran Islam. Seperti juga dengan gambar dan ukiran yang tidak lagi dapat kita cegah, pendedahan aurat dapat dilihat oleh semua orang Islam di zaman ini. Tekanan yang penting ialah pendidikan moral Islam dan bukan menunjuk perbezaan rupa antara orang Islam dan orang bukan Islam kerana ini tidak mencegah jenayah seks yang berleluasa dalam masyarakat orang Islam.

Kerana tekanan yang salah, kerana keutamaan kepada cara dan tidak kepada tujuan, maka hari ini orang Islam bersengketa sesama sendiri, berpecah-belah dan lemah. Musuh sebenar tidak dipedulikan. Kawan dan saudara seagama dikecam dan dijadikan musuh kerana dianggap kurang Islam. Di seluruh dunia Islam, inilah yang sedang berlaku. Asalkan sesuatu itu didakwa sebagai kehendak Islam, perbuatan lain yang terang-terang tidak Islam dihalalkan. Demikian fitnah dan tuduhan bermacam-macam dibuat sehingga lah pembunuhan orang Islam lain juga dihalalkan kerana mengejar apa yang didakwa sebagai tuntutan Islam.

Menutup aurat di kepala mempunyai tujuan yang sama

dengan menutup aurat, iaitu untuk mengelak daripada berlakunya jenayah seks. Tidak siapa yang melarang amalan ini tetapi ramai yang ingin memaksa lebih daripada yang disuruh sehingga anak kecil dan orang amat tua juga mesti menutup kepala mereka. Dan jangan kita lupa orang yang menutup kepala juga melakukan jenayah seks tidak kurang daripada yang tidak menutup kepala. Sebabnya ialah kerana kita mengutamakan menutup kepala dan bukan pencegahan jenayah. Asalkan kita menutup kepala sempurnalah amalan kita.

[....] Saya sedar apa yang saya katakan ini tidak akan disenangi oleh ramai orang, termasuk ahli-ahli Umno. Tetapi kita menghadapi masalah peningkatan sikap tidak toleran terhadap sesiapa yang tidak mengutamakan rupa bentuk yang dikatakan Islam ini sehingga yang sunat diwajibkan dan yang wajib ditingkat dan diperketatkan lagi, dengan dakwaan bahawa sesiapa tidak melakukannya maka orang itu tidak Islam dan murtad.

Di beberapa negara Islam lain, puak fanatik sanggup membunuh orang seagama mereka kerana ingin merebut kuasa untuk melaksanakan pendapat mereka. Di Malaysia, golongan seperti ini sudah sampai ke peringkat memfitnah dan menidakkann keislaman orang lain. Jika dibiarkan, kita juga akan menjadi seperti negara Islam tertentu yang sudah lemah dan ditindas oleh kuasa asing. Kita perlu mempertahankan ajaran Islam yang sebenar sebelum malapetaka menimpa kita.



جامعة ملaysia  
JABATAN KEMAJUAN ILMU DALAM NEGERI  
DAHAGIAN MASJID NEGARA  
JALAN PERDANA  
50480 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2937784 7 telan  
Fax: 03-2913895

Ruj. Tuduh:

Per. Kode: PMEL/11.9188/443

25 Rajab, 1418

Tarikh: 26 November, 1997

Kepada:

Peserta-peserta Gerai Buku Ekspo Masjid Negara

Assalamualaikum wr. wb..

Tuan/puan,

**LARANGAN MENJUAL/MEMPROMOSIKAN BUKU KONTROVERSI  
'MULTI LAWAN MAHATHIR PEMERINTAH PEMUDA'**

Perkara di atas dirujuk sebagai berikut:

1. Adalah dianjurkan keadaan mempromosikan buku yang diharang untuk mempromosikan buku tersebut mahu-butir berikut:-

Tajuk Buku : Muhi Lawan Mahathir?  
Penulis : Peserikatan Pemuda  
Kertasian : Ahmad Lutfi Othman

2. Larangan ini berkuatkuasa mulai tarikh 26 November, 1997 hingga ke tamat Ekspo Masjid Negara pada 7 Disember, 1997.

3. Akhirnya, semoga mendapat perjelasan yang seujamanya daripada pihak manapun.

Sekian. Terima kasih.

Saya yang membuat perjelasan

(TGANU H. KAMA PUDDIN BIN ZAKARIA )  
Masjid Negara  
Jabatan Kemajuan Ilmu Malaysia  
b.p. Ketua Penyuzaah

Arahan Pusat Islam yang melarang dan mempromosikan buku Muhi Lawan Mahathir daripada dijual di Ekspo Masjid Negara.

## **PAS SANGGAH “FATWA” DR M: BAHAYA DAN MENGELIRUKAN**

**U**capan perasmian dan penutupan (penggulungan) Presiden Umno, Dr Mahathir Mohamad dalam Perhimpunan Agung Umno, dari 5 hingga 7 September 1997 begitu mengelirukan terutama mengenai kedudukan syariat Islam, ulamak, umat Islam dan Sunnah Rasulullah s.a.w. Kita tidak dapat membiarkan ucapannya yang mengelirukan itu berlalu begitu saja. Di bawah ini kita perturunkan petikan-petikan ucapannya itu dan jawapan balas berpandukan al-Quran, Sunnah dan ijmak ulamak.

**Mahathir: Kumpulan kecil dalam masyarakat Islam kecewa kerana pendapat mereka tentang Islam tidak diterima oleh**

masyarakat, telah mengganas dan membunuh orang Islam secara membuta tuli.

**Jawapan:** Besar kemungkinan Mahathir merujuk ini kepada perjuangan gerakan Islam seperti Ikhwanul-Muslimin, Jamaah Islamiyah di Mesir, FIS di Algeria, Hamas di Palestin dan jamaah Islam yang lain di seluruh dunia, termasuk Malaysia. Dunia Barat menganggap jamaah Islam ini golongan fundamentalis, pelampau, malah pengganas. pada hal mereka yang berjuang dalam jamaah Islam ini sejak zaman berzaman — di mana saja — bertujuan menegakkan negara Islam di muka bumi ini, di mana syariat dapat terlaksana sepenuhnya. Para mujahid ini ada yang dipenjara dan dibunuh oleh pemerintah negara Islam yang patuh kepada kuasa kuffar Barat untuk menekan gerakan Islam. Pemerintah negara Arab juga memenjara, menyeksa dan membunuh pejuang Islam sejak lama dulu yang beratus ribu jumlahnya dan masih berterusan hingga kini. As-Syahid Hassan Al-Banna, Syed Qutb, Syed Nursi, As-Sanusi adalah antara pemimpin pejuang Islam yang diseksa itu. Pemimpin sekular negara umat Islam di Dunia Ketiga, termasuk Malaysia, juga turut mendera pejuang-pejuang Islam. Sekian banyak pejuang Islam yang merengkok dalam tahanan tanpa bicara, diseksa dan sebagainya. Peristiwa Memali 1985 masih segar dalam ingatan.

Para mujahid ini berjuang supaya Islam berdaulat dan diterima sepenuhnya. Malangnya, pemerintah negara umat Islam yang sekular menentang perjuangan mereka. Inilah hakikat sebenarnya. Ada bukti bahawa pembunuhan beramai-ramai umat Islam di Algeria baru-baru ini dilakukan oleh agen-agen Barat yang bersekongkol dengan pemerintah negara tersebut. Ertinya bukan pejuang Islam yang melakukan perbuatan membunuh. Demikian juga apa yang berlaku di Mesir dan negara Arab yang lain. Pihak Barat dan

golongan pemerintah sekular umat Islam sentiasa berusaha memburuk-burukkan perjuangan suci umat Islam sebagai pelampau kerana mereka menentang kebangkitan Islam yang mereka anggap sebagai musuh utama. Tidak benar sekali anggapan Mahathir bahawa pejuang Islam yang kononnya mengganas ini kerana kecawa pendapat mereka tidak diterima masyarakat. Yang sebenarnya pemimpin sekular negara umat Islam yang memusuhi pejuang Islam menyebabkan pembunuhan berlaku.

**Mahathir:** Walaupun Islam membebaskan wanita daripada budaya Arab Jahiliyah, ketidakadilan kepada wanita sudah kembali, sehingga ada yang berkata, semua masalah sosial adalah disebabkan wanita. Dengan itu percubaan dibuat untuk mengasingkan mereka supaya mereka tidak dapat menggoda lelaki. Tetapi lelaki tidak menjadi lebih baik kerana tindakan itu. Kita malu menyebutnya, tetapi di negara kita jenayah tertentu yang disebabkan nafsu seks lebih kerap berlaku di kalangan orang Melayu yang Islam daripada yang bukan Melayu. Kita lebih mengutamakan soal aurat daripada kesan menutup aurat terhadap moral kita.

**Jawapan:** Tidak ada siapa yang mengatakan bahawa semua masalah sosial adalah disebabkan wanita. Kita tidak tahu di mana Mahathir mendapat fakta ini. Apa yang sering ditegaskan oleh ulamak ialah bahawa pergaulan bebas lelaki perempuan adalah dilarang, dan ajaran Islam menentang keras pergaulan bebas ini berdasarkan firman Allah, maksudnya: "Jangan kamu menghampiri zina." Sebab itu umat Islam yang prihatin menentang keras konsert hiburan yang mendedahkan lelaki perempuan kepada pergaulan bebas, peraduan ratu cantik dan sebagainya. Malangnya, pemimpin negara seolah-olah mempertahankannya, malah

dalam beberapa hal menyediakan seluas-luasnya pintu-pintu kemungkaran untuk dimasuki anak-anak muda. Malah ada pemimpin negara yang ikut serta "menjuarai" pesta-pesta mungkar seperti yang berlaku di Dataran Merdeka dan sebagainya. Anehnya, apabila gejala sosial memuncak akibat pergaulan bebas itu, pemimpin pemerintah menyalahkan pula ibu bapa, guru dan sebagainya. Pada hal sistem negara ini sendiri yang menggalakkan kemungkaran.

Ketika Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bertindak terhadap peserta ratu cantik berbangsa Melayu (berdasarkan peruntukan undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Selangor yang dikuasai oleh Umno sendiri), beberapa pemimpin negara marah dan mempertikai tindakan terhadap peserta ratu cantik tersebut, sehingga mufti tidak lagi dibenarkan memberi fatwa. Apakah lagi yang boleh ditafsirkan semuanya ini, selain daripada bukti usaha pihak tertentu mempertahankan kegiatan mungkar, di mana pada masa yang sama mereka berpura-pura, kononnya, sentiasa mempertahankan nilai-nilai murni (dahulu mempertahankan nilai-nilai Islam).

Mereka yang melakukan kemungkaran, bukan daripada golongan Muslim prihatin, tetapi di kalangan orang yang keliru dan lemah imannya, yang merasa kegiatan mungkar mereka dilindungi dan dipertahan oleh pemimpin politik yang berkuasa. Kerajaan PAS Kelantan telah membuat peraturan pengasingan kaunter wanita dan lelaki di pusat-pusat membeli-belah dan sebagainya untuk tujuan suci melarang percampuran lelaki perempuan. Tetapi ini dicemuh oleh pemimpin Umno.

Mahathir perlu membuktikan dengan fakta bahawa dengan peraturan pengasingan lelaki perempuan ini "lelaki tidak menjadi lebih baik kerana tindakan itu". Kerajaan PAS Kelantan telah berusaha bersungguh-sungguh mencegah

kemungkaran, hasilnya kini dapat disaksi dan dinilai oleh rakyat yang mampu berfikir dengan fikiran terbuka, dihargai oleh umat Islam yang teguh pendirian agamanya. Mahathir berkata, kita lebih mengutamakan soal menutup aurat daripada kesan menutup aurat terhadap moral. Apakah perintah menutup aurat tidak penting baginya, kerana memikirkan kesan daripada menutup aurat terhadap moral kita?

Mahathir perlu membuktikan dengan fakta kesan moral terhadap wanita yang menutup aurat. Berapakah jumlah wanita menutup aurat yang melakukan maksiat, berbanding wanita yang tidak menutup aurat? Apakah disebabkan wanita itu menutup aurat maka ia berbuat maksiat, sementara seseorang wanita itu disebabkan tidak menutup aurat maka ia tidak berbuat maksiat. Analogi yang diberi oleh Mahathir ini mudah saja: Wanita menutup aurat ramai berbuat mungkar, berbanding wanita tidak menutup aurat. Di mana beliau mendapat fakta ini?

Sesungguhnya wanita yang menutup aurat sudah memenuhi tuntutan syarak (soal jika ia juga berbuat mungkar selepas itu adalah soal lain), tetapi wanita yang tidak menutup aurat tetap berdosa kerana melanggar perintah Allah. Wanita menutup aurat, walaupun mungkin ia berbuat mungkar tetapi ia hanya mendapat satu dosa kerana berbuat mungkar saja, tetapi wanita yang tidak menutup aurat ia telah berdosa sejak awal, dan jika ia berbuat mungkar, bermakna ia mendapat dua dosa — mendedahkan aurat dan berbuat mungkar. Menutup aurat adalah kewajipan dan ibadah yang telah ditegaskan oleh Allah di dalam al-Quran. Ia bukan budaya Arab. Hukum Allah ini qat'ie (mesti, tetap) dan tidak boleh ditolak-ansurkan. Mereka yang menganggap diri mereka "golongan Islam sederhana" perlu menerima hakikat bahawa sungguhpun Islam tidak menentukan jenis dan bentuk serta warna pakaian yang wajar dipakai umat-

nya, namun asasnya ialah pakaian itu mesti menutup aurat.

(Kita tertarik juga dengan temuramah TV3 dengan Aishah Ghani, bekas pemimpin Wanita Umno pada pagi Sabtu, 6 September 1997 dalam ruangan *Agenda*. Antara lain, Aishah Ghani berpendapat ada wanita yang menutup aurat tetapi masih ada yang berpeluk-peluk, begitu juga ramai yang sembahyang tetapi berbuat kerja tidak senonoh. Kalau begitu, apakah Aishah Ghani mempunyai analogi bahawa tidak lagi perlu menutup aurat dan sembahyang, kerana mereka yang melakukan ini tetap juga berbuat maksiat?)

**Mahathir:** Ramai ibu bapa yang ingin anak mereka menjadi alim dalam bidang agama saja. Dengan itu sebahagian daripada kanak-kanak yang berbakat tidak dapat mempelajari ilmu lain yang mereka berupaya menguasai dengan baik. Apabila lulus kemudian dalam pelajaran agama didapati mereka tidak mempunyai banyak peluang untuk bekerja dalam bidang berpendapat tinggi. Mereka kecewa akhirnya.

**Jawapan:** Pandangan ini juga salah. Mahathir dengan segala prejudisnya terhadap pelajaran agama Islam tidak melihat, pertama, kesedaran ibu bapa terhadap Islam dan menghendaki anak mereka menjadi generasi Islam yang mematuhi perintah Allah. Kedua, Mahathir tidak melihat sekian banyak pelajar Melayu yang mempunyai ilmu agama yang tinggi juga memiliki kemahiran ilmu-ilmu lain. Doktor, jurutera, jurubina, ahli ekonomi yang lulus dari universiti dalam dan luar negeri telah mempunyai kesedaran tinggi terhadap Islam. Sebab itu, ramai di antara mereka yang memasuki PAS atas keyakinan mereka terhadap perjuangan PAS untuk menegakkan Islam, berbanding Umno yang masih terperangkap dengan pemikiran sekular pemimpinnya. Ketiga, manifestasi kekecewaan ibu bapa melihatkan

hasil sistem pelajaran sekular yang diamalkan di Malaysia sekarang yang mengakibatkan ramai anak muda terlibat dalam keruntuhan akhlak, menderhaka kepada ibu bapa, mengabaikan tanggungjawab agama dan lain-lain.

Mahathir dan orang-orang yang sealiran fikiran dengannya sebenarnya ketinggalan zaman dan gagal mentafsirkan gelombang kebangkitan Islam masa kini. Kegagalan ini menyebabkan beliau dan pemimpin Umno yang lain amat terkejut melihatkan ramainya golongan profesional menaruh minat yang tinggi terhadap Islam. Mahathir dan pemimpin Umno lain adalah mewakili pemikiran generasi lama warisan penjajah yang tidak pernah melihat Islam sebagai suatu kuasa. Sebab itu seperti Mustafa Kamal Attaturk, pemimpin sekular Turki, beliau takut dengan kebangkitan Islam, takut dengan pejuang-pejuang Islam, bimbang dengan ulamak dan fatwa mereka, prejудis melihat wanita Islam menutup aurat, benci melihat lelaki Islam berjanggut, walaupun itu Sunnah Rasul, ia menggalakkan pergaulan bebas lelaki perempuan dan seterusnya memperlekeh apa saja sistem nilai Islam.

**Mahathir:** Tanpa pengetahuan dalam bidang teknologi maklumat dan cara menggunakan, kita bukan saja akan tertinggal di belakang, tetapi akan terdedah kepada serangan ke atas cara hidup, agama dan budaya barat. Sebenarnya CD-Rom sudahpun memudahkan kita mempelajari agama Islam dan untuk mengembangkan ajaran ini.

**Jawapan:** Mahathir mempunyai anggapan salah, seolah-olah mereka yang berjuang menegakkan Islam tidak berminat kepada bidang teknologi maklumat. PAS sendiri telah mempunyai internet dan *home-page* sendiri, di samping Dewan Ulamak, Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat. Bahkan ramai pemimpin dan ahli PAS (dan gerakan Islam lainnya) yang memiliki internet sendiri sama ada di rumah

ataupun di pejabat mereka sendiri. Penguasaan mereka dalam bidang teknologi maklumat inilah juga menyebabkan Mahathir dan pemimpin Umno merasa sangat cemburu dan prejedis dengan kejayaan PAS di bidang tersebut. Tidak sedikit pula jumlahnya ustaz-ustaz yang mahir dalam bidang teknologi maklumat ini. Bahkan mungkin ada anak-anak mereka jauh lebih mahir daripada anak-anak orang Umno dalam ilmu tersebut.

**Mahathir:** Jika sesiapa berkata orang Islam harus belajar ilmu lain daripada agama, ia akan dikecam kerana dianggap kurang Islam. Ibu bapa yang menghantar anak mereka untuk belajar agama dianggap orang yang mematuhi kehendak agama Islam. Sebenarnya mereka yang mengutamakan keselamatan dan pertahanan Islam dan umat Islam dan dengan itu menyuruh anak mereka menuntut ilmu tertentu tidak kurang Islam bahkan beribadat kerana menolong menunaikan fardhu kifayah.

**Jawapan:** Mungkin ada kes-kes terpencil, dan jika Mahathir mengambil jumlah yang kecil ini sebagai keseluruhan pandangan ibu bapa Islam, maka itu sangat mengelirukan. Pada keseluruhannya, ibu bapa menyedari pentingnya anak mereka belajar ilmu lain, selain fiqh dan usuluddin. Namun begitu ibu bapa yang prihatin terhadap agamanya sentiasa berusaha dan mengharapkan anaknya menjadi orang Mukmin sejati walaupun ia menuntut ilmu kedoktoran, kejuruteraan, ekonomi dan sebagainya. Mereka tidak mahu anak mereka, walaupun berjaya menjadi doktor tetapi mempunyai fikiran sekular dan mentafsirkan al-Quran dan Hadis sesuka hati kerana berdasarkan logik akal semata-mata.

**Mahathir:** Ramai ibu bapa yang ingin anak mereka menjadi alim dalam bidang agama saja... Apabila lulus kemudian dalam pelajaran agama, mereka mendapati tidak mempunyai banyak peluang untuk bekerja dalam bidang yang berpendapatan tinggi. Dengan itu mereka merasa kecewa.

**Jawapan:** Umat Islam yang prihatin tehadap agamanya masing-masing terpanggil untuk memberikan pendidikan agama setinggi mungkin kepada anak-anak mereka, semata-mata kerana mahukan anak mereka kelak cemerlang di dunia dan lebih-lebih lagi di akhirat, dalam masa yang sama berjaya mengekang diri daripada terjerumus ke dalam kancan penyakit kerutnuhan akhlak. Firman Allah, mafhumnya: "Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan." (Al-'Alaq: 01) Ayat ini memperteguhkan maksud bahawa pendidikan Islam sebenarnya adalah teras segala bentuk ilmu yang lain. Ilmu Islam adalah prasyarat dalam menatang dan menjayakan ilmu-ilmu duniawi yang lain. Di mana dengan ilmu agama yang dikuasai dan diamalkan akan mampu membezakan dosa dan pahala, halal dan haram dalam kehidupannya walaupun seseorang itu sebagai ahli profesional yang mengamalkan sikap "membujur lalu melintang patah". Mengetepikan wilayah halal dan haram.

Sesungguhnya memperlekehkan pelajaran agama seperti merendahkan martabat agama Islam itu sendiri. Seolah-olah mereka yang alim dalam bidang agama ini tidak mempunyai nilai dan tempat dalam arus perdana dunia moden hari ini. Bagaimanakah agaknya nasib dunia tanpa mereka yang celik agama? Regim sekular Turki hari ini yang melanjutkan fahaman sekular warisan Mustafa Kamal Attaturk sedang dalam proses menutup terus institusi pengajian Islam, malah kelas al-Quran di sana sudahpun ditutup. Apakah umat Islam rela keadaannya yang sama berlaku di negara ini?

**Mahathir:** Mufti adalah jawatan yang diwujudkan oleh pemerintahan negara Islam selepas Nabi wafat untuk membantu keputusan berkenaan dengan soal agama. Jawatan mufti diperlukan kerana keghairahan mereka yang mendakwa diri sebagai ulamak untuk membuat fatwa dan tafsiran sendiri yang kerap bertentangan antara satu dengan lain yang mengelirukan umat Islam. Dengan adanya mufti maka hanya jabatan mufti saja yang boleh membuat dan membatalkan fatwa.

**Jawapan:** Dari mana Mahathir mendapat fakta ini? Nampaknya ia merujuk kepada penasihatnya yang salah memberikan maklumat. Pendapatnya ini tidak benar, kerana selepas Rasulullah s.a.w. wafat, Khulafa' Ar-Rashidin — Abu Bakar, Umar, Usman dan Ali — tidak pernah melantik mufti atau mengadakan sebarang jabatan mufti dalam pengertian sekarang. Para sahabat itulah dengan kearifan ilmu dan kebijaksanaan mereka membuat fatwa dan melaksanakan hukuman berdasarkan al-Quran dan Sunnah Rasul. Mereka lah Khulafa' Ar-Rashidin, mereka lah pemimpin, mereka lah ulamak dan mereka lah hakim. Ada terdapat pandangan yang berbeza di antara para sahabat itu dalam kes-kes yang bersifat *furu'* (cabang) tetapi semuanya bersetuju dan patuh kepada prinsip-prinsip hukum yang asas yang ditegaskan di dalam al-Quran dan Hadis. Sesungguhnya pandangan yang dikeluarkan para sahabat diterima belaka kerana ketokohan mereka. Saidina Umar tidak menangguh atau membatalkan sebarang hukuman potong tangan kepada seorang pencuri (seperti yang didakwa oleh sesetengah golongan tertentu untuk membenarkan dakwaan bahawa hukuman hudud kononnya tidak dijalankan di zaman itu), tetapi ia sekadar tidak mensabitkan kesalahan kepada orang itu (bukan keseluruhan hukum hudud), kerana orang itu dan keluarganya amat miskin, tidak ada makanan.

Dalam zaman Khulafa' Ar-Rashidin pandangan atau disebut fatwa bercambah dari kalangan sahabat. Khulafa' Ar-Rashidin tidak mengarahkan supaya diselaraskan semua fatwa atau hanya seorang saja yang berkuasa memberi fatwa. Inilah sifat keterbukaan dan jiwa besar pemimpin Islam sejati yang tidak dicontohi oleh sesetengah pemimpin umat Islam di masa kini. Khulafa' Ar-Rashidin adalah pemimpin yang sangat arif dengan hukum Islam dan berpegang teguh dengan al-Quran dan Sunnah, yang menjalankan pemerintahan berdasarkan al-Quran dan Sunnah Rasul-Nya. Ini berbeza dengan kebanyakan pemimpin umat Islam sekarang yang menjalankan pemerintahan tidak berdasarkan al-Quran dan Sunnah, jahil mengenai syariat Islam menyebabkan mereka mentafsirkan agama Islam menurut hukum logik akal mereka saja. Dalam pandangan syarak, adalah suatu jenayah besar mentafsirkan hukum dan sistem nilai Islam berdasarkan hukum logik akal seseorang itu saja. Sungguhpun Islam amat menghargai fakulti akal. Tetapi logik akal tidak boleh mengatasi ketentuan wahyu.

Apa yang wujud dewasa ini, khususnya di Malaysia, adalah warisan penjajah British di bawah naungan institusi raja-raja Melayu di mana mufti bebas berfatwa. Keperluan institusi mufti untuk mengelakkan orang-orang tertentu membuat fatwa itu hanyalah penerusan daripada pendapat para mujthaid terkenal, seperti Imam Malik, Imaam Abu Hanifah, Imam Ahmad Ibn Hambal dan Imam Shafie berdasarkan kepada apa yang ditegaskan oleh al-Quran dan Sunnah. Mereka tidak lari daripada prinsip ini. Sementara fatwa yang diterima pakai oleh keseluruhan masyarakat adalah ijmak seluruh para mujtahid tadi dan para ulamak muktabar lainnya berdasarkan al-Quran dan Sunnah juga.

Pendapat Mahathir, kononnya, dalam sejarah Islam banyak fatwa yang telah diterima pakai, kemudiannya diman-

suhkan, tidak semestinya benar. Setiap pendapat mestilah bersandarkan kepada pendapat para mujthaid yang merujuk kepada al-Quran dan Sunnah. Dengan demikian setiap fatwa yang diterima pakai oleh umat Islam tidak akan dimansuhkan begitu saja kerana suatu kesilapan. Ia diuji kesahihannya berdasarkan al-Quran dan Sunnah.

**Mahathir:** Sepanjang sejarah Islam, banyak fatwa yang diterima pakai, yang kemudiannya dibatal atau diketepikan. Demikian larangan mengukir rupa bentuk manusia atau binatang oleh agama Islam. Sebahagiannya ialah kerana pada zaman dulu, orang Arab dan penganut agama lain suka menyembah berhala yang mereka ukir menyerupai manusia atau binatang. Ada juga yang mengukir dan melukis rupa tuhan mereka dan kemudian menyembah ukiran dan gambar ini. Untuk mengelak Allah diseikutukan dengan objek yang lain atau dengan percubaan membuat imej Allah yang kemudian disembah, agama Islam melarang ukiran dan lukisan rupa manusia dan binatang. Sehingga ke zaman berakhir empayar Islam Turki, larangan itu dikuatkuasakan. Tetapi pada zaman ini larangan terhadap ukiran dan lukisan manusia dan binatang tidak lagi dapat dikuatkuasakan di seluruh dunia Islam kerana adanya kamera dan TV. Gambar tokoh Islam dan alim ulamak terdapat di mana-mana saja. Apakah dengan ini umat Islam sudah tidak lagi menurut hukum Islam berkenaan ukiran dan lukisan rupa manusia dan binatang?

**Jawapan:** Pandangan beliau ini juga mengelirukan. Bahawa fatwa tentang larangan melukis dan mengukir makhluk bernyawa telah diterima pakai dan tidak pernah dimansuhkan disebabkan oleh sebarang keadaan. Dr Mahathir perlu merujuk kepada kitab *Halal dan Haram dalam*

*Pandangan Islam* oleh Dr Yusof al-Qardhawi, seorang ulamak muktabar masa kini yang sering dirujuk dan diterima pandangannya oleh pemimpin Malaysia. Dalam kitab itu beliau menghuraikan dengan terperinci hukum menutup aurat, melukis dan mengukir makhluk bernyawa bahkan hukum seseorang memakai rambut palsu.

**Mahathir:** Ramai orang Islam yang menganggap tujuan atau maksud sesuatu hukum dalam Islam tidak penting. Yang penting ialah cara atau pendekatannya saja. Dengan kerana kita mengutamakan cara, maka maksud dan tujuan ajaran Islam kerap kali tidak tercapai.

**Jawapan:** Di dalam pandangan Islam, tujuan tidak menghalalkan cara. Ini kerana kedua-duanya, iaitu tujuan dan cara, adalah penting. Ia saling menentukan syar'ie atau tidak syar'ie sesuatu perbuatan itu. Kerana itu dalam pandangan Islam, sungguhpun persembahan Konsert Michael Jackson atau Konsert Krumania atau persembahan hiburan seumpamanya yang dibenarkan oleh kerajaan, di mana sebahagian pungutan hasilnya untuk derma kebajikan, tetapi ia tetap haram. Ini kerana cara mendapatkan derma kebajikan itu haram (menerusi konsert jahiliyah itu). Sesuatu tujuan, bagaimanapun sucinya, ia akan terbatal jika cara mencapai tujuan itu haram. Ini berbeza dengan pandangan sekular yang tidak langsung mengambil kira wilayah dosa dan pahala. Kerana itu dalam pandangan golongan sekular tujuan boleh menghalalkan cara. Tetapi Islam meletakkan keutamaan ke atas tujuan bersekali dengan cara mencapai tujuan itu. Golongan sekular hanya mengutamakan tujuan, tidak mengambil kira halal haram dalam cara melaksanakan sesuatu tujuan. Inilah pandangan asas yang berbeza antara golongan sekular dengan Islam.

**Mahathir:** Pakaian Arab yang pada zaman Nabi dan beberapa abad selepasnya dipakai oleh semua orang Arab, sama ada Islam atau Kristian, dijadikan simbol Islam. Dengan itu orang Islam memakai pakaian itu tetapi mereka sering berperang sesama sendiri tanpa menghiraukan tuntutan Islam yang lebih berat supaya orang Islam bersaudara.

**Jawapan:** Peperangan yang berlaku bukan disebabkan pakaian. Orang Islam berperang sesama sendiri disebabkan, di satu pihak hendak menegakkan Islam secara syumul (sepenuhnya), sementara satu golongan lagi tidak mahu menegakkan syariat Islam. Ada juga yang berperang kerana taksub kepada suku kaum, bangsa dan warna kulit. Yang mahukan Islam dan yang menolak Islam akan terus bertarung dan pertarungan ini akan terus berlaku hingga akhir zaman walaupun sesama bangsa Arab, atau bangsa Melayu, atau bangsa Afghanistan atau bangsa Eropah. Perang di negara Arab ialah antara golongan Islam dengan pemerintah negara Arab yang tidak mahu kembali kepada Islam.

Perang di Afghanistan antara puak nasionalis di utara dan selatan, perang di Bosnia Herzegovina ialah golongan Muslim yang mempertahankan agamanya dengan puak pelampau Kristian (Serb) walaupun sama sebangsa Eropah. Demikian juga, perbalahan antara Umno dan PAS, walaupun sama-sama bangsa Melayu. PAS berjuang untuk melaksanakan syariat Islam sepenuhnya, sementara Umno yang memerintah, yang berfaham sekular, tidak mahu melaksanakan Islam, kecuali dalam batas-batas tertentu terutama yang menguntungkan dari segi ekonomi saja, atau hal-hal yang bersifat ritual, dan membiarkan kemungkaran berleluasa dan mentafsirkan Islam mengikut logik akal pemimpinnya saja.

**Mahathir: Ramai yang ingin memaksa lebih daripada yang disuruh sehingga anak kecil dan orang amat tua juga menutup kepala mereka.**

**Jawapan:** Pandangan ini membayangkan sikap Mahathir yang amat prejedis terhadap pakaian menutup aurat. Ibu bapa atau guru yang menyuruh anak muridnya (walaupun kecil) memakai tudung adalah gambaran keprihatinan dan tanggungjawab golongan Muslim terhadap anak dan murid mereka yang diharapkan menjadi generasi Islam yang patuh kepada perintah Allah s.w.t. Mereka telah memenuhi tuntutan sebagai ibu bapa dan guru Muslim dalam membentuk anak-anak dan murid mereka supaya apabila dewasa nanti dengan sendirinya mudah berpakaian menutup aurat. Ini kerana kebanyakan wanita yang sudah dewasa atau yang sudah amat tua pun ada yang amat sukar menutup aurat kerana sejak kecil mereka tidak dididik untuk menutup aurat, atau keluarga dan saudara mara mereka tidak menutup aurat.

Kita hairan bagaimana kanak-kanak perempuan memakai tudung pun tidak terlepas daripada kritik Mahathir. Tetapi dalam masa yang sama kita tidak pernah mendengar beliau mengkritik wanita-wanita yang berpakaian baju mandi (berenang), mengambil bahagian dalam pertandingan ratu cantik, berjoging bersama lelaki dengan memakai t-shirt ketat yang menampakkan bentuk badan. Sepatutnya Mahathir mengkritik perlakuan dan pakaian yang bertentangan dengan Islam dan menyuruh mereka memakai pakaian bersopan, bukan menunjukkan prejedis terhadap wanita dan kanak-kanak Islam yang memakai tudung.

Tidak logik dan tidak relevan menyerang wanita yang berpakaian menutup aurat. Tidak ada bukti kukuh bahawa pakaian menutup aurat itu menghalang kemajuan. Ramai wanita terpelajar sekarang memakai pakaian menutup aurat,

dan mereka maju dan bekerja dengan gigih. Pakaian bersopan (menutup aurat) sepatutnya digalakkan dan boleh menjadi sebahagian budaya Malaysia. Sungguh malang, persoalan aurat nampaknya tersisih dari kedudukan hukum syarak kerana hukum menutup aurat adalah sebahagian daripada hukum syarak itu sendiri. Dengan itu mereka yang mempertikaikan hukum menutup aurat, sudah tentu mempertikai hukum syarak.

**Mahathir: Malaysia dianggap sebagai negara Islam contoh oleh negara umat Islam lain.**

**Jawapan:** Itu urusan Mahathir untuk berbangga, kononnya, Malaysia dipuji kerana menjadi "negara Islam contoh" tetapi fakta-fakta yang menonjol yang diketahui umum dari segi perundangan, sikap dan pandangan pemimpin Malaysia seperti Mahathir sendiri terhadap hukum Islam dan sistem nilai Islam keseluruhannya, membuktikan Malaysia bukan negara Islam, jauh sekali daripada menjadi negara Islam contoh. Penilaian pemimpin sekular umat Islam tidak mempunyai makna apa-apa kerana pandangan pemimpin sekular itu salah, jauh dari perspektif syarak. Lebih-lebih lagi untuk membandingkan pemerintahan Malaysia sama dengan pimpinan Khalifah Umar Abdul Aziz (seperti yang disebut oleh Timbalan Perdana Menteri Anwar Ibrahim) adalah suatu lawak jenaka. Ini kerana kepimpinan Khalifah Umar Abdul Aziz penuh taqwa, melaksanakan sepenuhnya syariat Islam, tidak melakukan nepotisme, tidak memilih kasih, dan tidak menyalahgunakan harta rakyat berbanding kepimpinan Malaysia.

**Mahathir: Pengetahuan agama dan bahasa Arab tidak menjamin bahawa tafsiran dan ajaran mereka tepat, benar dan tidak berbeza. Sebenarnya kerana kepentingan ter-**

tentu ada di kalangan mereka yang kerap menyalahafsirkan ajaran Islam.

**Jawapan:** Ini satu lagi sangkaan buruk terhadap mereka yang berpendidikan agama dan mahir dalam bahasa Arab. Analogi yang diberinya sekira-kira begini: Mereka yang tidak berpengetahuan agama dan bahasa Arab boleh menjamin tafsiran dan ajaran mereka tepat, tetapi sebaliknya mereka yang berpengetahuan agama dan bahasa Arab tidak menjamin tafsiran dan ajaran mereka tepat. Kalau ini andaian Mahathir tidak gunalah pelajaran agama menjadi teras dan asas kepada semua ilmu, sementara bahasa Arab adalah bahasa al-Quran yang disahkan oleh Allah s.w.t. sendiri di dalam al-Quran. Janganlah kerana beliau tidak tahu bahasa Arab maka ia memperlekehkan bahasa Arab. Apakah selama ini ulamak mufassirin yang amat mahir bahasa Arab dan terkenal kewibawaan dan amanah mereka telah membuat tafsir yang salah mengenai al-Quran dan hukum-hukum Islam?

Di mana kesalahan mereka? Mampukah Mahathir berbahas secara ilmiah dengan para ulamak mengenai pelbagai tuduhan beliau selama ini, antaranya ulamak telah membuat tafsiran yang salah mengenai hukum Islam. Sedangkan dalam bab aurat sahaja pandangan Mahathir secara nyata bercanggah dengan al-Quran dan Sunnah, belum lagi bab-bab yang lain. Dengan itu bagaimana beliau boleh mendakwa para ulamak membuat tafsiran salah? Mahathir berucap dalam perhimpunan agung Umno, partinya sendiri. Tidak mungkin ada pendukung Umno yang hadir itu (termasuk tokoh Umno yang berpendidikan agama) yang berani menyanggah terang-terangan pendapat Mahathir, walaupun mungkin ada di antara mereka yang menyanggahnya di belakang secara sembunyi-sembunyi. Kekecewaan Mahathir terhadap perwakilan Umno yang

tidak membahaskan aspek ini dalam perhimpunan itu, adalah isyarat jelas mereka sendiri tidak setuju dengan pendapat pemimpin mereka ini. Adalah wajar Mahathir memahami dan menerima dengan fikiran terbuka isyarat ahli-ahli Umno ini. Seperti diketahui umum, ahli-ahli Umno ini, biasanya kerana didorong oleh pelbagai kepentingan kebendaan, kalaupun mereka tidak setuju akan sesuatu, namun mereka tidak akan membantah secara terang-terangan terhadap pemimpin mereka. Berdasarkan fikiran dan pandangan Mahathir dan pemimpin Umno yang lain, serta sikap pendukung Umno, nyatahalah umat Islam di Malaysia tidak boleh meletakkan sebarang harapan kepada Umno, pemimpin dan pendukungnya untuk membela dan mendaulatkan Islam.

### Kesimpulan Pemikiran Mahathir Terhadap Islam

Pandangan dan pemikiran Mahathir selama ini nyata sekali berdasarkan kepada logik akalnya semata-mata, bukan berdasarkan al-Quran dan Sunnah. Kerana itu pandangannya itu sangat berbahaya dan sudah tentu mengelirukan umat Islam, memberi gambaran buruk kepada masyarakat umum mengenai hukum Islam dan seluruh sistem nilainya yang sebenar.

Sesungguhnya nas yang terang dalam epistemologi Islam, mengatasi aqal rasional, kerana nas itu adalah wahyu yang nyata maksudnya, yang tidak memerlukan aqal rasional untuk menerangkannya. Apalagi untuk membatalkan pengertiannya yang jelas itu. Aqal rasional, bagaimanapun dibenarkan meneliti hikmah di sebalik hukum dan kewajipan di dalam Islam itu untuk menambahkan keyakinan terhadap kebenaran hukum yang telah ditetapkan oleh nas. Tetapi bukan mencabar, mempertikai dan mengkritiknya. Salah satu hikmah kewajipan menutup aurat, umpamanya, ialah untuk melindungi diri wanita daripada jenayah

seks. Tetapi ini bukan faktor sebenarnya, kerana Allah s.w.t. saja Yang Maha Mengetahui. Ini hanya sebahagian daripada hikmah yang dapat ditanggapi aqal rasional sebagai seba kewajipan menutup aurat. Sedangkan hikmah yang lain Allah s.w.t. saja Yang Maha Mengetahuinya.

Mahathir dalam ucapannya ini, seolah-olah mengajak umat Islam — kalau mahukan kemajuan — membuat suatu "reformasi budaya" yang tidak lagi merujuk kepada hukum dan sistem nilai Islam yang selama ini menjadi paksi utama penghidupan umat Islam. Ia melihat hukum dan sistem nilai Islam selama ini sudah tidak sesuai dengan realiti yang ada sekarang. Beliau seolah-olah mahukan Muslim Baru Malaysia mempunyai jatidiri tersendiri yang tidak lagi tertakluk kepada hukum dan sistem nilai Islam. Selepas 40 tahun negara Malaysia merdeka, umat Islam dihadapkan kepada pemikiran sedemikian rupa, yang sudah tentu jika diterima akan mengembalikan semula umat Islam kepada pemikiran dan suasana jahiliah yang jauh daripada hidayah Allah. Kita percaya, umat Islam di samping berusaha membangun kehidupannya sebaik mungkin, ia akan tetap berpegang teguh kepada hukum dan sistem nilai Islam.

MENYANGGAH FATWA-FATWA MAHATHIR



Dr Mahathir sempat memerhati buku-buku tulisan Ahmad Lutfi, itu pun hanya dari jauh, ketika melawat gerai-gerai di perhimpunan Umno 1995, PWTC. Gerai Penerbitan Pemuda adalah satu-satunya gerai yang tidak didekati Dr Mahathir. Tahun itu Lutfi menulis buku *Mengapa Perlu Anwar Lawan Mahathir?*

## ***BIARKAN MUFTINYA DIHINA: ANAK SELANGOR HILANG KEJANTANAN?***

**H**ari itu saya cukup marah. Marah sungguh-sungguh. Bukan marah main-main lagi. Pertimbangan saya hampir hilang. Darah meruap ke kepala. (Tapi, siapa pedulikan saya marah; sama ada marah ataupun tidak, keadaan negara tidak berubah. Berbezalah kalau PM yang marah, Mufti yang baik pun boleh terpelanting). Bulu rompa meremang. Panas di luar bilik semakin terasa bahangnya. Semasa menaip, kipas terpaksa dilajukan sementara tubuh hanya bersinglet saja. Lintasan fikiran jauh lebih pantas daripada kemampuan jari menyusun ayat hingga terasa ia suatu penyiksaan pula.

Walaupun sejak awal saya menjangka *ending* kisah sedih ini akan berakhir dengan suatu tragedi, namun bagi saya ia benar-benar mengejutkan, menghina dan meruntun kalbu. Hanya kerana penahanan peserta ratu cantik Melayu yang

dibuat menurut prosedur yang sah tetapi dibantah oleh PM, akhirnya Mufti Selangor tersingkir, ditamatkan perkhidmatan, ataupun bahasa mudahnya dipecat! Apakah kesudahan cerita yang pada mulanya nampak tegang, meruncing, mendebarkan, boleh ditamatkan dengan begitu mudah? Oh, tidak!

Maka bertambah hebat dan gahlah PM seantero dunia. Dilawannya raja, kalah raja. Dihadapnya hakim, jatuh hakim. Diadu-dombanya kesatuan sekerja, bercempera mereka dibuatnya. Ditentangnya pembangkang, jatuh tak bermaya hingga Ku Li terpaksa melutut semula. Gerakan pelajar sudah lama hilang bisa 23 tahun dulu. NGO hanya mampu menjerit. Majlis Peguam pun hilang taringnya. Kini, difitnahnya ulamak, ditekannya mufti, apakah mereka juga bakal tewas tidak bersuara. Tidak!!! Apakah Mahathir hanya layak untuk mencipta kejayaan demi kejayaan sementara pihak yang bertembung dengannya tersungkur mengaku kalah, walaupun mereka di pihak yang benar?

Nurani kecil saya menuduh Mahathir adalah punca kepada segala masalah yang berlaku. Kalaupun gerak pertama datangnya dari Menteri Besar Selangor, ia juga difaktorkan oleh Mahathir. Dimaklumkan kepada saya, dalam satu pertemuan Mahathir dengan Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri yang beragama Islam, yang juga dihadiri oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri-negeri, PM meluahkan segala kejengkelan hatinya terhadap beberapa orang mufti, dan seorang darinya adalah Dato' Ishak Baharom. Sebagai orang politik, apatah lagi yang banyak bergantung dengan ehsan PM di atas perlantikannya sebagai MB Selangor, Dato' Abu Hassan Omar pastinya faham mesej yang muahu disampaikan Mahathir: singkirkan Ishak!

Walaupun saya bukan anak kelahiran Selangor (tapiisteri dan anak-anak saya memang dilahirkan di sini, semen-

tara saya sendiri bermaustautin di Selangor lebih 15 tahun), tapi pemecatan ini bukan berkisar tentang pentadbiran agama hal ehwal sesebuah negeri. Ia berkait soal agama, soal maruah, soal prinsip dan perjuangan yang perlu diperbahankan.

Kalau dulu, apabila pelajar-pelajar berpurdah dipecat universiti, saya ke hulu ke hilir membela mereka — walau-pun akhirnya tetap gagal untuk mengetuk pintu hati menteri (siapa lagi kalau bukan Anwar) bagi dibuang peraturan gila itu, dan akhirnya saya sendiri terpecah — apakah kini saya hanya boleh turut membencinya dalam hati, atau mengutuk bersama teman-teman ketika minum kopi, atau hanya sekadar merakamkannya dalam sebuah buku, yang kemudiannya dibaca sepintas lalu, lalu ditutuplah kisah tragis ini? Selepas itu siapa lagi yang mahu ambil peduli? Hati kecil saya nescaya akan terus resah gelisah jika tinggal membatu.

"Berikan orang Melayu masa tak lebih dua minggu, apa pun isunya, asalkan selepas itu jangan siarkannya dalam akhbar-akhbar utama dan sekat penyiarannya di TV, sama ada dalam bentuk positif ataupun negatif, nescaya mereka pasti akan melupakannya. Mudah saja nak gula-gulakan orang Melayu," dakwa seorang pemimpin muda pembangkang.

Media milik mutlak parti pemerintah, misalnya *Berita Harian*, *Utusan Malaysia*, mahupun TV3, jelas memainkan peranan yang tepat dalam konteks kepentingan Umno. Mereka langsung tidak melanjutkan polemik pemecatan Dato' Ishak, malah berita tentang majlis perpisahannya juga dipadamkan. Tegasnya, mereka mahu isu ini dilenyapkan terus. Kalau terus disorot, yang tentunya dalam perspektif negatif bagi Dato' Ishak, ia mungkin boleh mencetuskan suasana tidak menentu yang pastinya merugikan Umno. (Majalah berita mingguan *Massa* yang telahpun menyiaran tajuk hasil

wawancara dengan Dato' Ishak di muka depannya, pada terbitan 1-7 November 1997 menjadi mangsa pertama apabila diarahkan tajuk itu dihitamkan, manakala ruangan kandungan yang kononnya menyiaran sinopsis interbiu itu digantikan dengan iklan percuma *Kurnia Setia Berhad*; wawancara itu dibuang terus!).

Hakikat pahit ini memang sukar untuk ditelan. Apakah bangsa Melayu sudah menjadi sebegitu hina hingga soal yang menggugat kehormatan dan maruah diri tidak menjadi kudis bagi mereka? Memang di depan orang saya terpaksa mengangguk mengaku dakwaan bangsa tercinta ini kian pudar jatidirinya, hilang keberaniannya, tetapi gejolak rasa sia-sia-palah yang tahu. Apakah yang benar semuanya berada di pihak yang berkuasa, ataupun Melayu secara majoritinya sudah lingkup sensitivitinya?

"Kita sebenarnya belum buat apa-apa untuk menyedarkan orang Melayu tentang apa yang berlaku. Kita terlalu prejudis dengan kemampuan Melayu dan dengan itu terus menggelarkan mereka dengan label yang semakin memasung pemikiran mereka. Kita hanya mengecam, mengkritik, menyindir, menyelar budaya buruk bangsa sendiri, tanpa mencari jalan keluar merongkai masalah," tegur seorang anak muda yang tidak dapat menerima hujah pemimpin muda pembangkang tadi. "Kritikan kita lemah, tidak kukuh dan tidak mampu mempengaruhi masyarakat lebih luas. Kita seakan-akan tukang bebal yang terlalu kecewa dengan suasana yang dihadapi. Ini bukan sikap seorang pejuang," tambahnya.

"Apa lagi yang mahu disedarkan tentang pemecatan Mufti ini? Ia jelas kerana Dato' Ishak mempertahankan pihak JAIS yang menangkap peserta ratu cantik. Itu saja. Apa kesalahan lain dilakukannya? Apakah kes semudah ini pun sukar untuk difahami orang Melayu? Bagi aku orang Melayu

sudah menjadi bacul, hilang kejantanannya, penakut!" sanggah seorang peminat Mohamad Sabu. "Mungkin kalau bininya diambil orang pun dia tak berbuat apa-apa. Orang Melayu terlalu akur dengan pepatah Melayu, kita mentimun, orang atas durian."

"Sepatutnya umat Islam di Selangor berarak di jalan-jalan raya sekitar Shah Alam pada hari perpisahan Dato' Ishak dibuat," kata seorang anak muda yang berasal dari Tanjung Karang, ketika saya singgah di Masjid Alam Shah selepas mengadakan interbiu kedua dengan Dato' Ishak. "Tunjukkan sokongan bulat kepadanya. Biar dunia tahu, ulamak masih ada tempat di negeri ini. Biar ia dirakam oleh CNN. Ciptakan sejarah baru bahawa umat Islam tidak akan berdiam diri melihat tok-tok guru dihina begitu rupa. Tapi, sayang seribu kali sayang. Kesempatan berharga itu terlepas begitu sahaja. Dato' Ishak boleh dipecat dengan cukup mudah sekali." Mukanya begitu sugul sekali ketika beliau mengeluh panjang, "sekurang-kurangnya ke mana Pemuda PAS Selangor pergi?"

Tapi apakah kita sebodoh dan sebaghal itu untuk menerima apa saja titah pihak berkuasa Selangor yang boleh secara sewenang-wenangnya membuang Dato' Mufti tanpa alasan munasabah, tanpa didahului oleh kesalahan atau kealpaan serius? Dihujahkan bahawa usianya sudah 70-an tahun, jadi perlu digantikan dengan yang lebih muda. Mungkin terbayang sebahagian kita, terketar-ketar tangan Dato' Ishak menulis sesuatu kerana keuzurannya. Mungkin Dato' Ishak terpaksa dipapah untuk berjalan kerana tuanya itu. Maka terbetiklah sendiri rasionalnya, patutlah Mufti ini digantikan dengan orang lain. Cari yang segar sikit, bukan-kah ini zaman serba mencabar, biar orang muda belia saja mengatur agenda membelah dunia? Biarpun bunyinya agak sompong sikit, tapi peduli apa orang sekarang.

Munasabahkah hujah sebangang dan setolol ini untuk kita telan begitu sahaja, tanpa sempat dikunyah lagi? Kalau yang berhujah ini seorang pegawai rendah di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, boleh berkira juga; ini seorang menteri, menteri yang jaga hal ehwal agama dan turut mengulanginya seorang Menteri Besar Rakyat Selangor bukannya tidak pernah melihat Mufti mereka yang sering diundang berdakwah di seluruh masjid di negeri Selangor khususnya. Bukanakah Dato' Ishak sendiri sentiasa tangkas bersama rakyat menyampaikan kuliah-kuliah ilmu, walaupun patah-patah perkataan yang dituturkannya tidaklah seperti pemidato hebat umpama Anwar Ibrahim kerana beliau nampak cukup berhati-hati mengatur bicara. "Berdakwah adalah darah daging saya, sama ada sebelum saya dilantik menjadi mufti, atau semasa menjawatnya ataupun selepas dipecat," kata Dato' Ishak.

Apakah hukumnya seorang menteri yang terang-terang berbohong kepada umum, dan kemudiannya langsung tidak bersedia untuk memohon maaf setelah ternyata temberangnya palsu semata-mata? Kalau di Amerika ataupun di Britain, juga di Jepun, menteri seumpama itu sudah pasti hilang jawatannya. Rakyat tidak boleh menerima menterinya berbohong; kalau soal umur yang begitu kecil pun menteri sanggup berdusta, apa lagi jika ia membabitkan soal-soal lain yang lebih besar. Di sana kesalahan berbohong ataupun menyembunyikan fakta sebenar dianggap serius oleh pengundi. Tapi di Malaysia, "cakap bohong, lama-lama jadi menteri!" Temberanglah sebanyak mana yang kamu suka, takkan ada orang yang akan desak engkau letak jawatan. Yang penting pandai makan pandai simpan. "Kalau tak pandai untuk berbohong janganlah berangan-angan jadi menteri," usik seorang kawan. (Marah saya sudah tidak boleh ditahan-tahan lagi; tapi salahkah saya jika emosi saya

sudah begitu terganggu?)

Teringat saya ucapan penuh keharuan yang dilafazkan Dato' Ishak dalam satu majlis perpisahan dengannya yang dianjurkan JAIS, yang turut dihadiri anggota Exco, Dato' Zainal Abidin Ahmad (yang pada mulanya dijangka turut disertai Menteri Besar, Abu Hassan Omar): "Bila anak cucu kita tanya apa sebab datuk berhenti, jawabnya datuk cakap benar, menegakkan yang hak. Itu suatu kebanggaan. Jangan pula kita berhenti kerana cakap bohong, rasuah. Saya anggap masalah berhenti ini perkara biasa. Tetapi satu perkara terkilan yang tidak elok saya sebut tetapi benar-benar saya terpaksa sebut. Ada orang yang tidak ada kena mengena dengan negeri Selangor bila ditanya dia beri jawapan yang mengelirukan.

"Dikatakan pemberhentian saya kerana saya telah habis tempoh perkhidmatan dan tidak disambung lagi. Kalau yang cakap itu Islam, alim, dia mesti selidik dahulu sebelum bercakap. Kalau tidak, dia berdusta. Mengenai perlantikan saya, boleh hubungi negeri Selangor kalau dia hendak tahu sebab saya berhenti kerana kita mahu cari kebenaran."

Seorang ustaz yang pernah mengajar saya di UTM, dengan nada separuh mendesak, ketika berselisih dekat Restoran Haslam, bersebelahan Harakah, berkata: "Mad, kau bantai sikit Dr Hamid Othman tu. Dia bukan ada kena mengena dengan Selangor, nak masuk campur pula. Banyak lagi masalah lain yang dia perlu selesaikan di Pusat Islam. Kalau kau nak maklumat lanjut, Ustaz boleh bagi nombor telefon Nahrawi, Pengarah JAIS, dia tu kawan Ustaz."

"Mau ke dia beri maklumat Ustaz, dengar kata Haji Nahrawi pun dah disenaraihitamkan," usik saya.

"Mad, kalau buat buku baru, kulit depannya ambil gambar Dato' Mufti sedang berpeluk-peluk dengan kakitangan JAIS di masjid waktu majlis perpisahan," cadang

Ustaz yang pernah dipilih pendakwah terbaik itu.

Saya sebenarnya sudah mengadakan dua kali wawancara eksklusif dengan Dato' Ishak di rumahnya selepas mendapat tahu dia dipecat. Namun begitu, buku terdahulu, *Mufti Lawan Mahathir?* saya hasilkan sebelum berjumpa dengannya. Apabila Dato' Ishak sendiri mencadangkan kepada para hadirin majlis forum perdana di Cheras supaya membaca buku saya itu jika hendak mendapat gambaran lanjut tentang apa yang berlaku, terdetik juga, alangkah baiknya jika saya sendiri dapat membuat temubual khususnya dengannya. Ketika berkunjung ke rumah Dr Haron Din bagi sessi wawancara bersama majalah *Tamadun*, Dr Haron menasihati saya agar mendapatkan pandangan langsung daripada Dato' Ishak. Waktu itu berita pemecatannya masih kabur dan belum jelas lagi.

(Semasa menyertai forum perdana yang bertajuk "Gejala Sosial Kini dan Cara Untuk Mengatasinya", di Madrasatul Iman, Taman Desa Cheras, pada 11 Oktober 1997, hari Sabtu malam Ahad, jam 9.00 malam, seperti yang dilaporkan *Harakah*, terbitan 17 Oktober, Dato' Ishak ketika ditanya tentang kesahihan cerita yang terkandung dalam buku *Mufti Lawan Mahathir?* menegaskan: "Penulis (Ahmad Lutfi) tidak pernah meminta izin dari saya untuk menulis buku ini, tetapi selepas baca, apa yang terkandung di dalamnya adalah benar dan realiti yang berlaku. Oleh itu, tiga empat kali baca pun tak apa." Penceramah lain yang turut diundang ialah Ustaz Nasaruddin Mat Isa dan Ustaz Abdul Ghani Abdul Rahman).

Dalam pertemuan pertama dengannya, disertai jurugambar Wan Zahari dan wartawan *Tamadun*, Rosmida Abdul Rahman, saya lihat raut wajahnya yang merah bercahaya dan bentuk fizikal tubuhnya, kalau dikatakan usianya belum mencecah 60 tahun pun saya percaya. Dato' Ishak tidak begitu peramah, cukup cermat mengemukakan

pandangan dan tidak termakan dengan soalan-soalan provokasi. Badannya nampak begitu ringan bergerak, menghantar kami sehingga pintu pagar depan, tiada kelihatan sebarang penyakit serius yang hinggap di tubuhnya. (Berbeza dengan saya, belum pun sampai 35 tahun pelbagai penyakit kronik bersarang). Mungkin jika diajak berlumba lari dengan Dr Hamid Othman, saya tidak ragu-ragu untuk memilih Dato' Ishak sebagai pemenangnya, bukan kerana kecenderungan rohani saya terhadapnya tetapi saya yakin beliau masih segar bugar, sekurang-kurangnya untuk peringkat usia sebayanya. Lagipun bukankah latar belakang kesihatan Dr Hamid juga tidak begitu memuaskan?

Dan lagi, mengapa perlu ditimbulkan soal usia? Itukan tidak berani hadapi realiti. Seperti kata Dato' Ishak sendiri, "ada mufti sudah 80 tahun, mata pun sudah tidak berapa nampak. Setiap kali mesyuarat tidak hadir, terpaksa ganti timbalannya. Timbalan pun tidak hadir." Mengapa kes ini tidak dijadikan isu? Lain kali bila bercakap itu berhati-hatilah sikit, awak tu menteri, jaga Pusat Islam, bakal nak bertanding Naib Presiden Umno pula tu! Sebagai anak Kedah, malu saya dibuatnya. Bukankah bagi kriteria ulamak, usia yang meningkat, antara lainnya menandakan kematangan, lebih tenang menghadapi tekanan, tidak mudah melatah atau melenting?

"Berbanding Mahathir, Dato' Ishak lebih muda," kata penyokong kuat Umno Kuala Selangor, juga penyokong setia Abu Hassan Omar. "Mahathir sudah 72, lima tahun lebih tua daripada Mufti Selangor. Tapi tidak ada desakan untuk Mahathir berhenti atas faktor usianya lanjut kerana dia masih sihat dan cergas, khususnya dari segi ingatan. Itu PM, yang lebih memerlukan ketangkasan berbanding Mufti. Walhal lagi tua mufti, lagi disegani, lagi dihormati, lebih matang buah fikiran dan cedokan ilmunya.

"Mengungkit masalah umur seperti mahu menyindir Mahathir supaya dia juga turut segera berundur. Bukanakah dalam isu pertelingkahan PM-Mufti ini, yang untungnya Anwar? Malah ramai juga penyokong Pak Syeikh yang sebarkan buku kau Lutfi, *Mufti Lawan Mahathir*? Bila dapat tahu kau nak tulis sambungannya, ramai juak-juak Anwar yang dah siap tempah," beritahu seorang pengedar buku yang mendakwa mempunyai hubungan yang rapat dengan kumpulan Anwar.

Saya rasa rakyat Malaysia, khususnya umat Islam, harus mengembalikan kewibawaan mereka sehingga mereka tidak boleh lagi diperkotak-katikkan apatah lagi untuk ditipu dengan begitu mudah. Biar menteri rasa segan sikit untuk berbohong, atau berfikir tiga empat kali sebelum meneruskan tabiat putar alam. Ini tidak, asal terlintas saja di fikiran semasa diinterbiu, main lepas saja, tak ketahuan punca sampai kita yang mendengar dan menontonnya pun naik malu. Tidak diperhatikan dulu apakah ia benar, sahih atau memang tepat setepat-tepatnya, seolah-olah segala percakapan itu tidak mempunyai nilai ukhrawi. Takkan dengan penyandang kedoktoran pengajian Islam pun kita nak berkhutbah soal ini, apa pula kata Samy Velly nanti.

Biar menteri-menteri kita tahu, tidak semua rakyatnya bagai lembu kenyang yang boleh dicucuk hidung dan ditambat dengan tali, yang kemudiannya disembelih untuk dijual dagingnya. (Bukan itu saja, kulit lembu juga boleh dibuat gendang, yang akan terus dipukul walaupun lembunya telah lama mati. Sudahlah masa hidup lembu atau kerbau sudah puas dipukul, sudah mati pun kulitnya terus dibedal!) Masih ramai yang boleh berkata-kata, menggeleng kepala, bercakap di sana sini, membawa mulut atau paling kurang pun memaki-hamun dalam hati. Selama ini menteri-menteri Umno cukup selesa menerajui kuasa kerana tabiat semulajadi

orang Melayu yang begitu cepat memaafkan pemimpin dan melupakan terus isu kontroversi yang tercetus di kalangan mereka.

"Aku rasa Umno takkan berani pecat Dato' Ishak. Dia bukan orang politik. Dia bukan anti-kerajaan. Akhlaknya baik. Dia tidak pernah sokong PAS apatah lagi lawan Umno, malahan banyak membantu Umno secara tidak langsung. Pengaruhnya di kalangan rakyat umum hebat," beritahu seorang kawan, anak jati Selangor, yang sekarang tinggal di Kampung Pandan. Kawan saya ini yakin, Mufti Selangor hanya akan dipetisejukkan, tetapi sama sekali tidak akan ditamatkan perkhidmatan sebelum tiba masanya.

"Demi kuasa, segala-galanya boleh berlaku, kawan," saya cuba menduganya, dalam keadaan saya sendiri tidak pernah menjangkakan Mufti sewarak Dato' Ishak akan dimusuhi sebegitu kuat oleh kerajaan Umno. "Hakim sebaik Tun Salleh Abas pun boleh bertukar menjadi musuh ketat Mahathir. Sedangkan Tun Salleh pernah membantunya dalam beberapa kes-kes kritikal seperti kes UEM-Lim Kit Siang, inikan seorang mufti yang Mahathir sendiri tidak pernah mengenalinya dari dekat," saya menambah.

Benar, ada pihak berpendapat, isunya bukan Dato' Ishak yang telahpun 13 tahun menjadi Mufti. Dia boleh datang dan pergi. Pengganti Dato' Ishak boleh dicari ganti. Beliau sendiri mengakui hakikat itu. Dato' Ishak bukan jenis manusia gila kuasa. Sepertimana mudahnya beliau dilantik begitu juga mudahnya beliau dipecat. (Dato' Ishak memberitahu, sekitar tahun 1985, menjelang sambutan keputeraan Jubli Perak Sultan Selangor, Mufti ketika itu keuzuran, manakala jawatan Timbalan Mufti belum lagi diwujudkan. Kebetulan banyak majlis yang memerlukan peranan mufti. Dato' Ishak masih mengajar di sebuah sekolah agama di kampungnya, Kan-chong Darat. Majlis Agama Islam Selangor, melalui Anggota

Exco Agama, Dato' Abu Bakar Hamid memintanya menjadi Mufti). Tapi apa motif dan cerita di sebalik pemecatannya? Bukankah ia kisah penuh dendam kesumat dan kerakusan golongan politik penguasa mahu menunjukkan taring mereka? Golongan ini pantang merasa diri mereka tercabar. Mereka mahu semua pihak tunduk dan mengaminkan apa saja titah yang diperintah. Jangan bantah. Jangan persoal. Terima saja.

Atau kalau boleh, anggap tidak ada perkara besar yang berlaku. Anggap saja Dato' Ishak tidak pernah dipecat, dia hanya tamat perkhidmatan kontraknya; jadi, tidak timbul apa-apa pertikaian tentangnya. (Ai, mufti pun seorang pekerja kontrak). Banyak lagi kerja bermanfaat yang boleh kita buat. Jangan bazirkan masa dengan isu kontroversial ini. "Biar Ahmad Lutfi seorang cukup merabban tak tentu pasal, itu pun hanya untuk melariskan bukunya saja. Lama-lama orang jemu baca buku yang asyik mahu adu-dombakan pemimpin Umno."

Dato' Ishak sendiri redha dengan pemecatannya. Beliau tidak berhasrat untuk memanjangkannya lagi walaupun ada pihak yang mahu kes ini dilanjutkan di depan mahkamah. Tapi ia tidak bermakna kita patut melupakan begitu sahaja kekejaman yang dilakukan terhadapnya. Kita tidak boleh menerima begitu sahaja pihak yang memandang rendah peranan jawatan strategik dalam pentadbiran agama dan memperlekehkannya. Masakan jawatan sepenting Mufti boleh disorong-tarik begitu mudah. Yang mahu kita perangi ialah mentaliti memandang diri serba hebat dan "merasa aku boleh berbuat apa saja sementara aku berkuasa."

Bukankah kontrak perkhidmatan Dato' Haji Ishak Baharom baru saja dilanjutkan mulai 16 Ogos 1997 hingga 15 Ogos 1999, seperti yang dimaklumkan Mohd Yusof Shafie kepada Mufti sendiri bagi pihak Setiausaha Kerajaan Negeri

Selangor Darul Ehsan dalam suratnya bertarikh 7 Julai 1997? Untuk makluman, Fahyu Hanim Ahmad, Noni Mohamad, dan Sharina Shaari ditahan lima pegawai JAIS di Classic Ballroom, Hotel Holiday Villa di Subang Jaya pada 13 Jun 1997. Bagaimanapun PM Mahathir mengecam tindakan penguatkuasa JAIS itu pada 19 Julai 1997.

Ikuti kandungan penuh surat lanjutan tempoh perkhidmatan Dato' Ishak itu: "Saya dengan segala hormatnya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas dan memaklumkan bahawa DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan telah memperkenankan lanjutan lantikan tempoh perkhidmatan secara kontrak S.S. Dato' Haji Ishak Baharom sebagai Mufti Negeri Selangor bagi tempoh dua (2) tahun berkuatkuasa mulai 16.8.1997 hingga 15.8.1997 sebagaimana surat Bil(45)dLM.Pej.DYMM Sul. Sel. 12/78 Bhg. IV bertarikh 6.5.1997 yang dilampirkan bersama-sama ini." Surat itu diterima Pejabat Mufti pada 9 Julai 1997. (Kebetulan tarikh 9 Julai adalah hari lahir saya; ia mungkin memudahkan saya mengingati kisah tragis lagi memalukan ini, kisah tentang pemimpin politik yang takut pada bayang-bayangnya sendiri).

Ketika membelek kertas-kertas rujukan lama tentang isu pemecatan Dato' Ishak, terjumpa segulung bahan bercetak komputer yang mempertikai, sama ada Dato' Ishak benar-benar dipecat ataupun ia hanya tamat kontrak, yang dikutip daripada internet, yang dikongsi oleh ahli-ahli sebuah pertubuhan Islam, Jamaah Islah Malaysia (JIM). Sayang, saya tidak sempat merujuk hal ini kepada teman karib saya, Fathi Aris Omar, yang juga ahli pertubuhan ini.

Rasanya ia dimulakan oleh pandangan seorang pensyarah UTM, yang mahukan JIM Selangor lebih peka terhadap permasalahan semasa, dengan bertindak menjadi jurubicara rakyat Selangor khususnya dalam isu-isu seperti

kenaikan tol dan seumpamanya. Dia juga mengharapkan JIM dapat bekerjasama dengan NGO yang lain, misalnya Fomca dan CAP bagi menyuarakan bantahan rakyat itu. Diselitkan juga kisah pemecatan Mufti Selangor.

Antara respons yang menarik bagi saya, datangnya daripada Norizan Sharif, kini orang kuat Zahid Hamidi: "Saya rasa soal nak kritik tindakan Dato' Abu Hassan Omar tu, silakanlah. *After all*, Islam memberikan kita kebebasan memberikan pendapat. Cuma janganlah dalam memberikan pendapat, kita tersalah guna istilah. Sebab itulah saya menegur penggunaan perkataan "pemecatan" kerana istilah yang betul ialah "penamatkan kontrak". ... gunakan istilah yang betul kerana sekiranya tidak, saya bimbang orang akan hilang keyakinan dengan kita. Ada benda yang serupa tapi tak sama. Ini bukan soal politik tetapi lebih kepada berhati-hati dalam tindakan. Pendakwah tidak sewajarnya tersilap langkah."

Bagaimanapun hujah ini jelas tidak disenangi oleh seorang lagi HMY: "Bagi saya, kes Mufti Selangor itu adalah *indirect* pemecatan. Terlupakan kita pada kata Mahathir, "dia (mufti) makan gaji, tiba-tiba mengkritik." Dalam kata lain, PM ingat dia yang bayar gaji, bukan *tax payer*. Orang politik memandang sesuatu perkara lain daripada orang biasa malah orang politik kadang-kadang menganggap orang lain tak faham, cuma dia yang faham."

Tidak cukup dengan itu, ada pihak yang mengaitkan pemecatan Mufti Selangor dengan peristiwa Khalifah Umar al-Khattab yang memecat panglima perang Khalid al-Walid. Mujurlah ada pula yang menyanggahnya: "Kenapa analogikan pemecatan yang dilakukan oleh khalifah terdahulu dengan pemecatan Dato' Mufti? Umar berbuat dengan kekuatan iman. Yang ini berbuat sebab takut orang lebih banyak tahu akan keburukannya."

Pihak yang cuba mengaitkan pemecatan Mufti dengan Khalifah Umar terus bersandiwar dengan hujahnya yang lebih panjang: "Berbalik kepada isu pemecatan atau penamatian kontrak Mufti Selangor, kita tidak boleh emosional kerana ia perlu dilihat dari sudut sains politik. Kerajaan yang memerintah adalah membawa aliran sederhana-pragmatisme dan ia adalah kerajaan yang mendapat mandat rakyat melalui pilihan raya. Manakala mufti-mufti yang dilantik bagi seluruh negara adalah sebahagian daripada jentera kerajaan yang memerintah, juga mesti membawa imej sederhana-pragmatisme. Jika sekiranya mereka mendapati ada Tok-tok Mufti itu yang lari dari dasar aliran sederhana, sudah tentulah ia akan menempuh ujian. Ujian seorang Mufti sudah tentulah lebih besar berbanding dengan rakyat marhain."

Secara peribadi saya begitu kecewa dengan perdebatan di internet itu. Ada-ada saja hujah yang dikemukakan, tidak kira betapa lemah sandarannya. Mengapa susah sangat untuk menentukan pendirian? Kita bukan minta sokong pembangkang atau jatuhkan kerajaan. Hanya nyatakan sikap untuk membela orang yang dizalimi dan dianiaya. Mengapa harus dibesar-besarkan istilah pemecatan ataupun kontrak ditamatkan? Bukankah maknanya sama saja? (Ataupun, ini satu cara untuk menunjukkan kita tidak emosional, sentiasa berlapang dada?) Maaf cakap, janganlah babitkan Umar dengan sikap buruk pemimpin Umno, tolonglah! Pokoknya, kalau bukan kerana Dato' Ishak bersikap tegas dalam isu ratu cantik itu, dan sentiasa menekankan kepentingan umat untuk menjaga aqidah, beliau tentunya masih di pejabat Mufti Selangor sehingga 15 Ogos 1999.

Walaupun kontrak perkhidmatannya boleh ditamatkan lebih awal, tapi apa alasan dan sebab musababnya. Jangan cakap saja soal ketelusan atau transparensi kalau kerja yang

dibuat banyak misterinya. Nak pecat kerani rendah atau budak pejabat pun mesti ikut prosedurnya; kalau dituduh, pihak yang kena tuduh harus ada kesempatan untuk membela diri. Jangan melenceng tak tentu pasal. Siapa kata apa yang dipertahankan Mufti itu menyimpang dari aliran sederhana? Sudah berbuih mulut yang bercakap, JAIS hanya menguatkuaskan undang-undang yang telahpun diwartakan oleh kerajaan negeri selepas melalui perbahasan di Dewan Undangan Negeri Selangor. Semua wakil rakyat yang beragama Islam di Selangor adalah ahli Umno, yang selama ini dikatakan membawa aliran sederhana-pragmatis. Yang tidak sederhananya adalah PM yang begitu marah-marah kepada pegawai kerajaannya sendiri yang menjalankan amanah seperti dipertanggungjawabkan. Saya sebenarnya sudah meluat untuk menimbulkan isu ini berkali-kali.

Kontrak baru Dato' Ishak bermula pada 16 Ogos 1997. Beliau diminta meletakkan jawatan oleh Menteri Besar awal Oktober 1997, iaitu hanya selepas satu bulan setengah tempoh baru berkuatkuasa. Abu Hassan sepatutnya menyenaraikan kesalahan Dato' Ishak selama sebulan setengah itu sehingga memungkinkan beliau dipaksa melepaskan jawatan secara sukarela, walaupun baru dilantik semula. Bagaimanapun Dato' Ishak menolaknya. Kemudiannya melalui surat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor bertarikh 21 Oktober 1997, iaitu lebih kurang dua bulan selepas memperbarui kontrak, Dato' Ishak dipecat. Surat itu ditandatangani oleh Dato' Zainal Abidin Ibrahim, Pengurus SPA Negeri Selangor Darul Ehsan, berkuatkuasa 1 November 1997. Dato' Ishak hanya diberikan bayaran satu bulan gaji sebagai ganti notis. Mengapa perlu tergesa-gesa sangat? Apa yang dikehendaki, apa yang ditakutkan? Bekas Mufti Selangor itu juga diberikan masa

selama 10 hari untuk mengosongkan pejabatnya.

Cuba kita fikir, kerja apa macam ini? Bersih, Cekap, Amanah? Kepemimpinan Melalui Teladan? Tradisi Membela Rakyat? Penerapan Nilai-Nilai Islam? **Saya bimbang takut-takut Mahathir akan ditumbangkan melalui cara dan kaedah yang lebih tragis.** Abu Hassan pula tak boleh merasa dirinya terlepas daripada bahan kritikan. Selepas Mahathir tidak ada orang lain lagi yang lebih bertanggungjawab di atas pemecatan ini, melainkan dirinya. Dato' Ishak sendiri dilaporkan terkilan dengan sikap MB Selangor itu. Tidak mustahil kalau Muhd Taib masih kekal di jawatannya, proses pemecatan Mufti Selangor tidak sedrastik itu. Proses yang dilakukan Abu Hassan jelas tidak beradab, dan terkeluar daripada budaya dan tradisi Melayu. Kalaupun pemecatannya itu mengikut prosedur, apakah ia adil dan bebas daripada sebarang unsur salahguna kuasa? Bagi saya, pemecatan Dato' Ishak mendedahkan bahawa prosedur itu harus dirombak semula. Pastikan tangan-tangan politik tidak berupaya untuk campur tangan dengan begitu mudah untuk memecat Mufti yang tidak disenangi mereka. Kalau tidak, hilang kehormatan dan kegerunan kepada jawatan sepenting itu.

Peliknya mengapa pula kenyataan PM yang mempersoalkan kewajipan menutup aurat tidak ditonjolkan dan tidak disanggah? Bukankah nas yang menyuruh wanita menutup aurat sudah jelas dan lengkap, tidak samar-samar lagi? PM boleh melupakan soal kegawatan ekonomi yang menimpa negara hanya untuk menyinggung masalah aurat pada persidangan Umno yang maha penting itu. Ataupun PM sudah kita anggap orang tua nyanyuk, maka cakap-cakapnya tentang agama jangan dipedulikan lagi. Persetankan. Biar PM merepet seorang diri. Tak ada orang yang terpengaruh dengan cakap PM itu. Biar PM melawak

tentang janggut, yang secara sinis disebutnya "kononnya sunnah Nabi". Apa perlu ditempelkan perkataan "kononnya"; bukankah itu seperti mahu mendera perasaan orang Islam?

# ***MAHATHIR PENGIKUT ANTI-HADIS, PENGKAGUM ORIENTALIS?***

**S**atu ketika dahulu Salman Rushdie telah menulis sebuah buku berjudul *Satanic Verses*. Buku ini secara terus terang menghina Islam, al-Quran dan Rasulullah s.a.w. Akibat angkaranya itu beliau dibenci seluruh umat Islam. Pemimpin revolusi Islam Iran, Ayatullah Khomeini menjatuhkan hukum bunuh ke atasnya.

Tanpa sebarang perasaan bertanggungjawab penulis durjana tersebut sanggup menghadapi gelombang kemarahan umat Islam dan terus mempertahankan sikap anti-Islamnya itu walau diancam hukuman bunuh. Rushdie berbangga dapat mencerca peribadi paling mulia dan suci di sisi Allah dan umat Islam iaitu peribadi Nabi Muhammad s.a.w. Tergamak Rushdie menghina Rasulullah s.a.w. sebegitu

rupa di samping penghinaannya terhadap sumber Islam yang mutlak, al-Quran dan para Rasul a.s. yang lain.

Rushdie cuma seorang penulis dan telah banyak menerima hadiah bagi tulisan-tulisannya itu. Dia bukanlah seorang pemimpin tetapi amat disanjung dunia Barat yang sememangnya mempunyai prasangka buruk terhadap Islam. Lagipun dia menulis di Britain, bukan di negara asalnya sendiri, India, atau negara Asia yang lain. Atas nama kebebasan memberi pendapat, hasil karyanya dibenar untuk disebarluaskan dalam masyarakat walaupun ia menghina umat Islam dan agama mereka.

Kebebasan umat Islam untuk menyatakan hak mereka pula tidak diambil kira. Apabila buku syaitannya mula dijual dalam pasaran di Britain, lantas umat Islam di negara tersebut memulakan kempen terhadapnya, penerbit buku dan pihak-pihak lain yang terbabit dengan penerbitan dan pemasaran bukunya itu. Suasana di Britain lain — walaupun dipimpin orang bukan Islam, tetapi amalan-amalan demokrasi tetap berjalan. Inilah "keganjian" demokrasi ala-Barat — di satu pihak kebebasan diberi kepada sesiapa sahaja untuk menyuarakan pendapatnya walau ia menyinggung sentimen agama orang lain, tetapi pada masa yang sama pihak yang tersinggung itu juga boleh mengambil tindakan terhadap mereka yang menimbulkan kemarahan mereka. Kecuali dalam kes yang melibatkan perasaan orang Yahudi sahaja barangkali kaedah ini tidak terpakai — orang Yahudi tidak boleh disentuh agama mereka kerana ia nanti dianggap sebagai tindakan anti-semitik.

Penghinaan terhadap peribadi Rasulullah s.a.w. boleh juga dilakukan secara tidak langsung, misalnya, dengan mengungkit hal-hal yang berkaitan dengan sunnah Baginda. Bagi orang yang beriman, sebarang usaha mempertikaikan Sunnah Rasulullah s.a.w. akan menjadikan orang yang

melakukannya terkeluar (murtad) daripada Islam. Inilah pegangan seluruh ulamak daripada semua mazhab. Orang yang menimbulkan keraguan terhadap Sunnah, misalnya hadis-hadis Baginda, juga boleh termasuk dalam kategori tersebut.

Dalam negara kita terdapat sekumpulan manusia yang menolak hadis sebagai sumber hukum dan dalam beberapa keadaan ditolaknya kesemua hadis begitu sahaja. Mereka berhujah bahawa umat Islam cukup dengan al-Quran. Jika golongan ini dianggap telah sesat bagaimana pula dengan pihak yang menimbulkan keraguan terhadap pengumpul hadis, atau disebut ulamak hadis?

Bagi aliran Sunnah wal Jamaah, terdapat enam kitab hadis yang menjadi pegangan selepas al-Quran, iaitu al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidhi, Abu Daud, an-Nasa'i dan Ibnu Majah. Kitab al-Bukhari dan Muslim dikira paling sahih daripada keenam-enam kitab hadis tersebut. Kedua-dua kitab ini dipanggil sahih Bukhari dan sahih Muslim. Bagi mereka yang telah mendalami ilmu hadis akan fahamlah maksud "sahih" itu. Dan ulamak hadis mempunyai metodologi mereka yang tersendiri di dalam mengumpul hadis-hadis Rasulullah s.a.w. Umat Islam pula walaupun tidak mahir di dalam selok-belok sains hadis tetap menerima apa yang disampaikan oleh ulamak berhubung dengannya.

Keraguan terhadap hadis ditimbulkan, misalnya oleh Presiden Umno, Dr Mahathir Mohamad. Dalam salah satu ucapannya, beliau menyebut: "Selain daripada menegaskan bahawa puak Sunni memegang kepada Sunnah Nabi, penjelasan tidak dibuat bahawa pegangan ini bukan pegangan buta tuli yang tidak mengambil kira sahih atau tidaknya sesuatu hadis itu? Kita tidak diberitahu bahawa Bukhari dan Muslim dan beberapa lagi manusia biasa yang terpelajar, tidak menerima semua yang dikatakan hadis.

Selepas mengkaji dengan teliti 600,000 hadis, Bukhari hanya menerima 7,000. Muslim pula mengkaji 300,000 hadis dan hanya menerima 4,000 ... tetapi tentulah banyak daripada baki 296,000 yang ditolak tidak sahih dan mungkin ada hadis yang diterima sebagai sahih tetapi mungkin tidak sahih. Jika kita tidak lupa bahawa Bukhari, Muslim, Tirmizi dan tokoh Islam lain yang mengkaji hadis 200 tahun selepas wafat Nabi Muhammad adalah manusia biasa dengan segala kelemahan manusia, dan mereka bukan Nabi, tentulah kita tidak harus memecah-belahkan umat Islam daripada Ahli Sunnah hanya kerana tafsiran dan dakwaan kesahihan atau tidaknya hadis yang dikaji oleh pengkaji hadis ini." (*Ucapan Dr Mahathir pada Perhimpunan Agung Umno, 24 Nov 1995*)

Cukup jelas betapa kenyataan ini bukan sahaja merbahaya kepada pegangan umat Islam malah menimbulkan kecelaruan dalam pemikiran di kalangan mereka yang masih jahil mengenai agama. Sekali gus kenyataan ini menggongcang institusi hadis yang terbina di atas asas ilmu yang kukuh, berabad-abad lamanya. Ia secara terang-terangan mengajak umat Islam menilai semula pegangan mereka terhadap hadis. Ia meluntur keyakinan 100 peratus umat Islam kepada sumber Islam yang kedua. Jika pemikiran sedemikian hendak dipakai maka agama itu sendiri tidak wujud kerana persoalan-persoalan aqidah dan syariah adalah juga bersumberkan kepada hadis. Umat Islam sejak zaman berzaman telah mengamalkan cara hidup beribadah dengan bersandarkan kepada hadis.

Beranikah kita mendakwa bahawa mereka sebelum kita telah tidak mengamalkan agama dengan betul kerana kesahihan hadis yang menjadi pegangan belum menjadi putus lagi? Beranikah kita menyatakan bahawa umat Islam terdahulu telah terpesong kerana mengikut "manusia biasa yang mempunyai kelemahan"? Mungkinkah ini termasuk

di dalam usaha halus kalangan anti-hadis untuk memporak-porandakan umat Islam? Walaupun kenyataan seperti ini hanya dibuat sekali dua dan masyarakat Islam yang mencintai Islam tidak peduli dengan mereka yang gemar bercakap mengenai Islam sedangkan tidak mempunyai latar belakang pengajian Islam, ia tetap menodai kesucian Islam itu sendiri.

• Islam tanpa hadis Nabawi tidak layak di panggil Islam lagi. Hanya ulamak sahaja yang boleh memutuskan kesahihan aqidah orang yang meragui kesahihan hadis yang telah secara putus disepakati sebagai hadis sahih. Yang tidak jelas apakah kenyataan seumpama itu dibuat atas nasihat atau *input* orang lain atau sememangnya itulah sikap Dr Mahathir tentang institusi hadis.

Sesiapa yang mengkaji ucapan-ucapan Presiden Umno itu akan mendapati bagaimana beliau selalu menimbulkan sesuatu perkara yang pada hakikatnya tidak menjadi isu. "Non-issues" ini mengajak masyarakat berfikir dan bertindak atas perkara-perkara yang pada lazimnya rekaan semata-mata. Dalam isu hadis ini, umat Islam tidak pernah ditimpak malapetaka kerana perbezaan tafsiran tentang yang mana hadis yang sahih dan yang mana tidak. Perpecahan umat Islam disebabkan oleh faktor lain seperti mana digariskan dalam al-Quran sendiri, iaitu apabila mereka tidak lagi "berpegang pada tali Allah," Islam disekulararkan pengertiannya dan diamalkan sebagai *ritual* tanpa kuasa politiknya.

Umat Islam yang tidak mahir dalam selok-belok sains hadis pun menerima bahawa tiada masalah dalam menerima hadis-hadis yang sahih daripada Imam Bukhari dan Muslim kerana ulamak telah mengajar sedemikian. Seterusnya, jika dikaji ucapan Dr Mahathir ini, beberapa kesimpulan boleh dibuat.

Pertama, ulamak terbilang seperti Imam Bukhari,

Muslim dan Tirmidhi memanglah manusia biasa. Ini yang dikatakan menimbulkan *non-issue* tadi. Tak payahlah disebut-sebut. Lagipun umat Islam yang jernih aqidah dan pegangan tidak pernah menyamakan ulamak-ulamak ini dengan Nabi Muhammad s.a.w. Jadi isu ini tidak berbangkit, tidak perlu diungkit betapa ulamak ini juga mempunyai kelemahan daya fikir dan sebagainya. Walau bagaimanapun sebagai tokoh ilmu memang mereka lebih berwibawa daripada "ulamak" yang ada dalam Umno?

Imam Bukhari dan Muslim memang manusia biasa tetapi sebagai ulamak yang amilin (yang mempraktikkan ilmunya) mereka mendapat bimbingan terus dari Allah s.w.t. Orang yang beriman sepatutnya menerima hakikat ini. Jangan kerana tidak kenal apa itu *ma'unah* dan *hidayah* maka kita sanggup mengeluarkan kata-kata yang merendah-rendahkan golongan yang mendapat keistimewaan Allah s.w.t. ini. Di dalam al-Quran sendiri (Kitab Allah, wahyu-Nya yang mengandungi kebenaran yang mutlak sifatnya) secara jelas menyebut bagaimana Allah s.w.t. akan memberikan hidayah kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah s.w.t. jugalah pembimbing kepada orang yang benar-benar beriman dan bertaqwa. Malangnya mungkin kerana sikap prasangka terhadap ulamak telah mendorong Dr Mahathir mengungkitkan "kelemahan-kelemahan" Bukhari dan Muslim sehingga tercacaklah peribadi-peribadi yang hebat itu.

Imam Bukhari dan Muslim bukan calang-calang ulamak. Walaupun ramai yang terdedah kepada hadis di zaman awal Islam, umat Islam sepakat menerima hadis kumpulan dua tokoh ini disebabkan peribadi yang dimiliki mereka. Mereka hidup berlandaskan al-Quran dan Sunnah sepetimana dianjurkan oleh Allah s.w.t. dan Rasul-Nya s.a.w.

Dan faktor kedua ialah ketelitian di dalam metodologi

mengumpul hadis itu. M.M. Azami dalam bukunya, *Hadith Methodology* menerangkan bagaimana hadis-hadis ini dikumpul dan dibukukan. Ia menceritakan tentang sistem *isnad* yang merupakan satu sistem yang cukup saintifik. Kerana sistem saintifik yang dipegang itulah yang menyebabkan mereka menolak sebilangan besar hadis dan umat Islam berterima kasih kerana ketelitian mereka ini. Penolakan banyak hadis oleh ulamak hadis bukan bererti setiap hadis yang ditolak itu berbeza antara satu dengan yang lainnya dari segi *matan* (kandungan) hadis. Apa yang jelas hadis yang ditolak itu mempunyai *matan* yang sama. Sebab itulah apabila timbul keraguan pada *isnad* (perawi hadis), hadis tersebut ditolak di samping hadis lain yang mempunyai persamaan dengannya. Akibat daripada amalan inilah bilangan hadis yang ditolak mencapai angka yang begitu besar.

Dalam mencatat hadis ulamak-ulamak ini mengadakan solat khas meminta petunjuk dari Allah s.w.t. sebelum menerima sesuatu hadis. Apakah selepas ini perlu diragui lagi kesahihan hadis seperti ini? Sekali lagi orang Mukmin menerima kenyataan bahawa Allah s.w.t. sendiri akan membimbing hamba-Nya yang soleh di atas jalan yang benar.

Kenyataan Dr Mahathir, bahawa kemungkinan sebahagian yang diterima itu tidak sahih sebaliknya sebahagian yang tertolak itu mungkin pula sahih, tidak wajar dilayan. Ia menggambarkan kejihilan tentang ilmu hadis itu sendiri. Sebab itulah mereka yang mahu menjadi mahir dalam sesuatu bidang dikehendaki belajar daripada peringkat paling asas dan membina ilmunya secara sistematik dan menurut kaedah ilmu yang teratur. Mahu tidak mahu bagi mempelajari ilmu-ilmu Islam seseorang itu perlu juga menguasai bahasa Arab kerana al-Quran dan al-Sunnah adalah dalam bahasa tersebut. Pendapat yang

dicetuskan oleh akal manusia perlu ditapis dengan Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya sebelum ia boleh diterima sebagai pendapat yang *rajih* (mempunyai asas keilmuan yang kuat).

Kepercayaan kepada yang ghaib inilah yang menjadi kunci kejayaan golongan Mukmin dan Muttaqin. Orang awam mungkin tidak memahami hakikat ini apatah lagi jika seseorang itu mendokong sebuah pertubuhan sekular yang tegas mempertahankan sekularisme itu. Orang yang bermati-matian mahu mempertahankan sekularisme sudah tentu payah mendapat petunjuk dari Allah s.w.t.

Keceluaran dan kekeliruan pemikiran yang cuba ditimbulkan oleh Presiden Umno itu tidak terhad kepada persoalan asas Islam seperti hadis. Nampaknya beliau turut keliru dengan fakta sejarah Islam. Mungkin beliau telah mendapat "fakta yang salah" daripada penasihat-penasihatnya atau mungkin juga beliau telah menjadikan sumber Orientalis sebagai rujukannya, sedangkan golongan tersebut jelas mempunyai agenda permusuhan yang ketat dengan Islam.

Contohnya, di dalam salah satu ucapannya Dr Mahathir menegaskan: "Dari segi sejarah, orang Eropah memperolehi pengalaman buruk di tangan orang Asia. Orang Mongol, orang Uthmaniyyah Turki dan Arab bukan sahaja menyerang dan menakluki Eropah, malah memusnahkan bumi Eropah, membakar, membunuh dan menawan rakyatnya untuk dijadikan hamba. Berkurun-kurun lamanya mereka hidup dalam ketakutan terhadap serangan orang Huns, iaitu Khan Mongol dan orang Turki." (*Ucapan di Persidangan Antara-bangsa Mengenai Masa Depan Asia di Tokyo, 19 Mei 1995*)

Di tempat lain Dr Mahathir menyatakan: "... permulaan keruntuhan empayar Turki ialah kegagalan menawan bandaraya Vienna di Austria pada 1683." (*Ucapannya di Seminar Penerapan Nilai dalam Tadbiran Awam dan*

*Swasta, Ke Arah Menemui Abad 21, di IKIM, Kuala Lumpur,  
27 Januari 1995*

Keruntuhan empayar Uthmaniyyah sebagai khilafah Islam terakhir bukan berpunca daripada kegagalan tentera Islam menawan Vienna, mahupun kekalahan di medan pertempuran. Persoalan yang harus ditanya juga ialah kenapa kekalahan dialami?

Punca sebenar terletak pada diri pemimpin dan umat Islam waktu itu. Pemimpin Islam telah jauh daripada ajaran-ajaran Islam malah sistem politik dan pemerintahan yang dianjurkan oleh Islam diketepikan langsung. Sistem beraja (monarki) telah mengantikan sistem pemilihan secara syura. Akibatnya mereka yang tidak layak telah muncul untuk memimpin umat Islam. Mereka hidup di tengah-tengah kemewahan, berpoya-poya, bergelumang dengan maksiat dan longgar dari segi aqidah. Ekorankekayaan yang melimpah ruah mereka lupa daratan dan lupa pada tanggungjawab sebenar "menegakkan agama dan mentadbir dunia dengannya" (Imam al-Mawardi di dalam *al Ahkam al Sultaniyyah*).

Kelemahan dalaman inilah yang membawa kepada kejatuhan Khilafah. Umat Islam dan sebahagian pemimpin telah dipengaruhi ideologi-ideologi asing terutama aqidah nasionalisme. Angkara nasionalisme akhirnya memberi pukulan maut kepada kerajaan Islam Uthmaniyyah. Semua orang tahu bagaimana assabiyyah Arab di Hijaz yang didalangi Lawrence of Arabia (selaku agen British) telah memberi tekanan yang cukup besar ke atas tentera Turki yang memaksa Turki undur dari wilayah itu, membawa kepada penubuhan kerajaan al-Saud. Gerakan nasionalisme terus berkembang dalam wilayah Islam dan akhirnya seluruh Khilafah terancam dan runtuh. Peranan Kamal Ataturk dalam usaha menumbangkan sistem Islam tidak boleh diketepikan.

Kenyataan Dr Mahathir bahawa Eropah mengalami penindasan yang dahsyat di tangan *the Arabs and Turks* (orang Arab dan Turki) merupakan cedokan asli daripada sumber Orientalis yang memang diketahui memusuhi Islam. Kenapa pandangan Orientalis dijadikan rujukan tidaklah diketahui tetapi ia sudah cukup untuk menolak fakta dan kenyataan sebenar tentang peristiwa-peristiwa sejarah Islam di Eropah. Amat malang sekali kerana kerja Orientalis disambung semula bagi mendapat simpati atau sokongan masyarakat bukan Islam, kononnya kita bukan "fundamentalis".

Memang Orientalis mendakwa bahawa penyebaran Islam dilakukan dengan pedang. Sedangkan tentera Islam yang sampai ke sesuatu wilayah hanya meminta dibenarkan menjalankan dakwah di kalangan penduduk daerah tersebut. Hanya apabila diketahui mereka akan diserang barulah mereka mempersiapkan diri untuk menyerang musuh. Dan hampir dalam setiap peperangan mereka mencapai kejayaan bukan sahaja kerana mempunyai kelengkapan yang mencukupi tetapi kerana berbekalkan iman. Sesiapa yang jujur dan mengkaji peraturan berperang di dalam Islam akan mendapati "membunuh sewenang-wenangnya, membakar, dan melakukan kekejaman terhadap wanita, kanak-kanak dan orang tua" adalah dilarang sama sekali. Malah tumbuh-tumbuhan dan binatang, serta orang yang berlindung di rumah ibadat sekalipun tidak boleh diapa-apakan.

Sebaliknya kita baca sejarah peperangan Salib yang dilancarkan oleh tentera Kristian Eropah waktu itu tiada siapa yang boleh menafikan kekejaman yang mereka lakukan terhadap orang lain yang ditawan. Jika dalam Islam tawanan perang diberi layanan penuh kemanusiaan sebaliknya tentera salibiyyah membunuh dengan kejam setiap tawanan mereka. Bagaimana pula dengan *Inquisition* di mana orang bukan Kristian dan bukan Katolik dipaksa memeluk Katolik;

jika tidak, mereka akan diseksa sehingga mati? Dalam episod serangan tentera Salibiyyah terhadap Palestin dan Baitul-maqdis kita dapati bagaimana setiap penduduk Islam, Yahudi dan lain-lain dibunuh tanpa belas kasihan sehingga darah mengalir di jalan-jalan dan di lorong-lorong bandaraya suci itu.

Kenapa fakta ini tidak ditonjolkan sebagai perbandingan. Sikap *apologetic* yang sebegini hanya merugikan Islam dan umat Islam dan memberi saham kepada musuh-musuh Islam untuk meneruskan kempen jahat mereka memaparkan imej Islam sebagai agama yang ganas! Lagipun jangan kita merasa dengan bercakap secara "objektif" dunia akan menerima kita dan pandangan yang kita wakili. Gerakan musuh Islam sudah lama menetapkan agenda mereka, tidak kira kita *apologetic* atau tidak.

Masalahnya, di dalam negara kita kaum intelek tidak cukup berperanan untuk memberi maklumat dan fakta sebenar mengenai segala aspek Islam. Kalau kita perhatikan dalam media massa dan tulisan-tulisan, rata-rata lebih menonjolkan aspek-aspek *ritualistic* semata-mata. Intelek Islam tidak mendedahkan skop Islam yang sebenar kepada masyarakat. Dan setiap kali sesuatu yang salah mengenai Islam diucapkan atau disiarkan oleh mana-mana pihak, tiada yang tampil untuk membetulkannya. Akibatnya kenyataan-kenyataan salah, tafsiran-tafsiran yang mengelirukan, terus tersebar. Dan jika ia berterusan sebilangan besar masyarakat akan mempercayainya. Maklum sahajalah tahap pembacaan bahan ilmiah dalam masyarakat sangat rendah.

Sementara kenyataan-kenyataan sebegini terus diucap oleh pemimpin sebuah pertubuhan politik Melayu yang besar dalam negara, gerakan Islam dan seluruh pecinta Islam hanya dapat berharap saluran-saluran terhad seperti majalah terbitan gerakan Islam khususnya PAS dan buku-buku kecil

seperti ini dapat membetulkan perspektif umat mengenai perkara-perkara yang mengelirukan itu.

Apa yang lebih penting ialah umat Islam mestilah menjadikan Islam sebagai prinsip hidup mereka dan memahami bahawa ilmu-ilmu Islam mesti diperolehi daripada sumber-sumber yang sahih iaitu al-Quran dan Sunnah. Dan oleh kerana kedua-dua sumber memerlukan kepakaran untuk memahaminya umat Islam perlu mendapatkan fakta yang tepat dengan merujuk kepada ulamak yang amilin, iaitu ulamak yang mengamalkan segala ilmunya atau seperti yang disebut oleh Hujjatul Islam, al-Imam al-Ghazzali sebagai ulamak akhirat. Semoga Allah s.w.t sentiasa memimpin kita di atas jalan yang benar.

## ***LIBERALISASI MARINA DISANGGAH***

**A**pabila dapat tidur dengan lena, dan puas, bangun pagi dalam udara segar, di tengah-tengah alunan tahrim — sebelum subuh, akan terasa keindahan cuaca, juga akan terasa indahnya menjadi diri sendiri, akan terasa bersyukur pada Ilahi, akan terasa adanya Ilahi, akan terasa indahnya Ilahi, dan akan terasa indahnya Islam, indahnya agama.

Itu hanyalah emosi. Akan tetapi apalah manusia tanpa emosi. Emosi mencorak persepsi. Begitu juga persepsi terhadap agama. Agama seperti apa saja aktiviti manusia, boleh dilihat dari pelbagai sudut, yang indah atau yang hodoh. Bagi yang menerima hidayah, keindahanlah yang dilihat. Bagi yang lain, hodohlah yang dilihat.

Dari akhbar, pelbagai persepsi dapat dilihat. Lebih-lebih lagi apabila ekonomi meleset. Dengan melihat pembaziran

berlaku dan lagak orang-orang kaya baru Melayu. Semuanya sudah tentu menyumbang kepada tekanan perasaan.

Tetapi apakah reaksi kita, sebagai pencinta Islam apabila membaca berita mengenai wanita yang disaman kerana "berpakaian tidak senonoh". Reaksi pertama ialah bahawa wanita Islam tidak seharusnya berpakaian bukan Islam. Bukan soal undang-undang enakmen syariah. Kalau tidak ada undang-undang itu sekalipun, wanita Islam seharusnya menutup aurat. Itu jelas, tidak kabur. Itu masuk akal. Dalam agama, ada peraturan. Hendak keluar daripada peraturan, keluar daripada agama. Melanggar peraturan, ada hukuman. Semuanya memerlukan penguatkuasaan dan pembicaraan. Semuanya jelas. Tidak kontroversi.

Tetapi mengapa kes itu menjadi kontroversi. Kerana orang-orang sekular tidak menerima penguatkuasaan. Ia seperti suatu kezaliman. Menyekat kebebasan untuk membuka aurat. Maknanya mereka tidak dapat menerima peraturan Islam. Mereka mahu identiti Islam tetapi tidak mahu peraturan Islam. Dan ini negara sekular, bukannya negara Islam. Itulah yang menyebabkan kontroversi.

Ada tiga jalan penyelesaian. Pertama, ikut Islam, kedua ikut sekular dan ketiga, kompromi antara dua kehendak itu.

Bukan saja Islam yang menolak pertandingan ratu cantik. Golongan feminis juga demikian. Akan tetapi mengapa golongan feminis sekular dalam kes ini membela tiga gadis itu. Jawabnya mereka berdepan dengan agama. Bagi mereka, agama adalah lebih bahaya daripada pertandingan ratu cantik.

"Dalam skala cara wanita dieksplorit, pertandingan ratu cantik terletak di peringkat bahawa, berbanding dengan menjual tubuh wanita di lorong-lorong belakang bandar-bandar kita. Tetapi perlu disebut bahawa terdapat perbezaan kecil antara mentaliti mengadakan pertandinagan ratu cantik

dan tindakan menangkap dan merendahkan wanita di tempat awam. Kedua-duanya dilakukan oleh lelaki dan kedua-duanya memandang wanita sebagai sesuatu yang kurang daripada sebagai manusia." Demikian tulis Marina Mahathir.

Di sini dapat dilihat betapa langsung tidak diambil kira soal kecintaan terhadap agama. Tidakkah ada lelaki yang berbuat sesuatu untuk agamanya, dan bukannya kerana sifatnya sebagai lelaki. Kita tidak tahu niat penguatkuasa yang menahan gadis itu untuk agamanya atau sifatnya sebagai lelaki untuk menindas wanita. Itu niatnya, antara mereka dengan Allah s.w.t. Akan tetapi adalah tugas mereka untuk menguatkuasa peraturan. Mereka hanya menjalankan tugas.

Sebagai lelaki, ramai lelaki Islam suka melihat aurat wanita. Itu sifat lelaki. Bukan soal gila seks. Akan tetapi sudah ada hormon lelaki yang mendorong ke arah itu. Akan tetapi kecintaannya terhadap agama mendorong lelaki supaya menggalakkan wanita menutup aurat. Itu sudah menjadi peraturan agama. Siapa yang tidak suka isteri berpakaian cantik dan dipuji orang ramai. Tetapi Islam tidak benarkannya. Dan lelaki Muslim menyuruh isterinya menutup aurat di khalayak ramai. Itu kecintaan pada agama.

Dalam kes ini, apabila gadis itu ditangkap, itu bukan mengutuk wanita secara terbuka di depan awam. Itu hanya menguatkuasakan undang-undang. Mengapa undang-undang itu tidak diketahui umum sememangnya suatu misteri. Di negara ini sudah ada pelbagai undang-undang hingga tidak semua orang tahu adanya undang-undang. Memang fatwa sekarang mengharamkan penyertaan pertandingan ratu cantik. Dalam Islam, memang sudah jelas bahawa menonton pertandingan ratu cantik juga haram. Ia tidak perlu fatwa. Sudah ada fiqhnya. Sama ada *Baywatch* boleh ditonton di rumah atau tidak, pertandingan ratu cantik tetap

haram. *Baywatch* pun patut diharamkan. Janganlah oleh kerana *Baywatch* boleh ditonton maka pertandingan ratu cantik dibenarkan.

Kes ini memang menakutkan orang-orang sekular. Kerana nilai mereka berbeza. Ia bukan soal lelaki atau perempuan. Ia adalah soal Islam atau sekular. Ia adalah soal kita semua.

Orang bertanyakan mengapakah kes itu berlaku sekarang? Semua perkara ada permulaan. Apabila berlaku, ia kelihatan tiba-tiba. Itu adalah teknikal. Oleh kerana undang-undang ini telah digazet pada tahun 1995, maka dipercayai terdapat unsur-unsur hipokrasi.

Orang takut memperdebatkan tentang agama. Itu dapat difahami. Perdebatan boleh membawa perbalahan. Mungkin boleh membawa kekufturan atau ekstremisme.

Apabila berlaku kes ini, pecinta-pecinta agama juga bimbang. Bimbang bahawa pertandingan ratu cantik akan dibenarkan, dan selanjutnya pelbagai amalan bukan Islam akan turut dilepaskan. Aurat dalam Islam adalah jelas. Mesti tutup kepala. Skirt yang membuka aurat tentu tidak boleh dipakai. Begitu juga dengan lengan pendek. Lelaki juga mempunyai peraturan auratnya. Itu jelas.

Kolam mandi? Ada fiqhnya. Itu juga jelas. Kalau mandi, boleh berpakaian pendek — untuk mandi. Tidak perlulah rondaan untuk menangkap wanita-wanita berpakaian mandi. Tetapi adalah lebih sopan, selesa dan mengikut syariat kalau kolam diasingkan antara lelaki dengan perempuan. Apa susahnya? Lebih-lebih lagi zaman sekarang, kadang-kadang dalam satu rumah orang kaya, kolam mandi pun ada dua buah.

Jangan menyindir Taliban. Ini bukan soal Taliban, Iran, PAS, Syiah atau Arqam. Ini adalah soal Islam. Model, penyanyi, pelakon, juruhebah TV, olahragawati, tokoh awam wanita seperti ahli politik, tidak perlu bimbang kalau mereka

jelas tentang peranan mereka sebagai seorang Muslim. Sekarang pun sudah ada model memakai busana Muslim. Penyanyi boleh terus menyanyi. Tidak ada masalah. Ada banyak kumpulan nasyid wanita. Rahimah Rahim yang bertudung boleh terus menyanyi. Dalam studio rakaman, apa saja lagu pun boleh dirakamkan. Pelakon juga boleh terus berlakon. Malah filem Iran yang menampilkan pelakon-pelakon wanita yang menutup aurat telah memenangi anugerah filem terbaik sedunia. Itu tidak menjadi masalah. Begitu juga dengan juruhebah TV; lihatlah Azura dari TV3. Olahragawati boleh terus berlari, melompat. Ada caranya. Olahragawati Iran juga ikut serta. Stadium boleh tertutup untuk wanita. Banyak caranya. Jangan sempitkan fikiran. Ahli politik wanita pun boleh bebas. Lihatlah menteri kabinet Iran. Tidak ada masalah. Jangan menyempitkan peranan wanita. Wanita tidak perlu undur ke dapur. Itu hanya salah faham golongan sekular terhadap Islam.

Peraturan aurat sudah jelas, baik lelaki atau perempuan. Seringkali yang melanggar adalah perempuan kerana mungkin perempuan sukar untuk berpakaian yang labuh. Lelaki pula tidak perlu memakai tudung. Mungkin itu yang mudahnya. Dalam sukan ada peraturannya. Mereka tidaklah perlu menutup dari pusat ke lutut. Ada fiqhnya. Sebab itu pemain bola sepak Iran dan Kelantan dibenarkan memakai seluar pendek. Itu tidak mengapa. Untuk bersukan tidak salah. Islam tidak melarangnya. Jangan campur adukkan isu. Wanita pun untuk bersukan dibenarkan.

Pendokong-pendokong Islam dan gerakan Islam zaman sekarang adalah terpelajar dan terdedah dengan fikiran moden. Mereka sedar tentang penindasan yang dialami oleh wanita. Sebab itu mereka amat prihatin terhadap dimensi Islam yang berhubung dengan wanita. Sebab itu, di Iran umpamanya, semasa persidangan OIC baru-baru ini,

kebebasan wanita dijadikan tema juga. Menuduh pendokong Islam hanya mahu wanita duduk di rumah dan beranak sepanjang masa, tutup dari kepala ke kaki adalah satu fitnah. Ia merupakan pembohongan daripada sikap prejudis feminis sekular terhadap gerakan Islam.

Gerakan Islam, terutama yang moden (pasca Muhammad Abduh, Rashid Ridha dan Jamaluddin al-Afghani — orang sekular mungkin tidak mengenali mereka) tidak pernah menuduh wanita akan keluar dan menggoda lelaki yang lemah dan gila seks. Malah lelaki gerakan Islam moden adalah juga feminis tetapi feminis Islam. Mereka mengiktiraf bahawa lelaki adalah lemah apabila berdepan dengan kecantikan wanita. Itu adalah fakta. Bukan soal gila seks. Ia adalah soal hormon lelaki. Hanya mereka yang mati pucuk atau gay yang tidak teringinkan wanita. Dalam Islam, perkara ini diakui dan segala peraturan itu hanyalah untuk menghindarkan perkara yang lebih buruk lagi berlaku.

Orang sekular mudah menuduh pencinta Islam sebagai dinosour yang akan pupus dan sekarang sedang berlawan dengan kuat untuk mengelakkan kepupusan. Memang kalau dilihat rasanya Islam tidak larat untuk melawan Barat dan pemikirannya. Akan tetapi soal kepupusan bukan soal manusia. Itu ketentuan Allah s.w.t. Orang Islam hanya menjalankan kewajipan sebagai Islam sehingga ke akhir hayatnya dengan mengharapkan keredhaan Ilahi. Itu saja. Yang lain, apa yang akan berlaku, itu ketentuan Allah s.w.t.

Mungkin pencinta Islam macam mamalia, bukannya dinosour. Malah pemikiran sekular mungkin jadi dinosour. Pada masa ini mereka yang berkuasa. Tetapi seperti dinosour, Barat boleh pupus, dan dalam kepupusan itu mamalia yang akan muncul dan menerajui kehidupan.

Seringkali pencinta Islam difitnah seolah-olah merasa takut dan terpinggir. Bagi mereka yang kuat iman, soal takut

dan terpinggir tidak timbul. Apa yang wujud adalah hak milik Allah s.w.t. Teknologi tinggi juga milik Allah s.w.t. Jangan sekali-kali menuduh pencinta Islam tidak mempunyai pendidikan atau kemahiran untuk menggunakan teknologi tinggi. Ramai yang berpendidikan, berkemahiran dan mampu menggunakan teknologi tinggi adalah terdiri daripada pencinta Islam. Mereka juga tidak bimbang pada internet. Malah pencinta Islam sudah menggunakan internet untuk berdakwah. Bilangan mereka mungkin kecil tetapi mereka tidak jahil. Malah sedar tentang kedudukan mereka, kelemahan mereka dan juga kekuatan mereka. Identiti mereka jelas dan mereka tahu di mana kedudukan mereka sebagai makhluk Allah s.w.t.

Akan tetapi sebaliknya golongan sekular di negara ini yang bimbang, merasa kecil dan terpencil. Arus dakwah dari tahun-tahun 70-an hingga sekarang menakutkan mereka bahawa mereka yang akan pupus. Bukan itu saja, melalui pandangan mereka tentang Islam dan gerakan Islam, kejahiilan mereka terserlah. Siapakah yang jahil di sini? Adakah hanya mereka yang tidak tahu tentang komputer itu jahil? Kalau tidak tahu tentang agama ... apakah itu tidak jahil?

Lihatlah tuduhan orang sekular terhadap pencinta Islam: "Jadi mereka menunjukkan reaksi seperti mana orang-orang yang tidak berpelajaran lainnya — ambil perhatian terhadap orang yang paling lemah atas perbuatan yang paling remeh.... Mungkin kita harus mengasihani orang-orang ini dan melihat mengapa orang-orang ini perlu melakukan perkara seumpama itu. Tidak kiralah bahawa hujah agama boleh jadi begitu kabur, tidak kiralah bahawa imej agama yang mereka mahu sampaikan adalah suatu yang menekan dan sering menghukum, tidak kiralah bahawa ia hanya bermakna kita dan kehidupan kita diperintah oleh orang-orang yang berminda kecil. Mungkin mereka merasa terancam dengan

unia moden dan semua yang berubah dengan pantas. Kita harus melihat masalah ini dan memikirkan bagaimana kita boleh menarik mereka untuk menyertainya. Mungkin dengan cara itu mereka tidak rasa terpinggir dan akan menggunakan masa mereka dengan sebaiknya."

Adalah suatu fitnah menuduh pencinta Islam menekan wanitanya. Pencinta Islam tidak akan menekan wanita kerana Islam melarang penindasan. Rasulullah s.a.w. yang mempunyai akhlak mulia menjadi contoh sebagai orang yang melayan wanita dengan baik.

Persoalan mengapakah Mufti Selangor tidak mengeluarkan fatwa mengenai rasuah ... perlu difahamkan terdapat operaturan mengenai mengeluarkan fatwa. Fatwa hanya boleh dikeluarkan apabila diminta. Bagaimanapun, tanpa fatwa, rasuah tetap haram, dan undang-undangnya pun sedia ada.

*Untuk mengikuti apa yang telah ditulis oleh Marina Mahathir itu, cuba anda ikuti terjemahan bebas mengenai rencananya itu di bawah ini:*

Adakah ia cuaca, atau diriku? Adakah saya, satu-satunya orang yang merasa tertekan perasaan terhadap keadaan negara kita pada masa-masa ini? Saya fikir kita dalam kedudukan paling rendah apabila halaman depan akhbar-akhbar menyiarkan berita mengenai wanita yang disaman kerana "berpakaian tidak senonoh"; mereka telah dipersalahkan atas suatu jenayah yang kabur, tidak jelas hingga menjadikannya suatu yang tidak masuk akal.

Sebagai seorang feminis, saya harus kata bahawa saya tidak menerima pertandingan ratu cantik — ia hanya menggalakkan eksloitasi wanita yang dipandang hanya sebagai hiasan. Saya tidak mempunyai masalah untuk menyedarkan wanita bahawa mengambil bahagian dalam pertandingan

ratu cantik merendahkan kedudukan mereka.

Bagaimanapun, kita harus ingat bahawa kita hidup dalam persekitaran yang sering merendahkan kedudukan wanita dalam pelbagai cara: dalam pengiklanan, sikap umum lelaki terhadap masalah wanita. Dalam skala cara wanita dieksplot, pertandingan ratu cantik terletak di peringkat bawah, berbanding dengan menjual tubuh wanita di lorong-lorong belakang bandar-bandar kita.

Tetapi perlu disebut bahawa terdapat perbezaan kecil antara mentaliti mengadakan pertandingan ratu cantik dan tindakan menangkap dan merendahkan wanita di tempat awam. Kedua-duanya dilakukan oleh lelaki dan kedua-duanya memandang wanita sebagai sesuatu yang kurang dari pada sebagai manusia.

Dalam kes ini, pihak-pihak yang menangkap tidak menyatakan langsung tentang hak-hak perlindungan ke atas wanita yang dieksplot ini. Sebaliknya wanita dikutuk secara terbuka di depan awam kerana melanggar undang-undang yang tidak ada siapa mendengarnya hingga ke hari ini. Adalah suatu yang menarik bahawa fatwa sekarang mengharamkan penyertaan pertandingan ratu cantik, tetapi tidak mengharamkan tontonannya. Dan apakah gunanya mengharamkan pertandingan ratu cantik apabila anda boleh sentiasa pulang ke rumah dan menonton *Baywatch*?

Tetapi kes ini menakutkan kita semua. Lelaki dan perempuan. Sebagai permulaan, mengapa sekarang dan mengapa tiba-tiba? Nampaknya undang-undang ini telah digazet pada tahun 1995. (Tidakkah siapa yang perasan tentangnya?) Terdapat banyak pertandingan ratu cantik yang diadakan sejak itu, tetapi mengapa mereka menyerang sekarang?

Kedua, apakah makna semuanya ini? Mengapakah tidak berlaku perdebatan terbuka tentangnya sebelum menjadi undang-undang? Adakah undang-undang dibuat secara

rahsia, dan jika demikian, mengapa?

Apa yang paling membimbangkan saya sekali ialah, apakah yang akan berlaku selanjutnya? Apakah yang disebut sebagai "tidak senonoh" bagi seorang wanita Islam? Tidak menutup kepala? Memakai skirt? Lengan pendek? Adakah lelaki akan menjalankan rondaan di kolam renang dan menangkap wanita-wanita yang memakai pakaian mandi? Maafkan saya, tetapi adakah Taliban telah menyusup ke negara ini?

Siapakah yang akan dijadikan sasaran kelak? Model? Penyanyi? Pelakon? Juruhebah TV? Olahragawati? Tokoh awam wanita seperti ahli politik? Adakah ia berakhir apabila wanita berundur ke dalam rumah dan tidak muncul kembali?

Mengapakah undang-undang lebih menekankan tentang pakaian wanita daripada pakaian lelaki? Pihak berkuasa yang berkenaan telah menyatakan bahawa mereka juga akan menangkap lelaki yang tidak berpakaian menutup antara pusat dan lutut. Saya harap semua olahragawan Islam di Selangor mengambil perhatian: ia bermakna ramai di antara mereka yang tidak akan mengambil bahagian dalam Sukom.

Kita seharusnya terkejut terhadap perkara ini kerana ia bermakna terdapat orang yang mahu menekan wanita. Mereka hanya mahu kita duduk di rumah dan beranak sepanjang masa, tutup dari kepala ke kaki, kerana itu dikatakan yang terbaik bagi wanita.

Kalau tidak, kita akan keluar dan menggoda lelaki yang lemah dan gila seks. (Bolehkah lelaki-lelaki ini memperkenalkan diri supaya kita boleh mengelakkan diri daripada mereka?) Seorang kawan berpendapat, "Orang-orang ini adalah dinosour." Katanya, "Mereka tahu mereka akan pupus tetapi mereka tidak akan mengalah tanpa berlawan." Saya harap saya boleh optimis.

Bagaimanapun, mereka mempunyai hujah. Mungkin dalam kita berlumba ke arah teknologi tinggi dan dunia siber, masih terdapat orang yang rasa takut dan terpinggir. Mereka ini tidak mempunyai pendidikan atau kemahiran untuk menggunakan teknologi tinggi. Mereka bimbang pada internet kerana ia akan mendedahkan bagaimana kecil dan jahilnya mereka. Mereka bimbang bahawa apabila orang berpendidikan, pangkalan kuasa kecil mereka akan dicabar dan mereka akan didedahkan sebagai orang yang berpura-pura.

Jadi mereka menunjukkan reaksi seperti mana orang-orang yang tidak berpelajaran lainnya — ambil perhatian terhadap orang yang paling lemah atas perbuatan yang paling remeh. Dan wanita sering kali dijadikan sasaran, terutama apabila kita tidak pernah melawan balik kerana takut dituduh melawan atau lebih teruk lagi, dipandang "tidak bersifat kewanitaan". Tidak kiralah bahawa kewnitaan ditakrifkan menurut pandangan lelaki.

Mungkin kita harus mengasihani orang-orang ini dan melihat mengapa orang-orang ini perlu melakukan perkara seumpama itu. Tidak kiralah bahawa hujah agama boleh jadi begitu kabur, tidak kiralah bahawa imej agama yang mereka mahu sampaikan adalah suatu yang menekan dan sering menghukum, tidak kiralah bahawa ia hanya bermakna kita dan kehidupan kita diperintah oleh orang-orang yang berminda kecil.

Mungkin mereka merasa terancam dengan dunia moden dan semua yang berubah dengan pantas. Kita harus melihat masalah ini dan memikirkan bagaimana kita boleh menarik mereka menyertainya. Mungkin dengan cara itu mereka tidak rasa terpinggir dan akan menggunakan masa mereka dengan sebaiknya.

Lagipun, berbanding dengan sumbang muhrim, penderaan kanak-kanak, mendera isteri, penyalahgunaan dadah,

rasuah, sama ada anda berpakaian betul atau tidak menurut nilai-nilai semberono seseorang, ia berada di kedudukan yang rendah dalam skala perhatian kita dalam zaman ini.

Dalam pada itu, adakah sesiapa di negeri itu telah mengeluarkan fatwa mengenai rasuah?

Sementara itu, saya fikir setiap orang lelaki dan wanita yang boleh berfikir seharusnya membantah keadaan yang tidak adil ini. Hipokrisi ini menjijikkan. Sebagai permulaan, sesiapa yang pergi menangkap perempuan-perempuan ini sebenarnya duduk dan menonton keseluruhan pertandingan itu, menunggu keputusannya diumumkan, barulah mereka bertindak. Adakah mereka mengalihkan pandangan mereka sepanjang pertandingan itu, atau adakah mereka juga berseronok?

Apa yang menyedihkan ialah saya mendengar lebih ramai orang muda yang bijak, orang-orang yang kita perlukan untuk membangun negara ini, berkata bahawa mereka berada di penghujung dan mereka tidak tahan dengan persekitaran ini di mana mereka tidak boleh melakukan sesuatu tanpa dituduh mengkhianati agama dan kebudayaan mereka.

Tiba-tiba hidup di tempat lain menjadi sesuatu yang menarik, kerana di situ mereka tidak perlu melayani perkara-perkara remeh ini, bila mana terdapat perkara-perkara lain yang lebih besar untuk diberi perhatian.

Dan mereka bukan orang biasa yang mencari rezeki di tempat lain. Mereka adalah orang yang menghabiskan masa mereka memberi peluang, mendidik dan orang yang bangga dengan negara, bangsa dan agama mereka, tetapi merasakan bahawa mereka secara tidak adil menjadi sasaran bagi mereka yang berminda kecil dan iri hati.

Adalah suatu yang tragis bahawa semakin ramai orang merasakan bahawa negara ini menjadi terlalu kecil, bukan

saja dari segi fizikal, tetapi dari segi set mindanya. Tajuk-tajuk akhbar akhbar seperti mengenai tiga gadis itu hanya mengesahkan perkara ini.

Jika sesiapa memikirkan bahawa pertandingan ratu cantik memburukkan imej Islam, mereka harus fikir bahawa imej datangnya daripada tindakan yang sentiasa menghukum dan juga tidak adil. Di bahagian dunia lain, orang tertarik pada Islam kerana penekanannya pada keadilan dan persamaan bagi semua orang, lelaki dan wanita. Di sini, kita hanya dapat lihat bahagian hodohnya mereka. Di manakah wajah indah Islam?

Kita harus pelajari dari apa yang dilalui oleh Perdana Menteri Australia, John Howard yang gagal memusnahkan tunas gejala politik Pauline Hanson. Kini ia terpaksa berdepan dengan suatu raksasa. Pada asasnya, kita di Malaysia mempunyai raksasa yang berbeza tumbuh di negara kita, suatu yang pahit, iri hati, keras, bahaya, pemecah-belah dan kuku besi, dan ia perlu dibunuh sekarang juga.

Kalau tidak, ia akan memakan kita dan segala yang baik dan indah di negara ini.



Gambar seorang pembunuh yang mengangkat wanita yang telah dibunuh olehnya.



Orang ini pijak dan terjung anak berumur 8 bulan sempat mati

Dua gambar yang dipetik dari buku ucapan Presiden Umno, Dr Mahathir Mohamad yang menimbulkan kegemparan baru. Apa sebenarnya motif gambar ini disiarkan; Mahathir perlu jelaskan.

# ***ISLAM, MAHATHIRISME DAN SURVIVAL UMAT: ANTARA SEKULARIS, FUNDAMENTALIS DAN SURVIVALIS***

**M**ungkin semuanya kebetulan. Kebetulan itu adalah bahasa manusia bagi merujuk pada takdir. Ini kerana semuanya takdir. Ia sudah ditetapkan untuk menjadi sedemikian rupa. Bagi orang Islam yang bertaqwa, apa yang berlaku tidak menjadi gundah gulana kerana semuanya dianggap takdir dan ketentuan Allah s.w.t.

Akan tetapi itulah yang berlaku pada Malaysia. Ia telah meresahkan pecinta negara amnya dan pendokong Mahathir khususnya apabila negara ini dilanda krisis ekonomi yang melenceng sasaran bagi mencapai Wawasan 2020, tonggak ideologi pemikiran Mahathir.

Selaras dengan alam yang bergerak menurut sistem kompleksiti, banyak faktor yang memberi sumbangan

kepada krisis ekonomi Malaysia. Bagaimanapun salah satu faktor adalah hubungan Mahathir dengan agama. Menjelang Julai 1997, Mahathir mengkritik ulamak, ekoran tindakan pegawai Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menahan anak gadis Muslim yang menyertai pertandingan ratu cantik.

Kenyataan Mahathir meresahkan ulamak dan pencinta Islam. Bagaimanapun, dalam pertemuan dengan rakyat Terengganu, untuk meredakan pandangan serong ulamak terhadapnya, beliau mengeluarkan kenyataan membidas orang-orang Yahudi, yang katanya, berperanan menyerang mata wang negara. Satu konspirasi Yahudi, katanya. Akhbar pun memetik apa katanya, dan pandangannya tersebar ke seluruh dunia. Nilai mata wang ringgit yang sudah terjatuh tetapi tidak terlalu teruk terus jatuh teruk dan tidak lagi kelihatan akan bangkit. Ia seterusnya mengheret pasaran saham dan akhirnya negara terpaksa menerima bahawa ekonomi negara sudah teruk, dan pemulihan tidak dapat dilihat dalam waktu yang terdekat. Sasaran pertumbuhan negara terpaksa diubah, dan semuanya mengheret kepada hakikat bahawa Wawasan 2020 tidak akan tercapai pada tahun berkenaan.

Setiap kali Mahathir membuka mulut, Yahudi menyerang lagi ekonomi negara. Dalam keadaan yang lemah ini, kebetulan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) sedang diadakan di Teheran, Iran. Maka, Mahathir yang terpaksa menghentikan lawatan-lawatan keluar negeri kerana krisis ekonomi negara bagaimanapun pergi juga ke persidangan yang sudah dirancang awal.

Sidang OIC adalah platform sesuai untuk mengkritik Yahudi. Bertambah seronglah pandangan Yahudi terhadap Mahathir. Akan tetapi Mahathir tidak menyerang Yahudi di Teheran. Itu tidak perlu. Dia hanya menerangkan mekanisme Yahudi dalam menguasai ekonomi dunia kepada ahli-ahli

perniagaan Iran. Bagaimanapun, dalam ucapan utamanya dalam sidang OIC, Mahathir mengkritik negara-negara Islam yang berbalah sesama sendiri dan tidak berwawasan untuk mempelajari teknologi khususnya teknologi maklumat.

Tiga peristiwa ini: Satu, kritikannya pada ulamak; dua, kritikannya pada spekulator wang; dan tiga, kritikannya pada OIC menggambarkan pemikiran Mahathir tentang Islam.

Selepas Khulafaurasyidin, umat Islam sememangnya mentafsirkan Islam dalam pelbagai bentuk. Munculnya tiga golongan politik dalam Islam selepas Khulafaurasyidin mencerminkan perbezaan tafsiran ini. Pada peringkat pertama, mazhab yang muncul ialah Syiah, Khawarij dan Ahlussunah, atau lebih tepat lagi Al-Jamaah, yang menerima kepemimpinan arus perdana umat Islam ketika itu. Kemudian timbul pelbagai aliran dan mazhab. Semasa kegemilangan khilafah Islam dan kemasukan pemikiran Yunani dan sains, muncul lagi satu mazhab yang pernah menjadi mazhab negara iaitu Muktazilah. Mazhab ini menerima pengaruh daripada rasionalisme Yunani.

Sungguhpun begitu, selepas kejatuhan khilafah Islam, mazhab yang utama ialah Al-Sunnah wal Jamaah dan Syiah. Dengan kedatangan dunia moden, pembahagian pemikiran Islam menurut Sunnah dan Syiah sudah tidak relevan. Mereka itu hanyalah mazhab yang berasaskan ilmu tradisi. Aliran sebenar Islam adalah menurut persepsi umat Islam terhadap pemikiran Barat. Lebih tepat lagi, umat Islam boleh dibahagi menurut dua aliran iaitu survivalis dan fundamentalis. Mereka semuanya Islam. Untuk menyatakan sesuatu aliran itu tidak Islam, sudah tidak sesuai kerana perbuatan mentakfir (menuduh sesuatu golongan itu kafir) dalam zaman ini sudah dianggap ajaran sesat.

Siapakah yang benar antara kedua-dua ini? Fundamentalis atau survivalis? Semuanya benar. Seperti benarnya

mazhab Sunnah dan Syiah. Bagaimanapun, pertembungan fikiran pasti berlaku antara aliran itu, seperti juga pertembungan fikiran antara mazhab Sunnah dan Syiah. Itu suatu perkara biasa.

Mentakrif sesuatu aliran juga mempunyai bahayanya. Kadang-kadang takrif dan tafsir seseorang tentang sesuatu istilah atau aliran juga berbeza antara satu sama lain. Bagaimanapun, takrifan dan tafsiran, apa hal pun terpaksa dilakukan. Apakah itu survivalis? Survivalis adalah mereka yang meletakkan survival umat Islam dalam dunia moden sebagai perkara utama. Bagi mereka, umat Islam itu penting. Umat Islam yang ada hari ini, sebagai keturunan daripada umat Islam terdahulu turun-temurun hendaklah diselamatkan dan dicemerlangkan dalam dunia moden yang penuh mencabar dikuasai oleh Barat. Islam sendiri sebagai pemikiran tidaklah penting. Yang penting adalah umat Islam itu sendiri. Tanpa umat Islam, Islam pun tidak wujud. Umat Islam terpaksa berubah, walau apa pun, untuk survival. Walaupun terpaksa mengubah cara hidup atau cara berfikir, umat Islam hendaklah berubah menghadapi tantangan. Identiti Islam akan terus kekal walaupun perubahan cara hidup berlaku. Malah kadang kala modernis memerhatikan Islam hanyalah satu identiti umat.

Fundamentalis pula adalah mereka yang berpegang pada asas Islam iaitu tafsiran literal (harfiah) al-Quran. Al-Quran adalah segala-galanya. Mungkin ada apa yang di dalam al-Quran tidak boleh ditafsirkan secara literal, tetapi sehampir mungkin, pentafsiran hendaklah dibuat secara literal. Kemudian barulah hadis dan seterusnya amalan-amalan umat Islam sebelumnya. Akan tetapi semua boleh diubah mengikut tafsiran pada al-Quran. Fundamentalis dalam menghadapi dunia moden masih menerima keutamaan pemikiran dalam aliran. Kalau survivalis mengutama-

kan ekonomi dan kekuatan diri umat untuk survival dalam menghadapi Barat, pihak fundamentalis tidak meletakkan itu sebagai keutamaan walaupun mereka akur tentang kepentingan ekonomi dan kekuatan tentera. Pemikiran Islam itu adalah lebih penting.

Pada masa dahulu, ada pengkaji membahagikan pemikiran moden menurut istilah modenis dan tradisionalis. Modenis adalah mereka yang menerima perubahan moden sementara tradisionalis adalah mereka yang menolak kemodenan. Pembahagian itu sudah tidak relevan. Kini, umat Islam boleh dikatakan semuanya modenis. Mereka boleh menerima kemodenan. Mereka tidak naik unta, mereka terima sains dan teknologi. Pembahagian menurut modenis dan tradisionalis adalah kini tidak relevan. Pembahagian relevan kini ialah survivalis dan fundamentalis.

Kemudian ada pihak membahagikan aliran Islam zaman moden ini antara sekularis dengan fundamentalis. Fundamentalis adalah Islam yang syumul, menyatukan segala kehidupan dalam lingkungan pemikiran beragama. Istilah fundamentalisme tidak tepat. "Syumulis" lebih tepat. Bagaimanapun, istilah itu tidak wujud. Mereka menggunakan istilah fundamentalis untuk menggambarkan "syumulis". Sekularis adalah mereka yang memisahkan kehidupan beragama dengan kehidupan dunia. Apabila bertembung, sekularis akan mengutamakan pemikiran dunia. Umpamanya sistem perbankan. Sekularis menganggap urusan perbankan adalah urusan keduniaan dan tidak seharusnya dicampuradukkan dengan elemen-elemen agama. Jika agama menyuruh disingkirkan riba, sekularisme mengetepikan pemikiran itu kerana pemikiran dunia diutamakan.

Bagaimanapun, pembahagian sekularisme dan fundamentalis sudah tidak relevan lagi. Mungkin ia relevan pada dekad-dekad 60-an dan 70-an. Kini hampir keseluruhan

aliran dalam Islam moden menolak sekularisme. Mereka menerima bahawa Islam adalah syumul dan kehidupan dunia dalam Islam tidak terlepas daripada pemikiran beragama. Maka adalah lebih relevan apabila dibahagikan pemikiran Islam menurut survivalis dan fundamentalis. Golongan sekularis dalam Islam yang kini sudah menerima kesyuman Islam kini menyertai survivalis. Mereka yang terus berpegang kepada sekularis seperti pucuk pimpinan tentera Turki dianggap terkeluar daripada pemikiran Islam. Sungguhpun begitu, negara Turki tetap sebahagian daripada dunia Islam.

Dalam menggunakan istilah survivalis dan fundamentalis, perlu diingat bahawa survivalis juga menerima tradisi ilmu agama, seperti mana fundamentalis. Sementara fundamentalis juga mengambil berat tentang survival umat. Cuma soal keutamaan, pendekatan, persepsi dalam pandangan aliran-aliran itu terhadap survival umat Islam dan fundamental agama Islam.

Di sini mungkin suatu yang menarik untuk melihat perkembangan aliran arus perdana dalam Islam. Aliran utama pada zaman pra-moden adalah Sunnah dan Syiah dengan tiga kuasa besar Islam iaitu Uthmaniyyah (Sunnah), Safawiyah (Syiah) dan Moghul (Sunnah). Kemajuan Barat meruntuhkan kuasa-kuasa besar ini. Kesemuanya tunduk pada Barat. Umat Islam, pemimpin-pemimpinnya dan para cendekiawan Islam berada dalam keadaan lemah dan hampir pupus semangatnya.

Dari situ kemudian timbul gerakan reformis daripada pemikiran Rashid Ridha, Muhammad Abduh dan Jamalluddin Afghani. Umumnya, mereka disebut sebagai golongan reformis atau tajdid. Sedikit sebanyak pemikiran Muktazilah, rasionalisme dan modenisme menyelinap dalam analisis mereka terhadap keadaan umat Islam masa kini.

Daripada mereka timbul gerakan Pan-Islam, umpamanya.

Boleh dikatakan dalam permulaan zaman moden ini, dua aliran utama yang timbul ialah reformis, iaitu golongan yang mahu memperbaiki umat Islam melalui pengetahuan moden, dan konservatif, iaitu mereka yang mahu mengekalkan cara hidup dan pemikiran lama dengan beranggapan pengetahuan moden adalah sesuatu yang berada di luar Islam. Atau lebih tepat lagi, pada hakikatnya mereka yang tidak memahami pengetahuan moden. Di mana-mana berlaku pertembungan antara reformis dan konservatif. Reformis menjadi golongan radikal dan menentang pihak berkuasa yang korup. Golongan inilah menimbulkan kumpulan-kumpulan seperti Ikhwanul Muslimin, Jamaati Islami dan Sarekat Islam. Di Tanah Melayu, reformis dikenali sebagai Kaum Muda sementara konservatif yang mempertahankan kedudukan raja-raja dan status quo ialah Kaum Tua.

Pemikiran konservatif ini berasaskan pada kejahilan. Apabila semakin ramai yang berpendidikan, aliran konservatif akhirnya hilang dan mereka yang mendokong konservatif menerima juga sarana reformis. Akhirnya pembahagian antara reformis dan konservatif tidak relevan. Tidak ada lagi Kaum Muda dan Kaum Tua.

Bagaimanapun, penjajahan telah memberikan pemikiran-pemikiran Barat ke dalam anak-anak muda Islam di seluruh dunia. Konsep-konsep, yang ada antaranya adalah baik seperti nasionalisme, demokrasi, sosialisme dan liberalisme mula diterima oleh anak-anak umat Islam. Mereka menerima demokrasi, liberalisme. Golongan inilah menjadi sekularis. Sementara reformis yang sudah bersatu dengan konservatif, kini menjadi fundamentalis. Maka aliran utama menjadi sekularisme dan fundamentalisme.

Dalam dekad 70-an, banyak pihak sekularis menerima fundamentalis, termasuk di Malaysia. Melalui Revolusi Islam

Iran, muncul negara fundamentalis pertama. Sementara lain-lain negara sekularis juga menerima kehadiran fundamentalis. Indonesia yang sekularis-nasionalis juga menerima peranan aliran Islam dengan penubuhan Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI). Di Malaysia, penyertaan Anwar Ibrahim menandakan penerimaan golongan sekularis Umno terhadap fundamentalis ABIM. Mahathir sendiri mengakui di Sweden, "*We are the real fundamentalist.*" Dalam erti kata sebenar Mahathir masih bukan fundamentalis. Sungguhpun begitu, dia bukan lagi sekularis. Dia boleh menerima Bank Islam, malah menubuhkan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang menekankan soal pengurusan Islam — ini merupakan pemikiran "syumulisme". Mahathir bukan sekularis, dan juga bukan fundamentalis. Mahathir adalah survivalis.

Bagi golongan ini, survival ekonomi umat Islam lebih penting daripada soal-soal ratu cantik dan pendedahan aurat. Umat Islam akan terus maju walaupun aurat terdedah. Bagi fundamentalis, aurat tetap aurat. Haram tetap haram. Survival atau tidak survival, yang haram tetap haram. Ratu cantik tetap haram.

Mahathir melihat jauh daripada itu. Tindakan pegawai JAIS itu sudah keterlaluan. Menangkap anak gadis. Itu satu kekasaran. Ia menampakkan kekasaran Islam. Orang boleh salah faham. Bila salah faham, orang bukan Islam akan memandang serong, dan akhirnya menjauhkan diri daripada Islam, lebih penting lagi daripada aumat Islam. Akhirnya orang bukan Islam akan menyerang umat Islam — umpannya menyerang mata wang negara umat Islam, maka sudah tentu survival umat Islam terjejas. Seperti apa yang berlaku sekarang.

Daripada kaca mata Mahathir, untuk menyelamatkan umat Islam, mereka harus hati-hati dan berbaik-baik dengan

semua pihak khususnya yang mempunyai kuasa, iaitu bangsa Yahudi sendiri. Sebab itu bagi Mahathir, mengadakan hubungan dengan Israel tidak ada masalah andainya proses damai di Timur Tengah selesai. Sebab itu, ia tidak membantah ahli perniagaan Malaysia mengunjungi Israel, malah mengajak pemuda Israel melawat negara ini di samping membenarkan pasukan kriket Israel bermain di sini. Itu tidak menjadi masalah. Lebih-lebih lagi kalau hubungan dengan Israel boleh memajukan ekonomi umat Islam. Kalau melihat sejarah pun, banyak khalifah Islam membenarkan Yahudi aktif. Itu tidak menjadi masalah.

Akan tetapi, mengapa tiba-tiba Mahathir menyerang Yahudi dengan menuduh adanya konspirasi Yahudi. Adakah itu pemikiran Mahathir selama ini? Beliau sendiri menafikan dan ramai pihak percaya, beliau tersasul atau tersalah cakap. Tujuan beliau bercakap demikian pula bukan kerana sikapnya yang anti-Yahudi tetapi kerana hendak meredakan kemarahan ulamak. Begitulah pandangan sebahagian daripada pemerhati. Akan tetapi pihak luar memandangnya bahawa apa yang diucapkan adalah benar-benar datangnya daripada hati nuraninya sebagai seorang Muslim, yang sentiasa bersifat bermusuhan dengan Yahudi.

Akan tetapi Mahathir sendiri ada bercakap bahawa dia tidak anti-Yahudi. Malah ditunjukkan bukti-bukti bagaimana dia mahu berbaik-baik dengan Israel, hingga sanggup dikecam oleh bangsanya sendiri. Jadi mana yang benar?

Sebagai seorang Islam yang terdidik dalam suasana umat Islam negara ini, sememangnya dalam hati kecil setiap umat Islam mempunyai perasaan bimbang, takut dan curiga pada Yahudi. Bukan saja sentiasa diajar dalam pelajaran agama bahawa Yahudi itu musuh Islam tetapi ternyata dalam dunia hari ini, Yahudi sememangnya menguasai dunia.

Bagaimanapun, sebagai seorang yang berpendidikan,

Mahathir dan orang-orang lain juga tidaklah mempunyai prejudis terhadap Yahudi. Yahudi hanyalah satu bangsa dan agama yang mempunyai hak seperti bangsa lain. Mereka menerima bahawa Yahudi telah teraniaya sejak zaman perzaman. Dalam menghadapi politik yang praktikal, menerima Israel sepertutnya dibenarkan wujud, bukan saja negara itu sudah sememangnya ada tetapi juga mereka dalam dunia hari ini mempunyai pengaruh besar.

Dalam hal ini Mahathir tidak anti-Yahudi. Dia berfikiran seperti lain-lain orang berpendidikan terutama yang berpendidikan Barat.

Akan tetapi apa yang tidak boleh diterima adalah peranan orang Yahudi yang menggagalkan cita-citanya untuk menaikkan martabat bangsa Malaysia. Kejatuhan nilai matawang ringgit amat menyakitkan hati Mahathir, dan rakyat Malaysia umumnya. Segala usaha yang dibuat puluhan tahun hilang sekelip mata. Memang spekulator yang menjatuhkan dan menaikkan nilai mata wang adalah suatu perkara lumrah yang berlaku di mana-mana bahagian dunia.

Mahathir dan kebanyakan orang mungkin beranggapan spekulator sebagai penjenayah yang merosakkan masa depan negara. Tokoh utama di kalangan spekulator ini pula ialah Goerge Soros. Soros pula, seperti kebanyakan orang yang berjaya di dunia Barat ialah seorang Yahudi. Ia mungkin kebetulan tetapi Soros tetap seorang Yahudi yang sudah tentu mempunyai sentimen Yahudi. Apa itu sentimen Yahudi? Kalau umat Islam terdidik untuk membenci Yahudi, begitu juga dengan Yahudi. Mereka membenci umat Islam. Mereka juga membenci Kristian kerana orang Kristian termasuk Nazi banyak menyiksa dan membunuh orang-orang Yahudi. Orang Kristian yang membunuh Yahudi lebih ramai daripada orang Islam yang membunuh Yahudi. Akan

tetapi pada zaman ini, musuh orang Yahudi adalah orang Islam. Kerana bumi Palestin adalah milik orang Islam yang diduduki oleh orang Yahudi. Inilah pertembungan besar. Kini negara utama yuang menentang Israel secara perang ialah Iran — negara utama fundamentalis Islam. Memang Yahudi membenci umat Islam dan negara-negara Islam.

Maka mungkin keadaan ini benar. Soros adalah Yahudi seperti mana ramainya spekulator yang berbangsa Yahudi. Tidak mustahil mereka menjadikan Malaysia sebagai sasaran di samping juga menyerang lain-lain negara di rantau ini. Kemarahan Malaysia ada sebabnya dan dapat difahami.

Pengaruh besar Yahudi dalam sistem kewangan ini diterangkan oleh Mahathir di Iran, walaupun dia tidak menyebut bangsa Yahudi. Orang-orang Iran tidak perlu diajar tentang perkara ini. Mereka sememangnya menentang Israel dan faham tentang pengaruh Yahudi. Zaman Shah Iran, pengaruh Israel amat besar ke atas negara itu. Di Iran sendiri, terdapat komuniti Yahudi yang hidup dalam toleransi negara. Ini tidak menjadi masalah.

Bagaimanapun pandangan golongan survivalis ini terserlah dalam hujah-hujah Mahathir semasa berucap dalam sidang OIC. Umumnya beliau berpendapat bahawa umat Islam tidak harus berbahas tentang perkara-perkara kecil seperti pakaian, tetapi lebih memikirkan tentang ekonomi dan kemakmuran umat. Ini menunjukkan beliau menolak fundamentalis Islam. Kecil atau besar sesuatu isu diukur menurut sumbangannya terhadap survival umat.

Apa yang diucapkannya di sidang OIC hanyalah sebahagian kecil daripada pemikirannya tentang Islam. Survivalisme Islam daripada fikiran Malaysia lebih banyak dikonsepkan semasa beliau berucap dalam perhimpunan agung Umno 1997. Itulah pemikirannya tentang Islam. Soal budaya survival bagi umat Islam menjadi asas kepada

pemikirannya tentang Islam.

Boleh dikatakan Mahathir merupakan pengasas pemikiran survivalis ini. Kalau Ayatullah Khomeini merupakan pengasas pemikiran fundamentalis, Mahathir adalah pengasas survivalis.

Semasa pertembungan antara aliran sekularisme dan fundamentalisme ("syumulisme"), penganjur dan pengasasnya juga berlainan. Tokoh sekularis ialah Kemal Attaturk, pengasas Republik Turki. Lain-lain tokoh sekularisme Islam ialah Gamal Nasser dan Sukarno. Fundamentalisme ("syumulisme") diasaskan oleh Hassan al-Banna di dunia Arab dan Abu A'la Maududi di dunia Asia Selatan. Sebelum itu golongan reformis ditaja oleh Jamaluddin al-Afghani dengan pengaruh daripada Muhammad Abduh dan Rasyid Ridha.

Adalah suatu yang berguna jika semua ucapan-ucapan Mahathir tentang agama disatukan dan dianalisis. Barulah dapat dilihat pemikiran survivalis Islam Mahathir. Lebih-lebih lagi hujahnya tentang budaya dalam perhimpunan agung Umno 1997. IKIM yang ditubuhkan oleh Mahathir bagaimanapun tidak dapat benar-benar menjelaskan lagi fikiran Islam Mahathir. Malah, kadang-kadang pemikiran IKIM hanya boleh dipandang sebagai salah satu cabang Mahathirisme tetapi bukannya Mahathirisme itu sendiri.

Kesan pemikiran Mahathir pada masa depan dijangka akan lebih jauh. Malah pada satu masa ia mungkin juga ditelan oleh fundamentalis apabila unsur-unsurnya diterima oleh gerakan Islam. Sungguhpun itu, pemikiran Mahathir yang benar-benar bercanggah dengan fundamentalis Islam akan ditolak oleh pendokong fundamentalisme lain.

Pada waktu itu, fundamentalisme akan berdepan dengan aliran lain dalam Islam, yang bentuknya belum dapat dijangka. Sungguhpun begitu, bibit-bibit aliran baru Islam

yang akan berdepan dengan fundamentalisme akan berasal dari pemikiran sains rasionalisme dan pengaruh lama Muktazilah. Disatukan dengan kesan-kesan daripada teknologi maklumat, akhirnya akan menjadi cabaran baru fundamentalisme, yang juga akan berubah menjadi nama lain: fundamentalisme survivalisme.



Ahmad Lutfi bersama wartawan Tamadun, Rosmida Abdul Rahman selepas menemubual bekas Mufti Selangor di rumahnya. Banyak yang diluahkannya belum sempat untuk dibukukan lagi. Mungkin sesuai dirakamkan dalam sebuah buku khusus.

## **WIBAWA MUFTI DAN FATWA BRUNEI ATASI MALAYSIA?**

**M**ufti dan institusi fatwa merupakan perkara yang sangat penting dalam sesebuah negara Islam. Peranannya dalam menentukan atau menetapkan hukum Islam sebagai panduan hidup umat Islam memang tidak dapat dinafikan, lebih-lebih lagi dalam suasana dunia yang semakin berkembang dan banyak membawa masalah serta persoalan baru yang dihadapi oleh umat Islam.

Sebelum Brunei Darussalam mempunyai mufti, persoalan-persoalan yang berhubung kait dengan hukum-hakam dirujukkan kepada tokoh-tokoh agama, guru-guru agama, imam-imam dan pegawai-pegawai masjid.

Perlantikan Mufti bagi negara Brunei buat pertama kalinya diadakan pada zaman Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'dul Khairi Waddien, Sultan Brunei

Darussalam yang ke-28. Hal ini dapat dilihat daripada warkah baginda kepada Menteri Besar Brunei, bertarikh 24 Januari 1961, mengenai dengan peri mustahaknya ulamak untuk menangani fatwa-fatwa kepada Brunei.

Warkah itu antara lain berbunyi: "Amatlah susah bagi yang kita telah alami jika terbit satu masalah yang bersabit dengan agama Islam yang dianuti suci tidak mempunyai seorang ulamak yang benar-benar akan bertugas memberatkan atau mengambil berat, sama ada dalam memberi fatwa-fatwa dan menghuraikan peraturan-peraturan dan hukum-hukum dan lain untuk kesentosaan rakyat umat Brunei dan negeri."

Pentingnya jawatan Mufti Kerajaan itu adalah juga menurut kehendak Undang-undang Majlis Agama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77).

Pada 1 April 1962, Kerajaan Johor, Malaya ketika itu telah bersetuju meminjamkan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz (yang kemudiannya dikenali dengan Pehin Datu Seri Maharaja Dato' Seri Utama Dr Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz) menjadi Mufti Kerajaan selama tiga tahun iaitu sehingga 31 Mac 1965. Kemudian diperkenankan berkhidmat semula pada 8 Mac 1967 sehingga beliau kembali ke Rahmatullah pada 3 Februari 1993.

Brunei buat pertama kalinya mempunyai Timbalan Mufti pada 1 Januari 1989. Timbalan Mufti yang pertama ialah Pehin Tuan Imam Dato' Paduka Seri Ustaz Haji Abdul Aziz bin Juned.

Kemudian pada 1 September 1994 hingga kini, Pehin Datu Seri Maharaja Dato' Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dilantik menjadi Mufti Kerajaan bagi menggantikan kekosongan jawatan Mufti Kerajaan. Manakala jawatan Timbalan Mufti Kerajaan digantikan oleh Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato' Seri Awang Haji

Suhaili bin Haji Mohiddin mulai 1 September 1994 hingga sekarang.

### Institusi Fatwa

Sehingga sekarang, institusi fatwa di Brunei telah mengalami tiga peringkat penyesuaian dari segi pentadbiran. Peringkat-peringkat itu ialah:

#### 1. Di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama

Wujudnya institusi fatwa di Brunei adalah selari dengan tarikh perlantikan Mufti Kerajaan yang pertama pada 1 April 1962. Pada masa itu, institusi fatwa merupakan salah satu bahagian di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama. Jabatan Hal Ehwal Agama diketuai oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Agama dan Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Agama.

Dari segi tanggungjawab pentadbiran, Mufti Kerajaan pada masa itu di bawah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Agama, manakala dari segi tanggungjawab undang-undang, Mufti Kerajaan di bawah Majlis Agama Islam Brunei.

Pada masa itu, institusi mufti menjalankan fungsi dan tugasnya dalam hal ehwal fatwa, perpustakaan, tapisan-tapisan khutbah dan penerbitan, Jawatankuasa Undang-undang Majlis Agama Islam Brunei, dan Jawatankuasa Kehakiman Majlis Agama Islam Brunei.

#### 2. Di bawah Kementerian Hal Ehwal Agama

Pada 21 Oktober 1986, Jabatan Hal Ehwal Agama telah diperkenankan oleh Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan Brunei untuk dinaikkan tarafnya menjadi Kementerian Hal Ehwal Agama. Dengan perkenan ini, Pengetua dan Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Agama dinaikkan menjadi Menteri Hal Ehwal Agama dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Agama. Manakala ketua

eksekutifnya diketuai oleh seorang setiausaha tetap.

Sungguhpun kuasa dan pengaruh mufti dalam pentadbiran kerajaan dan penerimaan orang ramai besar, institusi mufti pada masa itu, masih diletakkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Syariah yang merupakan salah satu jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Agama. Dengan lain perkataan, insitusi fatwa dari segi pentadbiran hariannya adalah di bawah Pengarah Hal Ehwal Syariah, manakala dalam sudut tanggungjawab dari segi undang-undang adalah di bawah Majlis Agama Islam Brunei.

Bahagian Fatwa di peringkat ini dibahagikan kepada tiga cawangan; Cawangan Penyediaan Fatwa dan Penyebaran Fatwa, Cawangan Rujukan dan Penapisan dan lain-lain perkhidmatan.

### 3. Penubuhan Jabatan Mufti Kerajaan

Dengan titah perintah Sultan Haji Hassanal Bokiah, Jabatan Mufti Kerajaan telah ditubuhkan secara berasingan di bawah Jabatan Perdana Menteri Brunei pada 7 November 1994. Dan Mufti Kerajaan bertanggungjawab terus kepada Sultan Brunei berkaitan dengan tugas-tugasnya sebagai Mufti Kerajaan tanpa melalui sesiapa juapun.

### Jabatan Mufti Kerajaan

Sebagaimana yang dijelaskan, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri ditubuhkan adalah atas titah perintah Sultan Brunei Darussalam pada 7 November 1994. Dan dengan penubuhan itu, Mufti dan pegawai-pegawaiannya tidak lagi di bawah Kementerian Hal Ehwal Agama, tetapi terus bertanggungjawab kepada Sultan. Sultan adalah juga Perdana Menteri.

Penubuhan ini sangat bermakna kepada kedaulatan dan status Islam di Brunei, apabila ia diletakkan di atas posisi

yang sangat kukuh dan kuat. Fatwa merupakan ketetapan hukum yang diputuskan oleh Mufti yang mesti diikuti dan dipatuhi oleh umat Islam. Oleh kerana itu dengan kedudukan institusi fatwa yang tertinggi itu akan dapat memainkan peranan dalam mengukuhkan posisi dan status fatwa dan sekali gus meletakkan martabat agama Islam itu sendiri di atas posisinya yang sebenar.

Dengan penuhnya ini juga, menunjukkan komitmen yang tinggi oleh seorang raja dan pemimpin Islam yang ingin melihat Islam berada di atas posisi yang sewajarnya, agar agama Allah itu tetap utuh dan kuat.

Misi Jabatan Mufti Kerajaan ditubuhkan adalah seperti berikut:

- a. Sebagai institusi fatwa yang mengeluarkan fatwa dan irsyad.
- b. Untuk menjadi institusi mengeluar, mengumpul dan menyebarkan ilmu pengetahuan Islam.

Jabatan Mufti diketuai oleh Mufti Kerajaan dengan dibantu oleh Timbalan Mufti Kerajaan dan Pengarah Pentadbiran. Ketiga-tiga kuasa atasan ini berfungsi sebagai satu pasukan merangka, mengawal dasar dan polisi serta matlamat Jabatan Mufti Kerajaan dengan Mufti Kerajaan sebagai ketuanya. Polisi dan matlamat yang dirangka dilaksanakan oleh jentera pentadbiran yang mempunyai sumber tenaga keilmuan, keupayaan pengurusan dan kemahiran-kemahiran lain.

Jabatan Mufti menjalankan fungsinya melalui dua bahagian utama iaitu Hal Ehwal Fatwa dan Hal Ehwal Pentadbiran. Bahagian Hal Ehwal Fatwa mengandungi bahagian-bahagian besar iaitu Ifta, Buhuth dan Irsyad, dan Tasyrie. Manakala bahagian Hal Ehwal Pentadbiran mengandungi bahagian-bahagian perpustakaan besar yang terdiri dari Urusetia Fatwa, Qismul Hikmah, Penerbitan dan Pener-

ngan, Perancangan dan Kewangan dan Kakitangan dan Perkhidmatan. Bahagian-bahagian pecahan yang seterusnya mempunyai bahagian-bahagian kerja.

Dalam proses penyediaan draf fatwa, jika ada keperluan, Mufti dibantu oleh pakar-pakar tertentu tertakluk kepada bidang keilmuan dan keperluan masing-masing yang berkaitan dengan isu yang ditangani. Bagaimanapun, kepakaran tersebut sebagai memberi input sahaja kepada Mufti dalam tugasnya menetapkan sesuatu ketentuan hukum yang ditanyakan.

### **Projek dan Perancangan**

Sejak Jabatan Mufti ditubuhkan pada 7 November 1994, dan sebagai sebuah jabatan yang berasingan, di bawah Jabatan Perdana Menteri, beberapa perkembangan dan projek telah dan sedang dilaksanakan bagi mencapai matlamat, fungsi dan tugas yang ditetapkan.

- a. Penyebaran Fatwa dan Irsyad: Umat Islam Brunei dapat menghayati fatwa dan bimbingan hukum-hakam melalui penerbitan bahan tersebut, melalui radio, televisyen dan juga akhbar rasmi kerajaan negara Brunei.
- b. Projek Penerbitan dan Penterjemahan: Ke arah memberikan kefahaman yang lebih meluas di kalangan umat Islam terhadap fatwa-fatwa yang dikeluarkan, Jabatan Mufti merangka program penerbitan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan. Fatwa-fatwa dibukukan dan disebarluaskan melalui media-media yang difikirkan berkesan. Selain itu, program penterjemahan yang didahului dengan usaha-usaha ke arah menterjemahkan fatwa-fatwa yang telah dibukukan tersebut ke bahasa Inggeris dan Arab juga sedang diusahakan.

- c. Pembinaan bangunan Jabatan Mufti Kerajaan yang dilengkapi dengan surau dan khutub khanah.
- d. Pengukuhan undang-undang untuk mengukuhkan kehendak pengisytiharan.

### Prosedur Fatwa

Secara tradisi, fatwa akan disediakan sendiri oleh Mufti. Apabila wujud jawatan Timbalan Mufti, maka Mufti turut dibantu oleh timbalannya. Dan sekarang institusi ini sudah lebih besar, dengan pegawai-pegawai istinbatnya. Selain Timbalan Mufti, maka Mufti turut pula dibantu oleh timbalannya dan pegawai-pegawai tersebut.

Oleh kerana soalan-soalan yang dikemukakan itu biasanya boleh dirujuk dari kitab-kitab dalam mazhab Syafie dan memang mazhab ini juga menjadi asas dalam mengeluarkan fatwa, maka pendapat-pendapat ulamak-ulamak mazhab Syafie akan menjadi sandaran utama. Nas-nas al-Quran, hadis, qaul-qaul ulamak akan disertakan bagi menunjukkan kekuatan hujah yang dibawakan.

Tertakluk kepada keadaan soalan, maka pendapat ulamak-ulamak di luar mazhab Syafie, seperti Hanafi, Maliki, Hanbali, bahkan sesiapa sahaja dari kalangan ulamak muktabar dan masa kini juga akan turut dirujuk untuk perluasan, hatta kajian-kajian baru seperti kajian makmal kadang-kadang diambil kira sekiranya sesuatu permasalahan itu ada berkaitan.

Jika diperlukan, padangan pakar dalam sesuatu bidang "yang baru" juga akan didapatkan tetapi pandangan pakar bukanlah fatwa. Mufti boleh atau akan melihatnya sebagai bahan rujukan sekiranya berkaitan.

Fatwa yang dikeluarkan tidak berdasarkan pendapat ramai dari kalangan pegawai-pegawai berkenaan atau "suara

demokrasi". Mufti menentukan apa yang difikirkan patut sebagai jawapan berdasarkan nas-nas dan qaul-qaul mukta-mad ulamak.

Fatwa-fatwa yang sudah siap akan dikirim terus kepada penanya dengan ditandatangani oleh Mufti Kerajaan.

### **Peranan Institusi Fatwa**

Sejauh mana sesuatu institusi fatwa ini boleh berperanan akan bergantung kepada beberapa faktor, yang di antaranya sikap pihak yang bertanya terhadap sesuatu yang diminta fatwakan, kerana fatwa itu secara tradisinya hanya akan dikeluarkan berdasarkan pertanyaan pihak-pihak yang bertanya, sama ada datangnya dari institusi rasmi kerajaan atau orang perseorangan.

Sebenarnya masyarakat dari segenap lapisan sentiasa berhadapan dengan berbagai-bagai masalah yang timbul, sejak dari zaman Rasulullah s.a.w. sehingga ditakdirkan ke hari Kiamat sekalipun, akan ada sahaja keinginan orang untuk mengetahui sesuatu hukum hakam itu.

Masalah yang ditanyakan itu walaupun sebahagian besarnya memang sedia ada dalam kitab fiqah dan lain-lain sumber rujukan namun masyarakat akan tetap terus bertanya untuk mendapat jawapan, penerangan, tafsiran dan sebagainya.

Zaman sekarang banyak perkara-perkara baru yang timbul, baik dari segi agama, sosial, ekonomi, kewangan, politik, pentadbiran yang berkaitan dengan agama dan berbagai-bagai lagi yang memerlukan huraihan agama atau jawapan fatwa. Maka jawapan daripada mufti tidak syak merupakan pemutus dari segi syarak, khasnya dalam perkara-perkara yang menghendaki kerasmian sesuatu jawapan itu. Dalam hal ini bertambah jelaslah peranan institusi fatwa itu bagi sesebuah negara.

Para fuqaha sependapat mengatakan bahawa fatwa itu fardhu ain jika hanya terdapat seorang sahaja yang layak sebagai mufti di suatu tempat, sama ada negeri atau daerah. Akan tetapi jika terdapat lebih daripada seorang, maka ia adalah fardhu kifayah, sama ada para mufti itu berada bersama-sama di tempat timbulnya masalah dan dikemukakan persoalan hukum kepada mereka secara bersama atau tidak.

Jawatan mufti adalah mustahak kepada umat Islam, sama seperti jawatan kadi.

Oleh yang demikian adalah wajib ke atas pihak berkuasa agama melantik orang yang layak dan berkebolehan daripada para ulamak menjadi mufti itu.

Ini jelas bahawa di zaman Rasulullah s.a.w. pada asalnya semua kerja agama akan terpulang kepada baginda. Oleh kerana orang-orang Islam telah bertambah ramai, maka baginda melantik sahabat tertentu bagi pihak baginda untuk menjalankan kerja-kerja agama termasuk kefatwaan.

Contoh yang masyhur dalam sejarah ialah apabila baginda telah melantik Mu'az bin Jabal sebagai amil atau gabenor di negeri Yaman, yang diuji kewibawaannya oleh baginda semasa membuat perlantikannya mengenai dengan sumber-sumebr hukum apabila bertugas nanti di negeri Yaman. Jawapan Mu'az, "dengan al-Quran, jika tiada, dengan Sunnah, jika tiada, saya berijtihad." Rasulullah s.a.w. sangat gembira dengan jawapan yang diberikan oleh Mu'az itu dan bersabda: "Segala puji-pujian bagi Allah yang memberi taufiq kepada utusan Rasulullah."

Demikian juga selepas wafat Rasulullah s.a.w. sebahagian para sahabat menetap bersama para khalifah sebagai pembantu yang bertanggungjawab kepada khlifah termasuk kerana fatwa. Di wilayah-wilayah Islam yang baru dibuka sebahagian sahabat memainkan peranan dalam menyumbangkan ilmu-ilmu Islam dan menyelesaikan hukum-hakam

dalam bentuk fatwa.

Selain peranan institusi fatwa, maka fatwa itu sendiri mempunyai kedudukan yang sangat tinggi. Mufti adalah sebagai penjelas dan menyampaikan hukum Allah yang menjadikan mufti sebagai orang yang mengambil tempat Rasulullah s.a.w. bagi menjalankan tugas sebagai pewaris yang mewarisi ilmu Rasulullah dan menyampaikan kepada umat.

Dengan ini bertambah jelaslah kedudukan dan peranan fatwa dan mufti, yang dengan sendirinya memerlukan kepada kewibawaan ilmiah yang meluas, di samping ketaqwaaan, kewarakaran dan amanah untuk melaksanakan tugas yang mulia dan berat ini mengikut seperti mana yang dikehendaki oleh Allah dan Rasul-Nya dan supaya siapa yang menjadi mufti itu terpelihara daripada gangguan-gangguan kepentingan diri sendiri, perasaan tamak kepada harta, kedudukan dunia dan hawa nafsu.

Sampai dikatakan "bahawa hukum Allah dan Rasulullah s.a.w. itu lahir melalui empat lidah: lidah rawi, lidah mufti, lidah kadi dan lidah saksi."

Kerana itu terdapat banyak peringatan daripada al-Quran, as-Sunnah dan daripada para ulamak, sahabat, tabien dan lain-lain agar berhati-hari dan tidak bermudah-mudah dengan perkara fatwa itu, baik dari segi mengeluarkan fatwa maupun dari segi memilih dan melantik mufti.

Allah memperingatkan dengan firman-Nya yang bermaksud: "Dan janganlah kamu berdusta dengan sebab apa yang disifatkan oleh lidah kamu "ini halal dan ini haram", untuk mengada-adakan sesuatu yang dusta terhadap Allah; sesungguhnya orang-orang yang berdusta terhadap Allah tidak akan berjaya."

Rasulullah s.a.w. juga dalam beberapa riwayat yang sahih memperingatkan: "Barangi siapa memberi fatwa tanpa ilmu, nescaya dosanya ke atas siapa yang diberikan fatwa.

Dan barangsiapa menunjukkan kepada saudaranya dengan sesuatu perkara, sedangkan dia mengetahui yang sebenarnya bukan seperti yang ditunjuknya maka sesungguhnya dia telah melakukan khianat terhadapnya.” (riwayat Abu Daud)

Daripada ayat dan hadis di atas jelas menunjukkan haram dan berdosa, seterusnya suatu pengkhianatan terhadap ummah kerana memberi fatwa yang tidak benar atau tidak menepati hukum syarak. Balasannya, selain daripada neraka jahanam di akhirat ialah laknat seluruh anggota masyarakat, manusia, jin dan para malaikat dengan kerana fatwanya itu, bukan sahaja melibatkan seorang yang bertanya sahaja, bahkan ia akan tersebar menjadi pegangan umum.

Ekoran daripada amaran itu, maka para sahabat tabien dan ulamak yang bertaqwah, yang tinggi iman, warak dan amanah, mereka itu mengambil sikap sangat berhati-hati dan takut hendak memberi fatwa, bahkan menolak kepada yang lain, kecuali apabila terpaksa.

Contoh-contoh dalam hal ini begitu banyak sekali ditunjukkan oleh para sahabat dan tabien. Para sahabat Rasulullah s.a.w. sangat berat apabila dikemukakan masalah kepada mereka. Tiada seorang sahabat akan menjawab satu masalah pun sehingga dia meminta atau mengambil fikiran daripada sahabatnya yang lain. Pada hal para sahabat itu dikurniakan ketetapan dan taufiq serta bersih. Bagaimana hati kita yang diselubungi oleh kesalahan dan dosa.

Imam Malik berkata: “Barang siapa menjawab (memberi fatwa) bagi suatu masalah, maka hendaklah sebelum dia menjawab masalah itu bersedia mendedahkan diri ke syurga atau ke neraka. Bagaimana kesudahan dirinya di akhirat nanti, kemudian barulah dia menjawab.”

Imam Malik pernah ditanya suatu masalah. Jawabnya: “Tidak tahu.” Lalu dikatakan kepadanya: “Sesungguhnya masalah ini ringan dan mudah?” Imam Malik amatlah marah

dan menjawab: "Ilmu itu tiada yang mudah. Tidakkah tuan mendengar firman Allah, maksudnya: "Sesungguhnya Kami akan menurunkan kepadamu perkataan yang berat." (al-Muzzamil: 05) Maka ilmu itu semuanya berat, khasnya apa yang ditanya di hari Akhirat."

Berkata Imam Malik lagi: "Aku tidak berfatwa sehingga telah disaksikan ke atasku 70 orang bahawa aku adalah ahli dalam perkara yang ditanyakan."

Katanya lagi: "Tidak layak bagi seseorang itu melihat dirinya ahli bagi sesuatu sehingga dia bertanya kepada orang yang lebih tahu daripada dirinya."

Begitulah sedikit lintasan betapa berat dan mustahaknya fatwa kepada ummah. Maka atas demi kepentingan inilah institusi fatwa di Brunei turut serta mengambil dan memainkan peranan terhadap negara dan masyarakat.

Kemantapan beragama yang wujud di Brunei pada masa ini tidak syak lagi, turut dicanai dan didokong oleh fatwa-fatwa mufti serta irsyad-irsyad dan dakwah-dakwah para ulamak, dengan raja selaku ketua agama.

Kemantapan yang dimaksudkan itu ialah komitmen kerajaan dan masyarakat terhadap fatwa-fatwa yang dikeluarkan.

Berikut ini beberapa contoh berkaitan:

### **Komitmen Kerajaan**

1. Telah menjadi tradisi turun-temurun dan zaman berzaman bagi sultan-sultan di Brunei apabila baginda berangkat dan bersemayam di atas patarana atau singgahsana, maka di hadapan baginda itu terletak dua ekor patung kucing emas sebagai lambang kebesaran diraja yang diwarisi turun-temurun. Demikian juga lambang ini turut diletakkan dalam berbagai-bagai alat kebesaran diraja serta alat-alat perkakas diraja. Maka

oleh kerana fatwa telah menyatakan bahawa ia ben-canggah dengan hukum syarak maka patung kucing emas ini telah ditiadakan, yakni tidak lagi diletakkan sebagaimana lazimnya.

2. Mengharamkan ajaran-ajaran sesat seperti tariqat mufarradiyah, silat lintau dan sebarang perdukunan yang bertentangan dengan hukum syarak.
3. Mengharamkan semua bentuk perjudian dalam Brunei.
4. Mengharamkan penjualan arak dan pengedaran arak dalam negara ini termasuklah menegah menghidangkannya di Penerbangan Diraja Brunei (RBA).
5. Tiada iklan-iklan arak dalam media-media Brunei.
6. Larangan perempuan-perempuan menyertai sukan tarik tali dan lumba perahu.
7. Larangan mengadakan peraduan ratu cantik.
8. Larangan mendirikan tugu kenangan dalam bentuk patung.
9. Larangan mengadakan *funfair* jika di dalamnya ada acara perjudian.
10. Haram orang-orang Islam menyertai atau menganggotai Kelab Lions dan Kelab Rotery, kerana kedua-dua kelab tersebut menurut keputusan Lembaga Fiqh Islam Sedunia sebagai anak pertubuhan sulit Freemason.
11. Anak-anak zina tidak boleh didaftarkan dengan membin atau membintikannya dengan bapa penzina.
12. Anak-anak angkat tidak boleh didaftarkan dengan membin atau membintikannya kepada bapa angkatnya, bahkan dinasabkan kepada bapanya yang sebenar atau kepada Abdullah atau lain-lain nama Asma al-Husna, jika tidak diketahui bapa asalnya.
13. Tidak ada program merancang keluarga secara umum, tetapi harus dalam kes-kes individu-individu kerana darurat.

14. Lazimnya tiada hiburan-hiburan pada malam Jumaat.
15. Tiada acara doa di majlis-majlis yang ada di dalamnya perkara-perkara yang tidak selaras dengan hukum syarak.
16. Menilai semula kadar zakat dari perak kepada emas.
17. Meminda acara karnival —perarakan tanglong dan kereta berhias daripada waktu selepas Maghrib kepada waktu pagi, kerana khuatir para peserta dan penonton tidak akan dapat menunaikan solat Maghrib.
18. Larangan menjual barang-barang wakaf sekalipun telah buruk.

### Komitmen Masyarakat

1. Ibadat sembayang qadha wajib ditunai atau dibayar sebelum melakukan sembahayang sunat.
2. Wang riba dari sumber "bunga bank" adalah haram dimakan, bahkan wajib diserahkan kepada Baitul Mal.
3. Kesedaran masyarakat Islam secara umum mengenai khurafat, ilmu kebatinan, perdukunan dan seumpamanya yang tidak selaras dengan hukum syarak.
4. Kesedaran wanita Islam umumnya terhadap kepentingan menutup aurat, termasuk ia dipraktikkan oleh televisyen Brunei bagi pembaca warta berita dan pengacara wanitanya.
5. Haram memakan daging-daging import kerana tidak diketahui prosedur penyembelihannya melainkan pusat-pusat penyembelihan yang diiktiraf oleh kerajaan.
6. Tiada hari naħas dengan mandi safar pada bulan Safar.
7. Larangan menambak kubur orang Islam kerana akan menyempitkan ruang orang-orang Islam yang akan berkubur selepasnya serta ditakuti akan merosakkan serta mengganggu kehormatan kubur-kubur yang lain.

8. Tiada larangan bermuamalah dengan orang-orang bukan Islam dalam perniagaan.

Sejauh mana sesuatu institusi fatwa itu boleh berperanan akan banyak tergantung kepada sikap positif kerajaan dan masyarakat terhadapnya. Brunei hingga setakat ini, alhamdulillah; kerajaan dan masyarakat sentiasa menghormati panduan mufti dengan merujukkan kepadanya hatta perkara-perkara pentadbiran dan polisi yang memerlukan ketetapan atau pimpinan hukum syarak.



Dato' Ishak Baharom ketika makan bersama Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat, Haji Abdul Hadi Awang, Timbalan Presiden PAS dan Haji Mustafa Ali, Naib Presiden PAS.

## ***NAKHAIE TOLAK RASIONAL MAHATHIR***

**R**amai yang kurang menyenangi tindakan menghukum pesalah kemungkaran syariah. Ada yang berpendapat tindakan itu oleh beberapa jabatan agama di negara ini terlalu keras dan tidak adil.

Lantaran itu ada yang berpendapat, tindakan itu seolah-olah melambangkan agama Islam terlalu keras dan sukar. Sedangkan pada hakikatnya ia tidak begitu.

Sebagai agama yang mengamalkan keadilan dan kasih sayang, Islam mengamalkan sikap pencegahan daripada punca sesuatu. Kerana itulah menghapuskan kemungkaran dan maksiat, menutup puncanya dan menangkap mereka yang melakukan kemungkaran untuk dihadapkan ke mahkamah, bukanlah perbuatan melampau.

Tetapi menjatuhkan hukuman ke atas orang yang disyaki

melakukan kejahatan tanpa menerusi proses pengadilan yang sewajarnya adalah tindakan melampau batas yang tidak dibenarkan oleh Islam.

Batas antara melampau dan tidak melampau seperti di atas perlu diperjelaskan untuk kita mengekalkan pendekatan sederhana yang diamalkan oleh pemerintahan sekarang ini. Jika tidak, kemungkinan kita menyerang kesederhanaan dan menyokong pelampau secara tidak sedar.

Apabila ini berlaku laungan untuk bersikap sederhana akan bersua dengan maksud kata pepatah, "cakap tidak serupa bikin."

Hukuman yang dikenakan ke atas tiga gadis yang nyertai pertandingan ratu cantik yang menimbulkan kontroversi beberapa bulan lalu bukanlah tindakan melampau. Kerajaan negeri Selangor tidak melakukan sesuatu yang boleh dianggap melampau.

Tetapi kerana batas melampau dan tidak melampau itu kurang jelas bagi sesetengah pihak, maka langkah mahkamah itu dilihat sebagai melampau. Mengapa hukuman yang dikenakan itu tidak dianggap melampau?

Larangan orang Islam berpakaian tidak senonoh di khalayak ramai sudah diwartakan sebagai undang-undang mengikut prosedur perundangan yang teliti menerusi proses demokrasi berparlimen. Undang-undang itu dibaca tiga kali di Dewan Undangan Negeri Selangor dan disokong oleh majoriti ahli dewan, termasuk ahli bukan Islam daripada parti MCA, MIC dan Gerakan. Sesudah diperkenankan oleh Sultan, enakmen melarang orang Islam berpakaian tidak senonoh di khalayak ramai itu diwartakan menjadi undang-undang.

Dengan ini bermakna sesiapa yang melakukan kesalahan di bawah enakmen itu boleh didakwa dan jika disabitkan kesalahan boleh dihukum mengikut peruntukan undang-undang itu.

Oleh kerana perbuatan berpakaian tidak senonoh itu ada dikira sebagai jenayah agama, maka Jabatan Agama Islam adalah bidang yang diberikan tanggungjawab untuk menguatkuasakan undang-undang itu.

Dengan tanggungjawab itu dan dengan kuasa yang diberikan kepadanya oleh undang-undang, JAIS mengambil tindakan ke atas sesiapa yang melakukan kesalahan, kerana ini adalah tanggungjawabnya.

Langkah yang diambil oleh Jais, dan cara-cara enakmen itu diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor adalah contoh kesederhanaan dan tidak terkeluar daripada pendekatan sederhana yang selama ini dilaksanakan oleh Umno dan Barisan Nasional.

Mengapakah tindakan JAIS itu dipersoalkan dan dianggap sebagai tindakan melampau? Kesederhanaan lebih ketara lagi apabila gadis yang disyaki itu dihadapkan di mahkamah dan dibicarakan mengikut proses perundangan dan keadilan.

Hanya apabila kesalahan disabitkan mengikut undang-undang, maka barulah hukuman dikenakan. Tidak ada elemen melampau langsung dalam kes ini.

Jika tindakan JAIS itu dibandingkan dengan tangkapan ke atas seorang guru di hadapan murid oleh anggotan polis dan menggarinya, kes yang akhir itu adalah lebih melampau dan tidak bijaksana. Tetapi kes itu dianggap kesilapan kecil saja.

Di samping mempertahankan keseluruhan tindakan kerajaan Selangor sebagai langkah sederhana, kita seharusnya kembali kepada kesederhanaan Islam dalam menangani gejala sosial dan kemungkaran pada umumnya.

Al-Quran dan as-Sunnah dengan jelas memperincikan perkara yang dianggap mungkar.

Sama ada kemungkaran zahir atau batin. Tetapi al-Quran

dan al-Sunnah tidak menentukan hukuman khusus di dunia ini bagi mereka yang melakukannya, melainkan beberapa kesalahan jenayah berat iaitu yang termasuk dalam jenayah hudud dan qisas.

Fuqaha' juga tidak pernah menentukan hukuman yang harus dikenakan ke atas mereka yang mengerjakan mungkar, selain daripada yang ditentukan oleh al-Quran dan as-Sunnah.

Mengapakah perbuatan mungkar yang diperincikan itu tidak dinyatakan hukuman dan deraannya oleh al-Quran, as-Sunnah dan fuqaha'?

Jawapannya ialah kerana Islam mahu supaya kemungkaran itu ditinggalkan secara sukarela dan bertunjangkan kepada pegangan budaya madani di mana setiap individu menolak kemungkaran dan menyanjung kebaikan secara sedar dan penuh tanggungjawab.

Hanya apabila mereka melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran dengan keimanan dan bukan kerana takutkan deraan di dunia ini semata-mata, maka barulah ia akan mendapat ganjaran pahala di akhirat.

Meninggalkan kemungkaran dan mengerjakan kebaikan yang mendapat ganjaran pahala di akhirat ialah yang dilakukan semata-mata kerana takutkan Allah dan taat kepada-Nya.

Apabila kebaikan dilakukan dan kemungkaran ditinggalkan secara sukarela dan berteraskan keimanan, akan terbentuklah budaya bertamadun tinggi.

Masyarakat yang anggotanya suka melakukan kejahanan, sehingga terpaksa mengenakan pelbagai undang-undang dan membanyakkan pasukan penguatkuasa, masyarakat itu adalah masyarakat barbarik.

Masyarakat barbarik kurang memiliki rasa tanggungjawab. Berbeza dengan masyarakat madani di mana anggo-

tanya memiliki kesedaran tinggi terhadap tanggungjawab mereka. Masyarakat yang hendak dibentuk oleh Islam ialah masyarakat yang bertamadun tinggi dan bukan masyarakat barbarik.

Kerana itulah pada pada zaman nabi dan sahabat, orang mematuhi perintah dan larangan dengan iman dan taqwa. Tidak banyak enakmen dan hukuman yang disediakan.

Fuqaha' juga tidak menyebut hukuman dan deraan bagi kesalahan melakukan kemungkarán dalam tulisan-tulisan mereka. Mereka mempunyai sebab lain mengapa hukuman-hukuman tidak dinyatakan bagi kesalahan melakukan kemungkaran. Ini kerana kesalahan itu termasuk dalam kategori yang diistilahkan sebagai kesalahan yang menerima hukum ta'zir.

Tujuan hukum ta'zir lebih terarah kepada hukuman untuk mendidik dan bukan sebagai deraan. Kerana itu, hukuman ini diberikan hak kepada kebijaksanaan pemerintah untuk menentukannya.

Adalah menjadi tanggungjawab utama kerajaan di mana saja di dunia ini membawa negara dan rakyatnya ke arah kehidupan bertamadun dan kebaikan menguasai kehidupan masyarakat itu tanpa memiliki undang-undang dan deraan yang begitu banyak.

Kerana itu usaha untuk menegakkan makruf dan menegah mungkar hendaklah dilakukan secara yang paling bijaksana dan berkesan. Cara itu ialah menerusi dakwah, pendidikan dan hukuman yang bermotifkan pendidikan dan bukan bermotifkan deraan. Inilah yang dimaksudkan dengan ta'zir.

Untuk itu mekanisme yang membawa kepada pengukuhan pendidikan dan mengajak orang ramai kepada makruf dan menjauhkan mungkar mestilah dirangka dan dilaksanakan sehingga kebaikan dan keinginan membuat baik itu

menjadi budaya hidup masyarakat kita. Begitu juga, kebenarian kepada perkara mungkar itu sebatی dengan perasaan setiap individu. Inilah cara yang bertamadun bagi membasmi kemungkaran. Inilah cara yang dikehendaki oleh Islam untuk menangani gejala sosial yang buruk dalam masyarakat.

ii.

Walaupun ada pihak yang bersikap sinis terhadap pakaian menutup aurat, budaya pakaian menutup aurat itu sudah berkembang dan diterima masyarakat. Ramai wanita menerima budaya ini, termasuk wanita bekerja. Bahkan di Kuala Lumpur, wanita bukan Islam memilih baju kurung untuk dipakai pada hari tertentu seperti Jumaat. Pakaian ini, kelihatan lebih sopan dan manis jika dipilih fesyen dan cara berpakaian yang sederhana. Tetapi kelihatan agak janggal jika aurat ditutup secara melampau, tanpa menghiraukan kebersihan dan pakaian yang kemas dan rapi.

Wanita Islam di negara ini mula memakai pakaian menutup aurat secara sedar dan beramai-ramai selepas berkembangnya gerakan dakwah secara teratur di pusat pengajian tinggi pada awal 70-an. Pada masa itu pengaruh sekularisme dan sosialisme di kalangan intelektual berada di kumuncaknya. Gerakan Islam baru saja mengambil tempat di tengah pertarungan ideologi di kalangan mahasiswa dan golongan terpelajar.

Budaya menutup aurat bukanlah berkembang tanpa tentangan. Saya masih ingat ketika menjadi penasihat agama di ITM, saya dipanggil oleh pihak pengurusan ITM kerana beberapa pelajar berpakaian menutup aurat.

Saya mempertahankan langkah pelajar itu dengan menyatakan menutup aurat itu wajib. Jika orang Sikh dibenarkan memakai serban atas alasan agama, mengapa orang

Islam hendak mematuhi kehendak agama mereka, ditegah dengan pelbagai halangan?

Sewaktu saya menyampaikan pelajaran di Mesir pada 1976, seorang doktor wanita dari Malaysia yang sedang melawat Mesir bersama suaminya merungut mengenai pakaian menutup aurat.

Ia menyatakan pakaian itu tidak serasi kerana menghalang kemajuan. Saya berkata kepadanya ramai wanita Cina yang bekerja sebagai buruh di sektor pembinaan menutup seluruh badan mereka sewaktu bekerja.

Tanpa mereka rancangan pembangunan akan tergendala. Apakah kerana pakaian yang dikatakan berbungkus itu yang menghalang kemajuan atau pemikiran yang tidak terbuka yang membawa kesusahan?

Doktor wanita itu terus memohon izin suaminya untuk keluar membeli-belah.

Ada orang yang tidak begitu percaya kulit tidak penting dan yang penting ialah isi, kerana itu pakaian tidak menunjukkan seseorang lebih Islam. Soal pakaian adalah perkara remeh.

Tetapi orang yang sama begitu membesar soal wanita memakai pakaian menutup aurat. Jika soal pakaian tidak penting, biarlah wanita kita memilih apa saja pakaian yang dikehendaki mereka termasuk berpurdah sekalipun.

Tetapi apabila mereka memilih pakaian menutup aurat pemilihan itu menjadi penting dan dihentam seolah-olah pakaian itu memberi ancaman kepada sistem kehidupan di negara ini.

Kulit dan isi sama penting. Tanpa kulit yang mengawal, isi akan menjadi busuk. Kulit tanpa isi apalah gunanya. Walaupun budaya yang dianggap kulit tidak boleh digunakan, tetapi ada peranannya dalam sistem kehidupan.

Yang paling penting ialah kita harus mengetahui kulit

apa. Jika kita kenal kulit durian kita akan kenal isiinya. Jika kita tidak kenal kulit durian kita mungkin menyangka isi buah lain sebagai isi durian. Mungkin isi itu memabukkan dan kita pun berkata buah durian itu memabukkan. Ini mungkin berlaku jika kita menyangka yang penting hanyanya isi dan bukan kulit.

Pakaian menutup aurat mungkin dianggap kulit. Tetapi pakaian itu diwajibkan oleh Islam dengan nas yang terang. Orang yang menutup aurat dengan kesedaran bahawa pakaian seumpama itu diwajibkan oleh agama, sekurang-kurangnya akan berasa lapang ia sudah menunaikan salah satu tuntutan agamanya. Tuntutan yang mudah dan tidak membebankan.

Walaupun dengan memakai pakaian menutup aurat itu, bukankah bermakna Islamnya sempurna dan bebas daripada kemungkinan melakukan dosa, namun ia lebih baik daripada orang yang tidak menutup aurat yang melakukan dosa sepertinya.

Pendek kata, memakai pakaian menutup aurat itu suatu kebaikan dan ia tidaklah boleh dihalang semata-mata kerana ia terdedah kepada melakukan kejahanatan. Dengan memakai pakaian menutup aurat, sebenarnya, ia terhindar daripada dosa mendedahkan aurat yang dilarang Allah.

Melanggar sesuatu hukum yang diperintahkan Allah, walaupun mengenai pakaian, bukanlah perkara remeh. Mentaati perkara wajib adalah perkara besar, walaupun dilihat remeh oleh manusia. Allah berfirman, mafhumnya: "Dan kamu berkata dengan mulut kamu tanpa kamu mempunyai ilmu mengenai perkara yang kamu katakan itu. Kamu menyangka ia perkara remeh pada hal di sisi Allah ia adalah besar." (al-Nur: 15)

Menutup aurat, termasuk juga memilih kain yang tidak menampakkan kulit tubuh untuk membuat pakaian. Fesyen

juga, tidak yang melekat kepada tubuh apabila memakainya sehingga menampakkan bentuk tubuh.

Tetapi bukanlah mesti jenis pakaian yang tebal sehingga tidak sesuai dengan iklim dan tidak pula longgar sehingga langsung tidak sesuai dengan keadaan. Pakaian menutup aurat bukan pula tidak mengambil kira keperluan supaya kelihatan ringkas dan kemas.

Budaya menutup aurat yang dikehendaki Islam, bukanlah budaya selekeh seperti yang diamalkan oleh seseorang wanita dan lelaki Islam. Ia adalah pakaian yang sederhana. Pakaian yang berada antara fesyen yang menggiurkan dengan pakaian selekeh, melucukan, dan tidak sesuai dengan keadaan sehingga dibenci dan dicemuh.

Pakaian Islam tidak menolak perlunya penampilan yang cantik dan bergaya. Pernah Rasulullah berbicara mengenai sifat takbur, sabda baginda: "Tidak masuk syurga seorang yang memiliki dalam hatinya sedikit saja daripada sifat bongkak." Seorang sahabat berkata: "Bagaimana si polan yang pakaianya cantik dan kasutnya cantik." Sahabat itu merujuk kepada pakaian yang cantik dan penampilan yang bergaya itu sebagai simbol kebongkakan. Rasulullah membentulkan salah faham itu dengan berkata: "Sesungguhnya Allah itu indah dan suka kepada keindahan. Sifat bongkak ialah menghalang kebenaran dan memandang rendah terhadap manusia."

Hukum wajib menutup aurat tidak lagi boleh dimansuhkan dengan hujah aqal, bagaimanapun logiknya hujah itu. Ini kerana hukum itu ditetapkan dengan nas yang jelas yang tidak lagi boleh diijtihadkan.

Nas yang terang dalam epistemologi Islam, mengatasi aqal rasional, kerana nas itu adalah daripada wahyu yang nyata maksudnya, tidak memerlukan aqal rasional untuk menerangkannya. Apa lagi untuk membatalkan peng-

tiannya yang jelas itu.

Sungguhpun begitu, aqal rasional, boleh meneliti hikmah di sebalik kewajipan itu untuk menambahkan keyakinan terhadap kebenaran hukum yang telah ditetapkan oleh nas. Tetapi bukan untuk meminda atau merombak hukum itu dan menggantikannya dengan yang semata-mata berdasarkan hujah rasional.

Salah satu hikmah kewajipan menutup aurat ialah untuk melindungi diri wanita daripada jenayah seks. Tetapi ini, bukanlah faktor sebenarnya yang hanya Allah Yang Maha Mengetahui. Ini hanya sebahagian daripada hikmah yang dapat ditanggapi aqal rasional sebagai sebab kewajipan menutup aurat itu ditetapkan. Hujah, kononnya faktor menutup aurat itu ialah untuk mencegah kegelojohan seks di kalangan masyarakat jahiliyah dan keadaan seperti itu tidak ada lagi pada zaman ini, bukan saja tidak relevan, tetapi juga tidak logik.

Siapakah yang dapat menentukan kegelojohan seks pada zaman ini sudah tiada lagi. Pada hal pada zaman jahiliyah, zina tidak berlaku di kalangan wanita yang dianggap wanita yang bertaraf mulia. Hanya wanita yang dianggap bertaraf rendah saja yang mengadakan hubungan seks di luar perkahwinan, walaupun pasangannya, mungkin lelaki daripada kelas atasan.

Sekarang, wanita kelas atasan juga terbabit dalam melakukannya zina. Dalam keadaan ini bolehkah dianggap kegelojohan seks di zaman ini lebih rendah dan lebuh terkawal daripada di zaman jahiliyah?

Di samping hujah yang tidak logik dan tidak relevan digunakan untuk menyerang pakaian menutup aurat, tidak ada bukti kukuh yang pakaian menutup aurat itu menghalang kemajuan. Banyak wanita terpelajar sekarang memakai pakaian menutup aurat. Mereka maju dan mereka bekerja

dengan gigih. Bahkan mereka turut menjadi penggerak kemajuan.

Atas alasan apakah pakaian menutup aurat itu patut diserang? Pakaian yang bersopan ini sepatutnya dijadikan budaya bangsa kita dan harus dikongsi bersama oleh rakyat bukan Islam di negara kita sehingga akhirnya ia diterima sebagai budaya Malaysia.



Cabaran Dato' Dr Harun Din agar Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis meletakkan jawatan dan bertanding semula dengannya belum dicabar. Bagaimanapun, sanggahannya terhadap pemikiran Dr Mahathir lebih menarik untuk diulas.

## *APABILA BEKAS MUFTI AJAK LUMBA LARI 200M: BERANIKAH DR M SAMBUT CABARAN?*

Kita tidak ada niat berkonfrontasi dengan sesiapa. Sebenarnya niat kita mengajak orang bersatu padu. Berdiri sama tinggi duduk sama rendah.

Golongan umarak, golongan ulamak dan segala golongan perlu berpegang pada agama Allah, kesemua sekali, dan janganlah kamu berpecah-belah. Allah mengingatkan janganlah kamu berbalah-balih antara satu sama lain. Kalau kita berpecah-belah kita akan menjadi lemah, terutama apabila yang berpecah-belah itu ialah golongan ulamak dan umarak.

Dalam satu hadis, Nabi juga mengingatkan, bahawa dua golongan ini hendaklah bersatu padu, bantu membantu, hormat menghormati antara satu sama lain. Sabda Nabi lagi, terdapat dua golongan, apabila dua golongan ini baik,

menghormat-hormati, bekerjasama, dan bersatu padu, orang ramai akan menjadi baik.

Tetapi apabila kedua-dua golongan ini rosak ataupun salah satu golongan itu rosak, tiada persefahaman, cakar-mencakar, kata mengata dan tuduh menuduh, maka Nabi bersabda, rakyat pun akan menjadi rosak.

Justeru, kita berharap kedua-dua golongan ini sedar dan insaf kerana Tuhan amat suka kepada hamba-hamba-Nya yang walaupun telah melakukan kesalahan tetapi sedar akan kesalahannya itu. Sama ada dia sedar sendiri atau orang lain yang mengingatkannya supaya lekas-lekas bertaubat, menginsafi dirinya dan balik ke jalan yang hak (benar). Ini yang kita hendak.

Sebab itu saya mengambil kesempatan menerangkan kepada pihak pemerintah dalam satu pertemuan yang membabitkan mufti bahawa ada orang yang menuduh saya anti-kerajaan. Saya jelaskan semula bahawa saya bukan anti-kerajaan. Tidak ada sebab mengapa saya perlu anti-kerajaan. Bagaimanapun saya mengaku dalam pertemuan itu bahawa saya anti-mungkar dan anti-maksiat.

Boleh jadi, di atas kemungkaran dan kemaksiatan yang dilakukan oleh pemerintah, saya pernah menegur dan bersuara, tetapi orang menganggap saya sebagai anti-kerajaan. Sebenarnya tidak, saya hanya anti-maksiat!

Saya menjelaskan, bukan mufti sahaja yang mesti anti-maksiat dan anti-mungkar bahkan semua umat Islam dan tiap-tiap orang beriman mesti bersikap anti-mungkar, anti-maksiat dan anti-kekufuran. Kalau mereka tidak menentang hal-hal itu, mereka akan menjadi pendokong mungkar dan penyokong maksiat. Saya beritahu bahawa sesiapa yang redha, setuju atau suka perkara mungkar dan kufur hukumnya, dia akan menjadi kufur dan kafir walaupun dia tidak membuat perbuatan kufur itu.

Saya ingatkan lagi, orang yang redha dengan maksiat hukumnya sama seperti melakukan maksiat walaupun dia tidak melakukannya. Orang yang redha dengan mungkar hukumnya berdosa macam dia melakukan mungkar walaupun dia tidak melakukan mungkar. Saya tekankan, bukan mufti sahaja yang mesti menentang kemungkaran, bahkan setiap orang mukmin mesti anti-mungkar dan anti-maksiat.

Saya jelaskan perkara ini hanya untuk menjelaskan kedudukan hakikat sebenar, dan bukannya didorong oleh niat lain. Kewajipan saya ialah menjelaskan perkara yang benar, perkara yang haq, bukannya menagih simpati dari pada orang ramai. Niat saya, kalau ada perkara yang tidak betul maka kita perlu perbetulkan.

Kalau kita rujuk kepada laporan media massa, diberitahu sebab saya berhenti menjadi mufti kerana kondonnya Dato' Mufti Selangor sudah habis tempohnya. Jadi ia tidak disambung lagi. Dan, Dato' Mufti Selangor juga sudah 12 tahun berkhidmat dan umurnya telah lanjut dan perlu diganti dengan mufti yang baru dan lebih muda.

Saya hendak menerangkan kedudukan saya yang sebenarnya. Kontrak perkhidmatan saya baru sahaja disambung pada bulan Ogos 1997, untuk tempoh dua tahun lagi. Ini bermakna perkhidmatan saya akan tamat pada bulan Ogos 1999. Jadi tidak betul kenyataan bahawa perkhidmatan saya sudah ditamatkan dan tidak disambung lagi.

Kemudiannya, mengenai alasan saya sudah lama berkhidmat selama 12 tahun — seolah-olah berkhidmat selama 12 tahun itu sudah terlalu lama bagi jawatan mufti — sedangkan ada juga mufti hari ini yang sudah 25 tahun, 30 tahun berkhidmat.

Begitu juga dengan alasan bahawa umur saya sudah lanjut iaitu 70 tahun, sedangkan umur saya sebenarnya belum sampai 70 tahun, baru dalam lingkungan umur 60-

an. Tetapi ada mufti yang berumur lebih daripada 70 tahun, malah hampir menjelaki usia 80 tahun, dan ada di antaranya yang sudah uzur, mata sudah tidak nampak, berjalan sudah tidak kuat tetapi masih lagi menjadi mufti.

Saya ... insya-Allah, kalau diajak berlumba lari 200 meter masih lagi boleh berlari walaupun tidak mendapat tempat pertama. Jadi, terhadap kenyataan yang tidak betul itu, saya cukup tidak berkenan.

Kalau pihak media tidak tahu bagaimana cara saya ditamatkan perkhidmatan, cubalah hubungi saya. Pada masa sekarang cara untuk berkomunikasi amat mudah. Atau hubungi JAIS untuk bertanya dengan lebih lanjut, kalau mereka tidak tahu keadaan yang sebenar dan mahu tahu perkara yang sebenarnya. Tapi kalau tahu perkara yang betul, jangan pula diselewengkan. Ini yang menjadi masalahnya.

Kata orang Mufti Selangor terlalu lantang suaranya. Bagi saya, suara Michael Jackson lagi lantang. Suaranya mengganggu orang tetapi suara saya tidak sekuat mana.

Cuma, saya berpegang dan akan terus berpesan dengan amanat tok guru saya. Barangkali inilah yang menjadi dugaan kepada saya. Pesanan tok guru saya, kalau saya sudah mendapat ilmu, hendaklah disampaikan ilmu itu serta bersikap adil, ikhlas dalam menyampaikan ilmu. Jangan takut memperkatakan yang hak. Walaupun orang tidak setuju, atau orang tidak simpati, saya perlu juga memberitahu perkara yang hak. Kebetulan pesanan itu sama dengan hadis Nabi yang bermaksud: "Katakanlah yang benar walau pahit sekalipun."

Jadi atas sebab itu saya berpegang pada nasihat tok guru saya yang sememangnya bertepatan dengan ajaran Nabi. Oleh itu maka saya perlu menyampaikannya kerana tujuan kita hidup pun hanyalah untuk mencari keredhaan Allah.

Sebenarnya kita hidup tidak lama. Dalam masa kita

hendak menghabiskan sisa-sisa hidup, kita gunakanlah hujung usia ini dalam perkara yang diredhai Allah. Kita tidak akan dapat ke mana-mana kerana akhirnya kita akan menghadap Tuhan, kita akan disoal Tuhan ....

Apa yang saya buat selama ini, sehingga menimbulkan kontroversi bagi sesetengah pihak, adalah untuk menjalankan tugas yang diamanahkan kepada saya. Isu yang mula-mula timbul iaitu apabila tangkapan tiga ratu cantik dilaukan. Ia sebenarnya perkara agama.

Sebab tangkapan ratu cantik itu dibuat, bagi kami di Jabatan Agama Islam Selangor, tidak pernah terniat untuk memalukan mereka dan keluarga mereka. Tetapi kami hanya menjalankan amanah, iaitu supaya JAIS menjalankan tugas amar ma'ruf nahi mungkar.

Pada waktu itu apabila ada pertandingan ratu cantik semua orang tahu hukumnya haram. Pendedahan aurat adalah salah di sisi agama, tetapi bukan sekadar itu sahaja, kebetulan Majlis Fatwa Negeri Selangor telah memfatwakan supaya boleh dijadikan undang-undang bahawa wanita Islam diharamkan masuk pertandingan ratu cantik.

Apabila difatwakan, ia tidak boleh dijalankan serta-merta. Tidak! Ia terpaksa digazetkan atau diwartakan terlebih dahulu selepas proses penggubalan undang-undang dibuat. Selepas diwartakan baru kita boleh melaksanakannya. Pada hal kalau mengikut hukum syarak, ia tidak perlu difatwa dan digazetkan lagi kerana ia memang salah dari segi hukum syarak.

Mendedahkan tubuh supaya dipamerkan dan dipergunakan untuk diperlihatkan orang sememangnya diketahui umum haram hukumnya. Tetapi kita mengikut prosedur dan caranya, iaitu sesudah diwartakan barulah kami bertindak. Bertindak atas dasar mencegah kemungkaran. Jika tidak, nanti ulamak-ulamak yang bertanggungjawab akan ditanya

Tuhan apatah lagi kalau ia sudah dijadikan undang-undang.

Jadi itu tujuan sebenarnya. Ia bukannya hendak memalukan mereka yang terbabit ataupun memalukan keluarga mereka. Tidak ada niat kami ke arah itu. Kami bertindak atas dasar syariat Islam dan undang-undang yang telah diluluskan.

Inilah kedudukannya yang sebenar. Ekoran itu apabila saya dengan Timbalan Pengarah JAIS dihentam bertalu-talu, kami terpaksa mempertahankan tindakan anak-anak buah kami. Kami menjalankan kewajipan supaya tidak disoal Allah di akhirat kelak. Tetapi rupa-rupanya tujuan kami itu banyak orang yang tidak berkenan dan tidak suka. Akhirnya, apabila sudah banyak komen dan alasan itu ini kedengaran, orang memandang bahawa tindakan JAIS itulah yang salah.

Kita yang hendak mencegah kemungkaran didapati bersalah tetapi yang peserta ratu cantik yang mendedahkan tubuh itu tidak bersalah. Tidak ada siapa yang hendak komen, tidak ada siapa yang hendak kata bahawa tiga orang peserta ratu cantik itu telah menjatuhkan maruah wanita, menghina wanita dan mempersendakan hukum Islam. Tetapi kami yang menjalankan hukum Islam itulah yang dilanyak sehingga berbulan-bulan lamanya.

Bagi kami, melanyak mufti tidak mengapa tetapi kadang-kadang oleh kerana terlampau emosional, kecaman itu telah menyentuh hukum Tuhan. Saya mengingatkan orang ramai supaya jangan sesiapa pun di antara kita yang berani mempersenda-sendakan, menghina-hinakan dan mempermain-mainkan hukum Tuhan. Ini kerana ia boleh membawa kepada MURTAD. Kita kena jaga baik-baik masalah ini kerana syahadat kita juga boleh rosak!

Jadi niat kami semasa menegur, menasihat dalam perkara agama adalah ikhlas, iaitu untuk mengingatkan dan menginsafkan orang. Sepatutnya kita patut bersyukur,

APABILA BEKAS MUFTI AJAK LUMBA LARI 200M:  
BERANIKAH DR M SAMBUT CABARAN?

"alhamdulillah, walaupun lidah aku sudah terlajak bercakap, mujurlah ada orang yang ingatkan."

Malangnya tindakan menegur, menasihati dan mengajak kembali kepada kebenaran itu rupanya dimusuhi.

Tapi, bagi saya, semua itu tidak pernah menghalang niat ikhlas saya, selagi ada sisa-sisa umur, saya akan terus berkhidmat kepada agama. Segala tindakan saya adalah semata-mata hendak mencari keredhaan Allah s.w.t. Sama ada orang lain suka atau tidak suka, terpulanglah kepada mereka untuk mentafsirkannya.



Pemandangan gerai buku GG Edar di Masjid Negara sebelum Pusat Islam mlarang promosi dan penjualan buku Mufti Lawan Mahathir? Mahathir kawal Pusat Islam, Anwar pula kuasai PWTC apabila buku Anwar Terjerat dilarang penjualannya di bangunan Umno itu pada September 1997.

# ***SYIAH, FATWA DAN ISA: KEZALIMAN LEBIH DAHSYAT DARIPADA KESESATAN***

**A**pabila 10 orang Syiah Malaysia ditangkap tidak lama dahulu, umat Islam di negara ini tidak membantah. Seolah-olah mereka merasakan bahawa tangkapan itu wajar kerana, seperti yang dikatakan oleh Pusat Islam, golongan Syiah itu adalah golongan sesat. Siapa yang menyokong orang sesat sudah tentu akan dianggap sesat. Apabila dianggap sesat, mungkin akan ditangkap.

Kunci di sini adalah mereka takut ditangkap. Siapa yang tidak takut ditangkap? Apabila ditangkap, diri sendiri susah. Merengkok dalam kem tahanan, tidak bebas dan lebih-lebih lagi menyusahkan keluarga. Apabila ditangkap, mereka bukan saja dianggap sesat, tetapi juga dianggap bodoh. Bodoh kerana sanggup melakukan perkara yang menyusahkan diri sendiri dan keluarga. Di negara ini, prinsip dan pegangan

tidak dihormati. Hanya kekayaan dan kesenangan dipandang tinggi. Jadi, apabila seseorang lebih menjunjung prinsip daripada kesusahan diri, maka mereka dipandang bodoh, atau sekurang-kurangnya serong dalam kehidupan bermasyarakat.

Akan tetapi begitulah sifat negara dan masyarakat Malaysia. Di sebalik kejayaan ekonomi (sehingga Julai 1997), Malaysia adalah sebuah negara yang diselubungi ketakutan. Bukan takut kena bunuh atau siksa. Bukan itu. Ketakutan yang ada di negara ini adalah ketakutan intelektual. Sudahlah masyarakat Malaysia merupakan masyarakat yang malas berfikir, tetapi anggota-anggotanya yang rajin berfikir diselubungi pula oleh ketakutan. Malah kalau dikirakan, boleh disebut bahawa ketakutan intelektual ini lebih dahsyat daripada ketakutan fizikal.

Undang-undang yang paling jelas mengongkong fikiran rakyat ialah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Selagi akta ini ada, Malaysia akan terus diselubungi dengan ketakutan intelektual.

Di sini bukan soal 10 orang-orang Syiah itu sesat atau tidak. Soalnya ialah mereka ditahan di bawah ISA, suatu akta yang zalim dan tidak adil. Kezaliman lebih dahsyat daripada kesesatan, lebih-lebih lagi kesesatan itu relatif dan subjektif.

Umumnya, tidak ada siapa yang berani mengatakan Syiah itu sesat. Bagi mereka yang faham tentang butiran perdebatan sama ada yang asas atau remeh-temeh tentang Syiah-Sunnah, dan menyokong pendirian Sunnah, sudah tentu mereka menganggap Syiah itu sesat. Akan tetapi kalau dikirakan begini, dalam dunia semua agama dan aliran yang bukan Sunnah wal Jamaah boleh dianggap sesat. Kristian, Buddha, Liberalisme, Kapitalisme dan segala macam aliran boleh dianggap sesat kerana bercanggah dengan fikiran Sunnah wal Jamaah. Akan tetapi tidaklah perlu menangkap

kesemua penganut aliran-aliran lain selain daripada Sunnah wal Jamaah.

Lebih-lebih lagi seperti Syiah. Ia adalah aliran dalam Islam dan jumhur ulamak berpendapat mereka tidak sesat. Apabila berdepan dengan perkara ini, maka ditimbulkan soal keselamatan. Diambil contoh negara-negara yang porak-peranda akibat pertentangan antara Syiah dan Sunnah. Contoh jelas adalah Pakistan. Seolah-olah 10 orang Syiah Melayu itu akan memecah-belahkan masyarakat dengan melahirkan aliran Syiah dalam masyarakat Malaysia. Akibatnya ia akan menjadi Pakistan.

Akan tetapi kes Pakistan tidak boleh disamakan dengan Malaysia. Pergaduhan di Pakistan bukan saja soal pertembungan antara Sunnah dan Syiah; pertembungan antara aliran-aliran lain juga berlaku, dan secara berdarah juga. Pertembungan antara golongan sekular dan fundamentalis juga berlaku secara keras. Di kalangan sekular, pertembungan parti-parti politik seperti antara Liga Muslim pimpinan Perdana menteri Nawaz Sharif dengan parti Rakyat Pakistan (PPP) juga berlaku secara keras. Begitu juga dalam konteks perkauman. Golongan Muhajirin (rakyat Pakistan yang berasal dari India) turut bertembung dengan orang Pakistan yang sememangnya berketurunan asal di situ juga berlaku secara keras.

Bagaimanapun, apa yang berlaku di Pakistan bukanlah perpecahan. Masyarakat Pakistan seperti masyarakat lain di dunia adalah masyarakat majmuk dan pelbagai. Baik dari segi keturunan, agama, mazhab dan ideologi. Akan tetapi itu tidak bermakna bangsa Pakistan berpecah-belah. Apa yang malang ialah cara interaksi antara komponen masyarakat. Mereka sering bergaduh, bertempur dan berperang secara keras, rusuhan dan berdarah. Masalahnya, bukan perbezaan mazhab atau kepelbagaiannya komponen masyarakat.

Masalahnya, mereka sering saling berbunuhan. Ia bukan masalah Syiah atau soal perbezaan aliran. Maka adalah satu mitos untuk menuduh bahawa Syiah punca perpecahan masyarakat.

Begitu juga dengan negara-negara lain yang mempunyai pengikut mazhab Syiah. Sebarang pergaduhan bukan kerana mazhab Syiah tetapi kerana faktor-faktor lain. Umpamanya di Lubnan, golongan Syiah yang merupakan penduduk majoriti negara itu turut bangkit menentang Israel dan dominasi Kristian Maronit. Ia juga bukan soal mazhab tetapi soal politik penindasan yang berlaku di negara itu. Begitu juga di Iraq, Iran, Bahrain, Arab Saudi dan Azerbaijan yang mana terdapat penduduk Syiah.

Tuduhan yang dikaitkan dengan memecah-belahkan umat adalah satu tuduhan yang sering dilemparkan oleh pihak berkuasa terhadap gerakan perjuangan keadilan sejak zaman-berzaman dalam sejarah Islam. Inilah juga yang berlaku dalam hubungan antara Syiah dan Sunnah wal Jamaah. Malah mazhab Sunnah wal Jamaah itu diwujudkan untuk menyatukan umat Islam yang sedikit sebanyak termakan juga dengan hujah-hujah gerakan Syiah yang mempertikaikan amalan materialisme khalifah-khalifah Umayyah. Malah diletakkan keutamaan perpaduan umat Islam di atas segala-galanya, malah di atas soal perdebatan intelektual.

Dalam zaman moden, khususnya di Malaysia, soal perpecahan umat Islam juga digunakan bagi menekan perjuangan kebangkitan Islam. PAS sering dituduh sebagai pemecah-belah umat Islam. Bagaimanapun, sehingga hari ini, dan dengan banyak kali kemenangan dalam pilihan raya, PAS ternyata tidak memecah-belahkan umat Islam. Umat Islam di negara ini tetap dan masih bersatu padu.

Malah soal perpecahan dan perpaduan juga perlu diteliti.

Di kemuncak perjuangan gerakan Islam PAS tahun-tahun 80-an, dituduh bahawa PAS menggunakan isu kafir-mengkafir bagi memecah-belahkan umat Islam. Dijadikan isu tentang sembahyang dua imam, kubur berasingan dan masjid berasingan. Adakah itu tanda perpecahan? Hari ini, isu itu tidak timbul dan umat Islam masih bersatu. Malah tokoh PAS yang dikatakan pelopor isu kafir-mengkafir dan pemecah-belah umat Islam melalui apa yang dinamakan sebagai Amanat Tuan Guru Abdul Hadi Awang kini adalah seorang Ahli Parlimen.

Perpecahan tidak berlaku di kalangan umat Islam Melayu walaupun banyak tuduhan seumpama itu. Kalau dipandang bahawa sembahyang dua imam itu tanda perpecahan umat Islam. Ia tidak benar. Hakikat bahawa kedua-dua golongan itu masih bersembahyang di masjid yang sama bermakna dari satu sati segi perpaduan masih ada. Walaupun dua imam, mereka tetap sembahyang di sebuah masjid. Mereka cuma berbeza pendapat. Akhirnya, masa menentukan dan perkara itu tidak berulang lagi.

Kalau hendak dikirakan, perpecahan bukan berlaku kerana sembahyang dua imam atau kewujudan dua masjid dalam satu kariah. Akan tetapi perpecahan boleh berlaku antara golongan yang bersembahyang dengan golongan orang yang tidak bersembahyang. Keadaan inilah yang boleh memecah-belahkan umat Islam. Selagi seseorang itu bersembahyang, dan di masjid pula, kesetiaannya adalah pada agama Islam yang satu. Akhirnya, mereka akan menerima tali agama yang berada di bawah pimpinan Al-Quran itu sendiri. Akan tetapi mereka yang tidak sembahyang, jauh sekali menjelak kaki ke masjid akan merasa terasing dari umat Islam dan akhirnya muncul sebagai golongan yang berada di luar Islam. Mungkin menjadi golongan liberal yang berketurunan Islam.

Dalam sejarah Malaysia, perbezaan pendapat tentang agama sememangnya berlaku, dan ia mesti berlaku. Perbezaan pendapat tidak ditentang oleh Islam. Malah dari segi pemikiran moden pun perbezaan pendapat adalah suatu yang bukan saja baik tetapi suatu yang penting bagi survival manusia itu sendiri. Mengapa demokrasi begitu indah bagi manusia adalah kerana ia membenarkan perbezaan dan kepelbagaian pendapat. Bukan saja kepelbagaian spesies (biodiversity) menjamin survival manusia, tetapi juga kepelbagaian pendapat dan pandangan adalah juga kunci survival manusia.

Dalam Islam, sudah jelas dinyatakan bahawa perbezaan pendapat adalah suatu rahmat. Apa yang berlaku selama ini adalah perbezaan pendapat dan bukannya perpecahan. Dahulu di negara ini, berlaku perbezaan pendapat antara Kaum Muda dan Kaum Tua, tidak pula berlaku dengan perpecahan. Isu itu berakhir dengan begitu saja dengan masyarakat menerima kedua-dua pandangan Kaum Tua dan kaum Muda. Golongan kaum Muda menjadi salah satu komponen pelopor perjuangan nasionalisme negara ini. Mereka bergabung dengan golongan nasionalis kiri. Hizbul Muslimin bergabung dengan Partai Kebangsaan Melayu Malaya bagi memperjuangkan kemerdekaan negara. Golongan Kamu Tua lebih cenderung kepada golongan feudal dan akhirnya bergabung dengan Umno. PKMM yang pada mulanya mengikut Umno akhirnya keluar. Ia adalah seolah-olah satu perpecahan orang-orang Melayu. Akan tetapi perpecahan tidak berlaku.

Begitu juga apabila Kaum Tua dalam Umno keluar dan menubuhkan PAS. Kaum Muda kemudian turut menyertai PAS apabila Hizbul Muslimin dan PKMM tidak bergerak lagi akibat tekanan penjajah. Akhirnya tidak juga berlaku perpecahan antara Kaum Tua dan Kaum Muda. Begitu juga

dengan politik. Kepelbagaiannya parti politik adalah suatu yang lumrah. Perbezaan pendapat mesti berlaku. Tetapi ia tidak memecah-belahkan umat Islam atau orang-orang Melayu. Baik PAS atau Parti Rakyat tidak memecah-belahkan umat Islam atau orang Melayu. Mereka cuma penyalur kepada aspirasi alternatif umat Islam dan orang Melayu. Begitu juga dengan Semangat 46 ketika ia mula ditubuhkan. Mereka juga dituduh sebagai pemecah-belah orang Melayu. Akhirnya tidak juga berlaku perpecahan. Orang Melayu tetap bersatu.

Selain daripada soal perpecahan umat, juga ditimbulkan soal keselamatan. Penangkapan ISA sering dikaitkan dengan keselamatan negara. Akan tetapi benarkah demikian? Tidak ada siapa yang pernah buat kajian tentang kes-kes ISA. Andai kata dibicarakan di mahkamah, mungkin para peguam akan membuat kajian terhadapnya. Keselamatan negara juga terlalu umum sifatnya. Secara khususnya boleh ditakrifkan bahawa keselamatan negara adalah menjaga keutuhan dan kedaulatan negara daripada pencerobohan luar di samping keselamatan warganegaranya daripada kacau-bilau dan huru hara. Inilah saja yang boleh dijadikan ukuran. Bukan soal perbezaan pendapat dan idea-idea baru atau pandangan baru tentang cara pemerintahan negara. Perbezaan pendapat dan idea baru tidak mengancam keselamatan negara. Malah negara harus menjadi pelindung kepada pandangan warga negaranya. Bagaimanapun, soal keselamatan tetap dijadikan alasan penangkapan ISA.

Atas soal keselamatan, maka sebab itulah ISA digunakan kerana ia adalah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Sebab itu juga 10 Melayu Syiah itu tidak didakwa di Mahkamah Syariah. Ini soal keselamatan. Jangan main-main.

Memang benar ISA diwujudkan untuk keselamatan negara. Ia berasal daripada undang-undang Inggeris untuk menekan perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu dengan

kekerasan. Oleh kerana pada awalnya golongan yang memperjuangkan kemerdekaan secara kekerasan adalah terdiri daripada golongan nasionalis kiri dan komunis, maka orang-orang inilah yang menjadi mangsa akta ini pada zaman Darurat.

Tanah Melayu merdeka semasa Darurat. Apabila negara mencapai kemerdekaan, seharusnya perjuangan menuntut kemerdekaan yang dijalankan oleh komunis dan nasionalis kiri meletak senjata. Tetapi tidak, mereka terus mengganas. Maka dalam Darurat, ISA sememangnya diperlukan. Darurat tamat pada tahun 1960 tetapi ISA masih ada. Oleh kerana pengganas komunis masih ada, maka ISA terus dikuatkukan.

Apabila Malaysia ditubuhkan pada tahun 1963, ISA digunakan kepada penentang-penentang Malaysia seperti aliran-aliran pro-Indonesia semasa Konfrontasi. Negara sememangnya diancam oleh Indonesia dalam kerangka komunis dunia mahu menguasai Malaysia.

Semakin lama komunis semakin lemah. Dalam zaman Tun Razak, buat pertama kali ISA digunakan kepada anak-anak muda negara ini. Perjuangan pelajar dikaitkan dengan komunis dan pemimpin-pemimpinnya ditangkap. Anwar Ibrahim adalah mangsanya. Anwar bukan pengganas. Dia juga bukan anti-Malaysia. Sementara itu, dalam zaman Hussein Onn, buat pertama kali ISA memakan tuannya sendiri. Ia digunakan untuk keperluan politik dalam parti politik. Tangkapan terhadap Samad Ismail, Abdullah Ahmad adalah dalam konteks ini. Walaupun mereka semua dikaitkan dengan komunis tetapi mereka bukan pengganas. Mereka juga bukan anti-Malaysia.

Itu semua kezaliman. Tangkapan terhadap Anwar Ibrahim, Samad Ismail dan Abdullah Ahmad adalah satu kezaliman. Ia tidak patut berlaku di negara yang penyayang

seperti Malaysia. Sememangnya negara ini tidak sezalim negara-negara lain. Akan tetapi perbandingan itu bukan boleh dijadikan hujah. Yang salah tetap salah. Di peringkat itu pun sudah nampak ISA itu salah.

Dalam zaman Mahathir lagi dahsyat. Mula-mula ISA digunakan untuk menekan pembangkang yang terdiri daripada gerakan Islam. Ramai tokoh PAS ditangkap tanpa bicara. Mereka ini bukan pengganas, jauh sekali anti-Malaysia. Tidak semua boleh terima tindakan ISA ini. Ibrahim Libya bangkit menunjukkan betapa tidak semua mereka yang tertindas akan menerima kezaliman dengan begitu saja.

Kemudian ISA digunakan pula untuk politik dalaman parti Umno dengan memangsakan orang yang berada di luar Umno. Itulah Operasi Lalang 1997.

Ternyata penggunaan ISA sudah melenceng jauh. Keganasan komunis sudah berakhir apabila Parti Komunis Malaysia meletak senjata. Tidak ada lagi ancaman pengganas. Darurat pun sudah lama berlalu. Malaysia sebagai negara sudah jauh mantap. Akan tetapi ISA masih dikuatkuasakan. Ia seolah-olah menjadi momok yang hidup sendiri dan berkembang sendiri. Ia terus hidup dengan menyesuaikan keadaan zaman serta persekitaran. Sedangkan ia adalah akta zalim. Selagi tangkapan dibuat tanpa perbicaraan, maka itulah kezaliman.

Serangan kerajaan terhadap kumpulan Al-Arqam merupakan mercu tanda bagaimana ada kegunaan baru bagi ISA. Ia digunakan untuk menekan golongan yang dianggap sesat. Kini ia digunakan untuk Syiah. Apakah Al-Arqam dan Syiah menggugat keselamatan negara? Mungkin mereka boleh menggugat aqidah Sunnah wal Jamaah. Kalau ternyata orang-orang Sunnah begitu lemah pegangannya. Akan tetapi kaitan mereka sebagai militan adalah suatu yang sukar diterima umum. Senaman orang-orang Al-Arqam di pantai

Siam dipandang sebagai latihan tentera. Syiah Melayu yang dikatakan sibuk mengamalkan mutaah lebih daripada jihad, sukar pula diterima sebagai militan. Sekali pandang, mereka tidak mengancam keselamatan negara. Mereka telah dizalimi oleh negara dengan ISA. Negaralah yang mengancam keselamatan mereka.

Cubalah buka kembali semua kes ISA, terutamanya yang membabitkan ahli-ahli politik dan orang-orang yang berkaitan dengan agama. Jika kes itu dibawa ke mahkamah, dapatlah diketahui sejauhmana mereka teraniaya, dan di manakah letaknya kebenaran. Keadilan mesti dijunjung. Segala kes itu seharusnya dibicarakan, supaya mereka yang tidak bersalah akan dibersihkan namanya. Nama Ibrahim Libya mesti dibersihkan. Begitu juga mangsa-mangsa Memali. Bukan itu saja, nama Anwar Ibrahim sendiri, Samad Ismail, Abdullah Ahmad seharusnya dipulihkan. Perlu diisytiharkan bahawa mereka tidak bersalah. Sekiranya mereka mahu dipersalahkan, perlu dibicarakan. Jika tidak, nama mereka mesti dibersihkan.

Kalau di negara-negara komunis seperti Russia dan China, mereka yang teraniaya semasa pemerintahan pelampau komunis boleh dipulihkan dan dibersihkan namanya, mengapa tidak di Malaysia, sebuah negara demokratik yang penyayang?

Suatu hari apabila ISA dihapuskan, itu merupakan suatu yang bersejarah bagi kemajuan keadilan negara. Selagi ISA masih berkuat kuasa, negara ini masih bukan negara keadilan.

Akan tetapi sayangnya, mentaliti kezaliman ISA sudah menyelinap dalam masyarakat. Seolah-olah masyarakat sudah dapat menerima bahawa ISA adalah suatu yang perlu. Penahanan tanpa bicara adalah suatu yang dianggap boleh dilakukan. Malah ini juga pendirian parti pembangkang,

termasuk PAS. Sebab itu mereka tidak beria-ia hendak menentang penahanan tokoh-tokoh Al-Arqam dan Syiah, walaupun itu merupakan kezaliman.

Tidak hairanlah, tidak lama dahulu, apabila berlaku krisis mata wang, pernah dicadangkan bahawa sesiapa yang terbabit mengkhianati negara dalam krisis matra wang harus dikenakan ISA.

Mereka yang tidak terbabit dengan penahanan ISA mungkin tidak merasakannya. Akan tetapi tanyalah mangsa ISA dan ahli-ahli keluarga mereka. Lebih-lebih lagi ahli keluarga mereka.

Tambahan pula, penahanan di bawah ISA lebih tertumpu kepada para intelektual. Atau ahli-ahli politik kerana pemikirannya. Ia bukan ditujukan ke ganas atau jenayah. ISA dan lain-lain akta seperti Akta Penerbitan dan Akta Universiti menyumbang kepada kebekuan intelektual. Ahli-ahli akademik termasuk orang-orang Syiah yang ditahan itu hanya menggunakan kebebasan berfikir. Tetapi dengan ISA, mereka tidak dibenarkan berfikir. Berfikir bererti mereka berhujah, bercakap dan menulis apa saja pandangan mereka. Akan tetapi inilah yang dihalang oleh ISA.

Tidak semua yang menentang pemikiran arus perdana ditahan di bawah ISA. Akan tetapi adanya ISA menakutkan para intelek. Ia sudah tentu menjelaskan aliran pemikiran di negara ini.

Para intelektual sememangnya menjadi sasaran kerajaan yang kuku besi. Soviet Union, China dan negara-negara komunis menjadikan intelektual sebagai sasaran mereka kerana mereka tahu para intelek adalah benteng kebenaran. Itulah juga yang dilakukan oleh negara-negara kediktatoran lainnya, termasuk yang mengamalkan demokrasi seperti Malaysia dan Singapura.

Sememangnya kerajaan Malaysia sejak dari dahulu tidak

sezalim kerajaan China, Cuba atau negara-negara diktator lainnya. Akan tetapi ISA merupakan platform yang boleh disalah guna oleh sesiapa yang memerintah. Mungkin pemerintah hari ini tidak zalim. Akan tetapi satu hari kelak, apabila mereka terdesak, ataupun saja hendak menunjukkan kekuasaan mereka, mereka boleh menggunakan ISA dengan sewenang-wenangnya, malah boleh berlaku zalim. Alat itu ada.

Lihatlah apa yang berlaku dalam pemerintahan Dr Mahathir Mohamad sendiri. Pada mulanya dia kelihatan seperti seorang yang liberal dan adil. Mula saja pentadbirannya, dia membebaskan hampir kesemua tahanan ISA. Kassim Ahmad turut dibebaskan. Orang mula merasakan kebebasan dan ia memberi harapan baru kepada intelektual - yang sifatnya semulajadi sebagai pihak yang kritis adalah penentang kerajaan.

Bagaimanapun, para intelek, termasuk para wartawan kadang-kadang lupa bahawa Mahathir tidak memansuhkan ISA. Ia cuma tidak menyalahgunakannya. Apabila kedudukannya tercabar maka berlakulah Operasi Lalang. Alat itu ada. Akhirnya ia digunakan juga. Ramai pihak akan memaafkan Mahathir dalam soal ini. Mereka seolah-olah menerima bahawa ISA adalah perlu. Lebih-lebih lagi apabila melihat jasa Mahathir memajukan negara ini. Umpamanya, soal Wawasan 2020 dan Koridor Multimedia. Akan tetapi itu soal lain. Perkara keadilan tetap keadilan. Walaupun besar mana jasa Mahathir tetapi ISA tetap akta yang zalim dan menakutkan.

Atas kesedaran ini, ramai pemikir negara ini tentu berhati-hati untuk menjalankan tugas pemikiran mereka. Akhirnya negara ini hanya mempunyai satu pandangan kerana takut.

Lihatlah semasa krisis matawang ini berlaku. Tidak ada

SYIAH, FATWA DAN ISA:  
KEZALIMAN LEBIH DAHSYAT DARIPADA KESESATAN

rakyat Malaysia yang terang-terang berani membangkang pandangan Dr Mahathir. Mereka hanya cakap-cakap belakang. Takkalan penduduk 20 juta mempunyai pandangan yang sama. Kepelbagaiannya pandangan bukan saja sifat semula jadi masyarakat tetapi juga ia penting bagi survival negara. Walau sebijak mana pun Mahathir, tetapi fikiran seorang tetap kerdil berbanding dengan fikiran ramai orang.

Akan tetapi orang tetap takut. Takut terpinggir dan takut dianggap pengkhianat. Mengkritik Mahathir adalah melawan arus. ISA adalah puncak kepada perasaan takut ini. Bukanlah bermakna sesiapa yang mengkritik Mahathir akan dikenakan ISA. Akan tetapi alat itu ada, dan boleh digunakan. Tafsiran boleh dibuat dengan memberi alasan terhadap keselamatan.

Perkataan keselamatan terlalu luas yang digunakan se-wenang-wenangnya dalam pertuduhan terhadap mangsa ISA. Keselamatan untuk siapa? Keselamatan negara itu bagaimana. Adakah amalan 10 orang Syiah menggugat keselamatan negara. Untuk difikirkan bahawa orang Melayu itu militan adalah suatu yang di luar fikiran rakyat Malaysia.

Suatu takrifan perlu, dan ia perlu dihebahkan supaya rakyat negara ini faham keselamatan bagaimana yang melanggar undang-undang. Tanpa memberitahu apa yang salah dan hanya menangkap adalah suatu perbuatan yang tidak adil.

Adalah suatu mitos dengan beranggapan bahawa ISA merupakan undang-undang yang menyumbang kepada keamanan dan kemakmuran negara. Keamanan dan kemakmuran negara berdiri atas banyak faktor. Faktor utama adalah sifat rakyat yang cintakan perdamaian. Faktor kedua adalah negara-negara jiran yang juga cintakan perdamaian. Bukannya ISA.

ISA hanyalah menyumbang kepada kedangkalan

intelektual negara.

Kesedaran mengenai ketidakbenaran penahanan tanpa bicara sudah lama wujud di kalangan intelektual Malaysia. Akan tetapi ia jarang diketengahkan, jauh sekali untuk dikempenkan. Bagaimanapun, Majlis Peguam telah mengorak langkah dengan mengadakan seminar satu hari bertajuk, "Penahanan Tanpa Perbicaraan: Sudahkah Masanya untuk Dihapuskan?" pada 6 Disember 1997 di Auditorium Majlis Peguam, Bangunan Loke Yew di Jalan Mahkamah Persekutuan, Kuala Lumpur. Antara pembicaranya ialah hakim Mahkamah Agung Afrika Selatan, Ralph Zulman.

# **MENGAPA MAHATHIR DAN HAMID OTHMAN TERIMA BULAT-BULAT TUDUHAN PEJUANG ISLAM ITU GANAS: SIAPA PENYAMBUNG LIDAH YAHUDI?**

**A**pabila berlaku pembunuhan kejam beramai-ramai di Algeria, pemuka-pemuka sekular dengan senang hati menjadikannya sebagai bukti betapa gerakan Islam adalah zalim dan Islam yang benar adalah apa yang diajukan oleh golongan sekular.

Antara pemuka sekular yang mengutarakan tanggapan ini adalah Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad dan Menteri di Jabatan Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman. Mereka dengan bulat-bulat menerima tuduhan kerajaan Algeria bahawa pengganas yang melakukan pembunuhan beramai-ramai di Algeria itu adalah dari kalangan gerakan Islam. Sedangkan gerakan Islam di Algeria, khususnya Barisan Penyelamat Islam (FIS) telah mengutuk serangan itu. Tambahan pula tanda-tanda bahawa yang melakukan

keganasan itu bukannya daripada kalangan gerakan Islam atau kumpulan Islam, bahkan syak timbul bahawa pelakunya adalah agen-agen kerajaan, malah pihak tentera. Pejuang-pejuang hak asasi manusia Barat sendiri menimbulkan syak wasangka ini. Mereka sendiri tidak terus menudung ke arah gerakan Islam. Mengapa pula pemimpin tertinggi negara, termasuk menteri yang menjaga hal ehwal agama, lebih gopoh dan celupar daripada pemimpin-pemimpin Barat.

Akan tetapi bukan sahaja Algeria dijadikan kes untuk menuduh gerakan Islam itu melakukan keganasan. Golongan sekular dari kalangan negara Islam juga sering memburuk-burukkan gerakan Islam dengan keganasan ini. Malah dalam kempen-kempen mereka ada tanda-tanda bahawa mereka menyesali bahawa dalam sejarah Islam, telah berlaku banyak pertumpahan darah. Mereka menimbulkan bahawa tentera Islam Khalifah Uthmaniyyah adalah zalim dalam peperangannya dengan pihak Eropah hingga tentera Islam digeruni oleh pihak Barat. Gerun kerana ganas. Hinggakan hari ini, pihak Barat khususnya Armenia, Serbia dan Greece tidak dapat memaafkan penaklukan Turki ke atas wilayah-wilayah mereka.

Tanggapan ini membawa kepada krisis Bosnia. Apa yang dialami oleh rakyat Bosnia yang beragama Islam atas keganasan Serbia dipandang sebagai membalas dendam atas kekejaman tentera Turki pada zaman Khilafah Uthmaniyyah dahulu.

Memberi tanggapan bahawa Islam tersebar dengan pedang dan bahawa Islam adalah agama ganas memang sudah dicanang sejak Barat mengenal Islam. Pihak orientalis yang mencanangkan tentang keganasan Islam ini dan seolah-olah sudah diterima umum bahawa Islam adalah agama ganas. Iaitu apabila berbanding Kristian yang digambarkan

sebagai agama yang disebar secara lembut dan memujuk. Fahaman ini seolah-olah juga diterima oleh golongan sekular Islam yang menyesali bahawa agama mereka tersebar melalui keganasan.

Banyak bukti diutarakan betapa sejarah Islam dipenuhi dengan darah — antaranya ialah tiga khalifah daripada empat khalifah awal telah dibunuh.

Untuk menjelaskan perkara ini, perlu dibuat perbandingan antara agama Kristian dan Islam dalam sejarahnya. Sememangnya jumlah penganut Kristian di dunia hari ini (baik Katholik, Prostestan, mahupun Ortodoks) adalah jauh lebih ramai daripada penganut Islam. Bagaimanapun usia agama Kristian adalah lebih tua daripada Islam.

Sejarah Kristian boleh dibahagi kepada empat zaman, iaitu zaman Nasrani, zaman pra-Bizantium, zaman pra moden dan zaman moden. Bagi pandangan Islam, Nabi Isa adalah salah seorang Rasulullah. Sebelum kedatangan Nabi Muhammad, manusia wajib mengikuti pimpinan Nabi Isa. Mereka inilah golongan Nasrani. Ketika itu mereka sering diburu dan didera. Kerajaan Rom menindas mereka. Ramai penganut Nasrani yang syahid akibat deraan oleh kerajaan Rom.

Setelah masa berlalu, agama Nasrani mula terseleweng. Di bawah pimpinan St. Paul banyak doktrin baru dikemukakan hingga menyebabkan agama Nasrani tidak sah lagi, hingga memerlukan kemunculan agama tauhid yang lain. Antara doktrinnya ialah Triniti (Tiga Tuhan). Inilah zaman pra-Bizantium.

Bizantium merujuk kepada kerajaan Rom Kristian di Konstantinopel. Kristian mula menjadi agama negara apabila Maharaja Rom Konstantinopel memeluk agama Kristian. Dia memindahkan ibu kota empayaranya daripada Rom ke Konstantinopel (kini Istanbul). Apabila Kristian mula menjadi

agama negara, maka bermula ia mengganas dan menindas. Pertumpahan darah juga berlaku. Bukan sahaja antara Kristian dengan bukan Kristian. Pertembungan juga berlaku di kalangan Kristian. Khususnya mereka yang mempercayai konsep Triniti (Tiga Tuhan dalam satu) dengan yang masih berpegang kepada konsep satu Tuhan.

Ketika itulah, Kristian bertembung dengan Islam. Ini adalah zaman pra-moden. Kristian terus berkembang dengan mata pedang di samping cara misionari yang merupakan warisan kepada perkembangan agama itu sebelum ia menjadi agama negara. Perpecahan antara Kristian juga menimbulkan pertumpahan darah yang besar apabila empayar Bizantium berpecah dua. Satu beribunegarakan Rom (Empayar Suci Rom), dan satu lagi Bizantium Timur dengan terus beribukotakan Konstantinopel. Misionari dan tentera Kristian berjalan seiring. Mula-mula misionari mengajak raja-raja di Eropah Utara memeluk agama Kristian. Kemudian sekiranya, raja bersetuju, maka Kristian akan menjadi agama negara dan tentera digunakan untuk mengukuhkan agama Kristian di samping memerangi pihak-pihak Islam yang bukan Kristian.

Menurut kisah sejarah, Raja Russia berada dalam persimpangan sama ada hendak memeluk Kristian atau Islam. Misionari Kristian dan pendakwah Islam berada di istana Raja Russia untuk memujuknya. Raja Russia yang biasa gemar meminum minuman keras mengajukan soalan, mana agama yang membenarkannya meminum minuman keras. Oleh kerana Kristian membenarkannya, maka dia memeluk Kristian dan agama itu menjadi agama negara Russia. Sejak itu Russia menjadi benteng penyebaran agama Kristian. Ia bertembung dengan bangsa Turki dan Mongol yang mengambil keputusan untuk memeluk Islam. Russia bertindak zalim dalam peperangannya dengan orang-orang

Islam. Ia berjaya mengalahkan empayar Islam, dan empayar Russia tersebar luas ke seluruh tanah besar Asia. Warisan pertembungan ini masih berterusan hingga ke hari ini. Bukan sahaja ketika Soviet Union menduduki Afghanistan tetapi juga dalam perjuangan kemerdekaan Chechnya.

Sebagai agama negara, Kristian bertindak ganas. Contoh jelas adalah penaklukannya terhadap Sepanyol. Semua orang yang ditawan dipaksa memeluk Kristian. Ramai orang Islam lari dan berundur ke Maghribi. Begitu juga dengan orang-orang Yahudi. Mereka yang hidup bebas dalam pemerintahan Islam telah dipaksa memeluk Kristian. Yang masih menganut Yahudi terpaksa lari ke Balkan (Bosnia dan Serbia) yang diperintah oleh Islam.

Di sini perlu dikisahkan tentang penyebaran Islam di Eropah. Orang Eropah Kristian memang takut pada tentera Islam. Seperti mana orang Islam takut pada tentera Barat pada zaman penjajahan. Bukan soal kezaliman atau keganasan tentera Islam. Akan tetapi tentang keupayaan teknologi perang tentera Islam. Tentera Islam mampu menakluk Eropah ketika itu. Sebab itu tentera Islam pernah sampai ke Poitiers di Perancis dan Vienna di Austria. Pihak Kristian takut kerana kelemahan ketenteraan mereka. Bagaimanapun tentera Islam berundur bukan kerana kelemahan tentera mereka akan tetapi kerana soal politik dalaman ketika itu.

Kerajaan-kerajaan Kristian Eropah menyebarkan propaganda memburuk-burukkan Islam dengan menggambarkan agama itu sebagai ganas. Sedangkan ketika itu tamadun Islam jauh lebih ke hadapan daripada pihak Barat. Gambaran ganas ini sudah tertanam dan dibawa dari generasi ke generasi hingga hari ini. Sementara itu, di pihak Islam, kerajaan-kerajaan Islam tidak pernah menggambarkan Kristian sebagai ganas, sedangkan pihak tentera Kristian,

khususnya gerakan salib bertindak kejam. Ketika mereka menawan Baitulmaqdis daripada tangan Islam, mereka membunuh semua orang Islam dan Yahudi, dan kota itu berlumuran darah. Berbanding ketika Saidina Umar dan Salahuddin Al-Ayubi menawan Baitulmaqdis, orang awam — Yahudi dan Kristian tidak dibunuh. Gambaran zalim tidak terlekat pada pihak Kristian kerana orang Islam ketika itu menganggap orang Kristian sebagai tersesat dan jahil. Memang pun, ketika itu mereka tidak bertamadun. Jadi, sebarang kezaliman pihak Kristian dianggap sebagai suatu yang dapat difahami.

Pihak Islam hanya memandang Mongol yang zalim dan kejam. Ini kerana mereka sanggup memusnahkan Baghdad. Sungai yang membelah kota Baghdad menjadi berwarna merah dan kehitaman kerana darah dan dakwat kitab-kitab yang dilemparkan oleh pihak Mongol. Pihak Kristian juga mengalami kekejaman daripada suku-sakat Mongol iaitu bangsa Goth. Mereka merosakkan dan membunuh ramai penduduk Rom ketika menaklukinya. Bagaimanapun, akhirnya orang-orang Gith memeluk Kristian sementara Mongol memeluk Islam. Apa yang nyata, pada zaman itu, kezaliman dan keganasan adalah lumrah. Tentera Islam, umumnya adalah jauh lebih berakhhlak. Bagaimanapun, apabila dilihat kekejaman yang berlaku pada zaman ini, sifat manusia tidak banyak berubah.

Namun begitu, tidak boleh juga dinafikan bahawa terdapat perlakuan sebahagian daripada tentera Islam yang ganas. Akan tetapi umumnya ketika tentera Uthmaniah menawan negara-negara Balkan, mereka tidaklah zalim. Sebaliknya tentera Bizantium sebelumnya lebih zalim. Sebab itu tidak ramai yang mahu menyokong Konstantinopel.

Serbia dan Bosnia memang bermusuhan sejak dari dahulu — sebelum kedatangan Islam, orang Bosnia

menerima Islam dengan mudah — tanpa paksaan. Sebagai orang Islam, orang-orang Bosnia mendapat kedudukan dalam kerajaan Uthmaniah. Tiada paksaan dalam hal ini. Kalau ada paksaan, sudah tentu keseluruhan bangsa Serbia akan menjadi Islam juga. Serbia sehingga hari ini terus menganut Kristian. Begitu juga dengan bangsa Albania. Mereka menerima Islam dengan baik hingga ke hari ini.

Sifat membenci pihak Islam tertanam dengan kuat di kalangan Islam. Lambang mazhab Kristian Ortodoks adalah salib di atas bulan sabit. Gereja-gereja mereka termasuk gereja besar di Moscow masih mempunyai lambang ini. Ia direka sebagai menandakan kemenangan Kristian ke atas Islam.

Dalam resipi makanan Barat, ada sejenis roti yang terkenal dengan nama *Croissant*. Roti ini popular, malah di Malaysia ia boleh didapati di kedai-kedai roti segar dan di hotel-hotel. Oleh kerana roti ini sedap, orang Islam pun memakannya sebagai makanan. Mungkin tidak ramai yang tahu asal usul roti ini. Roti ini berbentuk bulan sabit. Istilah *Croissant* itu merujuk kepada *crescent* iaitu bulan sabit. Roti ini direka di Vienna sebagai meraikan pengunduran tentera Islam Turki daripada Austria. Apabila pihak Turki mengundurkan tenteranya atas sebab-sebab masalah dalaman, pihak Kristian meraikannya sebagai menandakan kemenangan. Roti itu dimakan sebagai menandakan bahawa pihak Kristian telah "makan" orang Islam.

Tentera Islam sememangnya menggerunkan. Salah satu ciptaan tentera Islam yang menggerunkan pihak Kristian ialah pancaragam tentera. Tentera Uthmaniah merupakan pencipta pancaragam tentera dengan tambur yang apabila didengar dari jauh akan menggerunkan tentera Kristian. Melihat kekesanan perang psikologi ini, tentera Barat meniru kaedah ini. Malah pencipta muzik klasik Barat terkenal Beetoven ada mengubah muzik yang dinamakan *The*

*Turkish March* (Kawad tentera Turki) dalam operanya yang berjudul *The Ruins of Athens* atau Kejatuhan Athen (ibu negara Greece).

Sabtu tahun kekalahan orang Islam diraikan, bukan saja di Vienna, Poutiers tetapi juga di Sepanyol. Maka tidak hairanlah apabila sukan Olimpik diadakan di Barcelona, turut diperingati adalah kemenangan pihak Kristian mengalahkan Islam sebagai warisan negara Sepanyol.

Sementara itu, keganasan Kristian dilakukan oleh orang-orang Semenanjung Iberia. Mereka menganas bukan sahaja terhadap orang bukan Kristian tetapi juga orang-orang Kristian yang didapati menentang pihak berkuasa. Institusi *Inquisition* yang membunuh orang tanpa bukti yang cukup dan atas penyelewengan remeh-temeh dari sudut agama Kristian sudah sememangnya terkenal dan menjadi satu perkara yang memalukan di kalangan pengikut agama Kristian.

Keganasan Kristian berterusan apabila Portugis berjaya membuka jalan laut ke Asia. Kejayaan Vasco Da Gama mengelilingi Afrika untuk ke Asia adalah kerana mendapat bantuan daripada seorang Islam ketika ia sampai ke Zanzibar. Akan tetapi Vasco Da Gama mempunyai misi bukan saja untuk mencari jalan perdagangan tetapi untuk menyebarkan agama Kristian secara penaklukan. Sesungguhnya Kristian disebarluaskan melalui mata pedang.

Vasco Da Gama bertembung dengan sebuah kapal jemaah haji di Laut Hindi. Ia menawan kapal itu dan membunuh semua jemaah haji itu. Setelah sampai ke Goa, dia menghantar bahagian-bahagian jasad jemaah haji yang dipotong-potong ke Raja Goa, yang beragama Islam sebagai amaran bahawa sebarang penentangan orang Islam terhadap pendaratan pihak Portugis akan ditentang secara kejam. Portugis pun menawan Goa dan bermulalah penjajahan

negara Kristian terhadap negara Islam. Dari Goa, Portugis menakluk Melaka, secara ganas dan zalim.

Penaklukan Sepanyol ke atas Amerika Selatan juga dilakukan secara keganasan dan mereka dipaksa memeluk agama Kristian. Hingga ke hari ini, ramai orang Kristian malu dengan keganasan dan kezaliman tentera Portugis dan Sepanyol dalam penyebaran agama mereka. Bagaimanapun, usaha mereka berkesan. Agama Kristian tersebar meluas dari India, Indonesia dan Filipina. Benua Afrika dan Amerika Selatan menjadi Kristian melalui penyebaran secara demikian. Itu zaman Katholik. Kemudian ia disusuli oleh negara-negara Protestan, iaitu Belanda dan Britain. Dua negara ini tidaklah seganas Sepanyol dan Portugis. Akan tetapi penaklukan tetap berlaku, penggunaan pedang tentera terus berlaku, dan penguasaan mereka membolehkan misionari Kristian menjalankan kerja-kerja mereka. Misionari itu yang menyebarkan Kristian di Sarawak dan Sabah tidak menggunakan senjata. Akan tetapi kehadiran mereka berlaku selepas kerajaan mereka menggunakan tentera dan diplomasi tipu muslihat. Itu semua berlaku pada zaman pramoden.

Zaman moden ini keadaan lebih mengelirukan. Negara-negara Barat yang dahulunya Kristian kini sudah menjadi sekular. Akan tetapi mereka tetap mempunyai tradisi dan kebudayaan yang berasaskan Kristian. Dengan menggunakan budaya sejagat, seluruh dunia sudah dipengaruhi Barat. Amerika Syarikat masih menggunakan keganasan untuk mengekalkan penguasaannya terhadap dunia. Lihatlah bagaimana ia menggunakan tenteranya untuk memencarkan Iraq, Libya dan Iran.

Israel menggunakan keganasan untuk mewujudkan negaranya dan untuk mengekalkan penguasaannya ke atas bumi Palestin. Oleh kerana mereka terus mengganas,

tidakkah sewajarnya Hizbulah menggunakan senjata dianggap sebagai pengganas. Pada hakikatnya Israel adalah negara pengganas, tetapi Amerika Syarikat tidak berasa malu untuk membantu Israel.

Islam mempunyai sejarah yang berbeza. Bagaimanapun, sejarah Islam juga boleh dibahagikan kepada empat bahagian. Pertama, zaman pra-Hijrah, kedua zaman Madinah, ketiga zaman Khalifah dan keempat zaman pasca Khalifah.

Zaman pra-Hijrah, Islam tidak mempunyai negara. Penganutnya diburu dan ditindas. Peperangan dan kebangkitan bersenjata di kalangan umat Islam belum berlaku.

Setelah hijrah, Islam mempunyai negaranya sendiri. Kristian mempunyai negara sendiri hanya setelah Bizantium diwujudkan, itu pula dipimpin oleh maharaja. Bagaimanapun, setelah negara Islam Madinah diwujudkan, peperangan tidak terus berlaku.

Peperangan pertama berlaku dalam sejarah Islam adalah Badar. Iaitu setelah musyrikin Makkah merampas harta umat Islam dan memencarkan Madinah. Kalau dilihat daripada konteks moden, Iran juga dipencarkan oleh Amerika. Islam bertindak untuk mempertahankan diri dan memperjuangkan hak. Bukannya Islam disebar melalui mata pedang. Islam sudah menjadi agama negara. Sementara semua negara perlu kekuasaan dan ia dapat dipertahankan melalui tindakan ketenteraan.

Setelah berjaya membebaskan Makkah dan seluruh Semenanjung Arab, kerajaan Islam menghantar misi dakwahnya ke Mesir dan Palestin yang ketika itu diperintah oleh kerajaan Bizantium. Pada masa itu Bizantium menindas rakyatnya di Mesir dan Palestin. Pembebasan kedua-dua wilayah itu bukan merupakan penaklukan, tetapi lebih bersifat kepada pembebasan. Melihat akhlak tentera Islam

di bawah kepimpinan Komandan Amru bin 'As, yang tidak pernah membunuh haiwan tentu menarik minat penduduk wilayah itu memeluk Islam. Islam sama sekali tidak tersebar melalui mata pedang. Ia disebarluaskan melalui akhlak. Maka tersebar luaslah wilayah Islam di Afrika Utara dan Parsi.

Sebagai sebuah negara sudah tentu berlaku politiking dan pertumpahan darah. Zaman Madinah meliputi zaman pentadbiran Khulafaurasyidin. Pembunuhan ketiga-tiga Khulafaurasyidin merupakan takdir. Ia tidak menggambarkan keganasan dalam Islam. Pada zaman itu, di manapun tamadun sekalipun pembunuhan seumpama itu adalah suatu yang tidak mengejutkan. Malah pada zaman moden ini juga, pembunuhan ke atas ketua negara adalah suatu yang tidak mengejutkan. Presiden Amerika sendiri pernah dibunuh oleh rakyatnya. Begitu juga dengan raja Britain, Perancis pada zaman-zaman dahulu.

Selepas zaman Madinah, cara pemerintahan Islam agak menyeleweng. Khalifah-khalifah membina istana-istana besar. Kemuliaan Khalifah Umar Abdul Aziz dapat memperlihatkan betapa dalam zaman sedemikian, kadang kala muncul juga mutiara akhlak.

Pada zaman Khalifah-khalifah Umayyah, Abassiyah dan Uthmaniyyah, dunia Islam bertembung dengan Kristian dalam perang Salib dan zaman penjajahan. Perang sememangnya ganas. Dalam Islam, peraturan mengenai jihad dan syahid mempunyai nilai akhlak yang tinggi. Apabila mujahid mengikuti peraturan-peraturan ini dengan jelas ia menjadi satu dakwah dan menarik rakyat tempatan. Tiada paksaan dalam beragama. Sungguhpun begitu terdapat juga penyelewengan di sana-sini. Mungkin di negara-negara yang ditakluk oleh tentera Islam, tidak nampak penyebaran Islam tanpa pertumpahan darah. Ini kerana ia dibayangi oleh tentera. Akan tetapi penyebaran Islam di Asia Tenggara menun-

ukkan bahawa agama itu tersebar secara aman seperti di Aceh, Sumatera, Melaka dan Jawa. Sudah tentu, kemudian ia menjadi agama negara, dan perperangan terpaksa juga berlaku, apabila Melaka mempertahankan diri daripada serangan Siam umpamanya.

Dalam zaman penjajahan, umat Islam terpaksa mengangkat senjata menentang penjajah. Pihak penjajah menggunakan senjata dan tindakan mereka sering kali adalah zalim. Adakah pejuang-pejuang ini dikatakan pengganas? Mereka menuntut hak dan kebebasan. Dalam sejarah, ia merupakan persaingan bagi perebutan kuasa. Jadi tidak timbul Islam tersebar dengan keganasan.

Begitu juga dalam zaman moden, apabila Revolusi Islam Iran meletus. Rakyat mengangkat senjata bagi menuntut hak daripada penindasan dan penjajahan Amerika Syarikat. Adakah itu keganasan? Revolusi sememangnya menyaksikan pertumpahan darah. Lihatlah Revolusi Perancis dan Revolusi Russia. Berbanding dua revolusi di negara Kristian itu — yang pertama itu adalah kebangkitan sekular dan kedua adalah kebangkitan atheisme — Revolusi Islam Iran adalah jauh lebih berakhhlak. Akan tetapi negara yang lahir daripada revolusi itu, Republik Islam Iran itu dicap sebagai pengganas oleh Amerika Syarikat.

Tidak diketahui angkara siapa yang menyebabkan pembunuhan zalim di kalangan rakyat Algeria. Akan tetapi yang nyata, pelaku-pelakunya bukan mujahid kerana mujahid mempunyai kod akhlak yang jelas. Yang nyata, sejak FIS diharamkan, kerajaan tentera Algeria adalah merupakan pengganas sebenar.

Gerakan Islam moden umumnya tidak mengganas. Ikhwanul Muslimin di Mesir dan Jordan menyertai pilihan raya, tetapi mereka dikekang hingga demokrasi di situ tidak bermakna. Begitu juga dengan FIS. Ia juga menyertai pilihan

MENGAPA MAHATHIR DAN HAMID OTHMAN TERIMA BULAT-BULAT TUDUHAN  
PEJUANG ISLAM ITU GANAS: SIAPA PENYAMBUNG LIDAH YAHUDI?

raya walaupun kemenangannya dirampas. Parti Refah yang mengikut demokrasi dan tidak mengganas pula telah diharamkan.



Dato' Ishak Baharom berpelukan dengan mereka yang bersympati dengannya pada majlis perpisahan di Masjid Shah Alam.

# ***BEKAS MUFTI SELANGOR TANGKIS FITNAH: SAYA BUKAN ANTIKERAJAAN, SAYA ANTIMUNGKAR!***

**P**emecatan Dato' sebagai Mufti Kerajaan Negeri Selangor dibuat secara drastik memandangkan Dato' telahpun disambung kontrak perkhidmatan selama dua tahun lagi, dan dijangka hanya tamat pada penghujung 1999. Dahulu Dato' dengan tugas-tugas khusus dan rasmi, kini bertukar sebagai pendakwah bebas. Apakah pemecatan secara mendadak ini mempengaruhi kehidupan Dato' sekarang?

Sebenarnya, pemecatan saya itu tidak begitu mengejutkan. Ini kerana ia memang sudah saya jangkakan. Suasana

---

Wawancara Ahmad Lutfi Othman dengan Dato' Ishak Baharom selepas beliau dipecat dari jawatan Mufti Selangor.

kebelakangan ini menunjukkan, apabila ada suara-suara yang melahirkan kebenaran, nampaknya ada pihak-pihak tertentu tidak dapat menerimanya. Memang sebelum ini pun, saya menjangkakan, suatu masa nanti ia akan berlaku apa yang saya fikirkan. Dan perkara ini sudah pun berlaku. Lagipun sebagai seorang yang beriman atau orang Islam kita harus bersedia menghadapi apa saja ujian yang datang. Perkara yang datang itu, sama ada disukai oleh diri kita atau nafsu kita, ataupun kadang-kadang perkara yang tidak diingini, sebagai orang Islam perlu kita terima dengan hati yang tabah.

Bagi saya, suasana dan keadaan ketika menjadi seorang mufti berbanding sekarang ini, tidak ada perbezaan yang ketara. Ketika menjadi seorang mufti, memanglah tugas rasmi dijalankan, seperti mengatur mesyuarat majlis fatwa, tetapi tanggungjawab berdakwah terus berjalan seperti biasa, misalnya dengan cara mengajar, berceramah dan juga berforum. Jadi tidaklah terasa sangat jurang perbezaan, sama ada sebelum ataupun selepas menjadi mufti.

**Atau sememangnya Dato' sudah membuat persiapan menghadapi saat-saat seperti ini?**

Saya sendiri tidak ada rasa gelisah apa-apa apabila saya ditamatkan. Pertama, saya anggap ia sudah takdir. Sebagai orang Islam saya wajib menerimanya sebab ia menjadi salah satu pegangan kita umat Islam dalam rukun iman yang keenam iaitu percaya pada qadha dan qadar. Iaitu segala buruk baiknya datang daripada Allah. Kedua, pada pendirian saya, selama hidup ini, dasar hidup kita, walau di mana saja kita berada, ke mana saja kita pergi, kita perlu sentiasa mengamalkan prinsip menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Maknanya kita berkewajipan, bertugas mengajak orang ramai berbuat baik dan melarang kejahatan.

Sepatutnya ia bukan tugas mufti, pendakwah atau orang yang bekerja di jabatan-jabatan agama saja, malah ia wajib bagi tiap-tiap orang Mukmin (Muslim).

Nabi sendiri berpesan, maksudnya, barang siapa ternampak benda mungkar, hendaklah diubah dengan tangan, iaitu kuasa. Kalau tidak mampu ubah dengan tangan atau kuasa, maka ubahlah dengan lidah iaitu dengan cara memberi nasihat atau peringatan.

Inilah prinsip yang saya pegang. Saya tidak ada kuasa. Ulamak-ulamak juga tidak ada kuasa. Tetapi ulamak ada ilmu. Tuhan yang memberi mereka ilmu. Mereka harus bersikap amanah dengan ilmu-ilmu itu. Kalau ulamak atau sesiapa saja nampak ada perkara-perkara yang berlaku di depan matanya, dalam masyarakatnya, yang salah dan beranggah dengan hukum syarak, maka mereka berkewajipan menasihat dan memperingatkannya. Kalau mereka yang berkemampuan untuk memberikan peringatan atau nasihat dengan lidah tetapi mereka tidak melakukannya, maka mereka dihukum berdosa. Justeru, atas dasar ini, di mana sahaja saya berada sekalipun, inilah pegangan saya. Perkara mungkar atau maksiat, kita perlu ingat dan cegah.

Kemudian, kalau kita tidak mampu menasihatkannya dengan lidah, dengan peringatan, kita berazam mengubahnya dengan hati. Maknanya hati kita tidak berserta dengan kemaksiatan itu. Kita tidak suka dengan perkara kemungkar. Ini tugas semua pihak. Saya, walaupun selepas bersara daripada jawatan mufti, tugas saya akan berjalan terus, iaitu untuk memimpin masyarakat ke arah kebahagiaan dunia dan akhirat.

**Merujuk kepada pemecatan jawatan tersebut, adakah Dato' merasakan ia berpunca dari kontroversi penahanan ratu**

## cantik atau ada sesuatu yang lain di sebaliknya?

Saya rasa memanglah ... walaupun tidak banyak, tentu ada sedikit sebanyak ia berpunca daripada penahanan ratu cantik. Tetapi yang membawa keadaan lebih berhasrat ke arah pemecatan tersebut apabila saya mempertahankan tindakan JAIS menangkap ratu cantik. Dan dalam masa yang sama ada pihak-pihak tertentu yang menyerang kakitangan JAIS. Maka dari situlah saya melihat pihak-pihak yang mengeluarkan perkataan yang menyinggung peribadi, termasuk yang lebih serius ialah mempersenda-sendakan hukum Allah. Itulah yang saya pertahankan. Sebagai manusia biasa, mungkin terkeluar perkataan yang agak keras sedikit. Mungkin itu menyebabkan ia lebih mempercepatkan pemecatan saya itu.

Saya juga kononnya dikatakan melibatkan diri dengan politik dan banyak dalam ceramah saya itu semacam saya menentang kerajaan, tetapi yang sebenarnya tidak. Saya tidak anti-kerajaan, saya tidak menentang kerajaan. Saya tidak ... Saya menghormati kerajaan. Saya bersedia menjadi seorang rakyat yang taat kepada kerajaan, pemerintah sebagaimana orang-orang lain tetapi saya mengaku yang saya anti-kemungkaran, anti-kemaksiatan. Tetapi barangkali ada perkara-perkara yang dianggap menyalahi agama yang berlaku, bersesuaian dengan kewajipan sebagai ulamak, apatah lagi mufti, tentulah berhak memberi pandangan, mengingatkan, dan menasihatkan supaya kalaulah perkara itu perkara yang bercanggah dengan syarak atau perkara yang berlawan dengan hukum syarak, maka ia diperbetulkan. Mungkin kerana itu saya dianggap sebagai anti-pemerintah.

Tetapi sebenarnya tidak, bahkan bukan saya sahaja berkewajipan, tetapi ia meliputi tiap-tiap orang yang beriman. Orang Islam, kalau hendak sempurna Islam atau imannya,

orang itu mesti anti-kemungkaran dan kemaksiatan walaupun siapa sekalipun. Walaupun dia bukan bertugas dalam hal-hal agama, misalnya rakyat jelata, masyarakat umum, mereka mesti membenci kemungkaran dan berusaha mencegahnya. Kalau mereka tidak anti-kemungkaran, bermakna mereka cenderung kepadanya. Jaitu mereka, sama ada secara langsung atau tidak, menyokong kemungkaran dan kemaksiatan. Hukumnya haram dan berdosa.

Tapi difahamkan Dato' dan mufti-mufti yang lain ada kesempatan untuk berjumpa Perdana Menteri selepas kontroversi penahanan ratu cantik itu tercetus. Dalam pertemuan tersebut adakah Dato' sempat menjelaskan apa yang berlaku kepada Perdana Menteri?

Saya menjelaskan kepada Perdana Menteri, ada orang menyangka saya melibatkan dengan politik dan menyebelahi pembangkang. Tapi saya jelaskan, bahawa saya tidak terlibat dalam sebarang kegiatan politik, sama ada bersama parti kerajaan atau parti pembangkang. Dan saya juga tidak anti-kerajaan. Apa yang saya jelaskan dalam perjumpaan itu ialah saya sememangnya anti-mungkar atau anti-maksiat. Oleh itu boleh jadi ada perkara-perkara mungkar yang dianjurkan oleh pihak pemerintah yang saya tentang dan kebetulan perkara yang ditentang itu diperjuangkan pula oleh parti pembangkang. Mungkin dari situ Perdana Menteri beranggapan saya menyokong parti pembangkang. Pada hakikatnya, tidak. Saya bercakap atas soal agama. Pendirian saya adalah untuk mendaulatkan agama dan meningkatkan syiar Islam. Itulah tujuan saya.

**Bagaimana pula reaksi Perdana Menteri?**

Nampaknya, seolah-olah beliau faham dan menerima apa yang saya katakan bersama mufti-mufti lain.

Sebelum itu Perdana Menteri menyifatkan tindakan penahanan ratu cantik sebagai tidak beradab, tidak berhikmah, kasar dan memalukan keluarga mereka. Malah ada pihak lain menganggapnya sebagai barbarik dan tidak bertamadun. Apakah selepas Dato' menjelaskan duduk perkara sebenar, PM masih tetap berpegang dengan tanggapan awalnya itu?

Itu tidak dapat saya selami. Apabila kita jelaskan, beliau tidak menunjukkan reaksi, sama ada menerima atau membantah.

Ada pihak yang melihat, walaupun penahanan ratu cantik itu tidaklah begitu besar implikasinya, tapi dilihat dari kaca mata Barat misalnya, dalam keadaan Malaysia cuba mempromosi dirinya sebagai negara moden, liberal, terbuka dan berpotensi sebagai lokasi pelancongan bertaraf dunia. Justeru, ada pihak melihat tindakan ini boleh menjaskankan imej negara secara keseluruhan.

Ada kemungkinan begitu. Apabila kita melakukan tangkapan itu, bagi mereka, ia akan menjaskankan pelancong masuk ke Malaysia. Maknanya, menurut golongan tersebut, dunia memandang Malaysia masih ketinggalan zaman.

Dari sudut ini, pertembungan kontroversi ratu cantik hanyalah cebisan kecil daripada masalah yang lebih besar. Perspektif pemerintah dalam konteks usaha membangunkan negara berbeza pula dengan pandangan ulamak; falsafah dan konsep pembangunan yang dipakai oleh kedua-dua pihak tidak selari. Satu pihak melihat ia adalah proses pembangunan sementara pihak yang lagi satu menanggapnya sebagai usaha meruntuhkan maruah

ummah. Maknanya, ada isu asas yang mendasari polemik yang tercetus. Adakah Dato' setuju dengan andaian ini? Boleh jadi.

**Apakah kenyataan Dato' dalam satu ceramah di Kedah, yang kemudiannya dilaporkan oleh *Harakah*, tentang murtad juga memberi sumbangan terhadap pemecatan Dato'?**

Saya rasa, walau tidak banyak, mungkin tempiasnya ada. Sebagai orang yang berilmu agama, tambahan pula bersangkutan dengan tugas sebagai mufti, apabila kita ternampak atau terdengar perkara-perkara yang boleh menjelaskan keimanan, kita wajib mengingat dan menegur. Memang ia adalah tugas seorang mufti ataupun ulamak kerana mereka pewaris nabi. Jadi, kita tidak boleh diam. Terutama dalam perkara yang merosakkan syahadah dan merendahkan martabat Islam. Pendirian saya memang begitu. Hatta dalam ceramah sering persoalan seumpama itu saya tegaskan. Malah, kalau kita tidak bersetuju dengan seseorang atau sesuatu pendapat, ia tidak mengapa. Tapi jangan sampai mempersendakan hukum Allah. Ini kerana ia boleh merosakkan aqidah. Sememangnya kita mahukan kemajuan dan pembangunan. Malah Islam adalah agama kemajuan dan Islam tidak pernah menghalang untuk kita maju dalam segala bidang. Tapi kalau sampai ia boleh menukar kemajuan dengan keimanan, keadaan ini hendaklah dielakkan. Mungkin dengan ingatan sebegini, ada pihak terasa atau sensitif. Itu terpulanglah kepada mereka. Tapi kewajipan saya sebagai seorang mufti dan ulamak tetap saya laksanakan, khususnya dalam konteks menasihat dan mengingatkan.

**Sebenarnya pemerintah sendiri mahukan Islam. Ini dapat**

dilihat dari rancangan kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam secara beransur-ansur dan sederhana. Bagaimanapun rancangan ini tidak begitu diperkatakan sekarang. Bagi pandangan Dato', apakah proses penerapan nilai-nilai Islam itu sudah semakin merosot prestasinya dan bagaimana pula hubungannya dengan kontroversi penahanan ratu cantik tadi? Bukankah dari segi ini, langkah JAIS menguatkuasakan larangan itu adalah salah satu usaha menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran kerajaan?

Saya rasa, ia memang ada kemerosotan. Dikatakan perlaksanaan proses penerapan nilai-nilai Islam itu dibuat secara beransur-ansur, walhal terlampaui *slow* dan hampir-hampir semacam tidak langsung mencerminkan kesugguhan melaksanakan hukum Islam. Jika kita bandingkan dengan apa yang berlaku di Mindanao, yang mana selama ini terajah Filipina, bila negara itu memperolehi autonomi, walau dalam suasana serba terbatas, sudah ada suara-suara yang hendak mendaulatkan hukum Islam. Berbanding Malaysia, walaupun sudah lama merdeka, saya rasa sudah tiba masanya untuk kita kembali mendaulatkan hukum Islam, mengadakan program-program atau rancangan strategik yang sistematis, misalnya dalam jangka masa lima tahun, seperti yang kita lakukan dalam perancangan ekonomi. Tetapi, malangnya, sampai sekarang tidak ada usaha bersungguh-sungguh ke arah mendaulatkan hukum Islam. Cuma kita gunakan perkataan beransur-ansur sahaja. Dalam ertikata "beransur" yang tidak ada program atau rancangan. Saya rasa ini boleh menjelaskan harapan ummat yang cukup bersemangat untuk melihat Islam di daulatkan di muka bumi ini.

Itu dari segi komitmen pemerintah. Manakala kehidupan Dato' sekarang, tentunya lebih hampir dengan rakyat, lebih faham denyut jantung kehidupan rakyat. Bagaimana pula

## sambutan dan harapan mereka terhadap perjuangan suci menegakkan hukum Tuhan?

Harapan rakyat memang besar. Mereka memang hendakkan syiar Islam didaulatkan. Rakyat juga mahu melaksanakan hukum Islam. Tapi perkara ini terhenti kerana kuasa terletak di tangan umarak. Rakyat tahu mereka tiada kuasa; hanya pemerintah sahaja berhak melaksanakan. Kalau pemerintah bersungguh-sungguh untuk melaksanakan Islam, itulah perkembangan yang cukup dinanti-nantikan rakyat.

Masalahnya Dato', kita dapati dalam parti pemerintah, semakin ramai tokoh-tokoh utamanya yang terdiri daripada golongan agama, yang merupakan lulusan tinggi dalam bidang agama. Mereka pula diberi jawatan penting, sama ada dalam Kabinet mahupun hirarki parti sendiri. Adakah suasana seperti ini tidak boleh membantu kerajaan dalam melaksanakan Islam dalam pentadbiran negara?

Saya rasa kalau golongan yang disebutkan itu betul-betul ikhlas dan jujur, ia memang boleh mempercepatkan, di samping membantu usaha merealisasikan atau melaksanakan hukum syariat. Tetapi apa dilihat, tidak ada citacita yang bersungguh-sungguh ke arah itu, walaupun dari kalangan yang berkelulusan agama.

Ini kadang-kadang membuatkan sesetengah orang keliru. Ini disebabkan pihak pemerintah seperti hendak melaksanakan Islam, bercakap dan berjanji mendaulatkan Islam dengan adanya tokoh-tokoh berpendidikan tinggi dalam agama. Tiba-tiba pihak yang sama berdepan dan bertembung dengan ulamak yang menyuarakan kebenaran Islam. Kalau dulu, pertembungan dan perbalahan itu berlaku

antara umarak atau parti pemerintah dengan ulamak-ulamak bebas atau yang tidak memegang apa-apa jawatan. Sekarang pemerintah terpaksa berdepan dengan ulamak-ulamak dalam kerajaan sendiri. Keadaan bercelaru ini mungkin membuatkan umum keliru. Apakah ada panduan khusus bagi rakyat umum menghadapi suasana membingungkan ini?

Saya rasa panduan itu ada pada rakyat sendiri. Salah satunya, mereka boleh menilai dasar perjuangan yang dibuat oleh pemerintah. Kalau benar-benar mereka hendak memperjuangkan syiar Islam, ia mesti tercatat dalam perlembagaan.

Selepas kontroversi ucapan Dato' mengenai murtad khususnya, perjuangan Dato' dikatakan lebih mirip kepada parti pembangkang. Tapi melihatkan latarbelakang Dato' yang bersedia menjadi mufti selama 12 tahun, dari satu segi, ia bermakna, Dato' boleh menerima sistem yang ada sebagai wasilah untuk menyumbangkan sesuatu ke arah menegakkan tuntutan agama. Soalnya, apakah selama tempoh perkhidmatan itu, Dato' berpuas hati dengan apa yang Dato' berikan?

Saya terpaksa berkata, ia memuaskan. Sedangkan pada hakikatnya, tidak begitu. Apabila kita hendak menuju ke arah tuntutan Islam, malangnya tidak ada peruntukan yang diberikan ke arah pelaksanaannya, malah ruangnya terlalu terhad.

Apabila timbul kontroversi ini, saya rasa, orang ramai mula melihat secara lebih dekat, siapakah mufti sebenarnya, apakah peranan mereka? Seolah-olah jawatan mufti itu begitu hebat, dan kuasanya tentu besar dan meluas. Tetapi apabila diperhatikan lebih dekat, kuasa seorang mufti

**sebenarnya cukup terbatas. Malah kemudahan pejabat juga tidak sempurna. Dari sudut pandangan Islam, apa sebenarnya peranan seorang mufti?**

Dari sudut Islam, mufti perlu diberi kuasa yang lebih untuk membolehkan mereka membuat fatwa atau peraturan yang selari dengan Islam. Tetapi yang berlaku adalah di sebaliknya. Malah sangat terhad kuasanya. Walhal dalam Islam, seorang mufti boleh menyuarakan apa saja perkara berkaitan hukum syarak. Tetapi perkara begini tidak berlaku, malah ditetapkan pula garis-garis panduan tertentu.

**Dalam sejarah pemerintah Islam, apakah terdapatkah model institusi mufti yang boleh diteladani oleh umat sekarang?**

Pada zaman awal khilafah Islam, kuasa mufti memang meluas. Menurut sejarah terdahulu, Imam Abu Hanifah misalnya, apabila dilantik oleh pemerintah sebagai Kadhi Besar, salah satu dipintanya ialah, apa yang dibuat, sama ada peraturan atau undang-undang, pemerintah jangan mencampurinya. Itulah sebenarnya pandangan Islam.

**Tetapi sekarang tugas mufti hanya memanggil ahli jawatankuasa Majlis Fatwa dan kemudiannya mempengaruhi. Sebenarnya bagaimana sesuatu fatwa digubal.**

Jika sesuatu masalah timbul, kita merujuk kembali perkara itu, sama ada ia pernah berlaku pada zaman Rasulullah ataupun tercatat dalam al-Quran. Sekiranya ia terkandung dalam sumber-sumber itu, kita hanya menjelaskannya sahaja dan itu sebenarnya bukan fatwa. Yang dikatakan fatwa adalah berhubung dengan perkara yang dipersoalkan, dan tidak ada jawapannya dalam al-Quran atau Hadis. Itu topik yang dijadikan perbincangan, misalnya pemindahan anggota badan manusia. Tetapi berkaitan perkara yang bersangkutan

dengan pemerintah, ia tidak dapat kami bincangkan.

**Jadi larangan ratu cantik itu sebenarnya bukan fatwa?**

Ya, larangan ratu cantik bukan fatwa. Pendedahan aurat sudah jelas diterangkan dalam al-Quran. Apa yang berlaku ialah beberapa orang gadis Islam menyertai pertandingan untuk memperagakan tubuh badan, dan inilah yang memerlukan pada fatwa. Apabila tindakan hendak diambil maka ia mesri berpandukan fatwa yang telah dikemukakan. Kalau tidak ada fatwa, tindakan tidak boleh diambil. Apabila fatwa telah ada, kita boleh sabitkan kesalahan tersebut berdasarkan fatwa tertentu.

Nampaknya peranan mufti dalam kes ini hanya memutuskan sesuatu hukum dan kemudian dihantar kepada pihak tertentu untuk tindakan lanjut. Mufti tidak lagi berperanan dalam proses seterusnya, apakah lagi proses menguatkuasakan undang-undang.

Apabila Majlis Fatwa memutuskan sesuatu perkara, misalnya haram hukumnya wanita Islam menyertai pertandingan ratu cantik, kemudian ia akan dibawa ke Majlis Agama. Majlis Fatwa merupakan satu jawatankuasa kecil di bawah jawatankuasa induk. Lalu kami minta pengesahan daripada mereka. Setelah disahkan perkara tersebut, ia dibawa ke mesyuarat Exco. Kalau Exco terima tetapi tidak dapat dilaksanakan lagi kami akan menyerahkannya kepada penasihat undang-undang sebelum dibentang di Dewan Undangan Negeri. Seterusnya barulah diwartakan. Setelah ia diwartakan barulah boleh menguatkuasakan undang-undang tersebut. (Dalam kes ini, ia dilaksanakan selepas dua tahun digazetkan). Memang kita ketahui pendedahan aurat adalah satu kesalahan di sisi Islam. Ia tidak memerlukan

fatwa lagi tetapi untuk diambil tindakan dalam sistem pentadbiran yang ada, ia perlu kepada penguatkuasaan warta tersebut.

**Ini bermakna pembabitan Dato' hanya di peringkat awalan....**

Ya ... selepas itu tidak ada lagi. Tugas saya membuat fatwa dan majukan pada peringkat atasan untuk diwartakan. Sampai di sini sajalah tugas saya. Untuk menguatkuasa, ada suatu jawatankuasa lain. Terdahulunya mufti di bawah JAIS seperti terdapatnya jawatankuasa baitulmal, zakat, pelajaran dan dakwah. Sekarang ini masih dalam proses memisahkan jawatankuasa fatwa daripada JAIS, supaya ia dapat bergerak bebas, misalnya seperti Mahkamah Syariah. Sebelum itu mufti diletakkan di bawah Ketua Pengarah JAIS.

**Bagaimana dengan peruntukan di negeri-negeri lain?**

Memang terdapat Majlis Fatwa berasingan dan ada juga yang belum.

**Dari sudut keberkesanan, yang mana satu yang dirasai lebih baik?**

Setelah berasingan lebih memberi kesan yang lebih baik.

Seperti yang disebutkan Dato' tadi, fatwa hanya boleh diputuskan apabila diminta dan tidak bercanggah dengan kehendak pemerintah. Jadi ia boleh mencetuskan satu dilema besar kepada seorang mufti, khususnya apabila ada masalah lain yang lebih besar dan perlu disegerakan. Bagaimana Dato' menghadapi suasana tersebut?

Itulah yang diharapkan khususnya apabila jawatankuasa fatwa berasingan dengan Majlis Agama. Maka

dari situlah peranan mufti diharap lebih luas daripada apa yang ada sekarang. Jika selamanya begini, maka keadaan akan berterusan begitu sahaja.

**Selama 12 tahun menjadi mufti di Selangor, berdasarkan pengalaman Dato' sendiri, apakah kerumitan yang timbul sewaktu menjalan tugas?**

Bagi saya, apabila kita mengetahui batas-batas dalam tugas, maka terpaksa kita mengikut peruntukan yang diberi dan tidak timbul perkara-perkara yang bercanggah dengannya. Ini kerana kalau kita melaksanakan perkara di sebaliknya, ia akan timbul banyak masalah.

**Bagaimana pula dengan faktor istana? Terutama dalam kes pemecatan Dato'?**

Pihak istana tidak menimbul apa-apa masalah. Proses perlantikan memang daripada Sultan, cuma pihak kerajaan negeri boleh memberi pandangan atau cadangan. Kuasa putus adalah pada Sultan. Jidi umum menjangka pemecatan atas kuasa Sultan. Tetapi apa yang berlaku bukan begitu; seolah-olah pemecatan ini tidak mengikut jalan yang betul.

**Adakah Dato' atau bersama pihak lain ingin ura-ura mencabar keputusan ini?**

Bagi pihak saya sendiri, belum ada lagi. Walaupun ada pandangan pihak lain bahawa perkara ini boleh diambil tindakan selanjutnya. Cuma saya belum memikirkan lagi.

**Apakah jawatan yang sebegini penting boleh dipecat dengan begitu mudah atas nama perkhidmatan kontrak. Sewajarnya jawatan-jawatan strategik mempunyai kawalan tersendiri daripada campur tangan orang politik. Misalnya, untuk memecat seorang hakim, Perlembagaan**

memberikan peruntukan khusus yang mesti dipatuhi. Tentu tidak masuk akal sama sekali, sekiranya satu jawatan tinggi dan mulia dalam Islam boleh dilucutkan tanpa sebarang alasan yang kukuh dan munasabah, apatah lagi menurut kehendak Islam. Bagaimana Dato' melihat perkara ini?

Dalam perkara ini, dari pandangan pihak tertentu, ia memang menyalahi peraturan dan tindakan boleh diambil. Itulah yang saya katakan, kalau pihak yang terlibat boleh diambil tindakan, ia memang elok sangat. Ini kerana ia memberi pengajaran kepada kes-kes lain. Bagi saya sendiri ...*wallahu aklam*.

Umum maklum bahawa Selangor adalah negeri termaju berbanding negeri-negeri lain. Selalunya di sinilah bermula lnya pemodenan atau perkembangan baru, sama ada yang berunsurkan kebaikan ataupun kemungkaran. Pengaruh Barat mudah berkembang di kota metropolitan ataupun persekitaran bandar seperti Lembah Klang. Berdepan dengan cabaran moden, dalam arena globalisasi, ketahanan umat seharusnya lebih kukuh, terutama dari segi aqidah, akhlak, ilmu-ilmu Islam dan seumpamanya.

Sebenarnya saya menaruh harapan supaya pada masa akan datang mufti-mufti lain dapat mengadakan pakatan dalam ertikata persatuan. Apa yang berlaku sekarang ini, masing-masing membawa haluan sendiri. Tapi jika wujudnya persatuan, iaitu gabungan 14 orang mufti dan dapat memikirkan perkara yang dapat disumbangkan dalam perkembangan agama di negara ini, alangkah eloknya. Ulamak khususnya Malaysia, walaupun tidak secara rasmi berada dalam satu pertubuhan tetapi seharusnya berada dalam satu saf untuk bangun bersama-sama apabila berlaku sesuatu perkara penting. Jika kesatuan ini tidak berjaya diikat, me-

mang tiada apa-apa sumbangan besar yang dapat kita lakukan untuk menghadapi cabaran yang lebih hebat. Langkah Persatuan Ulamak Malaysia amat baik, tetapi masih ramai lagi ulamak yang tidak mahu berserta atau memberi sokongan. Di samping itu, saya rasa, dalam hati para ulamak mahupun mufti, mereka memang bersetuju dengan tindakan JAIS (dalam isu ratu cantik), cuma keberanian menonjolkan diri berbeza-beza.

**Mungkin pihak yang bersetuju, tetapi tidak berani menzahirkannya disebabkan kepentingan tertentu?**

Saya nak katakan begitu ... *wallahuaklam* ... tetapi perkara ini boleh jadi.

Terdapat cadangan dalam Seminar Mufti dan Fatwa anjuran IKIM baru-baru ini untuk meletakkan mufti dalam mesyuarat kerajaan negeri. Ia telahpun dilaksanakan di Perlis. Apakah Dato' melihat perkara ini wajar untuk meningkatkan peranan mufti ataupun ada kesan-kesan negatif yang lain?

Perkara tersebut lebih tertakluk kepada soal kejujuran kerajaan negeri sendiri. Kalau benar-benar mereka mahu mendengar pandangan Islam, dan meraikan pandangan yang bakal diketengahkan oleh mufti, bagi saya, cadangan itu memang wajar. Dalam mesyuarat Exco terutama membabitkan projek-projek besar kerajaan negeri, mufti seharusnya boleh memberi pandangan, sama ada projek atau rancangan itu bercanggah atau tidak dengan Islam. Tetapi jika pihak kerajaan negeri seolah-olah tidak bersedia mendengar dan menerima pandangan Islam, inilah masalah yang bakal timbul nanti, yang membuatkan sesetengah mufti tidak dapat menerima cadangan perlantikan tersebut. Contohnya, apabila kerajaan negeri bercadang untuk

melaksanakan projek tertentu, manakala mufti yang berada dalam mesyuarat menentangnya jika ia bercanggah dengan Islam, tetapi akhirnya diputuskan bahawa projek itu diteruskan juga. Tentunya ada di kalangan masyarakat yang membuat kesimpulan, oleh kerana mufti turut berada bersama anggota Exco yang lain semasa memutuskannya, maka diandaikan mufti juga bersama-sama bersetuju. Jika ini berlaku, ia boleh menimbul isu yang jauh lebih besar lagi. Padahal sebenarnya mufti telahpun menyuarakan pendapatnya yang tidak bersetuju dengan keputusan itu. Sebenarnya, biar apa pun projek yang hendak dilakukan, perkara paling penting ialah kejujuran dan memastikan agar ia tidak bercanggah dengan Islam. Jika ini dapat dilaksanakan, rasanya barulah mufti menerima perlantikan tersebut.

**Menteri Besar Selangor, semasa mengumumkan kontrak perkhidmatan Dato' tidak disambung semula, walaupun apa yang berlaku ialah Dato' telah dipecat, mengemukakan faktor umur sebagai sandaran hujahnya. Katanya, kerajaan negeri mahu memberi peluang kepada tokoh-tokoh yang lebih muda.**

Tentang umur, memang ia tidak boleh dijadikan alasan. Kalau faktor kesihatan, mungkin boleh jadi ukuran. Itulah yang saya katakan, terdapat mufti telah lanjut umur tetapi masih menerajui jawatan tersebut. Ini memandangkan buah fikiran mereka masih diterima pakai. Yang penting ingatan mereka tetap kukuh, faktor umur bukan isu besar. Mufti ini ibarat, semakin tinggi umurnya lagi matang fikirannya. Ibarat buah kelapa, makin tua makin sedap santannya.

Dato' pula dikatakan melewati usia 70 tahun, jadi perlu ditukar dengan tenaga yang lebih muda, sedangkan khabarnya umur Dato' belum pun sampai 70 tahun, jauh

## lebih muda berbanding Perdana Menteri.

Saya rasa alasan atau faktor usia sengaja diada-adakan. Ia suatu alasan yang dibuat-buat. Pasal apa? Sebabnya, walaupun umur saya sudah lanjut, yang katanya 70 tahun, umur saya sebenarnya belum sampai 70 tahun, baru dalam lingkungan 67 tahun lebih kurang. Bagi saya faktor umur bukan penghalang besar. Pertama, ada mufti-mufti sehingga ke hari ini umurnya sudah melebihi daripada 70 tahun tetapi masih diperlukan khidmat mereka. Kedua, kalau diberikan alasan saya sudah berkhidmat dalam tempoh yang agak lama, iaitu selama 12 tahun atau enam kali diperbaharui kontrak, tetapi masih ada mufti-mufti yang sudah berkhidmat melebihi 20 tahun, malah selepas 25 tahun dilantik sehingga sekarang masih berkhidmat lagi.

Tentang umur yang dikatakan sudah lanjut, mufti bukan perlu kepada tenaga fizikal yang banyak ketika bekerja. Ia perlu kepada pemikiran atau idea. Kalau kita manusia ini, lagi dewasa lagi matang fikirannya. Misalnya ketika membuat sesuatu keputusan, ia tidak boleh dilakukan secara terburu-buru, ataupun tidak tergesa-gesa. Jadi saya rasa tentang umur saya sudah lanjut itu bukan alasan yang sesuai.

Pada pandangan Dato' sendiri, wajarkah mufti dilantik di kalangan golongan muda, atau mendedahkan mereka yang berumur lewat 20-an dengan jawatan timbalan mufti terlebih dahulu?

Mufti yang muda, kita kena tengok setakat mana mudanya. Tetapi kalau kita tengok pengalaman orang muda dengan orang dewasa, umumnya orang yang berumur lebih matang. Contohnya, Nabi dilantik menjadi Rasul untuk membimbing manusia di waktu umur Nabi sudah di peringkat 40 tahun. Jadi, saya ambil contoh ini sebagai sebaik-baik garis panduan dari segi umur. Untuk melantik seseorang

mufti atau timbalannya, lebih wajar bagi mereka yang sudah berumur 40 tahun ke atas. Saya rasa ia memang lebih sesuai dan tepat. Kalau umur di bawah 40 tahun, saya rasa ia boleh dipertimbangkan jika memegang jawatan timbalan mufti, sebagai pendedahan awal. Itu pun kalau ada calon yang sesuai dan berumur lebih 40 tahun, pilihlah di kalangan mereka. Tetapi kalau untuk menjadi mufti, rasanya lebih sesuai yang berumur 40 tahun. Ini kerana pemikirannya sudah matang, tenang, dan tidak terburu-buru semasa membuat keputusan.

Ilmu pengetahuan mungkin boleh didapati sebelum umur 40 tahun tetapi untuk membuat suatu keputusan penting, ia memerlukan orang yang tenang fikirannya, tidak membuat keputusan secara terburu-buru dan memerlukan orang yang berumur dan lebih dewasa.

Perdana Menteri pernah mempersoalkan latarbelakang jawatankuasa Majlis Fatwa yang tidak melambangkan kepelbagaiian kepakaran masing-masing. Semuanya adalah ulamak. Beliau seperti mahukan tokoh-tokoh yang pakar dalam dunia perubatan misalnya, ataupun ekonomi menjadi ahli Majlis Fatwa. Sepanjang pengalaman Dato' selama ini, apakah pernah timbul masalah ekoran latarbelakang keilmuan ahli-ahli majlis khususnya ketika merumuskan sesuatu masalah berbangkit.

Memang benar dalam Majlis Fatwa tidak terdapat, misalnya, pakar-pakar perubatan, ekonomi dan sebagainya, tetapi ini tidak mencacatkan proses untuk memutuskan sesuatu fatwa. Bagaimanapun, apabila Majlis Fatwa membincangkan kes perubatan contohnya, kami akan menjemput pakar dalam bidang tersebut untuk memberi penerangan. Misalnya, apabila dibincangkan masalah haram merokok, kita panggil pakar mengenainya yang menerangkan tentang

bahaya dan keburukan menghisap rokok. Kemudian kita padukan dengan hukum syarak. Oleh itu di Selangor, seperti yang sudah diputuskan oleh Majlis Fatwa, menghisap rokok hukumnya haram. Tetapi untuk perlaksanaannya tersangkut. Pihak atasan belum bersedia menguatkuasakan. Pada hal perkara ini, tiada siapa berhak menghalang kerana Islam telah menentukan. Sebenarnya, status fatwa, sama ada sudah diwartakan dan belum diwartakan, ia adalah sama di sisi Islam. Cuma perundangan dunia sahaja yang berbeza. Jika tidak diwartakan, bermakna ia tidak boleh dikuatkuasa.

**Timbul pula keputusan fatwa antara negeri-negeri yang bercanggah atau bertentangan. Bukankah ini boleh menjejaskan imej Islam?**

Kalau boleh, fatwa sepatutnya diseragamkan. Lagipun negara Malaysia pun bukan besar sangat ... kalau sikap pemimpin agama berlainan, maka rakyat naik bingung. Misalnya, di Selangor boleh, di negeri lain tidak boleh! Tetapi ketidakseragaman fatwa adalah berdasarkan proses fatwa yang sahih; masalah fatwa dikemukakan apabila tiada rujukan di dalam al-Quran dan Hadis. Maka dari sini timbul pelbagai pendapat dengan alasan masing-masing, berdasarkan hujah agama. Maksud sabda Nabi Muhammad s.a.w: "Siapa yang berijtihad betul dapat dua pahala. Siapa berijtihad salah mendapat satu pahala." Maknanya ijtihad yang diputuskan boleh diterima pakai. Cuma dapat satu pahala iaitu penat ijtihad, manakala pahala betul ijtihad tidak dapat. Tetapi jika ijtihad itu betul berlandaskan oleh Allah maka dua pahala didapati iaitu penat dan berijtihad. Seperti timbulnya masalah khilafiah, walaupun boleh dipakai, alangkah baiknya dalam negara yang kecil kita ambil khilafiah yang terbaik. Maka diputuskan satu sahaja, kemudian disejaraskan.

## Adakah Dato' setuju penyelarasan pentadbiran agama negeri dipusatkan?

Saya setuju, tapi soal yang menyentuh penyelarasan mengenai hukum-hakam dan fatwa sahaja, bukannya pentadbiran. Mengenai pentadbiran, memang agak sukar dilaksanakan, sebab bidang kuasa agama di bawah kuasa Sultan. Tapi kalau kuasa itu pun ditarik dari Sultan, habislah ... memang tiada apa yang tinggal.

Jika diteliti isu penahanan ratu cantik, ia bermula dengan kritikan terhadap proses penahanan itu sendiri, kemudiannya soal pendekatan dalam penahanan. Mereka berhujah, boleh ditangkap tetapi lakukan secara beradab. Kemudian, Presiden Umno sewaktu merasmikan perhimpunan parti itu, September 1997, seolah-olah mengemukakan fatwa baru bahawa wanita tidak diwajibkan menutup aurat. Katanya, tutup aurat bertujuan menghindari daripada jenayah seks. Jadi, kalau yang menutup aurat juga terbabit dengan kesalahan itu, apa relevannya lagi kewajipan menutup aurat? Bagaimana Dato' melihat perkembangan yang menyedihkan ini?

Pada pandangan saya, khususnya ditujukan pada sesiapa saja yang kurang memahami ilmu-ilmu agama, sangat molek jika mereka jangan menyebut tentangnya. Apabila bercakap soal agama sedangkan mereka tidak pakar dalam bidang tersebut takut-takut menyesatkan orang lain. Perkara begini yang kita kena tegur atau perjelaskan. Bab agama bukan boleh difikirkan dengan akal atau logik semata-mata. Itu yang saya tekankan, jika tidak tahu soal agama, jangan bercakap ikut suka hati, sebab ia boleh merosakkan syahadah.

Lebih malang Dato', ketika saat-saat begini umum amat mengharapkan Timbalan Perdana Menteri, berdasarkan latar belakangnya sebagai bekas pemimpin gerakan Islam lebih bertindak dan bercakap dari kacamata agama. Kebetulan pula isu Dato' sendiri, KRU, ratu cantik berlaku sewaktu timbalannya memangku. Seolah-olah kita lihat tidak banyak perubahan dilakukan. Walhal kita maklum latarbelakang pemangku lebih menyakinkan dari segi agama. Jadi merujuk dua tiga kes ini, maknanya agak mengecewakan. Bagaimana pandangan Dato'?

Saya rasa mungkin hendak menjaga sesuatu atau maslahat lain. Dan orang ramai memang keliru.

Menegakkan kebenaran dan menyatakan apa yang hak rupanya mengundang risiko yang besar, seperti apa yang dialami Dato' sendiri, sedangkan ia adalah kewajipan setiap Muslim.

Ini yang kita jangkakan. Kalau semua orang Islam beriman betul-betul, beriman mengikut ajaran Tuhan, al-Quran dan Hadis, maka sepatutnya orang yang bercakap benar itulah orang yang diberikan tempat istimewa. Sebaliknya, pertama, memang manusia suka kebenaran. Manusia tidak suka kepalsuan atau pembohongan. Dan kedua, apatah lagi dalam sol-soal agama, soal hukum ... jangkanya, semua orang beriman mahu yang hak dan yang benar. Walaupun yang benar itu bercanggah dengan kepentingan peribadi tetapi kita mesti ambil yang hak. Kebenaran mesti ditonjolkan. Dan kita harus menerima yang hak.

Saya sebenarnya sangat terpengaruh dengan pesanan daripada guru saya sehingga ia mempengaruhi sikap saya pada hari ini. Guru saya berulang-ulang kali mengingatkan saya pada masa saya mengaji dulu: "Awak di mana saja

berada, bila sampai masanya, awak dipertanggungjawabkan dengan sesuatu tugas, jangan takut memperkatakan yang benar kerana Tuhan sentiasa berada dengan orang yang benar." Apatah lagi saya teringat panduan dan pesanan Hadis Nabi, katakan yang benar walau pahit sekalipun.

Ertinya, walaupun kebenaran itu bagi sesetengah orang susah hendak menerima kerana kepentingan tertentu, kita sebagai seorang pendakwah atau ulamak, mesti menyampaikannya juga. Kita mesti katakan yang benar itu benar, yang salah itu salah, walaupun ia pahit. Kalau benar kita hendak bekerja, beramal dan mencari keredaan Allah, perkara itu harus kita lakukan. Kita tidak perlu takut atau gentar dengan sesiapa sekiranya Allah bersama kita. Itulah matlamat hidup kita. Matlamat hidup orang Islam ialah hendak mencari keredhaan Tuhan. Dalam mencari keredhaan Tuhan, kadang-kadang kita tidak disukai orang, dimarahi orang, tapi ia bukan alasan untuk berundur. Terpulang kepada mereka, pedulikan.

### Nasihat Dato' kepada sahabat-sahabat Dato' yang masih memegang jawatan mufti ....

Saya berharap mereka dapat tampil ke depan. Dan tunjukkan sifat seperti telah diamanahkan oleh Nabi, iaitu menyampaikan sesuatu yang haq dan jangan takut mencegah kemungkaran. Tunaikan segala amanah telah Allah tetapkan. Supaya dengan keberanian kita ini, ia dapat memberi banyak sumbangan pada ulamak lain. Dengan cara ini keyakinan orang ramai terhadap ulamak lebih terserlah. Seterusnya, lakukanlah setiap tugas dengan penuh keikhlasan.

Apa pula nasihat Dato' kepada bakal mufti yang akan menggantikan tempat Dato'?

Nasihat saya, kepada siapa saja yang akan mengambil alih tempat saya itu, saya doakan supaya dia dapat menjalankan amanah yang diletakkan di atas bahunya dan saya nasihatkan dia agar berpendirian tegas, berani memperkatakan yang hak dan dedikasi. Tetapi yang sangat penting ialah kejujuran dan keikhlasan dalam menjalankan tugas, dan juga kerana Allah semata-mata.

# ***PEMERINTAH, ULAMAK DAN RAKYAT: SIAPA BERHAK PADA KUASA?***

**S**ecara tradisi, dalam mana-mana tamadun, sejak manusia pandai mengatur kerajaan, sememangnya diterima bahawa kuasa mutlak adalah pada Tuhan. Allah Maha Kuasa dan hanya Tuhan yang berhak menggubal undang-undang.

Semua pemerintah zaman pra moden mentadbir negara atas nama Tuhan. Mereka memerintah bagi pihak Tuhan. Raja-raja dan ada antaranya malah mengakui tuhan, seperti Firaun, Maharaja China dan Jepun, tetapi mereka memerintah bagi pihak tuhan, dan rakyat terpaksa patuh dan setia. Walaupun dalam sejarah, banyak raja-raja zalim dan penipu, manakala mereka memerintah mengikut nafsu tetapi mendakwa mereka mewakili Tuhan dan rakyat mesti mematuhi mereka, sama ada adil atau zalim.

Di sinilah datangnya perjuangan para Nabi dan Rasul

dalam aliran agama Tauhid. Mereka memperjuangkan untuk keadilan dan mahu mengembalikan kebenaran. Dalam politik, kebenarannya adalah bahawa kuasa mutlak adalah pada Tuhan. Bukan saja soal Tuhan yang menaikkan dan menjatuhkan seseorang pemerintah, tetapi juga undang-undang dan amalan masyarakat ditentukan oleh Tuhan. Pemerintah hanya melaksanakannya.

Inilah inti sari perjuangan para Nabi dalam politik. Rasulullah s.a.w. pula merupakan puncak perjuangan mereka.

Selepas Khalifah Rasyidin dan Khalifah Umar Abdul Aziz, tidak ramai khalifah yang mampu hanya menjadi pemerintah bagi melaksanakan perintah-perintah Tuhan. Ada antara mereka memerintah mengikut nafsu tetapi dibuat atas nama Tuhan.

Begitu juga dalam agama lain. Raja-raja Kristian begitu juga. Mereka memerintah dengan zalim dan mengikut nafsu tetapi kironnya mereka mentadbir negara atas nama Tuhan. Rakyat yang dizalimi tidak akan mendiamkan diri. Pada mulanya mereka juga menggunakan agama bagi menentang raja-raja Kristian yang zalim. Berlakulah perpecahan agama Kristian antara Katholik dan Protestan. Zaman Reformation dan *Counter-Reformation* adalah perubahan dalam pemikiran Kristian bagi mewujudkan masyarakat adil yang mengikut agama. Memikirkan bahawa agama boleh disalah guna, maka muncul aliran sekularisme yang memisahkan agama daripada politik.

Dalam pada itu, kezaliman yang dilakukan oleh pemerintah-pemerintah tetapi dibuat atas nama agama mendorong populariti gerakan anti-agama. Bermula pada zaman *Renaissance* dan *Enlightenment* dengan kemuncaknya gerakan pemikiran moden. Revolusi Perancis merupakan petanda penentangan berleluasa terhadap agama. Di sinilah

konsep bahawa kuasa bukan milik Tuhan, dan tidak ada sesiapa yang berhak memerintah atas nama Tuhan. Reaksi ini dapat difahami kerana kezaliman yang dilakukan oleh raja-raja agama itu terlalu dahsyat untuk dipikul oleh orang ramai iaitu rakyat. Maka timbulah gagasan bahawa kuasa seharusnya terletak pada rakyat — dan bukannya Tuhan. Inilah gagasan demokrasi.

Bagaimanapun, gagasan bahawa kuasa adalah hak rakyat dan bukannya Tuhan juga terdedah untuk disalah-guna. Rakyat adalah orang ramai. Terdapat pelbagai golongan dalam masyarakat. Ada yang mempunyai lebih pengaruh sementara ada yang kurang berpengaruh. Pelbagai tafsiran pula dibuat terhadap cara mana undang-undang patut digubal. Maka timbulah dua sistem kerajaan, yang mana kononnya pemerintahan dibuat atas nama rakyat tetapi pada hakikatnya hanya untuk memenuhi kepentingan golongan tertentu.

Dalam negara kapitalis, pemerintahan dibuat atas nama rakyat tetapi untuk kepentingan golongan kaya dan berpengaruh. Golongan lain hanya dapat tempias. Sementara dalam masyarakat komunis, yang merupakan kemuncak kezaliman pemerintahan moden yang dibuat atas nama rakyat, yang mendapat keuntungan hanya pemimpin-pemimpin Parti Komunis, yang lain juga mendapat tempias. Apabila kapitalis dan komunis bertembung, komunis tersungkur dan sistem kapitalis diterima.

Apabila dilihat menurut sudut ilmu tingkah laku masyarakat, manusia mesti bersaing antara satu sama lain. Masing-masing akan memelihara kepentingan masing-masing dan mengutamakan golongan masing-masing. Walau apapun sistem yang dipakai. Baik atas nama agama, atau nama rakyat, kepentingan golongan yang kuat akan menentukan corak pemerintahan negara-negara tertentu.

Di sinilah perjuangan Rasulullah s.a.w. kelihatan jelas. Pemerintahan mesti diletakkan atas nama agama, iaitu Tuhan. Sementara rakyat adalah manusia yang mempunyai kepentingan masing-masing. Tuhan adalah mutlak. Memang benar undang-undang datang daripada Tuhan. Akan tetapi siapa yang membawanya ke bumi. Jawabnya, malaikat Jibril yang membawanya kepada Rasulullah s.a.w. Personaliti Rasulullah s.a.w. adalah penting dalam hal ini. Baginda adalah maksum, bersih dari segala dosa, dan mampu membawa *Risalah*. Dalam zamannya, manusia mudah untuk menerima undang-undang itu. Oleh kerana daripada Rasulullah s.a.w. maka mereka hanya perlu patuh dan setia. Bagaimanapun, bukanlah pada zaman itu, umat Islam hanya berhimpun di depan Rasulullah s.a.w. mendengar arahan-arahannya dan terus bangkit melaksanakannya. Masyarakat Islam Madinah adalah dinamik. Terdapat perbincangan, bantahan dan akhirnya kadang kala ada perkara yang Rasulullah s.a.w. mengikuti pendapat sahabat. Akan tetapi panduan dan pimpinan Rasulullah s.a.w. yang berasaskan wahyu adalah jelas dan medatangkan manfaat.

Selepas Rasulullah s.a.w. suasana masyarakat yang mengikut arahan Allah s.w.t. terus kekal di bawah pimpinan Khalifah Abu Bakar, Umar, Usman dan Ali. Dalam hal ini, personaliti mereka juga penting. Umpamanya, mereka warak dan zuhud. Mereka tidak membela kepentingan mana-mana golongan. Walaupun dalam masyarakat terdapat pembangkang yang akhirnya merobek perpaduan umat Islam pada zaman Usman dan Ali, tetapi suasana Islami masyarakat Madinah adalah utuh.

Khalifah Islam selepas Saidina Ali ialah Saidina Muawiyah, seorang sahabat Rasulullah s.a.w. Akan tetapi umat Islam tidak pernah mengiktirafnya sebagai salah seorang khalifah yang berjaya. Mengapa? Masalahnya ialah perso-

naliti beliau dipertikaikan, khususnya berhubung dengan soal zuhud dan ketidakadilan dalam masyarakat. Abu Zar menjadi pembangkang pada zaman itu.

Khalifah memerintah negara atas nama Tuhan. Akan tetapi mereka tidak maksum. Ada kalanya, mereka berjaya (dari segi melaksanakan perintah Tuhan), ada kalanya gagal. Pada mulanya sememangnya khalifah adalah juga ulamak. Akan tetapi lambat laun, jurang antara khalifah dan pemikiran, pengetahuan dan personaliti agama semakin renggang. Sebaliknya khalifah melantik seorang tokoh tertinggi ulamak bagi menasihatinya tentang agama, di samping menguatkan cengkamannya terhadap pemerintahan negara. Maknanya, rakyat masih menganggap kerajaan memerintah atas nama Tuhan.

Maka kemudian ditimbulkan konsep ulamak dan umarak. Umarak adalah khalifah sementara ulamak menasihatinya. Inilah sebenarnya semangat sekularisme yang timbul dalam sejarah, jauh sebelum konsep sekularisme diungkapkan dalam dunia Kristian.

Setelah terbahagi kuasa, maka umarak dan ulamak selalu bertembung. Umarak mempunyai kuasa (iaitu tentera) sementara ulamak mempunyai hak moral (iaitu ilmu) dan memperolehi sokongan umat Islam (rakyat negara Islam). Untuk melantik ketua ulamak, maka khalifah menamakan jawatan berkenaan sebagai Sheikhul Islam (ketua Islam). Institusi ini timbul dalam pemerintahan khalifah terakhir Islam iaitu Khalifah Uthmaniah. Oleh kerana Sheikhul Islam dilantik oleh khalifah, maka sukar bagi seseorang yang memegang jawatan itu hendak menentang khalifah yang mempunyai kuasa tentera.

Bagaimanapun, bagi Sheikhul Islam yang mempunyai prinsip, pertembungan pasti berlaku dan antara mereka, ada yang menerima bahananya. Di lain-lain tempat, khalifah atau

sultan dalam dunia Islam melantik mufti, yang bererti, orang yang mengeluarkan fatwa. Pada mulanya mungkin perwujudan institusi ini adalah untuk menyelaraskan fatwa yang boleh dipakai dalam negara. Dalam sesebuah negara sudah tentu terdapat ramai ulamak yang boleh mengeluarkan pelbagai pandangan, yang maknanya pandangan itu menjadi fatwa. Bagi menyelaraskannya, khalifah atau sultan mewujudkan institusi Mufti Besar. Di bawah Mufti Besar mungkin ada mufti-mufti kecil yang bertanggungjawab ke atas daerah datau kariah masing-masing. Dalam melakukan tugas mereka, mungkin akan bertembung juga antara pandangan mufti dengan amir atau sultan setempat.

Kini pertembungan umarak dan ulamak dibawa kepada konteks moden di Malaysia. Sering disebut bahawa ulamak dan umarak mesti bekerjasama, saling hormat-menghormati, barulah negara itu dapat berfungsi. Bagi umarak, mereka merasakan mereka berhak menentukan segala dasar negara kerana mereka yang bertanggungjawab sebagai pemimpin negara. Bagi ulamak pula, mereka berhak menegur dalam soal-soal yang ada hubungan dengan agama. Ini kerana mereka berilmu agama. Bagaimanapun, dalam Islam, mana ada bidang yang terkeluar daripada soal agama. Bagi umarak, ulamak hari ini tidak cukup berilmu bagi menghadapi sistem moden.

Akan tetapi dalam konteks moden, siapakah umarak? Umarak adalah mereka yang mempunyai kuasa politik. Yang di-Pertuan Agong atau Perdana Menteri dan ahli-ahli politik lain. Jawabnya ialah semua yang ada jawatan politik. Daripada Perdana Menteri, Menteri-menteri, Menteri Besar, Ahli Exco, Wakil Rakyat dan keseluruhannya. Sementara ketua umarak ialah Perdana Menteri. Beliau adalah orang paling berkuasa di negara ini, walaupun kuasanya mempunyai had. Siapa pula ulamak? Ulamak adalah mereka yang

mempunyai pengetahuan agama, walaupun mereka tidak mempunyai pengetahuan profesional lainnya. Daripada lebai kampung hingga ke pemegang jawatan di Pusat Islam, kesemuanya ulamak. Daripada mufti hingga kepada pemimpin-pemimpin PAS, mereka juga adalah ulamak. Akan tetapi siapakah ketua ulamak negara ini? Jawabnya tiada. Ketua Pengarah Pusat Islam (JAKIM) adalah seorang ulamak, tetapi beliau bukan ketua ulamak. Di atasnya ada menteri. Menteri di Jabatan Perdana adalah seorang ulamak. Sebagai menteri, beliau juga adalah umarak. Akan tetapi beliau bukanlah ketua ulamak, jauh sekali ketua umarak. Adakah mufti itu ketua ulamak? Tidak juga. Lebih-lebih di negara ini, mufti-mufti hanya berkuasa di negeri masing-masing.

Jadi jika kita katakan umarak lawan ulamak, ia merupakan pertembungan yang tidak ke mana.

Konteks pemerintahan moden telah mengubah segalanya. Perdana Menteri memerintah dalam sebuah negara demokrasi, atas nama rakyat, bukan Tuhan. Walau pun dengan segala upacara dan slogan keagamaan di sekeliling perlantikannya, tetapi pada hakikatnya beliau menjadi pemerintah di negara ini atas nama rakyat. Inilah sistem demokrasi. Sebab itu perhatiannya adalah untuk membahagiakan rakyat. Agama mungkin menjadi pembimbing dan panduan di samping pengesahihan pemerintahannya, tetapi hakikatnya demokrasi adalah pemerintahan atas nama rakyat.

Perdana Menteri sememangnya bertanggungjawab. Walaupun sebagai individu, beliau mungkin merasakan tugasnya seperti lain-lain manusia yang berkerja untuk mencari rezeki halal sebagai Perdana Menteri, di samping mencari keredhaan Ilahi, seperti mana kerjaya lain. Bagaimanapun tanggungjawabnya dalam sistem demokrasi bukan pada Tuhan tetapi adalah pada rakyat.

Seperti yang sering disuarakan oleh Perdana Menteri bahawa demokrasi bukanlah agama, akan tetapi dia menyebutnya bagi menangkis kritikan yang mempersoalkan kesempurnaan amalan demokrasi di negara ini. Demokrasi bukan agama, seperti mana agama Islam tidak menyentuh soal demokrasi. Sama ada demokrasi adalah selari dengan agama atau tidak, itu tidak menjadi soal. Agama hanya menuntut keadilan dilaksanakan. Sama ada demokrasi itu sistem yang adil atau tidak, ia merupakan suatu persoalan lain, yang lebih pada amalannya. Kalau demokrasi hanya menjadi alat untuk menekan Islam, atau dihujahkan sebagai memperkecilkan Islam, sudah tentu itu merupakan tindakan yang bercanggah dengan agama itu sendiri.

Gagasan demokrasi lahir daripada tamadun Yunani (Greek). Walaupun agama Yunani purba penuh dengan mitos dan khurafat, akan tetapi ia tidak menghalang kelahiran pemikiran demokrasi dan sains yang menjadi tonggak tamadun moden. Agama Yunani sudah pupus. Bagaimanapun, agama itulah yang menyebabkan ia boleh melahirkan demokrasi dan sains (dan sukan olimpik) di bumi Yunani. Agama Yunani bukanlah agama dalam erti kata sebenar. Ia lebih merupakan kisah-kisah dongeng dan tidak ada kitab yang menjadi pegangan. Dalam agama Yunani, dewa-dewa mereka seperti manusia hingga martabat mereka tidaklah dipandang tinggi. Dewa-dewa dan dewi-dewi dianggap mendiami suatu ruang berbeza - iaitu di kayangan.

Maka kalau dewa dan manusia tidak mempunyai perbezaan, maka tidak ada yang suci dalam agama Yunani. Arahan-arahan dewa boleh dipertikaikan, dan malah dewa sendiri boleh dikalahkan manusia. Dewa-dewa dalam agama Yunani adalah seperti suatu masyarakat bangsawan dalam masyarakat Yunani. Maka akhirnya timbul perbahasan dan jalan pemikiran logik yang melahirkan sains dan falsafah.

PEMERINTAH, ULAMAK DAN RAKYAT:  
SIAPA BERHAK PADA KUASA?

Begitu juga terhadap sistem pemerintahan, lahir pula demokrasi. Apabila agama Yunani pupus, pemikirannya seperti falsafah, sains dan demokrasi tidak pupus. Ia sebaliknya mempengaruhi pemikiran Islam.

Debat dengan golongan falsafah ini sering dipercakapkan dalam sejarah Islam. Mazhab Muktazilah yang terpengaruh dengan rasionaliti dan falsafah Yunani pada suatu ketika menjadi mazhab rasmi dunia Islam. Bagaimanapun, kebangkitan Sunnah waljamaah mengalahkan Muktazilah. Hari ini, mazhab ini sudah pupus. Andaikata Muktazilah menang, sejarah Islam mungkin berubah. Dari satu segi dunia Islam di bawah Muktazilah mungkin menemui demokrasi dan sains. Bagaimanapun, mungkin pula di bawah Muktazilah, Islam yang sebenar dipinggirkan seperti terpinggirnya agama Kristian hari ini.

Perang Salib yang bertujuan mempertahankan agama Kristian dan memindahkan penguasaan Baitulmaqdis dari tangan Islam kepada Kristian. Tentera Kristian ketika itu jauh mundur. Apabila bertemu dengan umat Islam, mereka dapati dunia Islam begitu maju, baik dari segi masyarakat, maupun ilmu dan pembangunan. Maka diangutlah buku-buku Arab dari dunia Islam kembali ke Eropah. Maka sarjana-sarjana Kristian mengkaji buku-buku itu, yang di dalamnya dipeerkenalkan pemikiran-pemikiran Yunani. Antaranya ialah demokrasi dan sains. Walaupun kesemuanya masih dalam bentuk tulisan falsafah Socrates, Plato dan Aristotle yang dikupas oleh pemikir-pemikir Islam — Ar-Razi (Averroes), Ibn Sina (Avicenna), malah Al-Ghazali sendiri. Pemikir-pemikir Muktazilah juga mempengaruhi pemikiran Barat.

Mula-mula paderi di gereja hanya menyalin kitab-kitab itu. Kemudian, mereka menterjemahkannya. Barulah akhirnya mereka cuba pelajarinya. Bagaimanapun, yang

penting adalah sikap dan minat mereka terhadap karya-karya Islam meningkat mendadak. Semakin ramai pengimport buku dari dunia Islam. Apabila mereka menemui pemikiran Yunani di dalamnya, minat mereka terhadap budaya Yunani purba meningkat. Minat mereka ini terserlah dalam cara pemikiran Yunani, seperti sains, demokrasi dan seni.

Maka tercetuslah zaman Renaissance di Itali. Nama-nama besar seperti Leonardo da Vinci dan Michelangelo mencorak budaya seni Eropah. Bukan saja seni, tetapi juga sains dan perakaunan yang menggalakkan perdagangan dan kapitalisme. Kesemua ini akhirnya mencabar ketuanan gereja. Dalam sains, Galileo Galilei mencabar tafsiran gereja terhadap alam semesta. Dalam perdagangan, saudagar Yahudi yang aktif memasukkan konsep riba kepada perakaunan telah mewujudkan kelas menengah di Itali, yang akhirnya mencabar raja-raja. Pelambakan barang-barang konsumen juga meruntuhkan pandangan orang Eropah terhadap agama tradisional. Ini pula membawa kepada kelahiran nasionalisme bagi mencabar gereja-gereja.

Nasionalisme mendahului demokrasi dalam memperngaruhi pemikiran orang-orang Eropah. Negara-negara Eropah berpecah-pecah di atas keruntuhan empayar. Empayar Perancis dan Empayar Austro-Hungary tumbang. Digantikan dengan negara-negara yang berpegang kepada nasionalisme.

Selari dengan semangat nasionalisme, negara-negara Eropah menjelajah ke dunia mencari tanah jajahan. Bahagian dunia yang menjadi mangsa penjajahan ialah umat Islam. Satu demi satu kesultanan Islam tumbang di tangan penjajahan Eropah.

Antaranya ialah negeri-negeri Melayu. Di bawah penjajahan, orang-orang Melayu tidak susah, kerana selama ini pun mereka tidak senang dalam erti kata maju. Mereka cu-

kup makan, bertani dan menjadi nelayan. Tidak lebih daripada itu. Kalau lebih, masalah akan datang. Pembesar dan raja akan datang dan merampas apa yang lebih. Masyarakat Melayu ketika itu, walaupun tenang tetapi sebenarnya bobrok. Agama Islam sememangnya bertapak tetapi Islamisasi masih belum sempurna. Islam datang melalui sultan yang antaranya menggunakan untuk menguatkan kedudukan mereka dan sistem feudal. Pemikiran khurafat masih menyelubungi orang Melayu. Tidak ada apa yang hendak dibanggakan dengan tamadun Melayu selain daripada kitab kuning, ukiran kayu silat, tarian lemah gemalai dan seumpamanya. Itupun, di istana dan kezaliman berleluasa. Di istana terdapat mufti dan qadhi tetapi ulamak di kampung-kampung masih mengajar untuk menyempurnakan Islamisasi.

Apabila Inggeris datang, sudah tentu perbezaan antara dinamika tamadun adalah luas. Munsyi Abdullah, propagandis Inggeris nampak perkara ini. Bukanlah dia menyokong sangat Inggeris tetapi perbezaan kemajuan ini cukup menyediakan apabila memikirkan keadaan masa depan bangsa Melayu.

Penjajah Inggeris menentukan struktur pemerintahan negeri-negeri Melayu. Hal ehwal agama dan adat istiadat Melayu diletakkan di bawah kekuasaan Sultan. Yang lain diletakkan di bawah residen Inggeris. Maka bermulalah sistem sekularisme di Tanah Melayu. Untuk memberi perkhidmatan kepada Sultan, ditubuhkan majlis dan pejabat agama. Modelnya adalah sistem pemerintahan di Britain. Anak-anak raja diajak belajar di Britain dan corak cendekiawan Melayu turut berubah. Selama ini golongan inteligensia Melayu terdiri daripada mereka yang berpendidikan agama. Ulamak adalah golongan terpelajar bangsa Melayu.

Penuntut-penuntut agama di negeri Melayu belajar di

Makkah, Madinah dan Kaherah. Selain itu, mereka turut belajar di India dan Hindia Belanda (Indonesia). Sementara inteligensia Hindia Belanda juga belajar di Belanda. Pemikiran nasionalisme dan demokratis yang mantap di Britain dan Belanda mempengaruhi penuntut-penuntut yang belajar di situ. Maka penuntut dari Hindia Belanda pulang dan menuntut kemerdekaan Indonesia. Pemikiran nasionalisme di Indonesia pula dibawa pulang ke negeri-negeri Melayu. Pemikiran nasionalisme, dalam erti kata antipenjajahan juga bertapak di Mesir, yang ketika itu dijajah juga oleh Britain. Sementara Makkah dan Madinah adalah sebahagian daripada Hejaz yang sedang dikukuhkan oleh keluarga Saud untuk dipisahkan daripada empayar Khilafah Uthmaniyyah.

Bagaimanapun, di Britain, sentimen nasionalisme disemaiakan di kalangan penuntut-penuntut yang kebanyakannya akan pulang sebagai guru di Tanah Melayu.

Maka selepas Perang Dunia Kedua, negeri-negeri Melayu sudah bersedia untuk disatukan sebagai sebuah negara nasional Malaya dengan berasaskan pada demokrasi. Malaya dan kemudiannya Malaysia adalah negara nasionalisme dan demokratik, walaupun kurang sempurna. Soal agama seperti juga lambang bulan sabit di bendera adalah hanya warisan budaya bangsa. Undang-undang dan cakap-cakap tentang agama hanyalah pelengkap kehidupan bermasyarakat orang-orang Melayu.

Tidak timbul soal zuhud dan kebijakan umat. Kehidupan Rasulullah s.a.w. dan Khalifah Rasyidin kelihatan terlalu ideal dan jauh daripada masyarakat. Hinggakan ia seolah-olah merupakan mitos dan hanya menjadikan bacaan para idealis yang mengimpikan negara Islam yang adil dan indah.

Sedangkan pemerintahan Khalifah Umar Abdul Aziz, umpamanya adalah benar-benar wujud. Beliau hidup sederhana, dalam berharta, bukan bersederhana dalam

agama. Waraknya kuat dan tidak ada yang kelaparan di Damsyek dan Daulah Islamiyah. Mungkin keadaan ini dirasakan begitu jauh, samar-samar atau hampir tidak logik.

Tetapi itulah Islam. Keadilan dan kebijakan yang bertunjangkan pada akhlak merupakan amalan negara. Bukan soal nasionalisme atau sistem demokrasi, apa yang penting ialah keadilan, kebijakan dan akhlak. Kata-kata ini sememangnya muluk. Tetapi setiap dasar, peraturan, undang-undang yang berasaskan kepada kesedaran keadilan, kebijakan dan akhlak akan ada perbezaannya. Di atas segalanya, manusia hanyalah sebagai makhluk yang patuh pada arahan Allah s.w.t. yang memiliki kuasa mutlak.

Di sini, pertembungan umarak dan ulamak sudah tidak menjadi soal. Umarak mestilah seorang ulamak, dan ulamak mestilah seorang umarak. Menteri Besar Nik Abdul Aziz Nik Mat adalah contoh terbaik, seorang ulamak yang menjadi umarak dan umarak yang menjadi ulamak. Tetapi seorang yang bukan ulamak, yang tentunya boleh menegakkan keadilan, kebijakan dan akhlak tidak perlu bimbang. Kuasa mutlak terus berada pada Allah s.w.t. Mereka boleh menjadi pemimpin. Terpulang pada politik yang merupakan permainan kuasa zaman berzaman.



Ahmad Lutfi bersama Yang Dipertua Persatuan Ulamak Malaysia, Ustaz Ahmad Awang; sanggahan PUM terhadap rasional Mahathir boleh mengundang polemik berpanjangan.

## **APABILA MAHATHIR BERDEPAN DENGAN PEDANG MALAM**

**P**eristiwa ini berlaku pada penghujung tahun 1991. Sebagai seorang pengarang rencana, saya memilih untuk menemubual Mufti Selangor pada jam 10.00 pagi, *appointment* yang ditentukan oleh beliau sendiri.

Sepanjang perjalanan menuju ke Shah Alam, dalam hujan pagi yang teramat lebat dengan kereta yang berjalan tersengguk-sengguk kerana sesak, sesekali mengelakkan takungan air di sana sini, hati saya berdebar-debar, sama ada dapat sampai tepat pada masanya atau tidak.

Dalam kereta, saya benar-benar menyesal dan menyumpah beberapa kali kerana bertolak lewat; sesuatu yang jarang saya lakukan. "Kalau sudah tahu nak hujan, datanglah awal..." , kata jurufoto di sebelah sambil membelek-belekan kameranya.

"Dahlah aircon tak kuat ..." bebelnya lagi.

Saya hanya mampu menepuk dahi beberapa kali dan benar-benar berharap *appointment* itu tidak dibatalkan.

"Minta maaf Dato'. Pagi-pagi pula hujan lebat ..." kataku perlahan kerana terlewat hampir 45 minit sebaik saja sampai.

"Tak apa. Hujan ni rahmat Allah ..." sambutnya perlahan dengan penuh ketenangan. Semasa bersalam dengan raut wajah yang tenang dan jawapan yang mesra, ia menghilangkan terus keraguan saya khuatir dimarahi atau dibatalkan *appointment*.

Itulah watak bekas Mufti Selangor, Dato' Haji Ishak Haji Baharom yang menyebabkan saya tidak akan melupakan beliau sehingga sekarang. Rupa-rupanya saya tidak bersendirian. Sebelum itu, seorang rakan pemberita dari *Utusan Kiblat* juga pernah menulis mengenai watak tokoh ulamak Selangor ini.

Semasa saya membelek majalah tersebut yang keluaran 1991, dia menulis: "Air mukanya yang tenang dan perwatakananya yang lemah lembut membuatkan sesiapa sahaja yang ingin mendekatinya tidak perlu berasa segan atau was-was."

Salah seorang muridnya yang belajar di Madrasah Masriyah, Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Hajah Zubaidah Abu juga memberitahu, semasa mengajar dahulu Dato' Ishak juga seorang yang lemah lembut dan baik. "Kadang-kadang kakak dan beberapa pelajar perempuan lain malu untuk berca-kap dengan beliau kerana khuatir tertinggi suara dan tidak sepadan dengan kelembutannya," katanya ketika ditanya mengenai perwatakan bekas Mufti Selangor semasa mengajar dahulu.

"Dia sememangnya baik dan berhemah tinggi sejak mula mengajar dahulu sehingga menjadi Mufti Selangor. Sikapnya tidak berubah langsung ...."

Seorang pegawai di Pejabat Agama Islam Selangor juga memberitahu hubungan beliau dengan pegawai-pegawai Jabatan Agama adalah harmoni dan baik. Sama dengan tanggapan orang lain, Dato' Ishak adalah seorang yang lemah lembut dan tenang dalam menghadapi apa jua situasi.

"Kita tahu kalau dia benar-benar marah, dia hanya berpaling dengan keadaan muka merah padam. Dia tidak pernah berkata sesuatu yang menyinggung orang lain atau melahirkan kata-kata marah.... "Tapi dia juga bukan kaki berbual jika ada masa-masa yang terluang," tambah pegawai itu lagi.

Pegawai itu berkata, selain daripada hubungan baiknya dengan pegawai-pegawai JAIS, ada juga masa terluang dia sempat berseloroh. "Ada beberapa orang pegawai yang memberikan buah durian kepada beliau dan beliau bersestoroh, terima kasih daun keladi."

"Semasa saya mengendalikan ruangan soal jawab agama bersama beliau, saya sendiri naik segan dan malu. Sudah-lahlah bersopan, dia tidak pernah bertanyakan soal bayaran saguhati tentang artikel yang dihasilkannya itu. Sebab itu, saya sedaya upaya membayar dahulu wang saguhati ini supaya tidak malu ketika menemuinya," kata salah seorang rakan, Fauzi Yunus, yang pernah bertugas sebagai editor akhbar di Taman Tun Dr Ismail, suatu ketika dahulu.

"Dia tidak pernah bertanyakan bayaran walaupun kadang-kadang tertunggak sehingga dua bulan. Tidak seperti sesetengah kolumnis lain, ada kalanya mereka bertanyakan soal honararium setiap bulan walaupun kita tetap membayarnya," katanya lagi.

Fauzi juga mengakui, selain daripada wataknya yang lembut dan bersopan, Dato' Haji Ishak menepati masa melainkan jika ada perkara yang tidak boleh dielakan. "Beliau bukan kaki borak terutamanya perkara yang berkaitan

dengan politik, melainkan aspek agama semata-mata."

Bekas seorang pelajar Universiti Malaya dan anggota Jawatankuasa Pergerakan Pemuda Umno di salah sebuah bahagian di Negeri Selangor satu ketika dahulu pernah memberitahu saya, "silap kalau ada orang mengatakan Dato' Ishak seorang yang berperwatakan garang dan lantang dalam menyampaikan ucapannya."

"Saya pernah menghadiri salah satu program agama yang disampaikannya. Apa yang diucapkannya adalah berkisar kepada kitab yang dibacanya. Walaupun ada beberapa ahli jemaah yang cuba mengemukakan soalan berkaitan dengan isu-isu semasa beliau tidak emosional tetapi terus merujuk kepada Al-Quran dan Hadis.

"Di sinilah saya tertarik untuk menghadiri kuliah yang diberikan kerana ia berkaitan dengan soal asas dalam agama, yang kadangkalanya kita sudah terlalu jauh ertinggal atau terlupa" tambahnya lagi.

Saya cuba mencari bukti. Sama ada melalui pengalaman sendiri atau berkongsi pengalaman rakan-rakan wartawan, juga pertemuan dengan orang-orang di sekeliling, di samping saya cuba mencari di dalam ucapan atau perbuatannya. Saya benar-benar yakin bahawa apa yang diucapkan, dibual dan diperkatakan sehari-harian adalah tepat. Dato' Haji Ishak akan mengotakan apa yang dikatakan.

Saya memetik syarahannya yang disiarkan dalam sebuah majalah, *al-Ehsan* keluaran Januari 1986, iaitu pada tahun pertama Dato' Ishak menjadi Mufti Selangor, sempena majlis Maulidul Rasul peringkat Negeri Selangor di Dewan Jubli Perak, Shah Alam pada 25 November 1985:

"Untuk mempelajari sifat-sifat mulia yang dihayati oleh Rasulullah s.a.w. yang terkenal sebagai seorang manusia yang sempurna akhlaknya, tinggi budi perketinya, bersopan santun orangnya, lemah lembut, pengasih penyayang,

merendah diri, pemalu, pemurah dan sebagainya. Segala sifat yang mulia dan terpuji adalah menjadi pakaian dan perhiasan Rasulullah s.a.w. hingga Allah s.w.t. merakamkan pujian terhadap Rasulullah dalam kitab suci al-Quran yang bermaksud: "Sesungguhnya engkau, ya Muhammad, seorang yang berakhhlak mulia lagi tinggi".

Tetapi pada pagi 22 Oktober 1997 lalu saya mendapat panggilan telefon dari seorang rakan karib yang juga penulis buku politik. Dia memberitahu, "Mufti Selangor dipecat!"

Saya tidak percaya khuatir dia mengada-adakan cerita. Sebelum itu dalam bulan September kakak ipar saya juga memberitahu bahawa anaknya sudah mengesahkan baginda Sultan Selangor mahu beliau terus memegang jawatan Mufti bagi tempoh dua tahun lagi.

Bagaimanapun saya cuba menghubungi beberapa rakan di Jabatan Agama Islam Selangor dan orang perseorangan yang saya kenali. Mereka mengesahkannya tetapi enggan mengulas lanjut.

Saya pernah mendengar khabar, iaitu sekitar bulan Ogos dan September lalu, bahawa kemungkinan suatu tindakan tegas, termasuk langkah pemecatan, yang akan dilakukan terhadap sesetengah ulamak negara ini yang dikatakan "lantang" menentang kerajaan. Oleh kerana khabar itu tidak mempunyai bukti-bukti kukuh saya sifatkan ia hanya khabar-khabar angin. Saya tidak yakin personaliti seperti Dato' Ishak akan menjadi salah seorang mangsa kepada tindakan seumpama itu.

Rupanya saya tersilap dan benar-benar terkejut apabila ada arahan dari "tangan-tangan ajaib" supaya menarik balik kontrak dua tahun Dato' Haji Ishak sebagai Mufti Negeri Selangor. Kontrak beliau yang diperbaharui mulai 16 Ogos 1997 sehingga 15 Ogos 1999 telah ditamatkan tiba-tiba sahaja sehingga penghujung Oktober 1997 ini.

Ini bererti Dato' Haji Ishak hanya sempat bertugas selama dua bulan 15 hari. Tanpa sebarang alasan kukuh, arahan "tangan-tangan ajaib" ini benar-benar mengejutkan bukan sahaja diri ini tetapi juga seluruh masyarakat Islam, terutamanya di Selangor sendiri.

Saya benar-benar yakin "tangan-tangan ajaib" ini bukan dari kalangan pemimpin biasa mahupun peringkat pertengahan sebaliknya datang daripada pemimpin atasan yang benar-benar berkuasa kerana ia begitu berani menafikan perlantikan atas kehendak Sultan sendiri.

Malahan semasa baginda Sultan Selangor hendak memulakan lawatan dua bulan ke luar negara, Mufti atau Ketua Pengarah JAIS tidak dijemput untuk membacakan doa selamat di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz, iaitu amalan tradisi yang biasa dilakukan sebelum Sultan berangkat keluar negara.

Apakah Sultan sendiri takut ia kembali terseret dalam kontroversi dengan pemimpin politik? Baginda tentu menyedari natijah buruk bila berkonfrontasi dengan tokoh utama politik negara. Segala keaiban boleh terbongkar. Ia terbukti dalam kes pelupusan imuniti raja-raja Melayu bilamana keburukan raja terdedah di media utama sebagai langkah meraih simpati rakyat untuk turut membenci raja.

Khabarnya pada peringkat awal, beberapa pihak di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), termasuk para peguam persendirian telah mengadakan pertemuan untuk membincangkan isu pemecatan Mufti hingga timbul ura-ura kemungkinan untuk mengambil tindakan undang-undang.

Malangnya, mereka terpaksa akur dengan peraturan sedia ada dan tidak berupaya untuk membawa kes ini ke mahkamah kerana terdapat satu peruntukan dalam borang perjanjian pegawai-pegawai kontrak (fasal 9) yang menyebut: "Pada bila-bila masa memberhentikan perkhidmatan

pegawai dengan memberi notis secara bertulis seperti yang diperuntukkan dalam judul kepada perjanjian ini atau dengan membayar kepadanya satu bulan gaji sebagai ganti notis."

Ini bererti pihak kerajaan negeri mempunyai hak untuk memberhentikan sesiapa sahaja pegawai kontrak pada bila-bila masa tanpa sebarang alasan. Waduh... begitu mudah sekali! Nampaknya pihak berkuasa, khususnya pemimpin politik, boleh bertindak dan berbuat apa sahaja jika ada kelakuan pegawai kontrak ini yang tidak menyenangkan mereka walaupun tindakan pegawai itu adalah benar.

Menurut seorang kakitangan JAIS, Dato' Haji Ishak telahpun menemui sebahagian kakitangan Jabatan Agama dan meminta mereka supaya semuanya bersabar, sentiasa menjaga adab dan tutur kata. "Saya tidak kisah kerana sudah tiada di sini lagi tetapi saudara-saudara semuanya harus menjaga adab dan tutur kata kerana saudara sekalian masih bertugas di sini ...."

Semasa memberi ulasan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato'

Dr Abdul Hamid Othman memberikan faktor usia yang lanjut, iaitu 70 tahun, sebagai sebab Dato' Ishak tidak dilanjutkan tempoh perkhidmatannya.

Kerajaan mahu memberi peluang kepada mereka yang lebih aktif dan muda

usianya. Ternyata alasan itu sengaja diada-adakan dan berunsur fitnah. Dato' Ishak belum pun mencelah 70 tahun. Lagi pula semakin berumur seseorang, tentunya kematangan semakin bertambah, apatah lagi dalam tugas dan tanggungjawab agama.

Sebagai respons terhadap pemecatan itu, pelajar-pelajar pusat pengajian tinggi khususnya dan mereka yang prihatin dengan perkembangan ini telah menganjurkan solat hajat

sama ada di masjid-masjid, surau maupun tempat kediaman dengan harapan agar "tangan-tangan ajaib" ini berubah fikiran dan diberikan hidayat, di samping Allah s.w.t. melindungi dan memberi kekuatan dan ketabahan kepada Dato' Ishak. Hanya ini sahaja yang termampu dilakukan oleh rakyat biasa yang tidak berkuasa.

Tindakan yang dilakukan itu mengingatkan saya tentang cerita di zaman lampau mengenai *Pedang Malam*.

Pada zaman Abu Hassan bin Bisyar, ada seorang pegawai kerajaan yang zalim. Pada suatu ketika ia sedang duduk istirehat di dalam rumah besarnya di tepi pantai sambil menikmati pelbagai hidangan lazat dan minuman keras. Perilaku pegawai itu menyebabkan Abu Hassan mengumpul pengikut-pengikutnya. Mereka pun berkerumun di depan rumah besar itu dan serentak mengumannangkan ayat-ayat suci al-Quran dengan suara yang tinggi.

Mendengar gemuruh suara mereka yang mengumannangkan al-Quran itu, keluarlah seorang pegawai dari rumah besar itu lalu bertanya: "Mengapa kamu berkumpul di sini. Kamu telah menganggu kami."

Abu Hassan menjawab: "Katakan kepada majikanmu, jangan melakukan kemungkaran atau mencuba melakukannya secara terang-terangan. Kalau dia tidak mahu tunduk kepada permintaan kami ini, kami akan bunuh dia!"

Dengan segera pengawal itu masuk, menyampaikan pesan itu kepada majikannya. Pengawal itu pun berkata: "Bagaimana mungkin mereka dapat membunuhku. Aku dikawal oleh pasukan yang kuat lagi gagah berani. Lagipun tenteraku ramai."

Kata-kata pengawal itu disampaikan pengawalnya kepada jemaah Abu Hassan. Kata pengawal itu: "Bagaimana kamu akan membunuh majikanku. Dia seorang pengawal yang dikawal pasukan yang kuat, berani dan ramai bila-

ngannya."

Abu Hassan menjawab, "kami akan membunuhnya dengan pedang malam."

Pengawal itu bertanya: "Apakah pedang malam itu?"

Abu Hassan menjawab: "Kami akan berdoa kepada Allah dengan mengangkat tangan tinggi-tinggi."

Pengawal itu pun menyampaikan jawapan Abu Hassan kepada majikannya.

Pengawai itu gementar. Dia segera meninggalkan perbuatan mungkar, seraya berkata: "Kalau memang itu senjata yang digunakan untuk membunuhku, tak ada lagi kekuatan yang dapat untuk menangkisnya."

Pengawai itu segera menyedari kesalahannya selama ini dan kembali ke jalan yang benar. Keberanian Abu Hassan menyampaikan kebenaran dan yang hak telah menyebabkan pengawai itu bertaubat.

Itu apa yang berlaku kepada pengawai atau pemimpin yang sedar akan kesalahannya selepas diberi teguran dan nasihat. Bagaimana pula dengan "tangan-tangan ajaib" yang masih belum mahu sedar atau insaf malah semakin rakus menggunakan kekuasaan untuk menindas orang lain?

Khabarnya juga bukan Mufti seorang sahaja yang menjadi mangsa kerakusan pihak tertentu. Sekurang-kurangnya dua pegawai kanan yang lain juga mungkin akan ditukarkan sebagai tanda peringatan bahawa mereka perlu akur dengan kehendak politik golongan atasan.

Difahamkan juga, pada peringkat awal, kerajaan negeri meminta supaya Dato' Ishak sendiri menulis surat notis meletakkan jawatan. Dengan itu pihak atasan merasakan tidak timbul kontroversi berpanjangan kerana Mufti berhenti atas kehendak sendiri, bukan dipecat. Bunyinya, pihak yang meminta Dato' Ishak berhenti secara sukarela ialah Menteri Besar sendiri, Dato' Abu Hassan Omar.

"Pak Abu nak balas jasa-jasa Mahathir yang melantiknya sebagai MB Selangor menggantikan Mat Taib walaupun ketika itu Pak Abu bukanlah tokoh pilihan yang disebut-sebut orang," pandangan seorang yang mengaku rapat dengan Dato' Ishak.

Kes ini mengingatkan kita kepada apa yang berlaku kepada bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas, yang pada mulanya bercadang untuk meletakkan jawatan tanpa perlu dihadapkan ke majlis tribunal. Bagaimanapun, Tun Salleh mengubah pendirian dan kemudiannya bersedia bersemuka dengan sebarang tindakan yang akan dikenakan ke atasnya. Begitulah juga yang berlaku kepada Dato' Ishak Baharom. Beliau tidak bersedia meletakkan jawatan dan akhirnya terpaksa dipecat.

Pemecatan Mufti Selangor pasti dihubungkan dengan kes penahanan oleh pegawai penguatkuasaan JAIS ke atas tiga orang gadis Melayu yang menyertai pertandingan ratu cantik. Yang peliknya, beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang dikuasai oleh kaum wanita, dan seringkali melaungkan perjuangan membela martabat wanita juga turut menentang habis-habisan penahanan tersebut. Malahan, yang lebih ketara, Presiden Umno, Mahathir Mohamad sendiri meluahkan rasa amarahnya terhadap penahanan sehingga hampir keseluruhan ucapannya dalam Perhimpunan Agung Umno 1997 menyentuh soal agama dengan nada yang cukup sinis.

Seperti lazimnya, bila saja Mahathir bersuara maka ramai pulalah yang menyahutnya dan menokok tambah. Terserlah sikap dan prasangka negatif yang selama ini terpendam untuk dihamburkan segala ungkapan negatif ke atas ulamak dan pegawai-pegawai jabatan agama. Walhal, seperti yang dimaklumi, pegawai JAIS hanya bertindak menurut undang-undang yang telahpun diluluskan oleh Dewan Undangan

Negeri Selangor, yang dikuasai mutlak BN dan Umno. Tiada wakil PAS di situ.

Jelas sekali, tanggapan negatif berniat jahat terhadap pakaian menutup aurat tidak dapat disembunyikan lagi. Apatah lagi jika Perdana Menteri sendiri mempunyai tanggapan serong seumpama itu. Maka ia tentulah mudah meresap dalam pemikiran rakyat negara ini, khususnya golongan bukan Islam atau mereka yang dangkal pemahaman agamanya, lebih-lebih pendokong sekularisme.

Seorang kakitangan wanita di sebuah jabatan kerajaan negeri Selangor juga tidak bersetuju dengan tindakan JAIS dalam menangani isu ratu cantik ini. Katanya, ia boleh memberikan gambaran negatif terhadap perkembangan Islam di negara ini.

Beliau memberitahu saya, seorang rakannya, seorang peniaga wanita yang selalu berurusan keluar negara juga terpaksa membuka tudung untuk mendapatkan pasaran di sana.

"Semasa dia berurusniaga dengan ahli perniagaan Itali, mereka begitu curiga dengan wanita yang berpakaian tudung. Mereka menggambarkan wanita yang bertudung dan menutup aurat adalah seorang yang ketinggalan zaman, sentiasa tertinggal di belakang dari kaum lelaki dan fanatik agama. Mereka mengaitkan wanita bertudung ini dengan situasi wanita Islam berbangsa Arab yang lemah dan hanya tahu berdemonstrasi," katanya.

Sememangnya Islam sentiasa dipaparkan oleh Barat sebagai agama yang negatif, tidak bertamadun, kolot, antikemajuan, mundur dan miskin. Sementara umatnya sering dikaitkan dengan pelampau, ekstrim, suka pada perang, gemar pada kekerasan, suka membuat kacau bilau yang tidak mengamankan dunia serta tidak menghormati kebebasan dan hak kemanusiaan. Imej perundangan

Islam di mata Barat sengaja dilihat sebagai kejam, zalim dan tidak berperikemanusiaan. (Tapi apa kurangnya sikap orang Islam sendiri terhadap undang-undang mereka sendiri). Negara-negara Islam tidak pernah terlepas dari dituduh sebagai negara yang gemar menyokong pada keganasan walaupun Amerika itu sendiri adalah pengganas dan pendokong kuat negara haram Israel yang didirikan di atas keganasan.

Ketua Gereja Sedunia, Pope John Paul II dalam ucapannya pada tahun 1986 pernah mengingatkan Barat mengenai bahayanya kebangkitan Islam: "Dunia Barat (Kristian) memerlukan usaha fisikal dan mental yang lebih tinggi bagi menghadapi bahayanya penyebaran Islam."

Setiausaha Agung Persatuan Dakwah Islamiah sedunia atau *The World Islamic Call Society* (WICS), Dr Mohamad Ahmad al-Syarif ketika berucap di pembukaan perhimpunan WICS yang berlangsung di Tripoli, Libya pada Mei 1994, antara lain menyebut: "Umat (dunia) Islam keseluruhannya pada hari ini berhadapan dengan kenyataan-kenyataan baru tentang pandangan Barat terhadap Islam, khususnya selepas kejatuhan Soviet Union."

Pandangan-pandangan yang ditüpkan itu kononnya Islam adalah musuh Kristian dan Barat seluruhnya. Ucapan Duta Amerika di Rome yang berkata Islam adalah tumpuan Barat selepas kehancuran Soviet Union adalah sebesar-besar dalil perseteruan antara Barat dengan Islam serta umatnya.

Dalam sebuah buku, *Islam in modern History* yang dikarang oleh Wilfred Cantwell Smith, antara lainnya menyebut: "... hingga berdirinya Kard Marx dan berdirinya komunisme maka nabi (yang dimaksudkan di sini ialah Islam) merupakan tentangan hakiki satu-satunya dihadapi sejarahnya. Dan sesuatu yang patut diperingatkan, bagaimana adanya tentangan yang hakiki itu dan pada

waktu tertentu ia tetap merupakan ancaman yang sangat berbahaya."

Bagaimanapun apa yang menyedihkan, media massa yang dikuasai oleh orang yang mengaku Islam turut serta berperanan merendahkan martabat agamanya dengan slogan "kebebasan media".

Malahan ada waktunya pengamal media ini bertindak lebih Barat dari media massa Barat sendiri atau lebih sekular dari pendokong sekularisme itu sendiri. Islam ditafsir menurut hawa nafsu dan kejahilan mereka. Mereka mendakwa mereka mengamalkan Islam yang moderat, yang progresif, yang membangun, sementara Islam yang diamalkan oleh pihak lain sebagai Islam yang membawa kemunduran, pecah-belah, pasif dan ketinggalan zaman.

Menteri Agama, Dr Abdul Hamid Othman semakin mengusutkan keadaan apabila beliau mengumumkan pada Oktober 1997 tentang larangan kerajaan tidak membenarkan lagi sebarang orang mengeluarkan fatwa. Apakah beliau merujuk kepada mufti kerana semua orang tahu yang berhak mengeluarkan fatwa hanyalah mufti? Apakah para mufti kita mahu dikongkong fikiran dan pandangan mereka? Khabarnya semua fatwa yang berkait dengan hukum agama hanya akan dikeluarkan menerusi satu saluran iaitu Majlis Fatwa Kebangsaan.

Suka saya memetik pandangan majalah *Massa* (bilangan 109): "Kemudian zaman mutakhir ini ada orang mangaku "ulamak" dan ada "ulamak" yang kurang berpengetahuan agama muncul membuat fatwa mengenai sesuatu hukum agama. Kemunculan mereka menimbulkan keresahan di kalangan para pemimpin "umarak" kita. Ada antara mereka konon berijtihad mengeluarkan fatwa itu dan ini, sedangkan mereka bukan seorang al-hafiz, dan juga bukan seorang ahli hadis. Yang demikian ijtihad mereka sukar untuk diterima.

Kemudian muncul golongan mengaku tokoh agama, mengaku al-hafiz, ahli hadis, tahu mentafsirkan al-Quran, sedangkan mereka tidak tahu sepatah pun bahasa Arab." Kemudian majalah tersebut menambah, "yang aneh sekali ialah ada orang yang mengaku bahawa dirinya sebagai "Imam Mahdi" pun diikuti ajarannya."

Sebenarnya kontroversi yang timbul kini bukannya dimulakan oleh "fatwa-fatwa" songsang orang yang mengaku ulamak, tetapi bilamana umarak yang jahil tentang agama tetapi berlagak "bodoh-sombong" menunjukkan mereka serba tahu segala-galanya dan memandang rendah pandangan orang lain yang lebih pakar daripada mereka dalam bidang-bidang tertentu, termasuk agama.

"Saya mengaku Mahathir lulusan dalam ilmu perubatan, berpengalaman dalam dunia pentadbiran, licik bermain politik, berkeupayaan dalam diplomasi antarabangsa, tetapi dalam soal agama, Mahathir perlu akur dengan ilmu para ulamak. Jangan dalam hal ehwal agama pun Mahathir nak tunjuk pandai sampai mengetepikan hujah-hujah ulamak. Mahathir perlu belajar menghormati ilmu ulamak, termasuk ilmu mufti yang dilantik kerajaannya sendiri," kata seorang pemimpin ulamak yang ditemui.

Untuk rekod, di bawah tindakan JAIS dengan Dato' Ishak sebagai Mufti Selangor yang juga Pengurus dan Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) Negeri, sepanjang tahun 1985-1995 sekurang-kurangnya 40 ajaran yang disyaki menyeleweng dan sesat telah dikesan dan 12 daripadanya telah diputuskan sesat. Manakala baki ajaran tersebut masih diperingkat siasatan. 12 ajaran dan amalan yang didapati sesat termasuklah tarikat Naksabandiyah Kadirun Yahya, ajaran Nordin Putih, tarikat Mufarridiyah, ajaran Haji Ghazai Othman, ajaran Ilmu Hakikat (Jahar Dumin), ajaran Ilmu Tajjali Ahmad Laksamana, ajaran tarikat

Zikrullah Hassan Anak Rimau, ajaran Martabat Tujuh (Hamzah Embi), golongan anti-Hadis, ajaran Kahar Ahmad, Aurad Ismailiah dan Al-Arqam.

Untuk pengetahuan sidang editor *Massa*, sebagai satu contoh di bawah Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam, 1989 (Fatwa tentang ajaran Mohd Nordin Putih) yang disahkan oleh Mufti Negeri Selangor, Dato' Haji Ishak Baharom telah menyebut ajaran ini adalah menyeleweng dan sesat. Antara kesalahan yang dilakukan dalam ajaran Mohamed Nordin bin Puteh adalah: "Mengaku Imam Mahdi dan pemimpin manusia yang dilantik oleh Allah abad yang ke 15."

Satu artikel manarik dalam sebuah majalah *Al-Ehsan* yang diterbitkan pada 1985, ditulis oleh Qadhi Gombak Barat, Ustaz Mahyildin Haji Ibrahim, bertajuk "Peranan Ulama dalam Masyarakat". Antara lain tulisannya menegaskan: "Sebenarnya peranan alim ulamak ini amatlah rumit sekali. Di dalam masyarakat yang masih dalam kejihilan dan kegelapan, ulamak merupakan tenaga penggerak ke arah suatu matlamat perubahan dan semangat pembaharuan. Perkara yang sangat-sangat diperlukan oleh masyarakat sekarang dari ulamak ialah kesanggupan mereka untuk mengembangkan ajaran Islam yang sebenarnya serta kemampuan mereka untuk berani mengatakan yang hak dan batil.

"Dalam melaksanakan tugas amar makruf dan nahi mungkar, tidaklah seharusnya bersikap timbangrasa hinggakan Islam dipandang rendah sebagai akibat sikap ulamak yang demikian, dan besar kemungkinan masyarakat akan menjadi kucar-kacir. Alim ulamak janganlah begitu mudah dapat dikalahkan oleh arus modernisasi zaman kini."

Dalam sebuah buku yang ditulis oleh Haji Munawar Khalil yang bertajuk *Fungsi Ulamak*, antara lain disebutkan:

"Dengan mengingat beberapa riwayat yang telah kami kutip, yang menunjukkan bahawa para ulamak itu pembawa amanah Allah atas makhluknya. Para ulamak itu ahli waris atau yang berhak menerima pusaka para nabi-nabi. Para ulamak itu pembawa amanah para Rasul dan ulamak itu laksana pelita-pelita di muka bumi atau laksana bintang-bintang yang bertaburan di langit. Maka dengan tidak usah rentangpanjangkan lagi, kita umat Islam telah cukup menghormati... Kedudukan para ulamak di dalam masyarakat dan negara, dapatlah dikatakan sebagai pepatah, bila panas tempat berteduh dan bila hujan tempat berlindung."

Dato' Ishak baru berusia 67 tahun (bukan 70 seperti yang didakwa oleh Dr Abdul Hamid Othman). Walaupun kelihatan lemah-lembut dan bersopan tetapi keadaan fizikalnya masih tegap dan cergas. Sepanjang tempoh 10 tahun saya sudah menemui beliau beberapa kali dan beliau sememangnya sihat dan cergas dari segi fizikalnya (kulitnya keputih-putihan, janggut dan misai yang disisir rapi, berkaca mata tebal dan sentiasa berjubah dengan *ballpen* yang tersemat di poket baju).

Beliau masih lagi berupaya mengajar, memberi syarahan, ditemuramah oleh media cetak, menghadiri program di media elektronik dan kuliah di merata tempat. Saya sendiri pernah menghadiri kuliah pagi Ahad beliau di Masjid Al-Hidayah Kampung Pandan Dalam, Kuala Lumpur dan pernah berulang kali melihat papan notis tentang kuliahnya di Masjid Kampung Kuantan, Klang, Masjid Alam Shah di Jalan Pudu, Kuala Lumpur yang menunjukkan tarikh beliau mengadakan kuliah di masjid terbabit.

Saya diberitahu oleh mereka yang sering menghadiri kuliahnya bahawa dia tidak pernah menceritakan kelebihan-kelemahan pentadbiran kerajaan. "Dato' Ishak bukan pemidato, beliau adalah tok guru yang berminat untuk

mengajar kitab-kitab agama," kata salah seorang dari mereka. "Saya rasa dia langsung tidak berminat dengan percaturan politik yang ada. Malangnya dia diasak secara tidak adil oleh orang-orang politik sendiri," tambahnya.

Diberitakan, Dato' Ishak juga tidak pernah menceritakan hal ehwal tentang parti-parti politik, misalnya PAS, sama ada untuk menyokong atau menentang parti itu sejak dari dahulu sehingga sebelum dirinya dipecat. Apa yang saya dengar sendiri daripada kuliah-kuliahnya hanyalah perkara-perkara yang menyentuh soal fiqh, aqidah, dan tafsir al-Quran.

"Dato' Ishak benar-benar bertindak sebagai seorang mufti yang dilantik kerajaan. Tidak lebih dari itu," kata seorang yang selalu mengikuti kuliahnya di Selayang Baru.

"Semasa mengajar kami dahulu pun, dia tidak pernah bercerita mengenai PAS mahupun Umno atau apa sahaja yang berkaitan dengan politik semasa. Apa yang diajar hanyalah berkaitan dengan ilmu-ilmu agama," kata Kak Zu yang pernah menjadi anak muridnya dahulu.

"Sedangkan pada tahun 60-an dahulu keadaan politik agak tegang sehingga berlakunya kejadian rusuhan kaum pada 1969. Walaupun babit-babit ketegangan sudah ada tetapi Dato' tidak pernah menyebut

atau menghasut kami supaya menyokong mana-mana parti," tambahnya lagi.

Apa yang pasti, mereka yang sering melanyak dan mengecamnya tidak pernah mengikuti sebarang kuliah agama yang diterajui Dato' Ishak. Mereka belum pernah bersua muka dan bertanya khabar dengannya. Sepatutnya mereka berusaha mendekatinya, bertukar-tukar pandangan dengannya, sebelum membuat kesimpulan melulu tanpa usul periksa.

"Secara profesional, Dato' Ishak adalah mufti yang tahu bidang kuasanya dan tidak pernah bertindak di luar

daripada itu. Mungkin kerajaan bimbang kerana beliau sering menitik-beratkan soal aqidah dan persoalan berkait dengan keimanan," kata seorang penulis politik.

Sungguhpun Dato' Ishak mengajar perkara yang berkaitan dengan agama, tetapi dia tetap bertegas dengan prinsip yang diyakininya, menurut al-Quran dan Hadis. Dia tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak, hatta berani menegur pemerintah yang melakukan sebarang penyelewengan, apatah lagi jika membabitkan penyelewengan aqidah.

Di dalam majalah *Al-Islam* (keluaran November 1992), dalam satu rencana yang bertajuk "Siapa anak derhaka: Bagaimana mendapat simpati ibu bapa", Dato' Ishak dipetik sebagai berkata: "Pada dasarnya pemerintah wajib ditaati seperti pemerintah atasannya terhadap bawahannya dan pemerintah terhadap rakyat tetapi dengan syarat selagi pemerintah atau arahan tersebut tidak bercanggah dan bertentangan dengan hukum Islam. Begitu juga perintah ibu bapa, sekiranya ada di antara mereka yang menyuruh anak-anak menipu, mendedahkan aurat atau apa sahaja yang bertentangan dengan perintah agama sudah tentu anak-anak tidak perlu mentaati dan memenuhi kehendak atasannya itu. Kalau arahan itu bercanggah dengan kehendak agama, walaupun pemerintah itu datangnya daripada raja, pemerintah atau nabi sekalipun, ia tidak wajib dipatuhi."

Mungkin kerana ketegasannya itu, JAIS berani bertindak dengan menahan tiga anak gadis Melayu yang menyertai pertandingan ratu cantik. Sebagai seorang bapa, saya juga mempunyai tiga orang anak yang semuanya perempuan.

Saya tidak dapat membayangkan jika anak-anak gadis saya mendedahkan auratnya — apa lagi secara keterlaluan seperti peserta ratu cantik — di hadapan khalayak yang bukan muhrim termasuk mereka yang bukan beragama Islam.

Kadang-kadang saya terfikir, bagaimana perasaan ibu bapa yang membenarkan anak-anaknya menyertai pertandingan ratu cantik, berpakaian baju mandi sambil ditonton sehingga "tersembul biji mata" oleh para lelaki yang tersenyum meleret. Ditambah pula dengan ratusan kilauan *flash* kamera yang ada kalanya terbabas mengambil bahagian lain yang lebih sensitif.

Tindakan JAIS ini bukan sahaja perlu disokong oleh umat Islam yang cintakan agamanya tetapi ia sememangnya tidak sesuai langsung dengan budaya masyarakat Melayu di negara ini.

"Jika maruah yang sekecil ini pun orang-orang Islam di negara ini tidak mampu mempertahankan, apakah lagi yang tinggal?" soal seorang rakan yang bertugas di salah sebuah syarikat

swasta di ibu kota. "Perut bumi lebih baik bagi orang yang langsung tidak sensitif dengan apa yang berlaku terhadap maruah bangsa dan agamanya. Mampus lagi baiklah," marahnya begitu sekali.

Semasa berucap di majlis Maulidul Rasul pada tahun 1985, iaitu tahun pertama selepas dilantik Mufti Selangor, Dato' Ishak pernah menegaskan: "Sesungguhnya Allah s.w.t. berkehendak supaya tiap-tiap seorang menuaikan amanahnya, yang telah dipertanggungjawabkan ke atasnya. Sebagaimana firman-Nya yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul dan jangan kamu mengkhianati amanah-amahan kamu, sedangkan kamu mengetahuinya." Dapat difahamkan daripada ayat ini, Allah mengkehendaki supaya tiap-tiap orang menuaikan amanahnya. Allah s.w.t. pernah menawarkan tanggungjawab amanah kepada langit, bumi, gunung-ganang untuk ditunaikan, tetapi makhluk-makhluk itu tidak sanggup manerimanya. Setelah amanah itu ditolak

leh langit, bumi dan gunung-ganang, maka manusia nenerimanya, tetapi kebanyakkan mereka tidak menuaikan amanahnya. Sebagaimana firman Tuhan yang permaksud: "Sesungguhnya Kami telah memberi tanggungjawab kepada langit, bumi dan bukit supaya menuaikan amanah, tetapi semuanya enggan menerima amanah tersebut dan tidak sanggup menunaikannya, lalu amanah tersebut diterima oleh manusia. Bahwasanya manusia itu bersikap zalim dan jahil."

Dato' Haji Ishak merupakan anak kedua daripada 11 adik beradik. Dilahirkan di Kampung Kanchong Darat, Banting, Selangor pada 1930 dengan pendidikan asas di Sekolah Melayu Kanchong Darat, dari darjah satu hingga lima. Kemudian beliau melanjutkan pelajaran ke Madrasah Masriyah Bukit Mertajam selama 10 tahun sehingga mendapat sijil di sana.

Selepas itu dia mengajar di sana selama tiga tahun. Usahanya untuk menimba ilmu tidak terhenti di situ. Beliau masih berminat untuk terus belajar sehingga ke tahap yang lebih tinggi, tidak seperti sesetengah pihak yang mudah berpuas hati dengan ilmu yang ada. Pada tahun 1957 beliau belajar di Universiti Darululum India, di bidang Syariah.

Seorang rakan wartawan pernah bertanya kepadanya, kenapa India yang menjadi pilihannya, tidak ke negara-negara Timur Tengah seperti yang dilakukan oleh sesetengah ulama lainnya. Dato' Haji Ishak memberitahu, di negara lain memerlukan belanja yang tinggi berbanding negara India.

"Adik beradik saya ramai dan keluarga saya sendiri tidak berkemampuan untuk membayai kewangan di sana. Belanja di India murah dan saya lebih selesa untuk melanjutkan pelajaran di negara tersebut," kata Dato' Ishak.

Selepas lima tahun dia belajar di India, Dato' Ishak kembali ke negara ini pada 1962 dan mengajar semula di Madra-

sah Masriyah sehingga 1965.

"Semasa mengajar di sana, pakaianya kemas dengan baju kemeja berlengan panjang dan sentiasa bersongkok," kata Kak Zu. Pada ketika itu, menurut Kak Zu, kelasnya mengandungi lebih kurang 20 orang pelajar.

"Beliau terus berpakaian kemas sehingga apabila menjadi mufti pun keadaannya tidak berubah. Cuma sebagai mufti dia sentiasa memakai jubah dan serban. Kerana itu saya mendapat tahu baginda Sultan amat gemar dengan cara berpakaianya yang kemas dan sejajar dengan kedudukannya sebagai seorang mufti."

Kemudiannya Dato' Ishak pulang ke Selangor, dan mengajar pula di Madrasah An-Awanis Sa'dah di kampungnya. Selepas menjadi guru agama selama 17 tahun, pada 1985 dia dilantik oleh baginda Sultan Selangor sebagai Mufti Negeri Selangor. Dato' Ishak pernah menterjemahkan kitab *Al-Azkar*, karangan Imam Nawawi dari bahasa Arab ke bahasa Melayu dan menulis buku 17 cerita-cerita dari Hadis Nabi.

Beliau mendapat Pingat Jaksa Kebaktian (PJK) pada 1982. Pada tahun 1990, Dato' Ishak memperolehi Pingat Darjah Sultan Salahuddin Abdul Aziz yang membawa gelaran Dato'. Beliau berkahwin dengan Datin Maznah Yusuf yang kemudiannya meninggal dunia dan bernikah semula kira-kira tiga tahun yang lalu. Dato' Ishak mempunyai tiga orang anak, dua perempuan dan seorang lelaki yang semuanya sudah berumahtangga. Nama ketiga-tiga anaknya ialah Shahmun, Ahmad Fuad dan Nawal. Beliau juga sudah mempunyai cucu.

"Anak-anaknya begitu baik dan taat kepada orang tuanya. Bukan sahaja kepada keluarga, bahkan kepada sesiapa sahaja tetamu yang datang yang lebih tua daripada mereka. Mereka begitu hormat orang tua," kata salah seorang

kan karib Allahyarhamah Datin Maznah.

Menurut mereka yang rapat dengan keluarganya, walau-un sudah berumahtangga, ketiga-tiga anak dan menantu masih lagi tinggal bersama dengannya. "Dato' Ishak memangnya mahu anak-anaknya tinggal bersama walaupun ada di antara mereka yang sudah mempunyai rumah sendiri".

Di rumah, anak-anaknya memanggil ayah mereka "walid", erti bapa dalam bahasa Melayu dan antara beberapa jawatan dan tugas penting yang pernah disandang Dato' Ishak termasuklah anggota Majlis Fatwa Kebangsaan, penasihat Sultan mengenai urusan agama, Ahli Jawatankuasa Penyelidikan al-Quran dan Sunnah, Ahli Jawatankuasa Penyemakan Buku-buku Agama Pusat Islam, Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (fatwa) Negeri Selangor dan sebagainya.

Sesungguhnya pemecatan Dato' Ishak sebagai Mufti Selangor adalah suatu tragedi hitam dalam sejarah negara tercinta. Rancangan penerapan nilai-nilai Islam yang dibanggakan kerajaan tidak ada sebarang maknanya lagi. Semuanya adalah palsu dan kosmetik untuk mengelabui mata rakyat.

Dato' Ishak redha dengan pemecatannya itu tetapi pencinta Islam tentu terpukul dengan tragedi ini. Bayangkan, seorang Mufti yang menjalankan kerja-kerjanya dengan baik dan sempurna boleh dipecat dengan begitu mudah. Yang pasti Dato' Ishak telah teraniaya.

Orang tidak mengharapkan supaya Dato' Ishak bertindak balas dalam majlis-majlis kuliah ilmu mahupun ceramahnya kerana peribadi beliau sendiri yang tidak gemar bercerita mengenai "suasana kalut dan karut" tetapi apa yang perlu dilakukan hanyalah menggunakan senjata *pedang malam*.

Apakah segala bala bencana yang menimpa negara bersilih ganti ini ada kaitan dengan penganiayaan yang dilakukan kerajaan terhadap Dato' Ishak? Dr Mahathir tentu marah dengan kenyataan seumpama itu.

"Ahh, peduli apa dengan marah Mahathir kalau marah kita sendiri tidak pernah dipedulikan! Apa ... dia saja boleh marah, kita tak boleh marah kalau ajaran agama ditafsir ikut sedap mulut? Piiraaah!! Aku memang cukup marah sekarang, apa nak jadi jadilah! Aku tak kisah, sama ada ISA, buku dirampas atau apa saja. Sebab kita terlalu banyak sangat bersabar Mahathir sudah naik ke muka," marah teman saya, penulis prolifik buku-buku politik yang condong ke kiri.

Saya tahu bila dia marah sampai begitu sekali, saya hanya perlu diam. Biar dia lepaskan apa yang terbuku di dada. Jangan cuba beri nasihat padanya. Memang, semenjak Mahathir berucap di perhimpunan Umno, September 1997, jiwa teman saya itu nampak sangat tertekan.

"Mahathir sudah cukup keterlaluan menyakitkan hatiku apabila dia persoalkan kewajipan menutup aurat, menuduh orang yang menutup aurat berbuat maksiat tidak kurang daripada mereka yang mendedahkan aurat, menghina sunnah nabi dan memecat Mufti," katanya perlahan. "Cukuplah Mahathir sebagai PM. Cukuplah ... sebelum apa-apa yang lebih buruk berlaku kepada negara ini. Cukuplah!" tambahnya dengan nada yang lebih perlahan.

"Aku tahu kau orang Umno," katanya kepada saya, "hanya orang Umno boleh jatuhkan Mahathir. Tolonglah ...."



Benarkah penyertaan semula Tengku Razaleigh Hamzah ke dalam Umno adalah untuk menyekat peluang Anwar? Mampukah dia berbuat demikian? Soalan yang jarang ditanya, bagaimana pula pemahaman Islam Ku Li sekarang, iaitu selepas beberapa tahun bersama PAS?

***DR HARON DIN: BALA, JEREBU  
EKONOMI, PERANAN ULAMAK,  
MENANGKIS LOGIKA PM,  
HUKUM HUDUD, MIMPI NGERI  
DAN TAHANAN ISA!***

Bagaimana sebenarnya untuk kita menggambarkan suatu bentuk hubungan yang ideal antara ulamak dan umarak. Ada pendapat mengatakan umarak atau pemerintah perlu mendampingi ulamak, meminta nasihat dan menerima teguran ulamak, tetapi ulamak yang baik pula dikatakan tidak sewajarnya sentiasa berdamping dengan pemerintah. Bagaimana Ustaz melihat permasalahan ini?

Sememangnya persoalan yang selalu timbul dalam mana-mana masyarakat Islam ialah hubungan atau kaitan antara ulamak dan umarak. Saya melihat timbulnya persoalan ini, harus didahului oleh asasnya terlebih dahulu,

aitu tertegaknya sebuah pemerintahan, yakni sebuah kerajaan yang diasaskan untuk menuju atau mencapai keredhaan Allah.

Dengan lain perkataan, sebuah kerajaan Islam yang mengamalkan kekhilafahan manusia dan pelaksanaan hukum-hukum Allah. Jika asas ini wujud, maka dengan sendirinya wujud hubungan yang pasti mesra dan intim antara umarak dengan ulamak. Ini kerana umarak pada ketika itu, atas sifat-sifatnya sebagai amir, ketua atau pemerintah, mereka amat memerlukan sumbangan ulamak bagi menerajui ummah kepada kehidupan yang diredhai Allah s.w.t.

Pada waktu itu kita yakin, bahawa umarak yang akan mencari ulamak dan pemerintah tidak ada pilihan untuk mentadbir negara melainkan dengan bantuan yang begitu padu daripada golongan ulamak. Ulamak akan berperanan, seperti yang Nabi sebutkan: "Ulamak itu sebagai lampu suluh yang akan menerangi zamannya." Ertinya, pemerintahan akan kegelapan tanpa ada bimbingan ulamak.

Di situlah saya nampak perlunya pemerintah mencari ulamak. Mungkin pada waktu itu ulamak tidak mudah memberi sokongan atau bantuan kepada pemerintah. Contohnya, pada awal pemerintahan Khalifah Abbasiyyah, Abu Hanifah r.a. seorang ulamak besar telah diminta oleh khalifah untuk menjadi Qadhi Besar. Imam Abu Hanifah telah menolak dan tidak mahu bekerjasama dengan pelawaan khalifah itu. Mengikut analisis sejarah, Abu Hanifah enggan menerima jawatan itu kerana beliau tidak bersetuju dengan dasar pemerintahan pada masa itu, walaupun sebuah kerajaan Islam tetapi setiap khalifah dilantik secara keturunan. Pada pandangan Abu Hanifah, khalifah tidak boleh dilantik menerusi keturunan — ia mesti dibuat secara pemilihan.

Abu Hanifah menentang secara halus dasar pemerintahan khalifah berkenaan tetapi mesejnya sampai dengan jelas apabila beliau menolak tawaran jawatan dalam kerajaan. Jika Abu Hanifah bersetuju memegang jawatan qadi besar beliau terpaksa mengiyakan segala dasar pemerintahan. Keengganannya itu telah menyebabkan khalifah mengurung Abu Hanifah dan dihukum secara fizikal yang berat. Tujuannya untuk memaksa dan memberi tekanan kepadanya agar menerima juga jawatan yang ditawarkan itu. Bagi khalifah, jika Abu Hanifah memegang jawatan itu bermakna beliau akan mendokong dasar-dasar kerajaan. Akhirnya Abu Hanifah dipukul. Seterusnya dibawa keluar berjumpa dengan khalayak ramai untuk menyatakan bahawa khalifah sebenarnya menghargai ulamak. Pemerintah mempergunakan untuk menyatakan kepada rakyat bahawa sesuatu yang tidak betul itu bukan kerana pemerintah tetapi datang daripada ulamak.

Apabila Abu Hanifah dibebaskan dari penjara, khalifah pada ketika itu menawarkan lagi perlantikan secara terbuka kepadanya: "Dengan ini kamu, Abu Hanifah, aku melantik kamu menjadi Qadhi Besar ...."

Secara spontan Abu Hanifah menjawab: "Saya tidak layak memegang jawatan itu..."

Oleh kerana terlalu marah, khalifah membalaik balik jawapan Abu Hanifah: "Kamu bohong! Kamu sebenarnya layak!"

Jawab Abu Hanifah: "Kamu sudah hukum aku sebagai pembohong. Jadi, bolehkah seorang pembohong menjadi qadhi?"

Jawapan Abu Hanifah yang bersahaja itu ternyata memberi pukulan yang hebat kepada khalifah. Akhirnya khalifah terpaksa akur dan menutup majlis dialog itu.

Saya berpendapat, kalau sistem kerajaan itu menuju

epada pendaulatan hukum Islam, maka pemerintah mesti mencari ulamak. Kalau pemerintah yang tidak memerlukan hukum Islam, tidak berhasrat untuk menjadikan Islam sebagai panduan kehidupan, tidak berhajat untuk mendikan agama sebagai pegangan hidup, malah hanya muhandaulatkan undang-undang ciptaan manusia, di waktu tu pemerintah secara logiknya tidak lagi memerlukan ulamak. Ya, untuk apa ... ulamak tak ada kerja. Justeru, mereka lebih memerlukan ahli-ahli pentadbir yang cekap, penasihat-enasihat dalam bidang *Common Law*, ekonomi, teknik dan sebagainya. Ini kerana peranan yang dimainkan oleh mereka itu amat besar jika dibandingkan dengan ulamak. Jadi ulamak, secara bahasa kasarnya, tidak diperlukan oleh pemerintah dalam suasana seperti itu.

Oleh itu, mungkin mereka lah, yakni ulamak yang memerlukan umarak. Iaitu untuk bekerjasama dengan umarak, perlu berbaik-baik, berdamping dengan umarak. Ini kerana, mungkin dengan cara itu, ulamak boleh menasihati bagi perkara-perkara yang memang tidak diperlukan penasihat. Mungkin pada anggapan ulamak, daripada duduk sahaja lebih baik mencari jalan untuk dekat dengan umarak. Sekurang-kurangnya dengan itu nasihat ulamak akan didengar oleh umarak. Ketika itu, bilamana pemerintah tidak menjalankan sebuah kerajaan Islam, iaitu umarak tidak memerlukan ulamak tetapi mungkin ulamak yang memerlukan umarak. Bukan untuk tujuan lain, melainkan untuk memberi nasihat ke arah kebaikan.

Bagi sebuah kerajaan yang tidak melaksanakan Islam, ia banyak menimbulkan masalah. Tetapi tidak pula kerajaan berkenaan menolak sepenuhnya Islam. Islam yang dilaksanakan menurut citarasa pemerintah. Di waktu itu, mungkin ada yang beranggapan, ulamak boleh

menganggu kelincinan usaha kerajaan membangunkan Islam menerusi program-program yang dilancarkannya. Umarak menuduh ulamak membawa tafsiran sempit terhadap pengertian sebenar Islam, misalnya dengan menolak penguasaan ilmu-ilmu keduniaan. Masing-masing, ulamak dan umarak berhujah dan memberikan tafsiran dari apa yang didakwa perspektif Islam.

Apabila disebut tafsiran, memang Islam memberikan ruang tafsiran. Sebab itu dalam al-Quran dan al-Hadis, adanya satu ruang yang dipanggil ijтиhad sehingga ijтиhad itu menjadi salah satu sumber hukum Islam. Al-Quran dan hadis masih perlu kepada tafsiran. Baik, sekarang kita menerima bahawa penafsiran itu dibolehkan. Tetapi, ekoran dari itu, timbul persoalan yang besar: Siapakah yang boleh membuat tafsiran itu? Kalau kita hendak menjawab persoalan itu, kita perlu melihat kepada asas sesuatu tafsiran dibuat. Iaitu sebelum kita mentafsirkan bahawa sesuatu itu memerlukan pentafsiran baru berdasarkan al-Quran dan Hadis, kerana kononnya, ulamak-ulamak dahulu banyak membuat pentafsiran yang salah.

Apabila disebut tafsiran tentang Islam, kita perlu tahu asas yang paling besar, yang Nabi telah menyatakannya dalam hadis, yang maksudnya lebih kurang begini: Sesiapa yang mentafsirkan al-Quran itu semata-mata berdasarkan logik akalnya sahaja, maka kalau betul pun tafsirannya itu, sesungguhnya dia telah salah. Manakala sesiapa yang mentafsirkan al-Quran itu berdasarkan fikirannya, nafsunya, maka dia sesungguhnya telah menempah tempatnya di dalam neraka.

Kedua-dua hadis ini amat relevan untuk membantu kita menghadapi masalah tadi. Maknanya, hukum dan tuntutan Islam yang diambil daripada al-Quran dan hadis mestilah yang dikeluarkan oleh orang-orang yang mempunyai asas-

as ilmu tafsir yang kukuh, misalnya mengetahui bahasa Arab, usul tafsir, ijtimaik tafsir, dan bijak memilih tafsir yang betul. Bagaimanapun, tafsir tidak boleh mengubah hukum yang qat'ie. Kita hanya boleh menerima perubahan dalam perkara-perkara zanni, iaitu yang masih ada ruang untuk kita mengubahnya. Misalnya, kalau al-Quran telah menetapkan hukum qat'ie seperti hukum hudud, bolehkah kita mengubahnya daripada dipukul 100 rotan kepada dikenakan kejutan elektrik atau hukuman bunuh? Atau membuat tafsiran baru dengan mengubah hukum berzina, daripada direjam atau dirotan kepada penjara sahaja, ataupun hukuman pencuri daripada dipotong tangan diubah kepada penjara? Yang sebenarnya, ia tidak boleh diubah sama sekali.

Begitu juga dengan hukum sembahyang, daripada sembahyang lima kali sehari semalam, kita kumpulkan kesemua fardhu sembahyang itu dan menunaikannya pada waktu malam. Hujah kita, kerana pada siangnya kita sibuk dengan pelbagai urusan. Atau kita ubahkan waktu puasa, daripada waktu siang kepada waktu malam. Alasannya, pada siang hari kita berada di zaman yang serba membangun dan memerlukan tenaga yang banyak untuk pembangunan umat. Tentunya juga tidak boleh!

Itu yang dipanggil hukum qat'ie, yang tidak boleh ditafsirkan dengan sebarang perubahan lagi walaupun dengan apa juga alasan. Contoh yang lebih jelas lagi, aurat lelaki dan perempuan yang dalam al-Quran, cuba rujuk surah an-Nur, sememangnya sudah cukup jelas. Semuanya telah diperincikan oleh al-Quran, hadis, ijmak ulamak dan sebagainya. Maka ia tidak lagi boleh diubah.

Apa yang saya maksudkan ialah kesemua tafsiran yang tidak menghormati kaedah-kaedah dan disiplin ilmu tafsir, sehingga sampai ke peringkat membolehkan kita mentafsirkan perkara yang tidak boleh ditafsirkan, mengubah apa

yang telah ditetapkan kita tidak boleh mengubahnya, maka ia adalah tertolak. Kalau kita tidak menepati kaedah ilmu tafsir dan hanya salah di dunia tak apa juga, tetapi amat malang sekali jika kita termasuk dalam pengertian hadis yang kedua iaitu "orang sedemikian telah menempah tempatnya di dalam neraka".

Oleh sebab itu, maka mudahlah kita menjawab apabila timbulnya tafsiran-tafsiran dalam zaman moden ini. Yang manakah boleh memberi maslahat kepada pemerintahan, memberi sumbangan kepada pembangunan, dan yang mana pula boleh menghalang pembangunan? Segala-galanya hendaklah ditafsirkan berdasarkan keperluan itu setelah mengambil kira kaedah-kaedah tadi dan tidak mengubah hukum yang qat'ie. Ertinya, yang berhak membuat tafsiran itu adalah ahlinya yang mahir dan pakar, bukan boleh sebarang orang. Ahli itu hendaklah yang benar-benar memahami kaedah-kaedah tafsir. Kalau tidak mematuhi disiplin tadi, maka hukum yang kita buat itu akan menjadi caca-marba dan akan merosakkan masyarakat umum. Bukan sahaja sekadar merosakkan tafsiran. Tetapi yang paling besar bagi saya ialah, apabila rosaknya tafsiran al-Quran, ia akan membawa kepada rosaknya aqidah. Ini kerana apabila kita boleh mengubah perkara yang Allah katakan tidak boleh ubah, seolah-olahnya kita lebih handal daripada Allah s.w.t. Kalau kita berbuat demikian, kita fahamlah hukumnya. Kalau kita meletakkan bahawa Allah tidak mengetahui adanya zaman membangun mutakhir ini, yang mana hukum-hukum Allah tidak cocok dengan zaman itu, maka maknanya kita telah meletakkan Allah yang kita sembah itu ada kekurangan dan kelemahannya. Ini yang kita bimbang.

Bagi saya, sebenarnya tidak ada pentafsiran yang boleh menganggu pembinaan dan pengembangan sesebuah tamadun. Kalau kita faham apa guna tamadun, seterusnya

ta membina sebuah negara yang bertamadun, maka tidak ambul halangan daripada petunjuk agama. Cuba kita bertanya, apakah matlamat dan tujuan kerajaan membina sebuah negara yang maju? Kalau kita menjawab bahawa semua itu hanya untuk *display*, untuk membangga-bangga diri, atau semata-mata hendak menunjuk-nunjuk kepada masyarakat luar bahawa kita boleh buat apa yang disangka tidak boleh, ia bermakna kita hanya mengkehendaki kemajuan di dunia sahaja.

Kalau kemajuan dunia untuk dunia sahaja, kita takut ebagaimana Allah nyatakan dalam al-Quran, yang mana nafhumnya lebih kurang: Sesiapa yang bekerja keras di alam dunia ini semata-mata untuk mencapai faedah dunia sahaja, iaitu mengharapkan balasan yang segera, kemajuan yang segera, Kami akan memberinya segera tetapi jika ia mati pada ketika itu, Kami tidak boleh memberi apa-apa balasan kepada mereka kerana mereka melakukannya hanya kerana habuan dunia. Sekarang yang ada pada Aku hanya dua sahaja, iaitu yang ada pahala akan masuk syurga, yang tidak ada pahala dan berdosa, Kami terpaksa sumbatkan mereka ke dalam neraka jahanam selama-lamanya.

Kedua, Allah mengulang banyak kali amaran-Nya tetapi mempunyai makna dan penegasan yang sama: Sesiapa yang bekerja keras di dalam dunia tetapi mereka menghendaki daripada kerja keras membina negara ini, mereka hendakkan balasan Allah di akhirat, yakni bekerja hanya kerana Allah, maka Kami akan gandakan kepadanya dua kali ganda kemajuan, di dunia mendapat kesenangan dan di akhirat mendapat syurga. Tetapi, sesiapa yang bekerja keras di dunia ini untuk mendapatkan hasil dunia sahaja, Kami akan berikan kepadanya apa yang ia mahu, tetapi ia tidak mendapat apa-apa habuan di akhirat, yakni tiada syurga di akhirat untuknya.

Kalau kita hendak mentafsirkan agama hanya untuk tujuan keduniaan, atau mentafsirkannya berdasarkan kepada permintaan sesebuah tamadun, yakni mentafsirkan kehendak Islam berdasarkan kepentingan setempat dan kehendak sezaman, tanpa mengambil kira keredhaan Allah, atau dosa dan pahala, kita hanya mengambil bahagian dunia sahaja. Memang orang boleh mentafsirkan al-Quran berdasarkan kehendak dunia dan ia boleh menggunakan kemajuan atas nama agama, tetapi yang silapnya, mereka akan mendapat dunia sahaja tetapi tidak mendapat habuan pahala di akhirat.

Oleh itu, amat penting ditegaskan bahawa apa-apa pun tafsiran mestilah berasaskan keredhaan Allah. Jika seseorang itu hendak mengetahui apakah amalan dan usaha mereka diredhai Allah, mereka perlu merujuk kepada ulamak.

Berhadapan dengan golongan yang menolak hukum Allah secara mutlak mungkin lebih mudah. Tetapi selalunya daleh yang dikemukakan, mereka bukan menolaknya, sebaliknya memilih pendekatan terbaik untuk melaksanakan hukum. Antara alasannya, rakyat yang berbilang kaum dan perlunya ekonomi diperkuatkan terlebih dahulu. Jika melaksanakan Hudud misalnya, kita mungkin ditekan kuasa-kuasa besar. Juga disuarakan agar kita memerlukan lebih banyak masa untuk mendidik dan memahamkan rakyat dengan undang-undang Islam. Bagaimana pandangan Ustaz.

Satu kelebihan yang Allah berikan kepada manusia ini ialah kelebihan-kelebihan untuk berhujah. Kelebihan berhujah ini terlebih dahulu kita melihat pada zaman Nabi Ibrahim dengan Namrud. Apabila Ibrahim a.s. mengajak masyarakat pada ketika itu ke jalan Allah, mengabdikan diri

epada Allah yang Esa, dihujahkan oleh Namrud kepada Ibrahim: "Tuhan yang kamu ajak kami beriman itu, Tuhan ang bagaimana?"

Al-Quran menceritakan semula kepada kita, kata Ibrahim: "Tuhan aku, yang aku menyeru kepada kamu semua upaya mengabdikan diri kepada-Nya ialah Tuhan yang menghidupkan manusia dan mematikan manusia ...."

Soal Namrud lagi: "Kalau itu Tuhannya, apa yang perlu ku buat sekarang?" Namrud kemudiannya memanggil orang-orang yang dipenjarakan. Kata Namrud: "Yang ini aku hidupkan. Dia boleh bebas balik ke rumah. Dan yang ini aku matikan dia." Lalu dipancungnya yang seorang lagi.

Inilah logik yang digunakan untuk menolak kebenaran. Oleh sebab itu Allah berhujah lebih kuat lagi kepada Ibrahim: Tuhan yang aku sembah ini bukan setakat itu tetapi Tuhan yang boleh menaikkan matahari dari timur dan menjatuhkannya sampai ke barat. Jadi, bolehkah kamu juga menaikkan matahari dari barat ditukar jatuh ke timur?"

Tercengang-cengang Namrud pada ketika itu. Dia tidak boleh menjawab lagi dan terpaksa mengaku kalah.

Begitu juga apabila Nabi Ibrahim diberikan ilham untuk membuka hati kaumnya untuk menerima Allah yang Maha Agung itu sebagai tuhan yang sebenar, iaitu dengan cara Nabi Ibrahim telah memecahkan berhala-berhala pada zamannya, kecuali ditinggalkan satu patung yang paling besar. Kapak yang digunakan untuk memecahkan berhala disangkutkan pada bahu berhala yang tidak dipecahkan itu. Keesokannya, apabila penyembah berhala datang, Nabi Ibrahim dituduh melakukan angkara kerja pemecahan berhala itu. Jawab Ibrahim: "Yang melakukan kerja-kerja ini ialah berhala yang besar itu. Ini kerana kapak berada di tangannya. Berhala lain yang pecah menandakan dia yang memecahkannya!"

Penyembah berhala menjawab: "Berhala yang besar ini kalau kamu biarkan, ia tidak akan pecah! Kalau kamu hancurkan, dia akan hancur sama."

Nabi Ibrahim menjawab: "Kalau begitu terbukti dia tidak mempunyai apa-apa kuasa. Tetapi mengapa kamu sembah juga berhala yang tidak berkuasa itu?"

Logik ini sudah lama Allah berikan untuk kita berhadapan dengan situasi seperti ini. Semua orang berhujah tetapi dalam hujahan ini terdapat dua bentuk. Iaitu pertama, hujah mengelak daripada suatu perkara. Dan kedua, hujah yang lemah tetapi boleh dikuatkan. Bagi pihak yang pertama, dia menggunakan hujah, walaupun lemah, untuk mengelak dari melaksanakan sesuatu. Misalnya, kalau seseorang diminta untuk melaungkan azan pada waktu sembahyang, dia kata tidak boleh. Alasannya, kaki sakit. Soalnya, adakah alasannya itu logik? Ertinya, orang seperti itu, jangan dipaksanya. Ini kerana memang dia tidak mahu azan. Mungkin bukan kerana kakinya sakit, tetapi dia tidak tahu melaungkan azan. Jadi alasannya sangat rapuh. Yang jelas, kita tahu sememangnya dia tidak mahu melaungkan azan.

Yang kedua, seseorang tidak mahu melaksanakan sesuatu perkara tetapi cuba merosakkan pemikiran dengan suatu jawapan yang tidak benar dan lemah hujahnya, tetapi kita masih boleh memperbaikinya. Misalnya, seseorang tidak mahu menunaikan sembahyang. Katanya, "sembahyang ini boleh dilambat-lambatkan, kamu buatlah dulu." Maka kita berhujah, "sembahyang itu afodalnya dibuat di awal waktu dan kita buat bersama-sama dengan jamaah, pahalanya banyak." Jelasnya, hujah kita lebih kukuh dan lebih logik daripada hujah orang itu.

Berdasarkan hujah ini, apabila kita menolak hukum Islam dalam konteks kehidupan kita kini, apakah alasan yang sebenarnya? Adakah alasan untuk mengelak ataupun alasan

tu kerana kejahilan? Contohnya, penolakan beberapa hukum tertentu dengan alasan masyarakat Malaysia majmuk sifatnya. Alasan itu mungkin amat logik bagi orang yang tidak mengenal sejarah, dan amat logik bagi orang yang mencari jalan untuk mengelak daripada melaksanakannya. Tetapi bagi orang yang tahu sejarah, jawapan seumpama itu menunjukkan kejahilan mereka.

Kepada mereka ini, kita boleh jelaskan: "Islam yang mula lahir dulu, Allah menciptanya dan dilahirkan dalam masyarakat majmuk. Yathrib ketika itu sebagai bandar kosmopolitan yang didiami oleh bangsa Arab, Yahudi, Nasrani, Barbar, Badwi, Majusi. Semuanya adalah komponen kepada masyarakat majmuk. Orang Arab tidak semuanya Islam dan yang tidak Islam pun ada daripada kalangan orang Arab dan bukan Arab. Namun demikian, Islam lahir di Madinah dalam keadaan *plural society*.

Mengapa Allah berbuat demikian? Ini kerana *nature* Islam itu bukan *nature* "qabali". Ukhuhah atau persaudaraan bukan dikhaskan untuk bangsa Arab atau Melayu sahaja. *Nature* Islam, seperti yang Allah sebutkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. maksudnya: Kami tidak utuskan kamu wahai Muhammad melainkan memberi rahmat ke seluruh alam (rahmat kepada masyarakat majmuk).

Islam yang berpindah dari kota Yathrib ke kota-kota besar dunia seperti Qordova, Cycilia, Kairo, Burkha', dan Samarkand, semuanya hidup dalam masyarakat majmuk. Tetapi masyarakat majmuk yang bukan Islam juga mendapat perlindungan yang sebaik-baiknya daripada pemerintahan Islam.

Jadi, alasan majmuk dengan sendirinya sudah tidak boleh digunakan dan tidak logik kerana *nature* Islam itu untuk kebaikan. Logik yang kedua pula, bercakap fasal undang-undang dan hukum, kita perlu melihat masyarakat Melayu

pada suatu waktu dahulu dalam sejarah. Sejak awal lagi memang sudah majmuk. Datang penjajah Portugis yang pertama, pada 1511, pada zaman itu kemajuan yang pesat di Melaka telah berjaya menguatkuasakan undang-undang Portugis, kemudiannya Belanda, kepada masyarakat Melayu yang majmuk. Dan ia berjaya dilaksanakan. Kemudian datang British, undang-undang British mula diperkenalkan dan berjaya menguasai dan memaksa masyarakat Melayu menurutinya. Datang Jepun, undang-undang British dihapuskan dan dicipta undang-undang Jepun. Semua masyarakat patuh walaupun dalam keadaan majmuk. Kemudian British datang semula, dipaksa masyarakat menerima undang-undangnya dan ia terlaksana.

Maknanya, mana-mana undang-undang yang dide-  
sakkan kepada masyarakat oleh pemerintah, orang ramai tidak boleh menolaknya. Ini hujah berdasarkan sejarah. Ia dirakamkan secara lengkap. Malangnya, apabila negara merdeka selepas British balik ke negara asal pada 1957, kita mengambil semula undang-undang British itu lalu dilaksanakan dan dikuatkuasakan sehingga ke hari ini, iaitu apa yang disebut *Common Law*, dan masyarakat yang sifatnya majmuk itu menerima tanpa sebarang bantahan.

Dari situ saya dapat melihat, dari segi pelaksanaan hukum, ia sebenarnya bergantung kepada kita. Kalau kita hendak melaksanakan hukum Islam, banyak ruang yang boleh kita buat, apatah lagi dalam suasana tampuk pemerintahan Islam, dan majoriti rakyatnya juga Islam. Tidak ada sebab kita menolak undang-undang Islam. Sebagai Muslim kita tentunya dapat memilih antara undang-undang British dan hukum Islam, yang mana lebih baik untuk diterima dan dilaksanakan. Dalam undang-undang British ternyata tiada memberi kepentingan kepada orang Melayu, Cina dan India. Ini kerana undang-undang itu bukan mereka yang punya

manakala undang-undang Islam mewakili sebahagian besar penduduk berbilang bangsa.

Terjawablah persoalan tadi, adakah penolakan hukum Islam berdasarkan hujah logik atau hanya dalih untuk tidak melaksanakannya? Jika dilaksanakan hukum Islam ke atas umat Islam yang menduduki negara Malaysia ini, ia secara logiknya boleh diadakan kerana kita orang Islam. Kalau kita mengatakan zaman tidak sesuai kerana orang lain tidak boleh terima, saya katakan alasan itu sengaja kita buat kerana kita hendak menolaknya. Kalau kita menerima, tentu alasannya lain pula. Hujah yang lebih kukuh, kalau kita Islam, al-Quran dijadikan tatacara hidup, asas perlembagaan negara, tempat rujuk dan menjadi bumbung yang memayungi kita.

Renunglah firman Allah, yang membawa maksud: Demi Tuhanmu, mereka tidak akan tunduk kepadamu, beriman denganmu sehingga kami jatuhkan hukum Allah ke atas mereka. Selepas kamu melaksanakan hukum Allah ke atas mereka nescaya kamu akan terperanjat melihat mereka tidak mempunyai sebarang resah gelisah, tiada keberatan menerima dan menyerah diri dengan sebenar-benar menyerah.

Jadi... tidak timbul alasan penolakan hukum Islam kerana kita semua kepunyaan Allah. Kalau kita telah menjadi hamba Allah, biasanya hamba tidak akan menolak perintah tuannya. Melainkan kalau kita bukan menjadi hamba kepada-Nya, kita akan menolak hukum-Nya.

Ada pihak berhujah, jika kita melaksanakan hukum Islam sepenuhnya, Barat dan kuasa-kuasa besar pasti akan menekan kita, yang sudahpun sedia lemah ini. Misalnya, mereka menghalakan setiap penentangan, sabotaj, pemulauan ekonomi dan seumpamanya. Akhirnya, kestabilan negara terjejas dan suasana menjadi kacau-bilau.

Asas bagi jawapan ini ialah kita melihat dalam petunjuk al-Quran. Allah menyebut, yang maksudnya lebih kurang: Wahai Muhammad nescaya kamu akan mendapati orang yang paling hebat permusuhan dengan kamu, yang besar sekali iaitu Yahudi, kemudian orang-orang yang mensyirikkan Allah iaitu Kristian. Ini kerana mereka telah bertuhankan triniti, atau syirik yang lain iaitu orang-orang kafir.

Dari mula lagi Allah telah menjelaskan bahawa golongan ini akan bermusuhan dan menentang umat Islam. Dalam ayat lain, Allah menyebut yang maknanya sama: Nescaya kamu akan mendapati orang yang paling berkehendakkan sangat untuk merosak dan mengubah kamu daripada agama kamu ini ialah golongan ahli kitab.

Nabi juga pernah menyebut, bahwasanya musuh Allah itu tidak henti-benti melakukan apa sahaja sehingga kamu terpesong daripada agamamu. Maknanya, kita telah diberitahu sedari awal, memang mereka memusuhi kita buat selama-lamanya. Apabila disebut musuh, maknanya, kamu buat apa pun, musuh kamu tidak akan bersetuju. Kamu beragama pun dia tidak setuju, kamu miskin diperli, kamu kaya pun dikacau, kamu berkuasa pun dia bergaduh.

Orang yang bermusuhan ini, sebagai contoh, katalah jiran sebelah kita menjadi musuh kita, moga-moga dijauhkan Allah. Dia pakai baju, kita kata tak elok. Dia beli kereta, kita katakan dia berhutang. Dia ke luar, rumah dikatanya mengorat orang. Maksudnya, semua dipandang dari sudut yang negatif sahaja. Kalau orang itu memakai minyak wangi, dikatakan macam bau kentut.

Dia pakai baju kuning, dikatakan macam sami, pakai kasut macam Charlie Chaplin. Pendek kata, semuanya tidak kena. Tetapi kalau orang itu kawan baik kita atau kekasih kita, kentut dia pun dikatakan berbau minyak wangi.

Balik persoalan asal, kalau dikatakan perlaksanaan

hukum Islam akan menyebabkan orang Barat memusuhi kita, soalnya, apakah dengan tidak melaksanakan hukum Islam sekarang ini Barat akan berbaik dengan kita? Cuba fikirkan! Adakah sekarang ini, yang kita pernah sebutkan bahawa Barat dengki dengan kemajuan kita, *wallahu alam*, Barat tidak senang dengan kebangkitan kita ...

Maknanya, kalau keadaan sekarang (yang tidak melaksanakan Islam), yang kita buat hanya atas nama kemajuan dunia, Barat masih memusuhi kita, memotong bantuan kita, menjatuhkan nilai duit kita, mengapa? Kalau dalam keadaan seperti ini mereka sudah memusuhi kita, maka apa rasionalnya alasan bahawa jika kita melaksanakan Islam, baru Barat akan memusuhi kita? Memang pun mereka bermusuh dengan kita. Tetapi biarlah mereka memusuhi kita atas nama Islam. Kalau kita melaksanakan Islam pada waktu itu, kita mempertahankannya, dan jika kita mati, kita mati dalam keadaan syahid dan mati dalam perjuangan. Jadi alasan apabila kita melaksanakan hukum Islam maka Barat tidak senang kepada kita, ia adalah hujah yang tidak betul!

Keduanya, kita mempunyai hujah daripada al-Quran yang cukup padu. Sewaktu Nabi dalam keadaan cukup lemah di Makkah, bersama pula dengan para pengikut yang tidak mempunyai kekuatan fizikal, termasuk golongan hamba. Sedangkan, menurut logiknya, Nabi amat memerlukan siasah dan polisi berlembut. Rasionalnya, Nabi harus mencari maslahat untuk mereka yang ditindas dan sepututnya Nabi terpaksa mengikut arus supaya kedudukan baginda dan para sahabat lain tidak terus lemah. Bagaimana-pun, datang al-Quran yang menyongsong arus, maksudnya lebih kurang: Kamu laksanakan (wahai Muhammad) apa yang Aku perintahkan. Jangan pedulikan penentangan musyrikin. Kalau kamu tolong Allah, Allah akan tolong kamu. Allah akan menegakkan dan mengukuhkan pendirian

kamu.

Oleh sebab itu, Nabi Muhammad telah melaksanakan perintah itu dengan penuh yakin walaupun pada mulanya ia menyongsong arus, dengan musuh yang ramai di keliling pinggang. Secara logik, ia tidak mungkin dilaksanakan tetapi Nabi berjaya membuktikan kemampuannya kerana berpegang kepada perintah Allah. Sesungguhnya Allah telah memberikan pembelaan kepada mereka dan seterusnya ramai yang beriman kepada Allah.

Contoh-contoh ini jarang diambil kira tetapi saya akan mengambil kira. Apabila kita melaksanakan hukum Islam, sememangnya musuh tidak suka. Persoalan sama ada ia boleh atau tidak boleh buat, ia berbalik pada iman seseorang.

Kalau iman kita rapuh memang kita tidak berani dan terus mengikut Barat kerana menganggap Barat akan menyokongnya. Apabila iman kita kukuh, ambil contoh ini: Allah telah memberitahu Nabi Muhammad s.a.w. bahawa sudah sampai masanya Nabi perlu berhijrah. Tetapi pada malam itu rumah Nabi telah dikepung oleh kaum Musyrikin Makkah. Kepungan itu bermaksud untuk membunuh Nabi.

Seterusnya turun ayat al-Quran, yang bermaksud: Orang musyrikin telah berpaktat, wahai Muhammad, dengan membuat tipu helah ke atas kamu. Mereka bercadang pada mulanya mereka mahu menambat kamu, membunuh kamu, mengeluarkan kamu dari tanah air kamu. Mereka membuat helah yang cukup buruk iaitu mengumpulkan dua orang daripada tiap-tiap kabilah untuk menikam kamu. Tapi Allah mengingatkan: Kamilah yang akan mengatur helah kepada mereka dengan lebih berat lagi.

Maknanya, walaupun Nabi Muhammad mahu melaksanakan hukum Allah, ketika itu baginda dikehendaki berpindah. Berpindah dalam keadaan Musyrikin Makkah begitu padat berkumpul di luar rumah Nabi. Tetapi Nabi Muham-

mad sudah bertekad, baginda melaksanakannya kerana Allah, jadi Allahlah yang mengatur bahawa tiada risiko yang mendaratang. Nabi pun keluar rumah — melaksanakan hukum Allah iaitu berhijrah dalam waktu yang kritikal. Allah telah memberi jaminan bahawa Ia tidak akan membiarkan hamba-Nya terkapai-kapai seorang diri dalam melaksanakan perintah-Nya.

Firman Allah lagi, yang maksudnya lebih kurang: Kami menggunakan tentera-tentera Kami yang halus lalu Kami tidurkan mereka... Maka keluarlah Nabi Muhammad dengan selamatnya. Ertinya, kalau kita yakin Allah Maha Kuasa — Dia boleh membela dan menolong kita, dalam apa keadaan sekalipun.

Tetapi perjalanan Nabi belum tamat. Nabi berselindung sebentar di Gua Thur. Sampai di Gua Thur, musuh-musuhnya berjaya menjekainya. Logiknya, Nabi tidak boleh melaksanakan perintah Allah kerana dihalang oleh musuhnya yang ramai. Iaitu lebih kurang 40 orang lengkap dengan bersenjata sedangkan Nabi tidak membawa senjata dan sahabatnya cuma seorang iaitu Abu Bakar yang sanggup menemaninya. Logiknya, Nabi tidak mampu melaksanakan hukum Islam dan menyerahkan segalanya kepada takdir.

Ternyata, dalam hal itu musuh yang sampai ke pintu gua itu tidak berjaya memasuki pintu itu kerana dihalang oleh tentera Allah iaitu seekor labah-labah dengan sarangnya yang menutupi keseluruhan pintu masuk gua itu. Secara logik, apabila musuh Nabi terpandang sarang itu terlintas di hati mereka, kalau Nabi Muhammad masuk, pasti akan pecah sarang ini. Akhirnya mereka gagal hendak membunuh Nabi dan terselamatlah Nabi Muhammad.

Inilah jawapannya sebenarnya! Hatta dalam keadaan bagaimana sekalipun, Allah tetap mampu mempertahankan orang-orang yang melaksanakan hukum Allah. Dari segi

akal, bahaya-bahaya yang ditempuh Nabi itu tidak akan selamat tetapi Allah boleh menyelamatkannya. Dalam konteks sekarang, kalau kita melaksanakan hukum Islam, adakah seratus peratus pasti musuh-musuh Islam akan menentang kita?

Bagi saya, ia belum pasti berlaku. Sebaliknya tidak mustahil jika mereka mahu mencontohi kita dengan mencari alternatif baru dalam dunia yang serba gawat ini. Dalam bidang ekonomi misalnya, mereka sudah meniru kita setelah kita melaksanakan ekonomi cara Islam iaitu sistem perbankan tanpa riba. Didapati negara-negara Barat sudah mencontohnya seperti di Zurich, Eropah dan Amerika Syarikat. Demikian juga dalam soal kita mengadakan undang-undang jenayah; dunia sebenarnya "tidaklah gagal sepenuhnya tetapi tidak pula berjaya". Perkembangan jenayah yang semakin hari semakin hebat. Kadar jenayah di Amerika Syarikat misalnya adalah sebanyak satu jenayah setiap lapan saat.

Di Malaysia pula jumlah penghisap dadah, jenayah mencuri, membuang anak semakin terus bertambah. Pertambahan ini sudah tentu akan membebankan dua pihak, iaitu kerajaan dan masyarakat. Kerajaan terpaksa menampung kos yang tinggi untuk menyediakan pusat Serenti dan perbelanjaan untuk rawatan penagih. Di dalam penjara Malaysia, tidak ada ruang untuk menampungnya dan keadaan ini semakin berlarutan dari semasa ke semasa. Ia sudah menjadi lumrah. Ertinya kita sedang menghadapi penyakit sosial yang cukup berat dan ia juga menunjukkan undang-undang ciptaan manusia telah gagal untuk menanganinya.

Ertinya, apabila penyakit masyarakat berlaku, ubat diberi, penjara, sebatan rotan, pusat Serenti, buang daerah... semuanya sudah tidak mujarab. Orang yang sama mengulangi semula kesalahannya. Yang baru pula semakin datang.

Ubat diberi tetapi penyakit bertambah dan kita terpaksa mengeluarkan peruntukan lebih banyak. Tetapi mengapa undang-undang yang percuma ini — hukum Islam — tidak dilaksanakan? Mana tahu undang-undang yang percuma ini boleh menyembuhkan penyakit masyarakat atau berjaya mengurangkannya. Jadi mengapa kita tidak cuba melaksanakannya? Mungkin bagi sesetengah orang, mereka berkata ia mungkin dapat menyembuhkan penyakit. Tetapi yang beriman, ia yakin ubat ini pasti akan menyembuhkannya. Bukan dia yang kata tetapi al-Quran yang kata. Misalnya untuk mengubati jenayah, al-Quran menyatakan: Penjenayah-penjenayah yang mencuri daripada lelaki atau perempuan, jika sabit tanpa sebarang keraguan, potonglah tangan mereka sebagai balasan yang paling setimpal atas perbuatan mereka. Allah berjanji akan mencegahkan orang itu dan orang lain daripada melakukannya lagi.

Ayat pendek ini memberi suatu jaminan bahawa jika hukum jenayah cara Islam itu dibuat kerana Allah, Allah akan membantu menyelesaikan masalah manusia dengan cara memusingkan hati, fikiran, kehendak orang lain agar jangan melakukan perkara itu. Jadi, jika Allah berjanji demikian, ia bukan seperti janji politik, Dia mampu menuai kannya kerana Dia kaya dan cukup segala-galanya. Dan apabila berjanji tidak ada sebab Allah tidak boleh menuai kannya. Saya yakin pasti Allah akan menuai kannya.

Maknanya, dengan sistem ini kita boleh mengubah keadaan daripada sebuah negara yang hiruk-pikuk dengan jenayah kepada kadar jenayah yang semakin berkurangan. Kalau kita berubah kepada sistem Islam, lihat pada hasilnya, ia sememangnya hebat. Apabila terbukti sedemikian rupa, terpulanglah kepada musuh kita, sama ada mereka mahu menerima atau tidak. Yang penting kita telah memberi sumbangaan kepada dunia moden ini, pada suatu sistem baru

yang dilihat sebagai sistem yang cukup efektif untuk melaksanakan kehendak kehidupan yang lebih baik.

Masalah besar yang kita hadapi kini ialah tanggapan berbeza, bukan sahaja dari sudut dan perspektif berbeza, tetapi berasaskan prinsip dan falsafah yang juga jauh berbeza. Maknanya, ia terlalu sukar untuk disatukan. Bagaimana pula dengan pandangan yang mengaitkan apa yang berlaku di negara kita akhir-akhir ini, misalnya, jerebu, juga kegawatan ekonomi negara sebagai bala Allah. Apa pula komen Ustaz tentang hukum logik yang mahu dipakai dalam semua keadaan termasuk ketika membahaskan soal hukum yang ditetapkan Ilahi, sedangkan Allah memberi jaminan, "*nakalan minaAllah*" jika kita melaksanakan tuntutan Allah, segala kemungkaran akan tertolak dengan sendirinya, jenayah akan berkurangan.

Saya setuju tentang tanggapan semua isu itu berbeza. Perbezaan ini kerana ilmu. Kalau ilmu yang setara dan hujah ilmu yang sama, kita pasti tidak boleh berbeza sebab sumbernya sama. Kalau ilmu tidak setara dan hujah yang tidak sama, tanggapan kita akan berbeza. Kalau punca ilmu kita berdasarkan al-Quran, kita tidak ada pilihan lain melainkan menerima al-Quran sebagai kata pemutus. Tetapi kalau al-Quran tidak dijadikan sumber ilmu, tetapi hanya mengambil sumber logikal semata-mata, dengan mengatakan ia hanyalah fenomena biasa alam ataupun sains telahpun menyediakan jawapannya, maka tanggapan kita juga berbeza.

Kalau kita berbeza pendapat tetapi tetap mengaku memegang sumber yang sama, ertiinya kita tidak dapat memahami kehendak dan tuntutan sumber tadi, ataupun sengaja hendak menyembunyikan apa yang disebut dalam sumber. Oleh sebab itu timbul masalah yang saudara

sebutkan tadi, "*nakalan minaAllah*" sebagai jaminan Quran. Kalau kita tidak menerima itu, yang Allah telah janjikan, bermakna kita menolak al-Quran. Menolak al-Quran ini — kita tidak payahlah cakap fasal hukum, nanti timbul isu baru — cukup walaupun apabila kita menolak satu ayat.

Jadi "*nakalan minaAllah*" ini adalah janji yang telah Allah buktikan benar. Misalnya, kita melihat dalam pemerintahan Nabi dahulu. Walaupun sebelumnya banyak berlaku kes jenayah tetapi sesudah dilaksanakan hukum Islam kepada masyarakat majmuk itu, maka jenayah hampir pupus. Kalau kita membaca sejarah zaman Rasulullah, tidak sampai dua kes zina, mencuri, merompak, dan bunuh yang dihukum dalam jangka masa sepuluh tahun. Hatta zaman Khalifah Abu Bakar dan Umar kita tidak pernah mendengar berlaku keadaan kes jenayah yang banyak, sehingga pada zaman Khalifah Hisyam bin Abdul Malik apabila "hukum Islam direhatkan". Khalifah sekadar hendak menguji dan didapati kadar jenayah pada zaman pemerintahannya meningkat berganda-ganda. Khalifah menyedari semula dan didesak agar dilaksanakan semula undang-undang Islam. Akhirnya dia berjaya menghapuskan jenayah kerana yakin dengan undang-undang ciptaan Allah.

Berbalik kepada persoalan seterusnya yang saudara bangkitkan. Apabila timbul isu bala bencana bermula dengan tumbangnya bangunan Highland Towers, jerebu melanda, pemecatan mufti, kejatuhan mata wang ringgit, pasaran saham jatuh... saya ada terbaca arahan yang dikeluarkan oleh pihak tertentu bahawa mana-mana orang yang menafsirkan ini sebagai bala, satu tindakan akan diambil. Tetapi izinkan saya memberi pandangan sebagai seorang ahli akademik. Saya melihat begini, kalau dirujuk istilah-istilah dalam al-Quran, Allah menggunakan banyak perkataan tetapi makna yang sama. Allah menggunakan istilah-istilah seperti

kemudharatan, azab, bala, musibah dan seumpamanya. Misalnya, maksud beberapa ayat suci al-Quran, yang pengertiannya lebih kurang begini:

1. "Kalau Kami kasihan kepada mereka dan Kami mengambil balik "kemudharatan" yang telah kami timpakan kepada mereka."
2. "Dan Kami turunkan "azab" kepada mereka tetapi mereka tidak peduli."
3. "Kami akan bukakan pintu "azab" yang akan keluar daripadanya "azab" yang bersangatan."
4. "Yang buruk ini, diturunkan "bala" yang amat azab kepada mereka."
5. "Apa sahaja "musibah" yang dikenakan ke atas mereka, angkara perbuatan tangan manusia."
6. "Berlaku kerosakan di laut dan di muka bumi adalah angkara perbuatan tangan manusia, supaya sebahagian mereka akan dapat merasakan "azab" yang Kami turunkan ini, semoga mereka akan kembali semula kepada Kami.

Kesemua ayat ini mempunyai satu makna iaitu "bala". Bala bermaksud, apa sahaja yang dikenakan ke atas manusia daripada kejahanan yang dia tidak mengaku. Musibah pula bermaksud apa yang terkena kepada manusia daripada azab. Contohnya dalam al-Quran, apabila tukang nujum memberitahu Firaun bahawa akan lahir dari perut ibu-ibu Bani Israel ini seorang anak lelaki yang akan menggugat kuasa Firaun. Atas pandangan itu, Firaun telah mengeluarkan perintah semua perempuan Bani Israel yang mengandung diekori. Kalau lahir anak perempuan maka ia dibiarkan, tetapi kalau anak lelaki akan dibunuh. Perhatikan maksud firman Allah, yang pengertiannya lebih kurang:

Firaun telah membunuh anak lelaki kamu. Dengan itu malulah kamu dan isteri-isteri dan anak perempuan kamu

kerana tidak boleh membela anak sendiri daripada dibunuh. Kejadian itu merupakan satu bala yang cukup besar daripada Tuhan kamu.

Firaun percaya kepada logik adanya bala yang menimpa dirinya, lalu dikerahkan tenteranya untuk membunuh setiap anak lelaki. Mengapa Allah menyatakan kejadian bunuh anak itu sebagai bala yang cukup besar Allah turunkan kepada kamu?

Sedangkan musibah atau bala pada zaman Nabi dikehendaki kita berikhtiar terhindar daripada bala yang besar dengan cara bersembahyang dan membaca doa. Pada zaman Nabi, apabila musuh menyerang umat Islam, Nabi sembahyang hajat. Ertinya itu bala. Mengapa dikatakan bala? Ini kerana musuh datang untuk menyerang, yang mana ia mungkin boleh menyebabkan kematian, hilang harta benda dan sebagainya.

Pernah juga berlaku penyakit cirit birit atau taun. Ia juga merupakan bala yang disebabkan oleh pencemaran makanan kuman. Pernah berlaku kemarau pada zaman nabi. Jadi nabi mengesyorkan kita agar berdoa untuk menolak bala. Maknanya penyakit seperti Coxsackie serupa juga seperti taun, HIV, Aids yang dianggap bala kerana ia boleh membunuh manusia.

Allah berfirman, maksudnya: Kami akan menimpakan bala ke atas kamu. Walaupun makna asal bala ialah ujian tetapi apabila kita diuji dengan berat, ia dinamakan bala. Kalau ia ringan, dinamakan ujian atau percubaan.

Firman Allah, maksudnya: Kami akan menguji dengan sedikit sahaja mereka sudah ketakutan. Diuji sedikit dengan kelaparan, dikurangkan sedikit harta, dikurangkan hasil tanaman dan kematian anak. Kalau ujian yang sedikit ini disebut "Allah mencuba". Tetapi kalau kamu diberi ujian yang besar, seperti kalau takut bertambah takut, kalau rugi

betul-betul rugi, kematian yang besar, sawah dipukul ribut taufan, kata Nabi, berilah khabar gembira kepada orang yang bersabar, iaitu bersabar di atas ujian yang besar itu.

Firman Allah, maksudnya: Orang yang diberikan kepadanya musibah, orang inilah yang segera kembali; kita semua milik Allah dan segeralah kembali kepada Allah. Ayat tadi ada dua kategori: Kalau musibah ketakutan, kelaparan, kekurangan harta yang sedikit, ia bukan bala, tetapi dipanggil ujian. Kalau ujian yang besar, kita dikehendaki bersabar, yang dipanggil musibah. Jika ditimpa musibah kembalilah kepada Allah — kita diberi peluang untuk kembali menyedari kesalahan, mengadu kepada Allah, bertaubat dan mengamalkan ajarannya, juga menyedarkan orang ramai bahawa ia merupakan bala dan diminta berdoa untuk menjauhkan bala itu.

Bala itu bukannya sesuatu yang negatif seperti yang ramai orang faham. Bala bagi Allah adalah sesuatu yang positif. Diibaratkan kereta yang sedang bergerak laju tiba-tiba kita tekan brek. Kalau tidak sempat tekan brek mungkin menyebabkan kereta kita terhumban ke dalam gaung. Tetapi kalau kita sempat tekan brek, kereta kita akan rosak sedikit dan mungkin kita akan terselamat walaupun terlanggar pokok. Ia juga sebenarnya bala atau bencana tetapi membawa kesan positif. Allah memberi bencana yang sedikit, dalam kes ini kereta rosak, untuk menyelamatkan kita. Kalau Allah biarkan kereta itu jatuh ke dalam gaung dan semuanya musnah... Apabila disebut bencana, Allah menghendaki daripadanya suatu kebaikan. Firman Allah, maksudnya: "Adakah kejahatan yang Allah kehendaki daripada berlakunya kejadian ini ataupun menghendaki mereka diberi petunjuk."

Kalau kerugian itu kecil, mungkin ia bukan bala tetapi hanya ujian. Misalnya kalau rugi berjuta-juta ringgit, ia

dianggap bala. Tapi mungkin bagi sesetengah orang, jumlah ini dianggap kecil dan mungkin baginya bukan bala, ia hanya ujian kecil. Tetapi kalau ia berasa kerugian itu besar, ia adalah musibah. Apabila dikatakan musibah ia adalah bala. Apabila ditimpak bala, kita diminta bersabar. Tetapi bersabar pula ada tempat-tempatnya. Takkan kalau kita hilang 10 sen, kita diminta bersabar?

Bagaimanapun, suka saya ingatkan tentang penyalahgunaan istilah "bersabar" ini. Mungkin ramai antara kita yang sering mendengarnya. Misalnya, sedang stesen TV menayangkan filem atau rancangan yang menarik, tiba-tiba program TV itu dihentikan seketika. Penonton kemudiannya diminta "bersabar" untuk memberi laluan kepada azan Maghrib atau Isyak. Mungkin juruhebah atau pengacara TV itu tidak berniat hendak menghina seruan azan, tetapi dengan menggunakan perkataan "harap bersabar", seolah-olah laluan azan itu satu bala kerana ia mengendalakan sebuah rancangan yang menyeronokkan.

Itu satu contoh yang nyata bagaimana "bersabar" tidak digunakan pada tempatnya. Sepatutnya istilah "bersabar" itu digunakan apabila kita menghadapi musibah atau bala. Contohnya, kalau kematian anak, tentulah kita diminta bersabar. Ini tidak, apabila masuknya waktu solat dan azan dikumandangkan, mengapa kita perlu minta penonton "bersabar"? Sedangkan azan adalah seruan kepada kebaikan. Saya harap perkara ini dapat diperbetulkan segera.

Musibah, apabila tiba pada satu peringkat, kita dikehendaki balik semula kepada Allah. Renunglah peringatan Allah yang membawa maksud: Apa sahaja musibah yang terkena ke atas kamu, itu adalah angkara perbuatan dosa kamu.

Bagaimanapun, Allah telah membuka pintu kemaafan seluas-luasnya sehingga ke peringkat "tiada maaf ba-

gimu" iaitu di mana pintu taubat telah ditutup. Namun ada pandangan yang mengatakan ini semua bukan bala. Hujah mereka bala hanya diturunkan Allah kepada umat sebelum umat Nabi Muhammad. Apa yang berlaku sekarang, iaitu sesudah Nabi wafat, bukannya bala. Walaupun saya tidak mendengar siapa yang berkata demikian tetapi orang yang berkata itu merujuk kepada sebuah hadis. Mereka memetik sebuah hadis yang bermaksud: "Ya Allah, janganlah Engkau binasakan umatku dengan bala akibat dosa orang ramai." Dan Allah memperkenankan doa Nabi itu. Dengan itu, mereka menyifatkan apa yang berlaku sekarang bukannya suatu bala.

Maka hujah saya, konteks itu berlainan. Yang Nabi minta itu adalah selepas turunnya ayat yang bermaksud: Kaum Ad itu Kami musnahkan kesemuanya sekali dengan angin yang cukup hebat selama tujuh hari tujuh malam yang menyebabkan kesemuanya hancur. Umat terdahulu apabila membuat dosa atau salah, Allah akan memusnahkan kesemuanya. Itu yang Nabi pinta agar tidak berlaku pada umat sekarang dengan doanya: "Janganlah Engkau binasakan kesemua umatku ...." Justeru, Allah tidak memusnahkan umat Muhammad sekarang seperti umat yang terdahulu, sebagaimana maksud firman Allah: Kami musnahkan semua sekali dan Kami gantikan dengan angkatan baru.

Cuba perhatikan hujah al-Quran dalam surah ad-Dukhaan, yang bermaksud "asap", yang mana Allah memberikan gambaran nyata bagaimana azab yang pedih akan ditimpakan, yang berupa asap tebal yang boleh membawa penyakit.

Nabi s.a.w. juga mengingatkan umatnya: "Kalau masyarakat Islam ini telah melakukan yang keji sehingga mereka melakukannya secara terang-terangan kepada orang ramai, Allah akan membala mereka dengan menghantar penyakit-

penyakit kepada mereka, yang penyakit-penyakit itu belum pernah ditemui orang sebelum ini." Dalam peringatannya yang lain baginda menyebut: "Kalau masyarakat Islam enggan membayar zakat, Kami akan menahan hujan dari langit (kemarau panjang)."

Apabila Allah menamatkan kemarau itu, Dia akan menurunkan hujan semula kerana kasihan pada tumbuhan dan haiwan. Ertinya bala sesudah kewafatan Nabi juga akan turun dengan banyaknya. Apabila bala turun, ia sememangnya bala, tidak perlu kita tukar dengan lain-lain istilah. Namun, seperti yang difahami tentang hadis tadi, apa yang tidak berlaku sekarang hanyalah kemusnahan ke atas semua umat. Kalau ia berlaku, menandakan telah tiba hari kiamat.

Saya hendak menyeru begini: kita tidak perlu bertengkar dalam perkara ini kerana ia sudah hakiki. Mengapa kita takut sangat untuk mengakui ia sebagai bala Tuhan sedangkan bala ini membawa pengertian positif. Ia menandakan Allah masih memberikan kita peluang untuk kembali kepada-Nya, seperti mana maksud firman-Nya: "Tidak Kami utuskan bala itu melainkan untuk kembali kepada Kami."

Oleh itu kita perlu mengambil iktibar daripada bala yang diturunkan ini sebagai suatu pengajaran. Kita namakan bala sebagai musibah atau azab kerana Allah masih kasihan kepada kita dan Dia tidak mahu kita ini terus tenggelam dalam kelalaian.

Kita pernah digemparkan dengan ura-ura Ustaz ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA); khabarnya berita itu disebarluaskan melalui internet. Ia dikaitkan dengan mimpi Ustaz tentang masa depan negara yang kacau-bilau. Selain dari menjelaskan duduk perkara yang sebenarnya, bolehkah Ustaz hanyakan tentang kedudukan mimpi dalam Islam?

Pertama, Islam tidak menolak mimpi sebagai satu fenomena kerana nabi-nabi seperti Nabi Yusuf, Yaakub, dan Nabi Muhammad juga bermimpi dan diceritakan kepada orang ramai. Kedua, mimpi mempunyai dua kategori iaitu pertama, mimpi yang bersabit dengan al-Quran, iaitu mimpi yang benar. Ia juga dipanggil *al-mubasyirat*. Yang kedua adalah mimpi yang tidak benar, iaitu hanya mainan tidur.

Kebanyakan mimpi yang berlaku tidak semua orang tahu tafsirannya dan kebanyakannya adalah mainan syaitan. Sabda Rasulullah s.a.w: "Tidak akan tinggal daripada kenabian ini melainkan *al-mubasyirat*." *Al-mubasyirat* ialah mimpi-mimpi yang benar dan yang lainnya adalah mimpi yang tidak baik.

Sabda Rasulullah s.a.w lagi: "Sesiapa yang melihat dalam mimpinya itu barang-barang yang mendukacita-kannya, menakutkan, mencemaskan, kalau terjaga hendaklah membaca ayat al-Quran dan ditiupkan di sebelah kirinya atau berludah dan beralih pindah ke sebelah kanan dan jangan diceritakan kepada sesiapa pun." Insya-Allah perkara-perkara yang buruk tidak akan berlaku.

Tetapi jika pada malam itu dia bermimpikan yang bagus-bagus, seperti bermimpi menjadi raja atau perdana menteri, berkahwin dengan anak raja, selepas terjaga, ucapkanlah alhamdulillah. Dan ceritakanlah kepada rakan yang rapat dengannya, semoga ia benar-benar berlaku. Soalnya, siapakah yang boleh mendapat mimpi yang benar?

Mimpi yang benar ini selalunya diberikan kepada para Nabi dan Rasul. Misalnya, Nabi Yusuf bermimpi sebelas biji bintang, bulan dan matahari datang kepadanya. Ternyata mimpinya itu diketahui kebenarannya. Akan tiba masanya Nabi Yusuf akan menjadi raja dan abang-abangnya yang dahulunya memusuhiya akan datang sujud, yakni hormat kepadanya. Mimpi yang benar ini juga diberikan kepada

pemerintah walaupun dia kafir, seperti apa yang berlaku kepada Firaun. Firaun bermimpi ada tujuh tangkai gandum yang segar dan tujuh tangkai gandum kering. Dia juga melihat ada tujuh ekor lembu gemuk dan tujuh ekor lembu kurus. Yang peliknya, yang kurus ini memakan yang gemuk. Selepas terjaga, Firaun pun bertanya kepada pentafsir mimpi. Maka dijawab mereka bahawa mimpi Firaun itu mengarut! Apabila mimpi itu diberitahu kepada Nabi Yusuf, maka Nabi Yusuf menjelaskan, bahawa di negeri itu akan berlaku tujuh tahun subur dan selepas itu akan berlaku tujuh tahun kering-kontang. Maka tanamlah tanaman dalam tujuh tahun ini, iaitu tujuh tangkai gandum yang subur, sedikitkan memakan makanan dan simpanlah makanan yang banyak.

Walaupun yang bermimpi itu bukan Islam, tetapi Allah masih memberinya mimpi yang benar. Sebab itu, berbalik semula persoalan tadi, kalau orang-orang soleh yang bermimpi sedemikian, mungkin ada alamat yang perlu diambil kira tetapi dengan syarat mimpi itu betul. Pernah para sahabat bertanya kepada Nabi, bilakah mimpi itu hampir kepada mimpi yang benar? Jawab Nabi, mimpi itu tidak terganggu oleh azan. Maksudnya kalau mimpi itu menjelang Subuh, kemudiannya azan sedang berbunyi, syaitan akan cuba melalaikan kita agar asyik dengan mimpi sehingga kita tidak sedar bunyi azan dan apabila terbangun matahari sudah naik. Jadi berjayalah rancangan syaitan itu.

Mimpi yang sebenar selalunya berlaku di tengah-tengah malam yang tiada terganggu oleh azan. Mimpi itu dirasakan benar-benar serius sehingga kita terus terjaga daripada mimpi itu, dan merasa seolah-olah ia benar-benar berlaku. Dan kita terus teringat ketika itu juga. Tidak seperti sesetengah keadaan, kita bermimpi di malam hari, tapi tengahari esok baru sedar yang kita bermimpi malam tadi. Itu hanya mainan tidur. Ada mimpi yang apabila terjaga menimbulkan

perasan seperti memenatkan, mencemaskan, dan mendebarkan.

Contohnya, mimpi seorang khalifah Islam dari Mongolia. Beliau bermimpi ketika berada di masjid Istanbul. Dalam mimpi itu dia didatangi oleh Rasulullah s.a.w. yang bersabda: "Kamu selamatkan aku daripada dua orang ini." Lalu khalifah tadi ditunjukkan rupa orang berkenaan. Dia pun terus terjaga pada tengah malam itu dengan tubuh yang gementar dan terus memanggil ulamak. Akhirnya mereka mengambil keputusan supaya khalifah mengambil tindakan yang segera pada malam itu juga. Didapati di makam baginda, memang ada orang yang cuba mengapa-apakan jasad Rasulullah s.a.w. yang mulia itu. Sebaik sahaja khalifah mengunjungi makam Rasulullah, didapati ada dua orang yang cuba merosakkannya. Lalu ditangkap dan dibunuh kedua-duanya pada masa itu juga.

Nabi Muhammad juga pernah bermimpi selepas menunaikan umrah pertama sebelum perjanjian Hudaibiyyah. Nabi bermimpi yang baginda dan sahabat-sahabatnya balik ke Makkah dalam keadaan kepala bercukur dan bergunting rambut. Ternyata mimpi baginda itu benar. Begitu juga baginda bermimpi yang kerajaan Rome akan kalah di tangan tentera Islam. Ternyata semuanya benar.

Berkenaan dengan laporan internet itu, sebenarnya saya tidak ada kait-mengait dengan mimpi itu. Cuma saya hendak menyebut, takut-takut kalau ada orang lain yang bermimpi hal tersebut. Dan dia mungkin berasa mimpinya cukup serius, tetapi hendak meletakkan namanya bahawa dia yang bermimpi, dibimbangi orang akan mentertawakannya, seterusnya tidak percaya mimpinya itu. Maka orang berkenaan pun meminjamkan nama saya untuk disandarkan kepada mimpinya.

Namun begitu, kita harus faham bahawa bukan semes-

tinya mimpi yang benar itu datang daripada ulamak — dan saya bukannya ulamak — kerana mimpi Firaun pun betul. Maknanya, mimpi orang biasa pun boleh jadi betul. Cuma orang yang bermimpi tadi, dan merasakan mimpinya itu serius, mungkin dia berasa kalau menggunakan nama Haron Din, orang akan lebih mempercayainya. Tetapi saya tidak pernah bermimpi demikian dan tidak pernah menghebah-kannya seperti yang didakwanya. Orang itu mendakwa bahawa saya telah berceramah tentang mimpi itu di suatu tempat dan dia hanya mendengar tapenya sahaja yang dikatakan ada menceritakan hak mimpi berkenaan. Sepanjang karier saya sebagai penceramah bebas, saya tidak pernah ber cerita tentang mimpi hal-hal seumpama itu kerana bagi orang sekarang mimpi dianggap benda yang tidak berat.

Akhirnya saya dapat mengagak daripada masyarakat, rupa-rupanya mereka boleh mempercayai mimpi orang yang semacam saya, maka ia pun dihebohkan. Tentang kononnya penggunaan ISA terhadap orang yang menyebarkan mimpi, saya agak terperanjat jika ia boleh dikaitkan. Saya telah cuba bertanya kepada pihak-pihak yang saya rasa boleh tanya, adakah hanya kerana kita bermimpi sesuatu perkara maka kita boleh diambil tindakan? Saya mendapat jawapan daripada pihak berkenaan, tidak pernah berlaku lagi dalam mana-mana dunia hari ini ada orang diambil tindakan ke atasnya hanya disebabkan mimpi. Tetapi kalau hendak dikaitkan ISA dengan perkara-perkara lain yang tidak kena mengena dengan mimpi atau isu-isu lain, itu ... *wallahualam*.

Saya berharap sangat kepada semua pihak yang berkenaan, termasuk kepada orang awam, kita jangan begitu mudah membuat kesimpulan yang sebesar ini, kerana bagi saya, ia tidak ada isu yang boleh dikaitkan, khususnya dengan ISA. Jika tindakan hendak diambil juga, ia mestilah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Kalau kesalahan

tidak ada, tentulah tidak wajar berbuat demikian.

Misalnya, adakah kerana semata-mata saya berludah di suatu kawasan yang dilarang berludah, maka saya dikenakan hukuman bunuh? Tetapi kalau saya melakukan kesalahan serius dari segi undang-undang negara, terutama dari segi Islam misalnya, saya bersedia menerima hukuman. Jika saya dikenakan juga tindakan undang-undang, walaupun saya tidak melakukan kesalahan, maka saya terpaksa mengadu kepada Allah.



Kerajaan PAS Kelantan mengambil beberapa langkah berkaitan pengasingan kaunter bayaran di pasaraya yang dipandang secara negatif oleh Kuala Lumpur

## **PENUTUP**

**A**akhirnya, penyiksaan yang tertanggung sekian lama terlepas sudah, sekurang-kurangnya buat masa ini, itu pun sebelum datangnya penyiksaan yang baru, mungkin dalam bentuk berbeza. Deringan telefon bertanyakan bila buku ini akan berada di pasaran semakin menjadi-jadi khususnya apabila iklan di *Harakah* dan *Tamadun* meletakkan tarikh 20 Februari 1998 sebagai hari pelancarannya. Isteri di rumah asyik mengeluh: "Itulah, buku belum siap dah pasang iklan awal-awal. Sedangkan ini buku sensitif, banyak yang mahu tahu isi kandungannya dan ramai pula yang tak mahu ia diterbitkan."

"Masalah dengan KDN?" tanya seorang pembaca dari Lumut. Tanpa sempat saya menjelaskan, dia terus berceloteh: "KDN ini pun satu. Kalau buku atau majalah yang baik, dika-

caunya, malah ada yang diharamkan. Sedangkan kita bukannya minta bantuan kerajaan walau satu sen pun. Mengapa pula majalah yang padat dengan gambar tidak senonoh dan cerita-cerita mengarut, dibiarkan bebas? Sepatutnya KDN berterima kasih dengan penerbit majalah-majalah dan buku agama, yang turut bersama membantu kerajaan mempromosikan kehidupan berakhhlak mulia. Apa pun Cik Lutfi jangan putus semangat, pedulikan gertakan KDN. Pegawai-pegawai di situ kadang kalanya melebihi menteri."

Kita merancang tetapi Allah menentukan. Menerbitkan buku politik, juga mengelolakan majalah berbau politik seperti *Tamadun* cukup merimaskan; pelbagai halangan dan rintangan, yang sebahagiannya remeh-temeh, muncul bertali arus. Apatah lagi dengan sikap tertutup pihak berkuasa yang sukar menerima kritikan dan teguran; pandangan alternatif dianggap suara pembangkang yang harus dimatikan bukannya mahu dikutip mutiara bermakna darinya. Begitu juga dengan apa yang berlaku kepada proses penerbitan buku ini. Jika *Mufti Lawan Mahathir?* dan *Anwar Terjerat?* mengalami kesukaran ketika mencetaknya, juga semasa memasarkannya, *Menyanggah Fatwa-Fatwa Mahathir* pula dihimpit lebih awal lagi, ketika menulisnya. Jika diikutkan hati, mahu dipendamkan saja bahan yang siap disusun, selepas melalui beberapa kali proses penyuntingan termasuk membuang terus bab-bab tertentu, yang apabila diminta teman-teman tertentu membacanya semula, mereka menyifatkannya sebagai "panas membara".

"Takkan Mahathir bagi pandangan kau begitu buruk sekali. Jangan hanya pandang aspek negatif semata-mata. Memang sebagai seorang individu Muslim kau berhak marah Mahathir tetapi sebagai penulis yang audiennya begitu ramai, kau harus lebih bertanggungjawab. Bukankah

Mahathir yang memulakan rancangan penerapan nilai-nilai Islam? Bukankah Mahathir mengasaskan beberapa projek Islam seperti Bank Islam, Universiti Islam dan banyak lagi? Bukankah Mahathir berani berdiri di pentas-pentas antarabangsa membela kepentingan negara miskin dan menyelar kuasa-kuasa besar? Mahathir juga yang memberikan tempat cukup selesa untuk Anwar, orang yang diharap dapat mengukuhkan lagi Islam dalam pentadbiran negara. Lutfi, kau harus lebih rasional, lebih terbuka, jangan sudutkan perbincangan hanya berdasarkan ucapan perasmian Mahathir di perhimpunan Umno 1997 saja," tegur seorang teman, yang saya anggap cukup berterus-terang.

"Tok Guru Nik Aziz pun berikan sokongannya kepada Mahathir," kata seorang guru yang kini mengajar di Kelantan. "Bukan Tok Guru tak tahu ucapan Mahathir yang menghina Islam itu, bukan Tok Guru tak tahu peranan Mahathir di sebalik pemecatan Mufti Selangor. Tapi Tok Guru memandang ke hadapan dan melihat masalah di sekitarnya secara lebih rasional. Tok Guru ada Kelantan yang perlu dipertahankan, perlu ditadbir sebagai sebuah negeri misali, yang mana Islam menjadi paksinya. Harus diingat, Mahathir mudah kalah dengan adab sopan. Mahathir malu alah dengan sikap kita yang menghormati dan memberikan sokongan kepadanya, khususnya ketika dia berdepan dengan kemelut yang cukup kritikal. Mahathir juga boleh digolongkan di kalangan individu yang tidak lupa jasa mereka yang pernah membantunya. Tapi kalau kita mengambil sikap konfrontasi dengan Mahathir, dia akan lebih berkeras dan cukup berpengalaman untuk mengalahkan kita. Banyak jalan untuk menyanggah idea Mahathir, tapi bukan secara mengecamnya di depan publik. Egonya hanya dapat ditundukkan jika kita berlembut dengannya. Berlembut bukan bererti mengalah atau tunduk

akur kepadanya."

Agak ramai juga yang bertanyakan, mengapa saya letakkan gambar Tuan Guru Nik Aziz menghiasi kulit depan buku ini walhal Menteri Besar Kelantan itu dilihat mesra dengan PM. Acap kali juga Nik Aziz dilaporkan memuji kehebatan Mahathir. Dan sememangnya bukan hasrat saya untuk melaga-lagakan mereka, kerana tiada manfaat darinya. Tetapi saya melihat hal ini dari perspektif berbeza. Sokongan Tok Guru kepada Mahathir adalah sokongan bersyarat, khususnya ketika PM berdepan dengan kritikan media dan pihak luar yang mendesaknya agar meletakkan jawatan. Bagi Tok Guru ini adalah isu dalam negeri, jadi biarlah rakyat tempatan yang menentukan siapa pemimpin mereka.

Sokongan itu bukan mutlak dan sama sekali tidak boleh diertikan sebagai pengesahan Mursyidul Am PAS itu kepada setiap tindakan Mahathir selama ini. Tok Guru juga adalah pemimpin sebuah negeri, yang mana jika hubungannya dengan Kerajaan Pusat tidak lancar, ia boleh menganggu kelincinan pentadbiran kerajaan negeri. Tetapi tidak pula bermakna PAS harus menggugurkan asas dan dasar perjuangannya hanya kerana mahu mengambil hati PM. Ia hanya soal pendekatan bekerja dan kebijaksanaan diplomasi. Hubungan antara Perdana Menteri Malaysia dengan Menteri Besar Kelantan sudah pasti berbeza dengan hubungan antara Presiden Umno yang juga Pengurus Barisan Nasional dengan Mursyidul Am PAS. Sayugia diingatkan, Mahathir adalah Ketua Perhubungan Umno Kelantan, manakala Nik Aziz merupakan Pesuruhjaya PAS Kelantan. Memimpin sebuah kerajaan yang dikuasai pembangkang memerlukan kepakaran dan kemahiran tertentu khususnya bagi menyelia setiap sensitiviti berbangkit dan kerumitan yang timbul darinya.

"Sokongan Nik Aziz kepada PM, yang dibuat berkali-

kali, dan tindakannya hadir di majlis-majlis tertentu bersama PM, yang juga boleh melambangkan sokongannya kepada Mahathir, mengelirukan ahli-ahli PAS. Kalau setakat sekali mungkin kita boleh faham ... cukuplah, tetapi mengapa harus diulang-ulang sokongan itu," seorang bekas pensyarah meluahkan rasa tidak puas hatinya. "Kadang-kadang Nik Aziz seperti mendahului Presiden PAS, Ustaz Fadzil. Seolah-olah PAS Kelantan ada autonomi tersendiri berbanding PAS Pusat," tambahnya.

Pada hemat saya, walaupun Tok Guru Nik Aziz menyatakan sokongannya kepada PM dalam isu tertentu, namun dalam banyak tindakannya, Nik Aziz bercanggah dengan Mahathir. Bukanakah asas dan perspektif pemikiran mereka ibarat langit dengan bumi? Tetapi, seperti kata beberapa orang teman, mengapa harus diperbesarkan perbezaan jika boleh dijalin permuafakatan dalam aspek-aspek yang membawa kebaikan rakyat seluruhnya? Justeru itu, saya meletakkan gambar Nik Aziz seganding dengan tokoh-tokoh ulamak lain, malahan percanggahan antara mereka lebih ketara. Cuma yang membezakannya ialah bagaimana percanggahan itu dizahirkan Nik Aziz, khususnya selepas beliau dipilih sebagai MB Kelantan. Apatah lagi penekanan negatif penuh prejedis yang dibuat Mahathir berkisar kepada isu wanita, aurat dan seumpamanya. Pengalaman di Kelantan, dengan beberapa garis panduan tertentu terhadap masalah aurat dan hubungan lelaki-wanita sentiasa dilihat oleh Kuala Lumpur sebagai isu kontroversi.

"Bagi Mahathir, peraturan seperti mengasingkan kaunter pembayaran lelaki perempuan di pasaraya, memasang lampu di panggung wayang dan juga tidak membenarkan wanita bekerja syif malam di kilang-kilang seperti yang diperkenalkan Nik Aziz, adalah hal remeh-temeh dan boleh

nembantut kemajuan umat Islam di samping terus memberikan imej buruk kepada Islam itu sendiri," demikian pandangan penyokong kuat Anwar yang seperti tidak sabar-sabar menunggu kejatuhan Mahathir.

Apabila saya bertanyakan Pengarang *Harakah*, Zulkifli Sulong yang sememangnya rapat dengan Tok Guru Nik Aziz tentang perbezaan ketara tanggapan terhadap isu semasa, antara Nik Aziz dan Mahathir, Zul merujuk kepada kenyataan MB Kelantan itu mengenai masalah murtad. Bagi Tok Guru, Umno dan BN tidak akan peduli walaupun hampir semua orang Melayu murtad selagi mereka yang murtad itu tetap akan mengundi dan menyokong kerajaan yang sedia ada. "Anehnya, kalau sesorang menteri bertukar parti, mengapa kerajaan bertindak terhadapnya, tetapi kalau rakyat bertukar agama mengapa pula tidak ada tindakan tegas," kata Nik Aziz ketika mengadakan pertemuan dengan kakitangan *Harakah*, akhir Februari 1998.

Sesungguhnya banyak lagi pemikiran Mahathir tentang Islam yang belum terungkap. Harap tunggu buku berikutnya, insya-Allah.

